

**PARLIMEN KESEBELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 11**

*Khamis*

**7 April 2005**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL-USUL:**

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka  
Baginda Yang di-Pertuan Agong (Halaman 24)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 25)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 225)

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Khamis, 7 April 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan Politeknik yang ada bagi menampung pelajar-pelajar yang layak khususnya dari luar bandar, yang tidak dapat melanjutkan pelajar ke IPTA kerana tempat yang terhad dan ketidakmampuan untuk melanjutkan pelajaran ke IPTS.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rembau. Sehingga kini kementerian telah mempunyai 20 buah politeknik yang telah pun menawarkan 24 bidang kursus di peringkat sijil, 27 bidang kursus di peringkat diploma bagi lepasan pelajar SPM dan setaraf dengannya. Bagi lepasan pelajar peringkat sijil politeknik boleh mengikut program diploma integrasi di Politeknik yang mana 26 kursus telah ditawarkan manakala bagi pelajar lepasan sijil di kolej komuniti pula kementerian telah menawarkan 12 kursus program *bridging* dengan izin, bagi membolehkan mereka menyambung pelajaran di peringkat diploma di politeknik. Jumlah keseluruhan pelajar di 20 buah politeknik pada masa ini ialah 58,925 orang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengemukakan cadangan pembangunan tujuh buah politeknik dalam RMK-9 kepada Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Dari jumlah tersebut empat buah politeknik dirancang dalam projek sambungan dan tiga buah politeknik akan dibina di bawah projek baru. Terima kasih.

**Dato' Firdaus bin Harun:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebenarnya sambutan terhadap politeknik sangatlah baik kerana yurannya sangat murah iaitu RM260.00 bagi satu semester iaitu sepuluh kali ganda lebih murah daripada IPTS dan selain daripada itu saya difahamkan graduan daripada politeknik mudah dapat kerja separa profesional dan juga menyambung di peringkat ijazah dalam dan luar negara. Soalan tambahan, berapakah jumlah permohonan diterima setakat ini dan berapa pula pengambilan bagi tahun ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya apa yang sebutkan oleh Yang Berhormat itu memang betul kerana yurannya memang murah dan yang kedua sambutan daripada pelajar-pelajar untuk memohon masuk ke politeknik memanglah begitu menggalakkan dan setakat ini Kementerian Pengajian Tinggi masih lagi membuka permohonan untuk sesi kemasukan Julai 2005 dan pada 9 April ini baru tutup dan setakat ini lebih daripada 100 ribu orang pelajar telah pun memohon untuk masuk ke politeknik untuk sesi pengambilan Julai 2005 dan untuk kemasukan sesi Julai 2005 ini kita mengambil 18 ribu orang pelajar.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, soalan tambahan saya, baru-baru ini menteri ada menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang akan memasuki kursus perubatan akan diadakan temu duga atau pun di temu bual. Jadi, saya ingin bertanya bilakah ini akan dilaksanakan dan apakah rasional temu duga atau temu bual ini untuk diadakan.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Gombak. Sebenarnya soalan ini tidak ada kaitan dengan politeknik tetapi saya ingin menjawab soalan ini dengan memberikan maklumat bahawa *MSAT* atau *medical student admission test* ini merupakan satu kaedah yang diberitahu oleh Yang Berhormat ianya merupakan satu kaedah untuk mengenal pasti *attitude* atau kecenderungan pelajar-pelajar terhadap kursus perubatan, sehingga ini walau pun kenyataan menteri menyatakan ada proses ataupun corak kemasukan ke fakulti perubatan melalui *MSAT* ianya akan dilakukan pada tahu yang akan datang.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa ketika ini banyak kementerian yang mengadakan kursus-kursus latihan vokasional ini taraf politeknik di 'kementerian *Labour*', di Kementerian Pembangunan

Usahawan umpamanya, di Kementerian Pertanian umpamanya. Saya ingin tahu apakah tidak ada rancangan kerajaan untuk menyela ragamkan *coordinate* kan kursus-kursus di bawah taraf politeknik ini supaya ianya dapat dipantau dan lebih fokus kepada keperluan semasa negara.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat Beluaran. Sebenarnya kursus yang ditawarkan di peringkat vokasional dan teknik ini merupakan kursus-kursus yang dibuat di peringkat diploma dan sijil. Sehingga kini Kementerian Pengajian Tinggi menawarkan kursus-kursus di peringkat diploma melalui politeknik dan kolej komuniti peringkat sijil. Saya faham memang ada ILP ataupun Institut Latihan Perindustrian yang dikemukakan oleh Kementerian Sumber Manusia dan juga IKBN oleh Kementerian Belia dan Sukan. Sebenarnya kursus-kursus ini merupakan kursus yang ditawarkan untuk lepasan SPM dan juga setaraf dengannya untuk memastikan bahawa bidang-bidang keluaran diploma ini cukup untuk memenuhi pasaran separa profesional dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan *hospitality*, sebab itulah Kementerian Pengajian Tinggi mengambil inisiatif juga dalam hal ini menawarkan bidang kejuruteraan, perdagangan dan *hospitality* ..... untuk menambahkan jumlah pelajar-pelajar ke pasaran separa profesional.

2. **Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]** minta Perdana Menteri menyatakan Malaysia adalah di antara negara yang terbaik di dunia untuk didiami berdasarkan kualiti hidup pekerjaan dan keselamatan. Sejauh manakah pandangan ini benar.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia di antara negara yang terbaik untuk didiami di dunia dan bagi kita rakyat Malaysia inilah negara kita dan kita sangat menikmati banyak kemudahan dalam negara kita dan oleh itulah maka negara Malaysia menjadi idaman bagi ramai warganegara asing. Banyak ukuran yang boleh digunakan bagi menggambarkan betapa baik kehidupan kualiti hidup di negara kita Malaysia selain daripada pendapatan. Banyak lagi ukuran lain bagi menggambarkan kualiti hidup termasuklah kesihatan, pendidikan dan lain-lain.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat pihak Unit Perancang Ekonomi telah bermula pada tahun 1999 mengukur secara statistik indeks hidup di Malaysia dan berdasarkan kepada indeks ini kita dapati bahawa kebanyakan daripada angkubah yang

digunakan menunjukkan peningkatan, peningkatannya ialah kira-kira 9.8% secara purata berbanding tahun 2002 berbanding tahun 1990. Kita menggunakan 11 komponen dan dalam komponen ini terdapat 42 petunjuk di antara komponen utama termasuklah pendapatan dan agihan, persekitaran kerja, pengangkutan komunikasi kesihatan pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial keselamatan awam, kebudayaan dan hiburan dan semua ini menunjukkan peningkatan dalam kualiti hidup dalam negara kita.

Dari segi pendapatan pula kita sedia maklum kita telah mengalami peningkatan dan pendapatan umpamanya pendapatan per kapital rakyat Malaysia telah meningkat daripada RM6,300 tahun 1990 kepada kira-kira RM16,500 pada tahun 2004. Peningkatan yang agak ketara, ini ukuran yang kita gunakan bagi negara kita.

Kalau kita bandingkan negara Malaysia dengan negara-negara lain pula ia menunjukkan Malaysia juga sebuah negara yang begitu baik taraf hidupnya umpamanya Bangsa-bangsa Bersatu telah menetapkan *millennium development gold* di mana sasaran penting telah ditetapkan dan termasuklah membasmi kemiskinan, mencapai pendidikan rendah universal, kesaksamaan *gender*, *mortality* kanak-kanak, kesihatan, mencegah HIV AIDS, memastikan alam sekitar nampan, mewujudkan pengurusan global untuk pembangunan dan sasarannya tahun 2015 dan kita dapati bahawa pada hari ini Malaysia telah mencapai tujuh daripada lapan sasaran iaitu lebih awal daripada yang ditetapkan tahun 2015, ini perbandingan antarabangsa.

Beberapa kajian telah juga dibuat oleh pihak lain umpamanya *Economist Intelligent Unit* telah melihat kepada *quality of live* 111 negara di dunia dan Malaysia ditempatkan pada kedudukan 36 dan dirantau ini yang mendahului kita cuma Singapaura, Jepun dan Korea. Ini kajian dibuat oleh *Economist Intelligent Unit*, satu lagi kajian berkaitan dengan *cost of living* atau pun kos sara hidup di Malaysia ini oleh juga oleh *Economist Intelligent Unit*, daripada 133 ibu negara di dunia Kuala Lumpur menduduki tempat 106 iaitu antara bandar raya yang paling murah untuk di diami di dunia. Ini perbandingan yang dibuat peringkat antarabangsa.

Kalau kita lihat pula kadar-kadar hotel di negara kita umpamanya, mengikut satu kajian hotel di Malaysia ini adalah murah antara paling murah di dunia daripada kira-kira 200 buah negara, kita menduduki tempat 141 iaitu antara paling murah di dunia.

Jadi, Malaysia ini merupakan tempat yang mana kualiti hidupnya baik pendapatan yang tinggi, taraf kesihatannya begitu baik sekali menjadi idaman ramai warga asing bukan sahaja dari segi pendapatan tetapi juga dari segi persekitaran kerja, keselamatan dan lain-lain, kita berpuas hati tetapi kita akan tingkatkan lagi usaha ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk memastikan mutu hidup dan negara kita akan meningkat dari masa ke semasa.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga pemimpin-pemimpin Barisan Nasional daripada dulu dan sampai sekarang kerana telah menjadi negara kita sebagai negara yang terbaik di dunia.

Soalan tambahan saya ialah, apakah cabaran ataupun masalah-masalah yang terpaksa kita lalui untuk terus kita mempertahankan keadaan yang ada sekarang ataupun keadaan yang lebih baik daripada sekarang sesuai dengan slogan kita 'cemerlang, gemilang dan terbilang'.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Cabaran ini banyak tetapi berdasarkan pengalaman kita, kita mampu untuk mengatasi segala-galanya. Dengan kestabilan politik dengan kekuatan Kerajaan Barisan Nasional dan perpaduan kaum, kita yakin bahawa kita akan dapat menangani sebarang cabaran.

Cabaran ini yang pertama di peringkat global kita menghadapi persekitaran yang lebih *comparative* di rantau ini, negara China, negara India dan beberapa buah negara merupakan persaingan kepada kita dalam beberapa bidang termasuklah di rantau ini seperti Singapura dan Thailand juga merupakan saingan. Itu di peringkat global.

Di peringkat geopolitiknya kita ada beberapa cabaran, tetapi dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita, kita yakin bahawa kita akan dapat mengatasi segala cabaran ini. Kita telah mengatasinya semenjak kita mencapai kemerdekaan dan tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh berjaya di masa akan datang.

Di peringkat dalam negeri pula, tadi di peringkat global, sekarang di peringkat dalam negeri pula, cabarannya ialah untuk mewujudkan persefahaman, perpaduan dan kerjasama yang erat antara kaum, mewujudkan sebuah negara yang aman dan stabil

dan begitu juga rekod kita dalam aspek ini adalah cemerlang, gemilang dan insya-Allah terbilang.

**3. Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan kenapa terdapat pelbagai jenis lampu isyarat di jalan raya kini dan adakah ini merupakan usaha kajian kementerian untuk memperkenalkan sejenis lampu isyarat bagi seluruh negara.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pelbagai jenis lampu isyarat berada di jalan raya pada masa kini:

- (i) terdapat pelbagai pihak yang terlibat di dalam pemasangan lampu isyarat ini selain daripada Jabatan Kerja Raya iaitu pihak Majlis Tempatan dan pihak swasta seperti di pelabuhan dan lain-lain kompleks besar;
- (ii) terdapat perkembangan teknologi terkini seperti penggunaan lampu dari *light emitted diode*;
- (iii) terdapat faktor piawaian yang diguna pakai adalah berbeza seperti Australian Standard, American Standard dan European Standard dengan izin; dan
- (iv) terdapat kemasukan produk-produk baru dari negara China dan juga dari Korea yang mempunyai piawaiannya yang tersendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemasangan lampu isyarat yang berbagai-bagai ini bukanlah satu usaha kajian kementerian untuk memperkenalkan sejenis lampu isyarat bagi seluruh negara. Walau bagaimanapun, suatu jawatankuasa telah dibentuk dan kajian sedang dijalankan untuk menyemak piawaian dan buku panduan yang boleh diguna pakai dalam pemasangan lampu isyarat. Di antara tanggungjawab jawatankuasa ini adalah untuk menyeragamkan pemasangan serta memenuhi piawai yang diguna pakai oleh semua pihak.

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Lampu isyarat ini diperkenalkan di Kota London pada tahun 1868 menggunakan hanya warna merah untuk berhenti dan hijau untuk berhati-

hati. Itu latar belakang sejarah, mungkin ramai sudah tahu. Warna kuning tidak ada pada masa itu. Seinggalah tahun 1920-an diperkenalkan dengan sistem yang mungkin sama dengan yang kita gunakan hari ini selepas mengakibatkan kemalangan kepada polis yang menggantikan lampu itu. Lampu itu ialah lampu gas.

Apa pun lampu isyarat ini digunakan untuk keselamatan dan memudahkan lalu lintas. Hari ini bila terlalu banyak lampu isyarat, dia menimbulkan sedikit kekeliruan. Ingin saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri atau ingin saya tanyakan soalan tambahan saya yang mungkin boleh dimasukkan dalam jawatankuasa ini dua perkara.

Yang pertama, kenapa ada sesetengah lampu isyarat yang digunakan secara automatik tidak mengambil kira waktu puncak semasa menukar warnanya. Tujuan untuk mengurangkan kesesakan ini telah mengakibatkan lebih teruk kesesakannya.

Yang kedua, ada lampu isyarat yang diletakkan di *zebra crossing*. Kita pemandu atau pengguna pejalan kaki menjadi keliru sama ada ingin mengikut lampu isyarat yang diletakkan di *zebra crossing* ataupun menggunakan *zebra crossing*, yang kita faham kereta akan berhenti untuk pejalan kaki melintas. Ini adalah di antara jenis-jenis lampu isyarat yang telah menyebabkan masalah dan menyebabkan punca mengurangkan keselamatan dan kesesakan ini tidak tercapai. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan itu. Cadangan itu boleh diambil kira oleh kementerian dan boleh dipertimbangkan.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya adalah, kita adakan lampu isyarat ini untuk mengurangkan kemalangan jalan raya tetapi kita dapati sekarang ini semakin bertambah kemalangan bahkan ada di kawasan-kawasan yang sebenarnya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Muar tadi, semakin banyak lampu isyarat, ia semakin menyusahkan pengguna.

Contohnya macam tengah malam misalnya, ada lampu isyarat yang kadang-kadang merah tetapi tidak ada kereta pun. Apakah ini rasionalnya kita menetapkan ataupun mengenakan lampu-lampu isyarat di tempat-tempat tersebut. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, lampu isyarat itu untuk memberi pandangan kepada pengguna-pengguna jalan raya atau jalan-jalan yang sedia



ada. Jikalau manusia tidak suka mengikuti lampu isyarat, teruskan perjalanan mereka, masa itulah mereka menghadapi masalah. Macam manakah? Lampu isyarat tidak ada mulut untuk marah dia. Lampu isyarat tidak ada tangan untuk memberhentikan dia. Lampu isyarat teruskan dengan memberi signal kepada orang.

Jikalau pemandu-pemandu tidak mengikuti signal lampu isyarat, saya percaya itu bukanlah salah lampu isyarat. Untuk memberi amaran kepada pengguna-pengguna lampu isyarat itu sekarang kita ada juga satu percubaan. Kita menunjukkan kepada mereka bila dia sampai di lampu isyarat, mereka boleh juga ..... pengiraan ada ..... ada 95 saat ..... 58 saat, 57 saat. Bila saat belum sampai pun dia mahu lari.

Lagi satu kebudayaan baru, kebudayaan baru ini tidak ada penunggang motosikal yang menunggang motosikal menghormati lampu isyarat. Yang Berhormat, bila kita berhenti di hadapan lampu isyarat boleh kita melihat apakah kebudayaan penunggang motosikal itu.

Mereka buat macam itu kena langgar sahaja. Saya percaya kita kena buat satu pengajaran baru, macam manakah mereka menggunakan kebudayaan ini iaitu penggunaan lampu isyarat dengan baik.

**4. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapa jumlah keluarga termiskin dan yang tidak mempunyai rumah sendiri di Pulau Langkawi.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli Parlimen Tumpat, berdasarkan maklumat kementerian ini, angka terbaru keluarga miskin tegar Langkawi berjumlah 22 keluarga dan didapati semuanya mempunyai rumah sendiri.

Kejayaan ini dicapai hasil dari program KKLW melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat atau SPKR. Untuk makluman Yang Berhormat, ada dua bentuk pertolongan yang dihulurkan:

- (i) rumah bina baru; dan
- (ii) bantu baik pulih rumah.

Manakala berdasarkan rekod yang ada semenjak tahun 2002, sehingga 2004, sebanyak 37 unit rumah bina baru telah didirikan untuk keluarga miskin tegar dengan kos belanja sebanyak RM408,300. Manakala sebanyak 20 unit rumah keluarga miskin tegar telah juga diberi bantuan untuk baik pulih rumah dengan kos keseluruhan sebanyak RM98,661 bagi tempoh masa yang sama.

Sebagai komitmen kerajaan yang berterusan, membela golongan keluarga miskin tegar pada tahun 2005 ini seramai sembilan keluarga daripada 22 keluarga miskin tegar yang berada di Pulau Langkawi akan diberi bantuan membina rumah baru bagi menggantikan rumah-rumah mereka yang uzur. Insya-Allah, sekian, terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana sudi untuk hadir menjawab soalan saya dan menunjukkan komitmen, saya harap daripada pihak Yang Berhormat Menteri untuk membasmi kemiskinan di serata negara. Tentang kemiskinan di Langkawi, saya sebenarnya menyangkakan bahawa Malaysia sebagaimana Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebutkan tadi mempunyai kualiti hidup di antara yang terbaik di dunia. Tetapi beberapa bulan yang lalu, ada laporan kebakaran di Pulau Langkawi yang melibatkan suatu kawasan nelayan yang bernama Bukit Malut, yang mana disebutkan di Bukit Malut itu terdapat 700 buah rumah yang wujud semenjak tahun 70-an lagi dan tanah itu adalah tanah kerajaan, rizab laut dan sebagainya. Ini juga diikuti dengan laporan bahawa kerajaan negeri mengakui mereka tidak ada rumah iaitu yang di sekitar 130 keluarga yang menjadi mangsa di sana, sejumlah 700 buah rumah itu.

Angka-angka ini menunjukkan bahawa orang-orang yang tidak ada rumah kediaman adalah besar di Langkawi dan mungkin di negeri-negeri lain. Soalan saya adakah kementerian mempunyai statistik yang lengkap, dan apakah dasar kerajaan untuk menyelesaikan masalah tidak ada rumah ini di seluruh negara di kalangan luar bandar terutamanya, apakah matlamat akhir kementerian. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Terima kasih banyak Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita pergi ke seluruh dunia, kalau kita ini negara yang terbaik. Di Amerika juga ada orang duduk dalam kotak. Di United Kingdom ada pengemis kalau ini takrif kemiskinan. Tetapi sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita berusaha

sebaik mungkin apakah cara-cara supaya masalah ini dapat diatasi. Itu yang kita harus lihat dan kaji.

Pada pendapat Yang Berhormat, di Langkawi ada 700 buah rumah. Pertama sekali di Langkawi, orang Kampuchea, orang Siam, orang Myanmar dan orang Melayu hampir sama sahaja muka dia. Kita tidak pasti sama ada mereka ini rakyat kita ataupun rakyat datang menumpang. Namun demikian perhatian kepada mereka ini tetap diberikan, insya-Allah. Terima kasih.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. *[Disampuk]* Tidak mengapalah, Kedah juga tolong bantu.

Dalam statistik yang ada pada saya terdapat 2,646 ketua isi rumah yang masih miskin di negeri Kedah. KEDA diwujudkan untuk membasmi kemiskinan di Kedah. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, RM23 juta daripada peruntukan untuk membasmi kemiskinan, cuma RM5 juta sahaja diperuntukkan untuk membina rumah sebagaimana Yang Berhormat Menteri katakan tadi.

Untuk memastikan 2,646 ketua isi rumah yang masih miskin yang saya kira rumahnya cukup daif, adakah kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan khususnya bagi memperbaiki rumah-rumah rakyat termiskin di Kedah yang terdapat 2,600 itu, dan apakah *target* kementerian supaya rumah-rumah yang masih daif perlu dibereskan sebelum 2006 atau sebagainya.

Saya juga rasa ..... kita tidak tahulah macam mana Yang Berhormat Tumpat boleh tahu bab Langkawi sedangkan Yang Berhormat Langkawi lebih faham. Ini soal betullah macam Yang Berhormat Menteri kata macam orang Rohingya dan orang Kampuchea yang duduk di tanah kerajaan di Langkawi. Maksud saya Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan daripada RM5 juta *repair* rumah di Kedah supaya kemiskinan tegar yang wujud di Kedah dapat dibasmikan. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, ini lari sedikit daripada soalan asal. Namun demikian, kerajaan tetap bersimpati dan akan terus menjalankan tugasnya. Kalau Yang Berhormat mengatakan RM5 juta, ini baru peringkat

permohonan, belum diluluskan lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Mungkin juga bukan RM5 juta, mungkin RM10 juta, mungkin RM15 juta kerana kementerian masih menunggu apakah saranan-saranan yang boleh Ahli-ahli Parlimen luar bandar beri untuk membantu kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang telah menjawab soalan tersebut dan juga terima kasih kepada Tumpat yang telah menyuarakan, tetapi bukan di kawasan Tumpat, yang dia pun tidak tahu juga. Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat kumpulan tersebut merekalah daripada golongan orang Islam Kedah yang kita ambil pada tahun 1981 - 1983 kerana lari daripada Burma dan mereka ditempatkan di 'Kebalun'. Kerajaan telah membina macam-macam kemudahan, terima kasih kepada menteri berkenaan dan telah bina untuk masalah mereka yang tinggal di pelabuhan dan sebagainya. Soalan saya, adakah kerajaan akan terus membina rumah-rumah yang telah dilakukan oleh SPN dengan bantuan kerajaan negeri, adakah program ini diteruskan di Langkawi dan seterusnya di merata tempat di seluruh Kedah/ Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah kerajaan yang bekerjasama, tanggungjawab kita untuk membina dan membantu orang miskin ini bukan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sahaja, bahkan ada kementerian-kementerian tertentu yang melibatkan diri. Oleh sebab itu, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak akan meraih kredit atas usaha-usaha ini. Sebaliknya ini adalah bukti kerjasama kita sebagai satu kerajaan. Insya-Allah, usaha untuk membaik pulih dan membina rumah-rumah baru keluarga miskin tegar akan diteruskan, insya-Allah. Terima kasih.

5. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** menyatakan berbanding dengan tiga tahun yang lepas, adakah bilangan penagih-penagih dadah yang direkodkan semakin bertambah atau berkurangan. Adakah aktiviti ini dan kegiatan pengedarannya semakin bertambah ataupun ada penurunan.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, kedudukan bilangan penagih dadah yang dikesan dalam tempoh tiga tahun lepas iaitu daripada tahun 2002 hingga 2004 menunjukkan berlaku peningkatan pada setiap tahun. Kumpulan penagih yang dikesan pada tahun 2003 ialah

seramai 31,893 orang, ianya meningkat kepada 36,996 orang pada tahun 2003 iaitu bertambah seramai 5,103 orang ataupun 16%.

Pada tahun 2004 pula jumlah penagih yang dikesan ialah seramai 38,672 orang, meningkat seramai 1,676 orang ataupun 4.53% berbanding tahun 2003. Jika dibandingkan perbezaan antara tahun 2002 hingga 2004 peningkatan ialah seramai 6,779 orang atau 21.3%.

Mengenai pengedaran pula didapati bahawa jumlah rampasan dadah pada tahun 2004 berbanding dengan 2003 secara umumnya terdapat peningkatan dalam beberapa jenis dadah seperti heroine, syabu, pil psychotropic dan Erimin-5. Manakala jenis tradisional seperti ganja telah pun menunjukkan pengurangan. Namun begitu, masih terdapat permintaan ke atas dadah di pasaran dan pihak penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia masih meneruskan operasi untuk memberkas pengedar-pengedar dadah tersebut.

Mengikut rekod tangkapan di bawah Undang-undang Dadah yang dilakukan oleh dua agensi penguat kuasa tersebut didapati bahawa jumlah tangkapan pengedar dadah adalah menurun. Terima kasih.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dari jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kita mendapati bahawa peningkatan yang begitu ketara sekali bagi bilangan penagih dadah sesuai dengan jumlah tangkapan yang dilakukan oleh pihak berkuasa terhadap pengedar-pengedar dadah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya adalah apakah cara tangkapan yang dibuat bagi pengedar-pengedar dadah ini, adakah ia berdasarkan kepada tindakan proaktif pihak-pihak berkuasa ataupun berdasarkan kepada laporan orang ramai? Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Daripada laporan yang kita terima tangkapan dibuat betul daripada risikan ataupun maklumat daripada orang ramai dan juga daripada proaktif yang pihak penguat kuasa buat sendiri. Hasil daripada maklumat dan juga proaktif yang dibuat kita dapati sehingga 2002 di bawah seksyen 39B yang kita tahu iaitu hukuman mandatori gantung sampai mati jika sabitkan kesalahan. Pada tahun 2002 seramai 2,197 orang telah ditangkap. Pada tahun 2003 seramai 1,699 orang telah ditangkap.

Di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang ditangkap tanpa bicara kerana disyaki sebagai pengedar dadah. Pada tahun 2002 bilangannya ialah 2,055 orang dan pada tahun 2003 ialah seramai 2,110 orang. Terima kasih.

**Dato' Goh Siow Huat [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan banyak terima kasih kerana pihak polis sentiasa menjalankan operasi antidadah atau membanteras kegiatan dadah. Satu bulan yang lalu satu operasi anti dadah telah dijalankan oleh pihak polis di Nilai di pusat-pusat karaoke. Dalam operasi ini seorang inspektor selaku ketua Balai Polis Nilai dan dua orang anggota polis telah ditahan dan ujian air kencing mereka telah didapati adalah positif. Soalan saya adakah kerajaan kaji kenapa kejadian sebegini boleh berlaku, apa sebabnya?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Mungkin Yang Berhormat maksudkan apa sebabnya polis terlibat. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak nafikan bahawa anggota polis ini ramai dan sudah tentu ada segelintir kecil yang mungkin terlibat di dalam dadah seperti yang saya telah nyatakan semalam tak sampai pun 1% bilangan polis yang terlibat dalam kes-kes jenayah. Tetapi kita harus mengucapkan tahniah kepada polis kerana polis sanggup tangkap polis. Ini menunjukkan bahawa di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang juga menjadi Menteri Keselamatan Dalam Negeri, kita tidak akan beri peluang dan tidak ada ruang kepada sesiapa pun termasuk polis jika mereka terlibat dalam dadah atau apa-apa juga jenayah, polis sendiri akan turun untuk menangkapnya.

Kita sedia maklum bahawa polis yang menangkap ataupun yang turun membuat operasi di Nilai bukannya polis daripada Negeri Sembilan tetapi ialah satu skuad khas yang telah dibentuk daripada Bukit Aman dan kita turun ke bawah setelah kita mendapat laporan dan polis daripada Bukit Aman turun sendiri untuk mengatasi masalah daripada jenayah yang kita dapat terima. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Alhamdulillah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalannya paling mudah tetapi puncanya itu dan jawapannya mungkin besar dan panjang. Kenapakah bilangan penagih dadah ini meningkat, berikan saya sebab musabab. Kita dok bercakap pasal

nak sekat itu nak sekat ini tetapi pasal apa makin sehari makin banyak. Adakah pasal kecewa, adakah pasal... macam-macamlah. Jadi, bolehkah Yang Berhormat terangkan dalam Dewan ini supaya masyarakat faham sebab-musabab orang menagih dadah ini. Soalan yang lama tetapi boleh kita perbaharui.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Pada umumnya ada empat sebab. Yang pertama ialah sikap anggota masyarakat kerana anggota masyarakat yang mana keluarga dia tidak terlibat dia tidak ambil tahu sebab ini bukan masalah dia, ini masalah keluarga yang lain. Jika ada keluarga yang terlibat sendiri pun mereka akhirnya tidak mahu menerima keluarga mereka ini ke pangkuan keluarga mereka kerana sudah terlibat di dalam dadah. Dan bila anggota dadah, budak penagih dadah ini hendak masuk dalam masyarakat, masyarakat pula menolak dan memandang rendah kepada penagih-penagih dadah. Itu yang pertama.

Yang kedua ialah permintaan kepada dadah, kita dapati banyak anggapan salah telah pun disampaikan kepada golongan-golongan tertentu, seperti golongan yang bekerja menggunakan tenaga fizikal. Ini yang bekerja keras mungkin yang terpaksa mengadakan perjalanan jauh, mereka menganggap dadah-dadah tertentu seperti ice, syabu, pil kuda boleh memberikan kekuatan tambahan dan menahan rasa mengantuk.

Golongan remaja pula ataupun yang eksekutif mereka menganggap bahawa dadah ATS seperti ecstasy sebagai satu trend untuk mereka berhibur di pusat-pusat hiburan. Golongan pelajar pula menganggap bahawa dadah seperti ice dan syabu boleh membantu mereka menahan rasa letih, rasa mengantuk untuk mengulang pelajaran. Golongan wanita pula beranggapan bahawa jenis ice dan syabu boleh membantu menguruskan badan ataupun menjadi langsing. Jadi, sebab-sebab ini menyebabkan permintaannya semakin bertambah.

Yang ketiga ialah globalisasi, kerana penanaman pokok-pokok yang menghasilkan dadah iaitu pokok poppy, coca dan juga ganja masih berleluasa di kawasan-kawasan Golden Triangle, Golden Crescent dan juga Amara Triangle. Bekalan dadah tersebut diseludup ke seluruh dunia oleh pengedar-pengedar sindiket antarabangsa yang menggunakan pelbagai cara modus operandi yang canggih bagi mengelakkan daripada mereka ditangkap oleh pihak berkuasa kerana keuntungannya amat lumayan sekali.

Yang keempat ialah kemunculan dadah jenis *synthetic* iaitu jenis dadah yang dibuat sendiri yang hari ini kita lihat permintaan kepada dadah-dadah jenis ini begitu tinggi.

Walau bagaimanapun, saya ingin jelaskan bahawa hasil daripada kempen yang dibuat dan kerjasama semua pihak maka peratusan perangkaan bilangan penagih dadah di antara bulan Januari-Februari pada tahun 2004 jika dibandingkan dengan Januari-Februari 2005 ada penurunan sebanyak 46.72%. Jadi, ini jelas menunjukkan bahawa dua bulan pertama tahun ini kita telah dapat mengurangkan bilangan penagih dadah baru dan juga penagih dadah berulang yang pada tahun 2004 bilangannya 7,602 orang tetapi pada tahun ini 2005, untuk dua bulan pertama hanya ada 4,050 orang sahaja, ini bermakna dalam dua bulan pertama kita dapat turunkan bilangan penagih dadah sebanyak 46.7%. Terima kasih.

6. **Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah dan strategi yang akan diambil oleh OIC di dalam membantu ekonomi penduduk Islam minoriti di Asia seperti di Selatan Thailand dan Filipina.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab dua soalan serentak iaitu soalan dari Yang Berhormat bagi Gombak pada pagi ini dan soalan daripada Yang Berhormat bagi Tumpat yang tersenarai daripada 6 April 2005 semalam kerana kedua-dua soalan tersebut mengenai isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya memandang serius masalah yang berlaku di Selatan Thai dan Filipina. Sebagai negara jiran yang terdekat dan selaku Pengerusi Persidangan Kemuncak OIC Ke-10 kita amat prihatin tentang cara krisis tersebut ditangani oleh negara-negara tersebut. Krisis yang melibatkan orang Islam di Thailand dan Filipina perlu ditangani dengan cara yang lebih berkesan dan berhati-hati agar tidak mengapiakan lagi rasa marah dan benci penduduk Islam terhadap kerajaan kedua-dua negara.



Malaysia telah dan akan terus memainkan peranan yang bersesuaian bagi mencari penyelesaian kepada krisis tersebut bagi memulihkan ekonomi demi kesejahteraan rakyat Islam dan keamanan di Selatan Thailand dan Selatan Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Malaysia bagi mempertingkatkan ekonomi dan mengurangkan ketegangan di Selatan Thailand secara langsung atau secara tidak langsung antaranya adalah:

- (i) berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan Thailand dalam hal ekonomi dan dalam hal-hal menangani kumpulan militan, pelampau agama dan pengganas. Kita telah menerima lawatan daripada pelbagai pihak di Thailand, dari agensi-agensi keselamatan, pendidikan dan pemimpin masyarakat Islam yang ingin belajar dari pengalaman kita menangani masalah yang sama dan membangunkan ekonomi setempat;
- (ii) jika terbukti terdapat kumpulan militan dari selatan Thailand yang berada di bumi Malaysia kita akan menangkap *suspect* dan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti tahanan 'Doramae Kuteh' atau 'Chae Kumae Kuteh' di bawah ISA pada 5 Januari 2005 baru-baru ini; dan
- (iii) Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand telah bekerjasama menubuhkan Jawatankuasa Malaysia - Thai bagi strategi pembangunan bersama di kawasan sempadan kedua-dua negara yang merangkumi 9 bidang kerjasama.

Tuan Yang di-Pertua, di selatan Filipina pula peranan kita lebih telus dan bermakna. Malaysia telah diminta oleh Kerajaan Filipina dan dipersetujui oleh Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) untuk menjadi pemudah cara kepada proses damai antara kedua pihak. Malaysia juga telah dipilih untuk menerajui Pasukan Pemantau Antarabangsa dengan izin, *International Monitoring Team* yang turut disertai oleh Brunei dan Libya bagi memantau proses gencatan senjata antara Kerajaan Filipina dan MILF. Kita telah beroperasi di sana sejak 10 Oktober 2004.

Kita juga telah melaksanakan Program *Capacity Building* untuk belia-belia dari selatan Filipina di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (NTCP) bagi memberi

mereka kemahiran dan pengetahuan untuk berdikari dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pentadbiran dan pembangunan ekonomi di wilayah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selaku Pengerusi Sidang OIC Ke-10, Malaysia akan sentiasa mengikuti isu Islam minoriti termasuk di Asia dan berharap negara-negara yang mempunyai penduduk Islam minoriti di seluruh dunia dapat menjaga kepentingan penduduk Islam agar mereka dapat hidup dengan aman, damai dan sejahtera. Terima kasih.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Setiausaha Parlimen yang telah menjawab soalan tersebut. Soalan tambahan saya, kita tahu bahawa yang kita lihat ialah sejak beberapa dekad yang lalu tidak ada sebarang anjakan dari segi ekonomi kepada penduduk-penduduk minoriti di kedua-dua tempat ini, sama ada di selatan Thailand ataupun di selatan Filipina. Tetapi yang berlaku ialah keganasan yang berterusan.

Kita ingin tahu bahawa baru-baru ini keganasan yang berlaku di selatan Thailand semakin berleluasa, begitu juga masih berlaku di selatan Filipina. Bagi rakyat Malaysia yang ingin melawat kedua-dua tempat ini sama ada tujuan berniaga ataupun melancong, apakah nasihat kementerian dan Kerajaan Malaysia? Adakah selamat melawat kedua-dua tempat ini?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak kerana mengemukakan soalan. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini ketegangan di selatan Thailand masih meruncing dan belum reda. Bagi bulan Mac yang lepas sehingga 27 hari bulan terdapat 26 orang telah terbunuh dan 89 orang telah tercedera, iaitu purata setiap orang terbunuh dalam sehari dan tiga orang cedera setiap hari. Lebih membimbangkan kita pula, keganasan yang selama ini lebih tertumpu pada tiga wilayah iaitu Yala, Narathiwat dan Pattani telah merebak pula ke Songkhla dan Hatyai.

Dalam kejadian yang berlaku pada 3 April baru-baru ini telah membunuh dua orang dan mencederakan 23 orang, 18 daripada mereka serius. Pada hari yang sama juga terdapat 30 orang cedera di Lapangan Terbang Antarabangsa Hatyai termasuk dua orang rakyat Malaysia. Kerajaan Malaysia ingin menasihatkan rakyat agar menangguhkan lawatan dan pemergian ke selatan Thailand sehingga keadaan kembali

pulih. Jika terlalu mustahak untuk pergi diharap dapat berdaftar dengan Konsulat General kita Songkhla dan jauhi dari tempat-tempat awam. Tentang selatan Filipina, saya rasa keadaan di sana seperti biasa dan masih boleh dilawati. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita membaca laporan-laporan dan melihat dokumen-dokumen televisyen ternyata sekali masalah yang berbangkit di kawasan yang kita sebut tadi iaitu di selatan Thailand dan selatan Filipina ialah oleh sebab pembahagian ekonomi tidak sama rata. Kekayaan banyak ditemui di *southern Philippine*, tetapi kekayaan itu dipunggah ke Manila untuk kekayaan orang Manila.

Pada pukul 8.00 pagi tadi ada dokumen menunjukkan bahawa bukan sahaja orang Islam yang panas hati, tetapi pihak-pihak *Philippine* yang lain juga menggelar mereka sendiri komunis, sebenarnya bukan komunis tetapi dia sebenarnya pejuang untuk mempertahankan keadilan mereka. Kalau tidak buat *reconstructing economy* dibuat dan layanan yang adil dibuat, nescaya ini mungkin tidak akan berjaya.

Pandangan kerajaan kita melihat ada lawatan daripada pihak negara ini ke negara kita untuk mencontohi apa yang kita laksana sebagai Dasar Ekonomi Baru dulu sebagai satu pencetusan keadilan di negara ini dicontohi, adakah mereka ini serius - dalam pandangan kita - serius mengikut dasar-dasar yang telah diguna pakai oleh negara Malaysia untuk diguna pakai di negara mereka? Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Santubong. Ramai pihak sedia maklum masalah yang berlaku di selatan Thailand dan selatan Filipina adalah masalah ekonomi setempat kerana mereka tersisih dari arus pembangunan semasa. Walau bagaimanapun, kita akan terus memberi pandangan kita, berkongsi pengalaman supaya perkara ini dapat dipertingkatkan dan mereka akan lebih bersama-sama prihatin terhadap pembangunan kawasan setempat.

Walaupun bagaimanapun Malaysia tidak ingin dinampak terlalu campur tangan dalam hal-hal di negara bersebelahan, tetapi kita akan memberi nasihat dan kerjasama seperti mana yang diminta dan kita tetap tidak akan campur tangan dan menghormati keutuhan dan kedaulatan wilayah Thailand dan Filipina.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah setakat itu Yang Berhormat.

*[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman (Lipis) tidak hadir]*

8. **Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan sama ada terdapat sebarang perancangan untuk membekalkan 'Solar Hybrid Energy' ke kawasan luar bandar yang lain sebagaimana yang terdapat di Kampung Denai, Rompin, Pahang.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan memperluaskan pembekalan elektrik menggunakan sistem *Solar Hybrid* ke kawasan-kawasan luar bandar.

Pada tahun 2002, pihak kementerian telah meluluskan peruntukan sebanyak RM8.9 juta dari dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) bagi membina enam buah stesen sistem *Solar Hybrid* yang melibatkan 157 buah rumah di empat buah pulau bagi pulau-pulau di daerah Mersing iaitu Pulau Besar, Pulau Pemanggil, Pulau Sibu dan Pulau Aur. Kesemua projek ini telah siap dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada akhir bulan Mac 2005.

Pada tahun 2004 sebanyak RM30.05 juta dari dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) telah diluluskan bagi membina dua sistem yang sama di Pulau Tinggi, Mersing bagi menaikkan taraf bekalan elektrik dari 12 jam kepada 24 jam. Ini bagi membolehkan warga pulau berkenaan menikmati bekalan elektrik 24 jam sama seperti yang dinikmati oleh empat buah pulau yang disebutkan sebentar tadi. Pelaksanaan projek akan dijalankan pada tahun ini juga.

Bagi tahun ini beberapa kawasan pedalaman di penempatan Orang Asli di Semenanjung dan beberapa kawasan di Sabah sedang dikenal pasti bagi pelaksanaan projek sistem *Solar Hybrid* 24 jam. Kawasan ini merangkumi penempatan terpencil dan tidak dapat disambungkan bekalan elektrik dengan menggunakan sistem grid dan penempatan terpencil yang telah dibekalkan dengan sistem *Solar Standalone* yang hanya mampu membekalkan elektrik selama empat jam sahaja.

Bagi merealisasikan cadangan tersebut sejumlah RM20 juta dari dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) telah diperuntukkan untuk pemasangan

sistem-sistem stesen *Solar Hybrid* bagi penempatan Orang Asli di negeri-negeri Perak, Kelantan, Pahang dan Johor, manakala RM7 juta akan diperuntukkan bagi membina tiga buah stesen di pedalaman negeri Sabah.

Untuk membekalkan sistem *Solar Hybrid* ini pihak kementerian akan memberi keutamaan terhadap kawasan-kawasan di pedalaman khususnya yang masih belum menerima bekalan elektrik akibat dari kesukaran untuk menerima bekalan elektrik dengan menggunakan sistem grid yang sedia ada. Terima kasih.

**Datuk Haji Hasan bin Malek:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dijawab semua. Ada lagi? Sila.

**Datuk Haji Hasan bin Malek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya se negeri Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang begitu bersungguh-sungguh dalam usahanya untuk membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar, terutamanya.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada juga menyebut “*Solar Berdiri Sendiri*” atau *Solar Standalone*, apakah kelebihanannya di antara kedua sistem *Solar Hybrid Energy* dan *Solar Standalone* ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, kalau hendak jawab, jawab.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, *Solar Standalone* ini adalah satu sistem menjanakan tenaga elektrik menggunakan solar semata-mata dan hanya mampu bertahan selama empat jam, manakala *Solar Hybrid* ini adalah satu gabungan sistem yang boleh menghasilkan tenaga elektrik daripada *gen set*, solar dan juga bateri.

Yang menariknya ia lebih menghasilkan tenaga daripada solar dan selebih daripada tenaga yang dihasilkan daripada solar ini boleh disimpan dalam bateri, dan bateri ini boleh *dicharge* dengan *gen set*. Lebih menarik lagi ia boleh dihidupkan daripada jarak jauh. Sebagai contoh, *gen set* ini ataupun sistem *Solar Hybrid* ini saya letakkan di kawasan Yang Berhormat di Kuala Pilah ataupun rakan saya di Kinabatangan yang hendak bertanyakan soalan ini. Saya di Kuala Lumpur di Tenaga Nasional Bhd. boleh menghidupkan sistem ini daripada Kuala Lumpur kerana ia menggunakan teknologi satelit dan kuasa elektrik yang dibekalkan menggunakan sistem

*Solar Hybrid* ini boleh digunakan 24 jam satu hari, tidak terbatas sebagaimana sistem *Solar Standalone* yang biasanya mampu hanya untuk bertahan selama empat jam. Terima kasih.

9. **Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan rancangan dan langkah melahirkan "*Towering Personality*" di kalangan mahasiswa dan mahasiswi terutama untuk menangani masalah pengangguran.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang mempunyai ciri-ciri "*Towering Personality*", Kementerian Pengajian Tinggi telah meminta agar semua IPTA memantapkan program pengajian yang melibatkan kurikulum dan aktiviti ko-kurikulum masing-masing. Program-program yang mantap akan dapat mempertingkatkan lagi keupayaan pelajar dalam membina sikap yang lebih berdaya saing, berkeyakinan dan mempunyai perwatakan unggul di samping memberi ruang kepada pelajar untuk membina kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran dalam bidang pengurusan, keusahawanan dan kepimpinan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kursus-kursus untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam berkomunikasi sama ada dari segi penulisan atau penuturan khususnya melalui penguasaan bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa turut dilaksanakan di IPTA.

Kemahiran penggunaan teknologi ICT merupakan antara fokus utama kementerian dalam melahirkan graduan yang mempunyai nilai tambah yang dapat membantu mereka dalam memenuhi kehendak pasaran. Di samping itu kemahiran tersebut turut menjadikan graduan ini lebih kompetitif di pasaran. Untuk tujuan itu, IPTA telah menyediakan latihan-latihan secukupnya bagi menambah keupayaan pelajar dalam menggunakan teknologi ICT.

Bagi meningkatkan semangat dan budaya keusahawanan di kalangan pelajar, IPTA juga menerapkan ilmu keusahawanan dalam kurikulum semua program pengajian yang ditawarkan. Aspek yang dinyatakan tadi memberikan ruang untuk mahasiswa mahasiswi selama berada di alam kampus mengatasi masalah sikap dan tabiat yang

diperlukan oleh pasaran kerja yang mahukan mereka berpersonaliti unggul dalam mengurangkan kadar pengangguran. Sekian, terima kasih.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada salah seorang pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang baru-baru ini berjaya sebagai pendebat terbaik dalam satu pertandingan di peringkat dunia. Ini menunjukkan bahawa kita telah mampu bersaing juga di peringkat dunia.

Pada masa yang sama mahasiswa mahasiswi kita, generasi kita di Malaysia ini juga sepatutnya bersaing dengan generasi negara lain seperti di China, India, Singapura dan sebagainya. Dalam perkara ini saya ingin mendapatkan pandangan dan cadangan apa yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian tinggi dalam konsep '*brain drain*'.

Saya ambil contoh, banyak daripada mahasiswa kita yang begitu hebat di merata dunia dengan pelbagai bidang mereka. Contohnya seperti robotik dan sebagainya, tetapi bila balik mereka tidak dapat kerja. Mereka begitu hebat di negara lain. Jadi, saya ingin mendapatkan pandangan daripada Kementerian Pengajian Tinggi tentang konsep *brain drain* yang diambil dalam bidang ini dan apakah yang sedang dibuat terhadap perkara ini? Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih, Yang Berhormat. Memang saya akui berita terbaru yang menyatakan bahawa seorang pelajar UIA telah pun menjadi juara debat di Pertandingan Mahkamah Mutt Antarabangsa, Philip C. Joseph di USA. Nama pelajar ini ialah Siti Alizah binti Alias, yang telah pun berjaya mengangkat UIAM setaraf dengan universiti perundangan antarabangsa.

Saya bersetuju dengan pendapat yang Yang Berhormat bahawa pada waktu ini ramai pelajar-pelajar kita sebenarnya yang cemerlang di luar negara. Baru-baru ini Najmil seorang pelajar dalam bidang Engineering telah pun berjaya membentangkan satu kertas beliau dalam tesis Ph.D *precise Engineering* di bentangkan di Parlimen United Kingdom, 14 Mac yang lepas.

Ini menunjukkan bahawa kita mempunyai kehebatan-kehebatan yang diutamakan, iaitu keterampilan dan juga keupayaan mereka berinteraksi dengan negara luar. Kementerian sentiasa memandang tinggi terhadap hasrat ini dan memang diakui

masalah *brain drain* ini wujud kerana peluang-peluang pekerjaan dan juga kehebatan teknologi-teknologi yang berada di luar negara.

Walau bagaimanapun, dengan wujudnya 11 *Malaysian Student Department (MSD)*, yang sentiasa memantau dan juga memberikan penelitian terhadap sejumlah pelajar-pelajar kita di luar negara ini, sedikit sebanyak menasihatkan pelajar-pelajar kita supaya mereka ini dapat kembali bertugas di negara kita sebagai pekerja-pekerja yang mempunyai personaliti unggul. Sekian, terima kasih.

10. **Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan adakah halangan yang masih dihadapi oleh kementerian untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak yang terlibat di dalam pengimportan 12,000 tan metrik sisa toksik dari Taiwan tersebut.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Alam Sekitar telah mendaftar kes berkenaan di Mahkamah Sesyen Johor pada 15 Mac 2005 yang lalu bagi tujuan pendakwaan kerana kesalahan di bawah seksyen 34B(1)(b) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pertuduhan dibuat ke atas syarikat terbabit kerana menerima buangan terjadual dari Taiwan tanpa kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah, Kualiti Alam Sekeliling.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Kastam Malaysia juga telah mendakwa syarikat yang sama kerana kesalahan di bawah seksyen 135(1)(c) Akta Kastam 1967 kerana salah pengisytiharan. Perbicaraan kes ini sepatutnya berlangsung pada 16, 17 dan 18 Mac 2005 yang lalu tetapi telah ditangguhkan oleh mahkamah kepada 13, 14 dan 15 Julai 2005 akan datang atas permintaan tertuduh.

Manakala, perbicaraan kes ke atas syarikat yang sama yang dituduh oleh Polis Diraja Malaysia telah ditetapkan pada 6, 7 dan 8 Jun 2005. Pihak Polis Diraja Malaysia telah menuduh syarikat berkenaan kerana kesalahan di bawah seksyen 467 dan 471 Kanun Keseksaan dan Akta Polis 1967 kerana kesalahan pengisytiharan palsu.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih, jawapan yang diberi berkenaan dengan perkara ini. Baru-baru ini telah berlaku satu kebakaran di Jabatan Alam Sekitar dan bagi membolehkan kes ini dihadap ke mahkamah, kementerian telah mengambil lebih kurang 10 bulan. Sekarang ini akhir bulan lalu berlaku kebakaran pula. Apakah dengan berlakunya kebakaran ini akan menjejaskan pembuktian kes terhadap pihak tertuduh,



dan apakah hasil siasatan terhadap kejadian kebakaran yang telah berlaku di jabatan tersebut?

**Dato' S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang disiasat oleh pihak polis. Namun demikian, segala bukti yang berkaitan dengan kes ini memang disimpan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan selamat dan hal ini tidak akan menjejaskan perjalanan kes ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja sesi soal Jawab Lisan.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

### **USUL**

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.” **[6 April 2005]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum itu saya minta Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia untuk mengemukakan satu usul.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.06 pg.**

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai kesemua giliran kementerian menjawab serta diputuskan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Isnin, 11 April 2005.”

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam masa tiga hari kita hanya telah dapat menyempurnakan jawapan-jawapan dari 10 kementerian. Kita ada 18 lagi kementerian untuk memberi jawapan. *[Disorak]* Oleh itu, kita harap bahawa kelapan belas-lapan belas kementerian ini akan dapat menjawab pada hari dan malam ini juga. Dengan itu saya ingin mengingatkan dan meminta persefahaman daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mukadimah-mukadimah itu ataupun perkara-perkara yang menuju kepada soalan-soalan penjelasan itu dapat dikurangkan sebanyak 50%.  
*[Ketawa]*

Sekarang saya minta Kementerian Sumber Manusia menyambung jawapan.

**11.08 pg.**

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah mencadangkan supaya kerajaan mengadakan *road show* untuk memberi kefahaman kepada pelajar dan pelatih bahawa menjadi tanggungjawab mereka untuk membayar balik pinjaman yang telah

diberi serta menggesa kerajaan supaya melaksanakan satu dasar untuk membudayakan masyarakat kita supaya memahami bahawa tujuan dan matlamat pinjaman adalah bukan milik mereka.

Kementerian Sumber Manusia bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat untuk memberi fahaman kepada pelajar dan pelatih. Bagi menyedarkan peminjam akan tanggungjawab mereka untuk membayar hutang, kementerian saya bercadang untuk menghebahkan melalui media masa seperti televisyen atau radio secara berulang-ulang kerana penonton TV dan pendengar radio akan mendapat maklumat dan mesej secara tidak langsung sebagaimana hebahan kepentingan pembayaran cukai pendapatan dan cukai tanah yang disiarkan melalui radio dan melalui majlis-majlis perjumpaan wakil-wakil rakyat dengan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Rasah telah menyarankan supaya Kementerian Sumber Manusia mengambil berat dalam usaha melahirkan sumber tenaga yang mahir dan berkualiti dalam pelbagai bidang. Sukacita dinyatakan kementerian saya melalui Jabatan Tenaga Manusia sentiasa berusaha untuk melahirkan sumber tenaga yang mahir dan berkualiti dalam pelbagai bidang dengan penubuhan 26 buah institut latihan kemahiran yang terdapat di seluruh negara.

Daripada 26 buah institut tersebut, 6 buah institusi menjalankan program diploma kemahiran seperti di pusat pengajaran dan kemahiran lanjutan, Institut Teknikal Jepun Malaysia dan 4 pusat latihan teknologi tinggi. Manakala 20 buah institusi lagi menjalankan program sijil kemahiran seperti Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur, ILP Pasir Gudang dan sebagainya.

Institusi-institusi ini menawarkan 33 jenis kursus yang melibatkan bidang mekanikal dan pengeluaran *electrical* dan *electronic*, teknologi maklumat, binaan dan sebagainya. Melalui penetapan disiplin yang tinggi di kalangan pelajar, di samping memberi penekanan latihan *hands on*, Kementerian Sumber Manusia dapat memastikan sumber tenaga yang dilahirkan bukan sahaja mahir dan berkualiti, malahan mempunyai disiplin yang tinggi dan selepas mereka tamat kursus telah dengan licinnya dapat pekerjaan yang bermakna.

Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai sumber tenaga mahir, disiplin yang sesuai untuk pasaran kita. Kalau kita ada satu dasar yang baik kenapa kerap kali berlaku setiap tahun masalah graduan *unemployed* dan dalam Dewan yang mulia ini, bulan Oktober kita diberi satu jawapan bahawa masalah ini akan diatasi dengan satu pendekatan yang baru. Tetapi baru-baru ini sudah berlaku lagi 80,000 graduan *unemployed*. Satu angka yang digunakan untuk Yang Berhormat Menteri sendiri, yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga untuk satu bulan barulah kita dapati bahawa bukan 80,000 graduan *unemployed* tetapi 18,000 graduan *unemployed*.

Bukankah ini menunjukkan bahawa ada perkara yang sangat silap, tidak betul dalam pengendalian kementerian yang berkenaan bahawa *right hand, left hand* dalam kerajaan tidak tahu apa angka yang sebenar. Kenapa ini boleh berlaku?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat jawab dan teruskan.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kerjasama Yang Berhormat bagi Ipoh Timur kerana nanti, selepas ini saya ada satu perkara, topik khusus berkaitan dengan siswazah yang menganggur. Bolehkah kita tunggu hingga tajuk tersebut itu ditimbulkan dan kita boleh bincang secara menyeluruh. Terima kasih.

Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu ingin mengetahui apakah penjelasan kerajaan untuk memastikan, *human capital development*, pembangunan insan dan pembangunan manusia dapat dilakukan, iaitu dari segi daya tahan, daya saing serta hati dan jiwanya.

Bagi meningkatkan daya saing negara dalam pasaran global, usaha perlu dijalankan bagi mengubah ekonomi Malaysia daripada ekonomi berasaskan pengeluaran kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Bagi merealisasikan usaha ke arah ini, kerajaan akan terus memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia ke arah melahirkan sumber manusia yang terlatih, berkemahiran dan berpendidikan yang tinggi, berdaya tahan dan *employability* dalam pasaran pekerjaan.

Dalam hubungan ini Kementerian Sumber Manusia berperanan untuk melahirkan lebih ramai pekerja berkemahiran dan berpengetahuan melalui latihan teori dan amali

dalam bidang teknikal dan vokasional. Di antara usaha-usaha yang akan terus dilakukan oleh kementerian ialah seperti:

- (a) meningkatkan penyertaan lebih ramai pelajar di peringkat sijil dan diploma di ILP dan institut-institut kemahiran lanjutan dengan menaik taraf kemudahan yang sedia ada. Membina institut-institut baru dan mengadakan program dua syif bagi menambah jumlah pengambilan pelajar ke institut-institut tersebut;
- (b) memperkenalkan program-program kursus baru selaras dengan keperluan industri;
- (c) menjalankan skim latihan jiwa di mana lebih kurang 70% latihan diadakan di tempat kerja. Manakala, lebih kurang 30% latihan teori diadakan di institut-institut latihan perindustrian. Program ini akan dijalankan dengan kerjasama antara industri dan latihan institusi tersebut;
- (d) membangunkan banyak lagi standard-standard kemahiran pekerja Malaysia baru selaras dengan keperluan industri;
- (e) menyemak semula kursus yang ditawarkan serta membangunkan *syllabus* baru selaras dengan keperluan industri melalui standard kemahiran pekerjaan Malaysia atau MOS;
- (f) menilai semula tahap prestasi pusat-pusat bertauliah dengan menjalankan kaji selidik dan juga audit bagi menjamin kualiti latihan kemahiran yang dijalankan itu sentiasa tinggi;
- (g) menyediakan bantuan kewangan untuk latihan dan latihan semula pekerja-pekerja sedia ada melalui Tabung Pembangunan Sumber Manusia dengan menyediakan program-program seperti *Workers Information and Technology Scheme*, program pembangunan eksekutif, jualan, pasaran dan sebagainya

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pulau.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Tabung Pembangunan

Sumber Manusia. Baru-baru ini ada timbul kekeliruan mengenai pelaksanaan sistem levi Tabung Pembangunan Manusia ini yang dikenakan kepada industri-industri yang dikenal pasti. Saya ingin tahu apakah asas yang digunakan untuk menentukan jenis industri yang dikenakan levi ini kerana banyak juga persoalan timbul mengenai ketidakadilan levi ini berbanding dengan sumbangan industri-industri yang telah dikenal pasti ini.

Kedua, ada juga timbul masalah mengenai penerimaan skim latihan yang dikenakan ke atas industri-industri yang berkenaan. Saya ambil contoh seperti Industri Perakaunan. Industri Perakaunan ini memang sudah ada skim latihan yang telah teruji selama berpuluh tahun dan telah melahirkan banyak *captain of industry* dan sebagainya. Jadi, apakah perlu industri perakaunan ini juga dikenakan levi untuk Tabung Pembangunan Manusia ini kerana kalau sesebuah industri itu sudah ada skim latihan yang baik, apakah perlu kementerian mengenakan latihan yang lain untuk pekerja dalam industri ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. Saya ingat boleh jawab teruslah. Boleh beri penjelasan kalau hendak. Senang sedikit kalau tidak ....

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pulau. Berkenaan dengan skim levi yang baru dilaksanakan ke atas profesion bidang perakaunan, memang kita dapati kebanyakan *offices* perakaunan ada dilaksanakan kursus latihan semula tetapi kita dapat *feedback* ada satu atau dua *office* tersebut yang tidak melaksanakan program latihan semula untuk *account clerk*, untuk pegawai-pegawai rendah dan sebagainya. Dengan tujuan untuk mengatasi masalah tersebut kita kenakan levi dengan persetujuan profesion perakaunan bahawa program-program latihan yang sekarang dikendalikan seperti biasa mereka boleh dapat bayaran daripada levi yang telah dikenakan. Ertinya, semua program-program yang sekarang dijalankan boleh dibayar melalui levi, mereka tidak akan kena lagi.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih. Saya minta penjelasan kerana bayaran levi telah dikenakan sejak 1 Januari, tetapi sampai sekarang belum ada penetapan ataupun pengiktirafan kursus-kursus ataupun skim latihan yang digunakan oleh firma ini oleh kementerian. Maknanya, sudah bayaran dulu tetapi skim latihan belum lagi diiktiraf dan diterima untuk dibayar balik levi tersebut.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pulau. Saya jamin bahawa masalah itu akan diselesaikan kerana saya bersetuju dari segi prinsip, semua latihan program yang telah dikendalikan kalau mereka terus jalankan bayaran itu boleh dapat daripada levi yang telah dikenakan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tahu kursus-kursus yang telah dianjurkan oleh pihak kementerian. Siapakah pihak-pihak yang memberi kursus, syarikat-syarikat manakah yang telah memberi kursus-kursus ini dan berapa banyakkah syarikat-syarikat bumiputera dan bukan bumiputera yang telah diluluskan oleh kementerian untuk mengadakan kursus-kursus ini, terutama sekali kepada mereka yang masuk bekerja dalam negara kita ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bila minta penjelasan mesti ditujukan kepada yang berbangkit daripada jawapan Menteri. Sila, sila.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tidak ada butir-butir di depan saya tetapi saya difahamkan untuk mengendalikan kursus-kursus di bawah PSMB dan juga kursus-kursus lain kita ada dan telah meluluskan pusat yang bertauliah yang ada di negara kita ini lebih kurang 1,400 buah lebih. Kebanyakan mereka merupakan pusat bertauliah bumiputera. Namun demikian saya akan memberi jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** (h) ini menyediakan pinjaman kewangan melalui Tabung Pembangunan Kemahiran kepada mereka, lepasan sekolah untuk menghadiri kursus-kursus kemahiran anjuran pusat bertauliah ke arah memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia. Melalui langkah-langkah tersebut Kementerian Sumber Manusia berpendapat kita dapat melahirkan sumber manusia yang berkemahiran dalam pelbagai bidang dan berpengetahuan serta yang lebih berdaya saing dan bersedia menerima perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini penerapan nilai-nilai ke arah pembangunan insan dari segi hati dan jiwanya adalah dilaksanakan melalui penerapan elemen-elemen tersebut di dalam ko-kurikulum. Semua institut latihan di

bawah Jabatan Tenaga Manusia, kementerian saya iaitu Institut Latihan Perindustrian, Institut Latihan Teknologi Tinggi dan Institut Teknikal Jepun Malaysia. Di antara tindakan-tindakan yang diambil adalah:

- i. Aktiviti ko-kurikulum, pasukan beruniform dan persatuan seperti Pengakap, Pasukan Bulan Sabit Merah, Kadet Bomba dan sebagainya;
- ii. Mengadakan dalam syllabus latihan elemen-elemen biro tata negara, program motivasi keselamatan, pembinaan insan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga membangkitkan isu mengenai pengangguran siswazah dan berpendapat bahawa pembekalan tenaga manusia yang kadang-kadang *irrelevant* dengan keperluan semasa beliau mencadangkan supaya kapasiti *development* harus disemak semula. Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan sentiasa memantau dan membuat perancangan atas keperluan tenaga manusia dari segi *employability*.

Berkenaan dengan masalah pengangguran di kalangan siswazah, kementerian ini akan terus bekerjasama dan mengadakan perbincangan dengan kementerian-kementerian lain dan juga pihak swasta. Bagi mengatasi masalah ini, di antara usaha-usaha yang sedang dijalankan adalah seperti berikut:

- i. menjalankan kajian dan membuat analisis berkaitan dengan isu *mismatch* di antara permintaan dan penawaran dan kualiti keluaran daripada Institusi Pengajian Tinggi dan Institusi Latihan Kemahiran dengan menganggotai jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kementerian ini mengetuai dua jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa Kerja Teknikal Pasaran Buruh dan *Focus Group* mengenai pembangunan sumber manusia bagi memberi input kepada kerajaan;
- ii. Bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi mengenal pasti dan menyemak semula kurikulum dan *syllabus* di Institusi Pengajian Tinggi, termasuk institusi latihan bagi



memastikan kursus yang ditawarkan adalah bersesuaian dan graduan yang dikeluarkan adalah benar-benar memenuhi keperluan industri;

- iii. Kementerian Sumber Manusia akan berusaha menyediakan latihan kepada graduan yang menganggur bagi meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan termasuk *soft skills*, jika diberi peruntukan yang mencukupi. Kementerian akan melaksanakan semula Skim Latihan Siswazah Menganggur bagi membantu siswazah yang menganggur.

**Tuan M. Kula Segaran:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai *employability* dan *mismatch*. Ini adalah satu perkara yang amat serius kepada pengetahuan orang ramai. Baru-baru ini saya menerima satu e-mail, saya ingin baca yang berkaitan dengan apa yang Menteri kata, dengan izin, "*Something is very wrong with both MARA and Education Ministry. If they continue to throw away RM700 million every year to IPTS, educating students who are unemployable and cannot contribute to the nation's development. Such sustainable funds can be better spent to improve the quality of education in the country as a centre of excellence and produce skilled workers that can improve the country's competitive edge.*" Macam mana kita mahu mengatasi masalah ini kalau kita membazir wang sebanyak dekat satu bilion? Apakah tindakan atau *assurance* yang telah atau tindakan yang telah diambil oleh kementerian Menteri ini untuk mengatasi masalah yang rumit ini?.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat dari Ipoh Barat. Graduan-graduan kita bukan *unemployable*. Apa masalahnya ialah seperti yang diterangkan *mismatch* tadi. Sebenarnya graduan-graduan kita dari IPTA dan sebagainya mempunyai latar belakang dan asas yang kukuh. Apa yang diperlukan ialah mereka diberi sedikit penyesuaian dan sedikit latihan lanjutan untuk membolehkan mereka membayangkan kebolehan mereka dalam proses temu duga.

Dalam konteks ini Kementerian Sumber Manusia terus menolong dari segi mengadakan program-program yang boleh mempertingkatkan kefasihan bahasa, khususnya bahasa Inggeris supaya dalam proses *interview* mereka boleh bayangkan kebolehan mereka dan juga mempertingkat kebolehan mereka dari segi *soft skill*, dari segi berinteraksi dalam pasukan, dari segi menaikkan keyakinan mereka terhadap bidang-bidang pekerjaan yang melibatkan berinteraksi dengan orang ramai seperti di pasaran jualan, seperti dengan *public relation officer* dan sebagainya. Semua ini memerlukan *soft skill* dan Kementerian Sumber Manusia akan terus membantu mereka.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Isu siswazah menganggur ini telah berkumandang di dalam Dewan yang mulia ini dalam persidangan yang lepas. Dan, Dewan yang mulia ini telah pun membincangkan dan meluluskan sejumlah RM250 juta untuk memberikan latihan tambahan kepada siswazah menganggur ini. Sabak Bernam ingin bertanya, setakat manakah *marketability* ataupun disebut di sini *employability*, siswazah-siswazah ini yang telah diberikan latihan dalam konteks berapakah jumlah daripada 50,000 itu yang telah diberikan pekerjaan?

Saya hendak tanya kalau boleh pelajar ataupun siswazah Melayu, berapa ramai yang telah mendapat pekerjaan daripada latihan itu, begitu juga dengan pelajar Cina dan India. Itu satu. Perkara yang keduanya ialah kita macam ada satu ada *contradiction*, dalam masa yang sama kita dimaklumkan banyak kekosongan jawatan di sana sini. Kalau kita tengok akbar Berita Harian hari ini ada lebih 60,000 kekosongan dan semalam kita bicarakan mengenai kekosongan jawatan di Jabatan Polis ada 23,000 kekosongan. Jadi, dalam konteks ini, apakah pihak Menteri boleh mengaturkan supaya ada *matching intern soft out*, dengan izin, memberikan pekerjaan kepada siswa dan siswi kita yang menganggur. Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Ada dua perkara, perkara pertama dalam tempoh tahun 2001 – 2003, Kementerian Sumber Manusia telah dapat peruntukan lebih kurang RM150 juta dan dengan itu kita telah melaksanakan program latihan semula yang melibatkan lebih

daripada 21,000 graduan yang menganggur. Daripada *feedback* ke atas graduan-graduan tersebut, selepas tamat latihan dalam tempoh dua tiga bulan, kebanyakan mereka sudah dapat pekerjaan. Lebih kurang 74% mereka telah dapat pekerjaan sesuai dengan kelayakan asal mereka.

Keduanya, kementerian ini akan terus mengadakan job fair dan sebagainya, di mana kita akan terangkan kepada semua yang mencari kerja termasuk graduan. Ada banyak kekosongan dan kita akan terangkan dari segi keperluan kekosongan tersebut dan kita akan adakan proses interview dan haraplah dengan melalui proses ini ita boleh bantu golongan-golongan ini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Tan Kok Wai:** [*Bangun*]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya hendak minta penjelasan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Siapa? Larut?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana satu hendak?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Siapa Yang Berhormat?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Larut. Larut. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ikuti kenyataan pengumuman yang diberi oleh Yang Berhormat tentang masalah-masalah guna tenaga dan pengangguran siswazah.

Saya hendak bertanya pada Yang Berhormat tentang siswazah yang pada hari ini sudah sampai ke paras bukan mencemaskan lagi hampir menjadi barah, sudah tidak tahu hendak buat apa. Saya hendak bertanya sama ada kementerian hanya setakat retorik dengan izin atau muncul satu kaedah jangka pendek bagaimana hendak melepaskan tanggungjawab dan bebanan ini supaya masyarakat tidak melihat bahawa siswazah kita ini yang mendapat pengajian yang memang itu menjadi kewajipan kita hendak dibiarkan begitu sahaja.

Sebab saya lihat kementerian sini umpamanya saya beri contoh. Kita baru-baru telah pun menubuhkan dan meluluskan satu Akta Penubuhan Lembaga Tabung Pusat Bertauliah. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat ini sebagai satu contoh kita hendak turun ke bawah. Sejauh mana pelantikan Lembaga Pengarah Tabung ini yang telah ditubuhkan di sini dan yang telah kita sama-sama luluskan masih lagi belum dibentuk. Saya ingin tahu siapa Pengerusinya dan siapa Ahli Lembaga Pengarahnya.

Kalaulah badan ini dan mungkin badan-badan yang lain umpamanya saya bagi contoh pada Yang Berhormat barangkali kalau Yang Berhormat boleh terimalah, PERKESO dan Perbadanan Sumber Manusia yang lain sebagai satu badan gerakan, kita tidak selesaikan lagi bagaimana kita hendak selesaikan masalah-masalah yang di peringkat akar umbi.

Oleh itu saya ingin mencadangkan kalau bolehlah Yang Berhormat, janganlah badan-badan ini hanya dimonopolikan oleh satu kaum sahaja. Umpamanya kalau Pengerusi Lembaga Pengarahnya dilantik daripada di kalangan orang Cina tidak kira daripada parti manalah dan BN ini. Ketua Setiausahanya biarlah daripada kalangan bukan orang-orang Cina. Kita ada perseimbangan dan penagihan pegangan ini. Saya beri sedikit pandangan Yang Berhormat kalau boleh dipersetujui. Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Larut. Berkaitan dengan memang untuk mengatasi masalah siswazah yang menganggur ini bukan menjadi retorik kerajaan. Kementerian Sumber Manusia adalah sebahagian daripada kerajaan dan kita akan bersama-sama memikul masalah tersebut supaya kita boleh dalam satu masa yang singkat mengatasi masalah-masalah seperti yang saya telah terangkan tadi kita telah menjalankan Skim Latihan Semula dan telah memberi bantuan kepada lebih daripada 20,000 orang graduan yang kebanyakannya sudah dapat pekerjaan mengikut kelayakan asalnya.

Berkaitan mengenai dengan organisasi di bawah Kementerian Sumber Manusia.....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ipoh Timor.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** .....nanti saya jawab ini dahulu, memang apabila kita melantik Pengerusi atau Ketua Setiausaha dan sebagainya kita tidak ambil

kira latar belakang atau etnik *origin* dengan izin sedangkan dia mempunyai kelayakan dan dia juga mendapat kebenaran daripada JPA daripada badan-badan berkenaan seperti MTUC, badan-badan yang mewakili majikan dan sebagainya kita ambil kira dan juga dari calon-calon yang telah dikemukakan kita pilihlah. Saya tada mahu berjanji bahawa dalam pilihan ahli-ahli tersebut kita akan menentukan berasaskan kepada calon-calon yang terpilih kita ada membayangkan keadaan pelbagai bangsa di negara kita ini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit. Bila Yang Berhormat hendak melantik Lembaga-lembaga Pengarah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum. Belum. Nanti. Nanti. Saya minta penjelasan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Lembaga Pengarah ini sedikit. Yang ini tadi, Lembaga Pengarah ini. Bila? Kita sudah luluskan ini dalam mesyuarat yang dahulu tentang penubuhan....

**Tuan Lim Kit Siang:** Mana yang saya minta penjelasan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Itu kita akan pilih dalam...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** .....dalam tahun inikah?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** ....ini memang dalam tahun inilah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana tadi Yang Berhormat ada penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat Larut sebenarnya buat satu tuduhan yang sangat serius bahawa Kementerian Sumber Manusia, badan-badan dan agensi-agensi yang di bawah Yang Berhormat menteri berkenaan telah berlaku dasar perkauman. Saya rasa ini sangat serius dan kita perlu jawapan yang jelas sama ada itu benar dan adakah perkara ini pun berlaku di dalam kementerian-kementerian yang lain. Adakah ianya benar sehingga perkara ini boleh dibangkitkan dalam Dewan Yang Mulia ini?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Saya sudah jawab memang tidak benar sama sekali kerana calon-calon kita ambil dari badan-badan berkenaan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Baik Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan bagi Sabak Bernam tadi.

Saya telah menyatakan bahawa kita dalam Dewan Yang Mulia ini telah meluluskan RM250 juta pada persidangan yang lepas, dengan data 50,000 penganggur dan saya diberi maklum di sini 70% sudah mendapat pekerjaan, maknanya ada kira-kira 15,000 bakinya. Tetapi sekarang ini bila kita balik kampung rakyat kita menyatakan bahawa kita ada 80,000 penganggur, ini menggambarkan bahawa duit yang kita luluskan itu nampaknya tidak dimanfaatkan dengan sebenarnya.

Perkara yang kedua ialah saya minta data tadi daripada 50,000 itu, berapakah daripada mereka ini Melayu, Cina dan India yang telah mendapat pekerjaan? Saya harap dapat diberikan penjelasan oleh Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum itu Yang Berhormat bagi Sabak Bernam berkata 80,000.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Berkaitan dengan jumlah .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, sini. Yang Berhormat Sabak Bernam kata 80,000 penganggur betul kah?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Bukan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Supaya dapat jawapan dengan betul.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Angka-angka yang Kementerian Sumber Manusia ada iaitu mengikut jumlah yang telah didaftar dengan Elektronik *Labour Exchange* di bawah kementerian saya, jumlah *active seekers* dengan izin yang mempunyai ijazah adalah lebih kurang 19,000 tetapi angka itu akan selalu berubah kerana kita setiap hari menerima pendaftaran baru ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Baik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada timbul soalan yang berkait dengan perkara ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini beri

satu jawapan. Kenapa untuk sebulan angka ini digunakan sehingga oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bukankah ini membayangkan kecuaiian kementerian yang berkenaan atau apa sebenarnya. Adakah kerajaan tidak tahu apa angka yang sebenar sehingga Yang Berhormat Menteri sendiri pun tidak tahu untuk sebulan. Semua kata 80,000, sini saya ada rencana editorial laporan 80,000 *graduate unemployed*, kenapa boleh berlaku semacam ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Boleh terus jawab.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Ahli Yang Berhormat Ipoh Timor. Saya telah terangkan ikut data yang telah mendaftar dengan kementerian saya ialah 19,000 dan angka itu akan terus berubah. Kita tidak boleh nafikan memang ada juga graduan-graduan yang belum mendapat kerja yang berdaftar dengan pusat-pusat lain memang juga mereka yang mungkin mencari kerja tanpa pendaftaran itu, kementerian saya tidak ada angkalah. Tetapi angka yang saya boleh gunakan ialah secara angka rasmi yang saya ada di tangan saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah ini bererti jumlah 80,000 itu betul? Adakah ini bererti bahawa dahulu 80,00 itu sekarang sudah jumlah 18,000.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Itu 80,000.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Salah dan kalauitu salah kenapa kementerian yang berkenaan membenarkan kesalahan dibuat untuk sebulan semua *opinion* membincang 80,000 kenapa NEAC tidak keluar pembedulan lebih awal itulah *point* .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat , Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** NEAC kenapa NEAC cuai dalam perkara ini

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Tak payahlah. Tak payahlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Siapa cuai Yang Berhormat Menteri sini ataupun Yang Berhormat Menteri sana? Siapa cuai.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Ini jawapan daripada Kementerian Sumber Manusia bila sampai giliran dia, dia boleh jawablah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh No! Tak ada *chance*. Tak ada *chance*.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tebräu.

**Tuan Teng Boon Soon [ Tebräu]:** Dalam menangani masalah pengangguran *graduate* ataupun siswazah, adakah kerajaan bercadang menubuhkan satu....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak mahu, sebelum *point* itu kita bangkit bolehkah Yang Berhormat Menteri menjawab, kenapa untuk sebulan? Negara bimbang mengenai 80,000 graduan *unemployed* itulah soalan atau atas jawapan. Menteri NEAC, Menteri boleh jawab?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh, sila Yang Berhormat.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Saya ingin beri sedikit penjelasan. Ada sedikit kekeliruan tentang terminologi. Yang dimaksudkan ialah pengangguran di peringkat *tertiary* dan *tertiary* ini kadang-kadang digunakan, dengan izin, secara *interchangeable* dengan graduan. *Tertiary* ini mengandungi tiga komponen. Yang pertama yang ada ijazah BSc dan lain, itu yang pertama. Yang kedua Diploma, di UiTM, UTM, UPM dan ITAR dan lain-lain IPTS. Yang tiada sijil, sijil Politeknik itu yang dimaksudkan pengangguran peringkat *tertiary*. Pada bulan September tahun 2004, angkanya kira-kira 80,000 pengangguran di peringkat *tertiary* iaitu Ijazah dicampur dengan Diploma, dicampur dengan Sijil. Pecahan 80,000 seperti berikut:

- ◆ 24,000 - ijazah
- ◆ 38,000 - diploma
- ◆ 14,000 - sijil

Campur tiga ini, kira 80,000. Itu angka September. Seperti Yang Berhormat Menteri sebut tadi, angka berubah dari masa ke semasa. Disember tahun 2004, angka berkurangan, 80,000 September, Disember berkurangan pada 65,000 dan tiga komponen ini seperti berikut:



- ◆ 18,000 ijazah
  - ◆ 37,000 diploma
  - ◆ 10,000 sijil
- Jumlah: 65,000

Jadi angka yang disebut dalam media ini merujuk kepada pengangguran di peringkat *tertiary* dan kadang-kadang digunakan secara *interchangeable* dengan graduan yang dimaksudkan ialah, *tertiary* itu tiga komponen. Jadi pengangguran siswazah sebenarnya pada bulan Disember ialah 18,070 orang dan angka pengangguran ini dikutip oleh beberapa pihak Jabatan Tenaga Manusia di bawah Kementerian Yang Berhormat Sumber Manusia mengutip angka bagi mereka yang berdaftar dengan *Electronic Labour Exchange (ELX)* yang mendaftar. Angka yang dikutip oleh Jabatan Perangkaan merujuk kepada angka yang datang daripada *Labour Force Survey* dengan izin, yang dibuat tiga bulan sekali.

Jadi angka ini konsepnya berbeza, yang dikutip oleh Jabatan Tenaga Manusia, JTM ialah mereka yang berdaftar. Setengah graduan, dia di kampung tidak berdaftar. Dia menganggur tetapi tidak berdaftar, dengan izin *he is not picked up by the system* ELX ini. Tetapi bagi Jabatan Perangkaan yang membuat kajian sejak tiga bulan, mereka melihat kepada angka sebenarnya berdasarkan kepada siasatan kajian. Itu sebabnya terdapat perbezaan angka. Itu yang pertamanya.

Yang keduanya, angka ini berubah, hari ini macam ini, esok macam lain kerana situasinya dinamik. Dan biasanya pada bulan Jun-September angkanya tinggi kerana masa itu graduan baru keluar universiti. Bulan Disember, bulan 1,2,3, angka rendah sedikit kerana pada masa itu siswazah sudah mula dapat kerja. Jadi ini sebagai penerangan, ringkas ceritanya. Timbul kekeliruan kerana perkataan *treasury tertiary* ini digunakan secara *interchangeable* dengan siswazah. Sebenarnya *tertiary* mengandungi tiga komponen. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebenarnya kita ada satu penerangan, dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi penjelasan itu. Tetapi masalah ini ialah kenapa definisi *tertiary* ini yang ada *interchangeable* maknanya dibenarkan untuk bukan sahaja mengelirukan orang ramai, tetapi Menteri-Menteri

Kabinet sendiri untuk satu bulan, untuk satu bulan. Adakah Menteri-Menteri sendiri pun terkeliru mengenai definisi *tertiary unemployed*, sama ada siswazah sahaja atau termasuk golongan-golongan yang lain. Bukankah ini membayangkan pentadbiran satu kerajaan yang tidak begitu cekap yang diamanahkan. Kenapa membenarkan diteruskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bukan sebulan, cuma sepuluh, itu yang pertama. Yang kedua, kelirunya dari segi terminologi. Tetapi angkanya tetap sama, tidak ada perbezaan angka. Angkanya sama, cuma terminologinya sahaja keliru sedikit, sudah pun diperbetulkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, saya rasa itu sudah dijawab. Yang Berhormat bagi Tebrau.

**Tuan Teng Boon Soon:** Boleh saya teruskan soalan saya? Saya harap tidak ada gangguan lagi. Yang Berhormat Dato' Menteri, soalan saya ialah dalam menangani masalah pengangguran siswazah, isu *mismatching* selalu ditimbulkan sebagai isu utama. Saya hendak tanya adakah kementerian bercadang menubuhkan suatu *collaborative frame work*, dengan izin di antara universiti dan industri supaya ada usaha-usaha *collaborative* diadakan untuk memastikan siswazah-siswazah yang telah dihasilkan oleh universiti itu lebih relevan dengan keperluan pasaran semasa. Ini memandangkan transformasi pasaran pekerjaan itu berlaku dengan begitu pesatnya. Jadi perlu ada satu *frame work collaborative* di antara universiti dan industri tempatan. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya bukan sahaja ingin galakan kolaborasi, *collaboration* di antara universiti, atau pusat pengajian tinggi dan juga pusat latihan dengan sektor swasta. Sedangkan di institusi-institusi latihan perindustrian yang dikenali oleh Kementerian Sumber Manusia, kita wajibkan itu sebagai satu peraturan di mana-mana semua program yang dikendalikan tidak dapat dilaksanakan sebelum kita ada perbincangan dengan sektor swasta iaitu di kilang-kilang berdekatan bahawa benar-benarnya graduan tersebut adalah diperlukan. Selepas perbincangan baru sahaja kita kendalikan kursus tersebut untuk menentukan mereka dapat pekerjaan. Kementerian Sumber Manusia juga mengadakan ceramah

kerjaya dan membuka pameran atau gerai supaya kita boleh pameran semua kekosongan yang ada dengan itu membantu pencari-pencari kerja.

Di samping itu, kementerian saya juga sedang meneliti data-data mengenai bilangan pengeluaran graduan dalam pelbagai bidang pengajian dan juga bilangan peluang-peluang pekerjaan baru yang wujud di pasaran pekerjaan. Kajian ini bertujuan untuk memastikan bahawa fungsi perancangan tenaga manusia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi menangani perubahan yang drastik dalam struktur ekonomi negara ekoran persaingan global.

Bagi menangani isu-isu pengangguran siswazah dari segi pembakalan tenaga manusia yang kadang-kadang tidak selaras dengan keperluan semasa, kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Manusia telah melaksanakan perubahan dengan mengurangkan kapasiti pengambilan terhadap kursus-kursus yang kurang tepat, yang kurang mendapat sambutan di peringkat sijil seperti Teknologi Perabot, Binaan Berasaskan kayu dan lain-lain kursus.

Manakala, kapasiti belajar ditambah mengikut keperluan semasa bagi kursus-kursus yang mendapat permintaan tinggi seperti automotif, automasi, mechatronic, electronics dan sebagainya. Kursus-kursus ini di peringkat sijil yang mendapat permintaan tinggi juga telah dinaiktarafkan dan ditampal kapasiti pelajarannya di peringkat diploma. Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah melaksanakan skim...

**Tuan Haji Idirs bin Haji Haron:** Mohon penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, boleh.

**Tuan Haji Idirs bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dapat lihat Kementerian Sumber Manusia di bawah Menterinya sedang berusaha begitu bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah graduan menganggur ini dalam keadaan yang saya kira satu terminologi juga iaitu, *fire fighting*. *To fire fight*, maknanya tidak wujud satu sistem yang komprehensif yang boleh menyelesaikan masalah ini di peringkat *short term, medium term and long term*. Jadi, Yang Berhormat Menteri saya mohon penjelasan, sebenarnya sudah cukup banyak yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran, Kementerian Pendidikan Tinggi di

dalam mendidik, *the head, educating the head* mendidik untuk menjadikan seseorang itu melepasi halangan-halangan peperiksaan.

Dengan lain perkataan, sampai ke satu tahap bahawa pelajar-pelajar kita ini dididik supaya lulus di dalam universiti, lulus di dalam peperiksaan untuk memperolehi sesuatu kerja, untuk memegang jawatan yang besar. Tetapi mereka ini tidak pernah dididik supaya belajar pandai-pandai, **supaya** lulus peperiksaan **dan** menjadi seorang yang pandai, jangan ditipu orang suatu ketika. Jadi ini konsep pendidikan yang kita ada. Jadi saya kira tadi, ditambah pula dengan peranan kementerian memberi pendidikan kemahiran untuk melengkapi ilmu yang mereka ada itu. Jadi ini mungkin sedikit sebanyak.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Sekejap. Sekejap Tuan Yang di-Pertua saya cuma hendak *put a message* .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Cuba pihak kementerian memikirkan bagaimana pula untuk memberikan mereka ini sesuatu tool untuk mereka memikirkan sebab ini tanggungjawab mereka, bukan tanggungjawab kerajaan. Tanggungjawab kerajaan sudah habis, kita sudah bagi dia ilmu, bagi kepakaran, dan sebagainya. Tanggungjawab mereka untuk berjuang meneruskan kehidupan mereka menjadi seorang yang berjaya. Cuba Menteri perjelaskan di peringkat itu.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Tangga Batu. Memang Kementerian Sumber Manusia rasa semua program yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia untuk latihan semula dan sebagainya bagi siswazah yang menganggur merupakan *short term*, ia tidak merupakan satu program yang mesti diulang kali, kerana asal masalah tersebut ialah dalam tempoh latihan di universiti atau di institusi pengajian tinggi mereka perlulah....

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** [*Bangun*]

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** .....diserapkan dengan *source skill* dengan kefasihan dalam bahasa dan sebagainya. Kementerian saya akan terus memberi maklum balas kepada agensi-agensi berkenaan supaya dari segi masa panjang semua itu perlu dibuat, supaya kita boleh selesaikan masalah tersebut sekali gus. Ini....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Yang di-Pertua, tadi ada Yang Berhormat Menteri sebut tentang Skim Latihan Kemahiran Siswazah. Saya mencadangkan supaya skim ini diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Sebab ia berpunca daripada pendidikan dan asuhan daripada Kementerian Pengajian Tinggi. Kenapa pula pusat ataupun Skim Latihan Kemahiran Siswazah ini dikendalikan oleh kementerian yang lain? Saya mencadangkan agar diletakkan terus di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

Misal kata, Kementerian Pengajian Tinggi boleh memanfaatkan Kolej Komuniti sebagai pusat sementara untuk melatih segala kemahiran-kemahiran itu. Sebab ia bermula daripada asuhan dan kalau sekiranya berlaku kesilapan itu, kesilapan itu harus dipikul oleh Kementerian Pengajian Tinggi sendiri bukan pula diambil alih oleh kementerian yang lain. Apa pandangan Yang Amat Berhormat Menteri?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Sebenarnya tanggungjawab itu bukan diambil alih oleh kementerian saya. Kita semua bersama-sama mengambil tanggungjawab tersebut. Ada program-program tertentu yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan yang lain seperti keusahawanan dan sebagainya. Di mana kita memberi latihan kepada mereka untuk menjadi usahawan, kerana kita mempunyai kebolehan dalam mempertingkatkan kemahiran secara program-program *hands-on*.

Jadi kita diberi tanggungjawab untuk mengendalikan kursus-kursus tersebut.

Memang ada agensi-agensi yang lain memberi kebolehan tersebut, tetapi kita bersama-sama kerana kita dalam satu pasukan, jika bersama-sama kita lebih berjaya. Ini akan membolehkan pekerja memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang terkini.....

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** ....dan meningkatkan.....

**Tuan Teng Boon Soon:** Yang Berhormat Datuk Menteri, boleh saya tambah sedikit tentang pandangan itu? Iaitu saya rasa, ini merupakan latihan *human resource*, dia punya pembangunan *human resource* keseluruhannya. Ini tidak boleh dihadkan kepada kementerian tertentu, Kementerian Pengajian Tinggi ataupun pembangunan

*human resource*. Tetapi ia perlukan satu *task force* yang merangkumi semua kementerian yang berkaitan.

Oleh kerana, hasil produk insan yang kita keluarkan adalah hasil Sistem Pelajaran Negara keseluruhannya, kalau ada kelemahan dalam penguasaan bahasa Inggeris ia mula daripada sekolah rendah, bukan sahaja pada institusi pengajian tinggi sahaja. Jadi kalau Kementerian Pengajian Tinggi perlu dimasukkan, Kementerian Pelajaran juga perlu dimasukkan. Keseluruhan Sistem Pelajaran Negara itu perlu dilibatkan untuk memastikan produk-produk yang dihasilkan itu *relevant* dengan keperluan pasaran semasa dari segi negeri, dari segi kebangsaan ataupun dari segi global.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Teng Boon Soon:** Terima kasihlah.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sejak skim latihan dilaksanakan pada tahun ini, adalah skim latihan yang dikendalikan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

Pada tahun 1993 sehingga 15 March 2005, seramai 9481 majikan telah berdaftar dan 1.65 billion levi Pembangunan Sumber Manusia telah dibayar oleh mereka. Dalam tempoh yang sama sebanyak 3.3 juta tempat latihan telah diluluskan bagi melatih dan meningkatkan kemahiran pekerjaan dengan melibatkan bantuan kewangan sebanyak RM1.3 billion.

Kementerian melalui Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan juga telah membangunkan kos *core abilities* yang mengandungi elemen-elemen, kemahiran tambahan seperti Kemahiran Komunikasi Teknologi Maklumat dan Pengurusan serta Pentadbiran bertujuan bagi memastikan sumber tenaga manusia yang dilahirkan mampu berdaya saing dan berdaya tahan dalam menghadapi pasaran global.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** [Bangun]

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu juga menyarankan supaya diadakan kerjasama dengan industri untuk menaja pelajar-pelajar dan seterusnya mengambil mereka sebagai pekerja. Ini bagi mengatasi masalah pengangguran. Beliau juga mencadangkan kursus yang ditawarkan perlu disandarkan kepada keperluan industri dan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** .....bukan atas kemahuan atau kehendak institusi latihan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak bagi laluan atau tidak? Pulai.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Sedikit sahaja?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Sedikit sahaja. Saya sebenarnya, hendak menimbulkan satu soalan mengenai cara kementerian menangani, atau menguruskan Skim Pembangunan Sumber Manusia ini, kerana seperti saya maklumkan tadi industri perakaunan ini merupakan industri professional. Jadi hidup mati sesebuah firma perakaunan ini adalah berdasarkan kepada kemahiran *human capitalnya*.

Jadi, firma-firma akauntan ini memang ada dia punya skim latihan yang tersendiri. Sekarang ini apa yang dibuat oleh kementerian adalah untuk mengatakan bahawa latihan yang dibuat oleh firma akauntan ini merupakan satu *profession* ya, bukan satu pekerjaan perkilangan sebagai contoh. Adalah tidak baik maknanya kementerian campur tangan dalam cara industri *professional* ini menjalankan latihannya. Jadi adakah itu dasar oleh kementerian, iaitu untuk campur tangan dalam semua industri yang ada tanpa mengirakan ciri-ciri industri tersebut. Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Ahli Yang Berhormat dari Pulai kita bukan cakap latihan itu yang dikendalikan oleh *firma-firma* perakaunan tidak baik. Saya sudah terangkan tadi, kita dapati bahawa ada sebahagian *firma-firma* perakaunan tidak cukup latihan untuk *accounts clerk*, untuk kakitangan rendah ini jadi kita perlulah tentukan ada *uniform* dengan secukupnya. Bukan tidak baik, tidak cukup. Ada satu, dua firma tidak cukup.

Jadi kita harap dengan ada *levi* tersebut, secara *uniform* boleh dipakai dan apa kursus yang mereka kendalikan sekarang boleh dapat daripada *levi*. Jadi tidak hilang apa-apa. Kalau dia ada latihan dulu ada, sekarang ia boleh dibayar melalui *levi* itu, jadi tidak ada apa yang hilang itu. Namun demikian, kalau Ahli Yang Berhormat ada apa-apa yang tidak puas hati bolehlah tulis kepada saya, saya boleh akan cuba selesaikan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kerjasama dengan pihak industri dan Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan *Program On The Job Planning* selama tiga hingga enam bulan yang merupakan syarat wajib untuk semua

pelajar mengikutinya. Sepanjang program ini dilaksanakan, sebahagian daripada pelajar-pelajar yang tamat latihan telah berjaya diserapkan oleh pihak industri untuk menjadi pekerja tetap di dalam organisasinya.

Di samping itu, ko-kurikulum latihan yang dijalankan di Jabatan Tenaga Manusia adalah merupakan gabungan bidang vokasional dan akademik. Ini kerana semenjak penubuhan institusi latihan yang pertama sehingga kini, sistem latihan yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada 30% teori dan 70% amali untuk latihan yang di peringkat sijil dan diploma.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Dungun telah mencadangkan supaya kerajaan mengadakan institusi kepada pelajar-pelajar *drop out* supaya perkara-perkara yang berkaitan dengan latihan tangan atau kerja-kerja pengkhususan yang memerlukan pendekatan industri dan sebagainya dapat dijalankan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelajar-pelajar lepasan sekolah yang gagal masih lagi berpeluang untuk mendapatkan latihan di dalam bidang-bidang tertentu di Institut Latihan Perindustrian.

Malahan saya sudah arahkan kementerian saya mengadakan satu kategori di mana *dropouts* tersebut, kalau mereka dalam proses temu duga menunjukkan mereka ada *attitude*, ada kebolehan dengan tangannya untuk kursus-kursus tersebut, bolehlah diterima.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Aman ingin mengetahui sama ada industri-industri negara kita kekurangan pekerja sehingga kita memerlukan pekerja-pekerja diambil dari luar negeri. Sukacita saya menyatakan bahawa pengambilan pekerja asing dari luar negara sama ada dalam kategori *skilled* atau pekerja tidak mahir tidak dapat dielakkan kerana negara masih lagi bergantung kepada pekerja asing dalam sektor-sektor tertentu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Sektor-sektor yang terlibat dengan kekurangan pekerja adalah seperti sektor perkilangan, perladangan, pembinaan, pembantu rumah dan juga sektor yang dikenali sebagai 3D iaitu melibatkan kerja yang berbahaya (*dangerous*), kotor dan juga



*demeaning*. Walaupun negara terpaksa bergantung kepada pekerja asing dalam jangka masa pendek...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ada menyentuh soal buruh asing ini. Apakah kementerian dan kerajaan berhasrat untuk mengurangkan pengambilan buruh asing ini dan memberi ruang yang luas kepada pekerja-pekerja tempatan. Sebab dalam ucapan saya ada menyebut dan ini memang benar dan saya minta kementerian membuat penyiasatan dan turun padang untuk melawat kilang-kilang, khususnya dalam kilang kelapa sawit, mereka mengambil pekerja asing ini.

Contohnya, kalau mereka berkehendakkan 1,000 pekerja, mereka membuat deklarasi cuma 200 orang, 800 orang dia buat *smuggle*. Bermakna dia menjual *human trading* ataupun perdagangan manusia secara tidak sah dan ini menyebabkan kerajaan kita rugi, sementara mereka pula mengaut keuntungan dan tanpa memikirkan soal-soal obligasi kepada masyarakat. Apakah kementerian ini mengambil langkah pertama mengurangkan pengambilan pekerja asing dan kedua, turun padang untuk melawat sendiri pekerja-pekerja yang di seludup ke kilang-kilang ini. Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memang adalah menjadi syarat untuk setiap kilang atau setiap majikan memberi keutamaan kepada pekerja tempatan sedangkan kementerian saya mewajibkan sebelum satu-satu kekosongan boleh diisi oleh pekerja asing mestilah kekosongan tersebut ditawarkan, diiklankan dan juga kita akan terus membantu mereka dengan bekerjasama dengan JKK dan sebagainya untuk mencari orang-orang tempatan.

Namun demikian dalam bidang-bidang tertentu seperti di ladang dan sebagainya, memang tidak ada ramai pekerja tempatan yang minat dan dalam keadaan tersebut kita perlu izinkan mereka menggunakan pekerja asing. Memang saya bersetuju ada pihak majikan yang salah guna syarat-syarat tersebut dan saya akan terus tentukan bahawa pegawai buruh (*labour inspector*) saya akan terus menyiasat setiap kilang supaya apa yang diisi dalam borang mereka adalah keadaan yang benar dan sebagainya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Minta izin, ya. Yang Berhormat, pada saya, saya melihat memang terdapat penipuan. Saya tidak menuduh tetapi majikan ini berpakat dengan pihak-pihak tertentu untuk menyeludup pekerja asing ini dan saya tidak melihat bahawa pekerja tempatan tidak berminat tetapi gaji yang mereka bayar serupa dengan apa yang dibayar kepada buruh asing. Buruh asing ini boleh ditipu, dibayar RM8 satu hari, mana logik lagi pekerja tempatan bekerja dengan RM10 satu hari.

Tetapi kalau mereka memperoleh keuntungan besar, mungkin mereka naikkan gaji bulan, bukan gaji hari, mungkin pekerja tempatan kita berminat untuk bekerja. Tetapi bagaimana kita berminat, mereka berminat, gaji itulah yang ditawarkan. Sementara buruh asing ini, RM8 pun dia ambil. Kadang-kadang RM8 pun tidak dibayar. Sebab itulah kita mengalami masalah pekerja-pekerja buruh asing ini tidak dibayar.

Yang kedua, memang terdapat penipuan ini. Saya minta kementerian tegas, bawa mereka, seret mereka ke mahkamah sebab saya tidak pernah nampak, lihat di surat khabar atau di media massa bahawa majikan-majikan dalam sektor ladang ini didakwa di mahkamah dengan kesalahan menyeludup buruh-buruh asing ini. Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya akan terus mendapatkan butir-butir berkenaan. Dari segi dasar memang kerajaan tidak membezakan dari segi gaji ini di antara pekerja asing dengan pekerja tempatan. Untuk bidang-bidang ini kita akan terus kawal selia supaya tidak ada eksploitasi di kalangan majikan dengan menggunakan mereka...

**Dato' Haji Abdul Halim bin Ab. Rahman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** ...dibayar dengan gaji yang berpatutan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, banyak lagi?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Saya belum jawab habis ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lagi?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Sedikit sahajalah. Sudah panjang, sudah lebih daripada satu jam. Ada lebih banyak *ministry* yang lain yang perlu jawab juga.

**Dato' Haji Abdul Halim bin Ab. Rahman:** Terima kasih Datuk Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya ada dua, tiga perkara hendak diminta penjelasannya, bertanya dan penjelasan.

Pertama sekali, kita tengok di United Kingdom dan juga di Amerika Syarikat, kerajaannya mewajibkan satu upahan standard (*minimum standard wages*) Di sini adakah kerajaan ingin membuatkan rakyat tempatan itu sendiri dengan mana-mana pihak pun dapat sama gaji mengikut jamnya atau apa, untuk menarik pekerja-pekerja tempatan seperti di Singapura, bolehkah kerajaan mengadakan *minimum standard wages* ini supaya jangan ditipu lagi. Bila pekerja asing boleh digaji RM10 satu hari tetapi gaji rakyat tempatan mestilah RM30 dalam satu-satu sektor. Saya minta penjelasan, itu satu.

Sedikit lagi, yang kedua, saya tengok, saya tidak tahulah, saya rasa sudah serius Kementerian Sumber Manusia ini tetapi tidak cukup serius dalam menangani masalah pengangguran. Timbalan Menteri Sumber Manusia menyatakan ada 600,000 rakyat yang menganggur dan keperluan pekerjaan kepada pekerja asing adalah 1.5 juta. Apakah pelan tindakan untuk sampai kepada penganggur sifar 2010? Apakah pelan tindakan yang diambil oleh kementerian ini untuk sampai kepada pengangguran sifar ini? Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa ini, pertamanya tidak faham tentang status ekonomi kita ini. Sekarang kita dalam keadaan yang lebih baik daripada *full employment*. Peratusan pengangguran ialah 3.7% sahaja, kurang daripada 4%. Jadi lebih baik daripada *full employment*. Tidak ada banyak negara lain yang dalam keadaan seperti ini. Mana boleh dikatakan kita tidak bertanggungjawab dan selain daripada itu juga...

**Tuan M. Kula Segaran:** *Full employment* dengan 80 ribu pengangguran!

**Dato' Haji Abdul Halim bin Ab. Rahman:** Bukan saya kata tidak bertanggungjawab. Saya kata tidak cukup serius.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Bagi *chance* saya jawablah. Dari segi dasar *minimum wage* ini, dari keseluruhan Kerajaan Malaysia tidak menggunakan dasar *minimum wage* kerana kita rasa itu akan menjadi satu halangan kepada pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh.

Namun demikian, dalam bidang-bidang tertentu di mana tidak ada persatuan atau di mana tidak ada mekanisme yang boleh menjaga nasib pekerja itu, kita telah mewujudkan *Minimum Wage Council*, dengan izin, seperti kedai runcit dan sebagainya, kita wujudkan *Minimum Wage Council* dan *the Minimum Wage Council* itu boleh menentukan gaji-gaji yang dibayar adalah pembayaran gaji yang berpatutan. Kementerian Sumber Manusia bercadang untuk mengadakan *Minimum Wage Council* dalam bidang-bidang perkhidmatan dan bidang-bidang yang meliputi pekebun-pekebun kecil, *casual workers* dan sebagainya, di mana sekarang ini didapati tidak ada persatuan, tidak ada struktur untuk menjaga nasib kaum pekerja, dan kita akan mewujudkan *Minimum Wage Council* tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berasaskan kepada rancangan jangka panjang ketiga, permintaan buruh akan bertambah pada kadar 3.1 peratus setahun. Sektor perkhidmatan akan terus menjadi sektor terbesar yang memerlukan tenaga buruh. Menjelang tahun 2010, guna tenaga sektor perkhidmatan dijangka meningkat kepada 51 peratus. Kewujudan peluang pekerjaan di sektor perkhidmatan adalah 52 peratus, sektor pembuatan – 38 peratus dan sektor pembinaan - 7.7 peratus. Sektor kecil perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel, sektor kecil kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan serta sektor kecil pengangkutan dan penyampaian menjadi subsektor utama perkhidmatan yang memerlukan lebih tenaga buruh.

Di samping itu, keperluan kepada pekerja asing yang kurang mahir berlaku kerana kurang penawaran daripada pekerja tempatan yang lebih cenderung untuk memilih pekerjaan berkolar putih. Sebaliknya pegawai dagang diperlukan kerana kepakaran yang diperlukan adalah tinggi dan tidak ramai rakyat tempatan yang memiliki kepakaran tersebut. Oleh itu, keistimewaan diberi kepada syarikat-syarikat antarabangsa seperti MSC untuk mengkaji pegawai dagang terutama dalam bidang yang berkaitan informasi teknologi dan *computer application*.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor bangun.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lambatkah, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Sikit, sikit sahaja.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Apa hendak jadi nasib pekerja-pekerja ladang di seluruh negara, khususnya di Parlimen Kuala Selangor, apabila kecenderungan pihak majikan untuk mengambil lebih ramai pekerja-pekerja asing, dan apabila pemaaju dan juga kerajaan hari ini mengabaikan kebajikan mereka sama ada dari segi perumahan, kesihatan, keselamatan dan juga pelbagai kemudahan infrastruktur. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian bercadang untuk mengkaji semula perundangan buruh yang wujud di negara ini, khususnya kenapa pihak kementerian tidak menguatkuasakan Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerjaan 1990 dan juga lain-lain resolusi yang terkandung dalam satu persidangan perwakilan Kesatuan Pekerja Ladang yang diadakan di Langkawi pada Disember tahun lepas. Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Memang cadangan Ahli Yang Berhormat adalah baik dan kementerian saya sedang dalam proses kajian semula pindaan kepada Akta Standard-Standard Minimum untuk estet-estet dan sebagainya supaya kita boleh bertindak dengan lebih berkesan untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah akta tersebut.

Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan meminta kerajaan supaya mewujudkan peluang-peluang kepada pekerja tempatan dan membuat kajian secara terperinci agar dapat mengurangkan atau tidak bergantung kepada pekerja asing. Beliau juga meminta pengiktirafan diberi kepada pekerja tempatan dengan memberi gaji yang bersesuaian. Sukacita dinyatakan bahawa kerajaan sememangnya memberi pengiktirafan kepada pekerja-pekerja tempatan dan secara prinsip dan mekanisme, saya sudah terangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat telah membangkitkan isu mengenai pengambilan pelajar berbangsa India di ILP Nibong Tebal serta inisiatif yang diambil di dalam pengiklanan pengambilannya. Sukacita dijelaskan bahawa semasa pengambilan sesi Januari 2005 diadakan pada bulan Januari 2005, pihak ILP

Nibong Tebal telah menganjurkan satu taklimat dengan memanggil secara rasmi Jawatankuasa MIC setempat, mengenai tawaran dan kelayakan memasuki ke ILP serta cara mendapatkan borang permohonan. Kita akan terus tentukan bahawa semua perjanjian yang telah diberi sebelum Institut Arumugam Pillai, iaitu ILP Arumugam Pillai Nibong Tebal, semua perjanjian yang telah diberi kepada penganjur tersebut sebelum ia dibangunkan akan terus ditunaikan.

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya tahu Yang Berhormat Menteri ini ikhlas tetapi apa yang dijanjikan di Dewan Rakyat ini pada 13 Julai 1999, yang pertama sekali, yang mustahak sekali adalah pengambilan murid-murid dari masyarakat India kerana tanah tersebut dan wang pelaburan masyarakat India diguna pakai untuk mendirikan institut tersebut. Dengan izin, *the most important priority*, yang diberi dalam Aku Janji itu telah dimungkirkan. Macam mana kita boleh percaya bahawa kerajaan akan mengatasi masalah tersebut? Kali pertama ia mengambil lebih kurang, saya difahamkan sekarang seramai 52 orang pelajar. Beliau telah mungkir janji. Tidak seorang pun pelajar dari masyarakat India diambil. Jadi, apakah yang akan dibuat?

Jangan hanya panggil MIC sahaja, kalau boleh hendaklah dipanggil juga DAP, parti-parti politik yang lain atau NGO-NGO yang lain. Kita boleh memberitahu di mana ada pelajar-pelajar yang ingin belajar di institut tersebut. Terutamanya, saya sudah beritahu dahulu, adalah di estet-estet, pekerja-pekerja kilang, di mana terdapat ramai masyarakat India, di situlah tempat di mana penerangan perlu diberi. Adakah ini akan dibuat dan kenapa sehingga kini perkara ini tidak dibuat? Saya juga telah mengatakan bahawa tidak ada *advertisement* di dalam surat khabar Tamil langsung. Kenapa?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Ada *advertisement* dalam surat khabar *Tamil Nesan*. Yang Berhormat ada baca *Tamil Nesan*? Yang Berhormat baca atau tidak *Tamil Nesan*?

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya tidak hairanlah.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Tidak bacakah? *[Ketawa]*

**Tuan M. Kula Segaran:** Yang Berhormat Menteri mungkin tidak tahu, *the circulation for Tamil Nesan* berapa ribu?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Tetapi Yang Berhormat kata tidak ada iklan. Ada iklan di sana tetapi Yang Berhormat tidak baca sahaja.

**Tuan M. Kula Segaran:** Bukan tidak ada, bila kita cakap tidak ada. Surat khabar yang dibaca oleh *majority*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya berterima kasih, kalau diiklankan dalam *Tamil Nesan*, bagus! Tetapi kenapa tidak diiklankan dalam surat khabar *Nanban*, surat khabar yang *circulation*nya lebih dua kali ganda? Kenapa ia tidak ada di sana? Mungkin ini salah satu perkara yang boleh diubahsuai, tindakan susulan boleh diambil.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, satu ketika ada Tan Sri. Oh! Belum lagi. Tuan Yang di-Pertua ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa Yang Berhormat cuba cakap tadi? *[Ketawa]*

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Sudah tukar. Tidak adalah, tidak ada apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada apa, ya. *[Ketawa]*

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Saya sudah beri arahan. Sebenarnya mengikut kelayakan yang asalnya, kita tidak ada cukup calon-calon dari kaum India. Namun demikian, saya telah arah pegawai saya untuk kategori ini kita mesti mengikut *aptitude*, kalau ada anak-anak pekerja estet yang mempunyai *aptitude* (kebolehan), ada minat dalam bidang-bidang tersebut, sungguhpun gagal dalam SPM, kita boleh timbang dan kita boleh masukkanlah. Dengan itu, saya yakin dapat memenuhi janji yang telah kita beri. Saya bagi jaminan kepada Dewan yang mulia ini, segala perjanjian yang diberi oleh kerajaan akan terus ditunaikan, kita tidak akan lari dari tanggungjawab kita itu.

**Tuan M. Kula Segaran:** Terima kasih atas Akujanji yang kedua sekarang di Dewan Rakyat ini. Yang pertama telah dimungkiri dan saya ingat lagi Timbalan Menteri masa itu, 13 Julai 1999 bila Tuan Yang di-Pertua ada di sebelah sini memberi satu Akujanji tetapi tidak diikuti. Tetapi yang lebih mustahak, bolehkah Yang Berhormat beritahu apakah kursus-kursus...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, bila saya ada di sebelah awak?

**Tuan M. Kula Segaran:** Di sebelah sana. Ada ingat tidak Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tidak pernah di sebelah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Di sebelah, mungkin duduk makan adalah, tetapi di sebelah sana Tuan Yang di-Pertua, masa itu sama di sebelah sini. Masa itu Menteri ialah Timbalan Menteri dan apakah kursus-kursus yang sedia ada pada masa ini, dan berapakah bilangan pelajar yang mungkin diambil pada masa hadapan di institut tersebut?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Untuk kursus di ILP Arumugam Pillai, kita ada empat bidang kursus iaitu juruelektrik, percetakan, teknologi komputer rangkaian dan multimedia interaktif. Namun demikian, kita juga ada kursus-kursus yang lain di ILP yang lain, di mana calon-calon semua kaum termasuk kaum India boleh dimasukkan dan dengan itu kita boleh mencapai hasrat kita untuk melatih semua pelatih kita dan menjadikan mereka sebagai pekerja yang mahir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, banyak lagi?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Saya mahu cepatkan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Belud telah meminta kerajaan mewujudkan institusi latihan di ....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa kerajaan akan menunaikan semua janjinya, tetapi ini satu jaminan yang kosong bukan? Kerana memandangkan latar belakang kolej itu, di mana ada satu janji yang dibuat sehingga seorang anak India pun tidak ada. Itu adalah janji-janji kosong sahaja. Bukankah satu usaha khas perlu diadakan supaya ini tidak menjadi satu *betrayal* kepada komuniti India di mana latar belakang South Indian Labour Board, Arumugam Pillai, tetapi seorang pelajar India pun tidak ada. Bolehkah satu jaminan yang akan ditunaikan, bukan janji-janji yang kosong sahaja.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Sudah turun, sudah dilaksanakan.

**Tan Sri Dato' K.S. Nijhar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Subang.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Ya, oh Subang ya?



**Tan Sri Dato' K.S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya hendak menjelaskan sedikit, mungkin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak minta penjelasan?

**Tan Sri Dato' K.S. Nijhar:** Minta penjelasan. Yang Berhormat, saya dengar tadi janji yang tidak dibuat oleh kementerian tetapi apa yang pernah berlaku adalah, kementerian tidak sampaikan maklumat melalui iklan yang baik kepada kaum India. Oleh itu kaum India tidak dapat memasuki kolej atau institut ini. Akibatnya tiada penuntut di institut itu bukan ada..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apakah soalan Yang Berhormat?

**Tan Sri Dato' K.S. Nijhar:** Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, baiklah Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih, terima kasih. Ahli Yang Berhormat bagi Kota Belud telah meminta kerajaan mewujudkan institut latihan di luar bandar agar remaja lepasan SPM....

**Tuan M. Kula Segaran:** Penjelasan, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada lagi, Ipoh Barat.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan M. Kula Segaran:** Tidak, saya ingat saya sudah membangkitkan mengenai apakah tindakan yang akan diambil dengan serta-merta untuk mengatasi masalah ini?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Saya sudah arahkan..

**Tuan M. Kula Segaran:** Bukan, saya tahu Yang Berhormat Menteri..

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Tindakan akan diambil dalam sesi pengambilan ini.

**Tuan M. Kula Segaran:** Yang Berhormat Menteri, saya tahu Yang Berhormat Menteri ikhlas tetapi orang-orang di bawah Yang Berhormat Menteri tidak ikhlas...

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Janganlah cakap macam itu...

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya cakap ini betul, saya pernah cakap kepada Yang Berhormat Menteri dahulu...

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Semua ikhlas ini.

**Tuan M. Kula Segaran:** Ini bukan kali pertama saya cakap dengan Yang Berhormat Menteri, tetapi saya rasa perkara ini menjadi-jadi. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu pengakuan dengan serius.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Serius.

**Tuan M. Kula Segaran:** Macam mana serius? Muka sahaja serius tetapi, *your facial expression looks serious but you are not serious in the word.* Bolehkah sebelum Yang Berhormat Menteri.....

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Barat cakap macam itu, saya tidak izinkan lagi...

**Tuan M. Kula Segaran:** *No*, janganlah, jangan anggap kerana saya..

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** *Don't belittle each other, we can debate, but don't belittle each other.*

**Tuan M. Kula Segaran:** *No, no*, terima kasih, bolehkah sebelum 28 April, sebelum persidangan ini habis, bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu berapakah *intake* yang akan dibuat? Bolehkah macam itu?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Kita kerajaan yang bertanggungjawab, kalau isu itu tidak selesai, itu akan merupakan tanggungjawab ataupun beban kepada kita semua dan saya berpandangan bahawa itu dapat diselesaikan dengan kerjasama MIC dan juga rakan seperjuangan kita supaya kita boleh hadapi pilihan raya yang akan datang.

**Tuan M. Kula Segaran:** *No, no*, ini....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, penjelasan Yang Berhormat, Larut.

**Tuan M. Kula Segaran:** Ini yang menjadi masalah...

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Cukuplah, cukuplah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat..

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** *If you want to play politic, you can play politic..*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, kalau tidak mahu, cukuplah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Larut, sedikit, Larut. Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Duduklah, dia bagi peluang sama saya.

**Tuan M. Kula Segaran:** You jangan cakap saya duduk, Tuan Yang di-Pertua, you tidak layak suruh duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, you hendak berikan kepada siapa?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Apa? Saya tidak kacau Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Ini kacau!

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *So what?* Tunggulah, saya mahu cakap. Yang Berhormat, itulah yang ada dalam kepala Pembangkang. Yang Berhormat sendiri kata, dengarlah tadi, tanggapan, jangan layan Yang Berhormat. Kita faham, cuma penjelasan saya, Yang Berhormat sudah katakan tadi, hendak dilaksanakan. Jadi kita haraplah supaya kami ini dimaklumkan bila hendak dilaksanakan, tidak payah maklumkan kepada mereka. Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Akan dilaksanakan dalam sesi pengambilan ini. Jadi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habis Yang Berhormat? Kalau habis, saya boleh jemput Menteri yang lain.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Ampang ingin mengetahui tentang *home office*. Sukacita dimaklumkan bahawa kementerian ini menggalakkan pekerjaan melalui *home office* dan telah mengambil langkah-langkah seperti penganjuran seminar dan sebagainya untuk menerangkan kepentingan *home office* dan juga syarat-syarat yang perlu dipatuhi.

Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh meminta kerajaan mengkaji syarat-syarat pekerjaan Malaysian Airlines System yang ditafsirkan sebagai diskriminasi. Saya boleh maklumkan di sini, baru-baru ini kita ada perbincangan yang dianjurkan oleh Kementerian Pengangkutan, dan saya yakin melalui berdialog dengan beberapa

kementerian termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, semua isu itu akan dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya boleh jawab dalam masa yang ada ini....

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kula Segaran:** *[Bangun]*

**Tuan Chow Kon Yeow:** *[Bangun]*

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** *What do you want?*

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya telah menimbulkan banyak perkara dalam soalan saya mengenai Kementerian Sumber Manusia.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** *Last one, last one, one second.*

**Tuan Tan Kok Wai:** Bukan, bukan, Menteri harus jawablah.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Jawab apa?

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya sudah memberi ucapan saya, banyak persoalan ditanya, mana jawapan?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Berkenaan dengan MAS ini..

**Tuan Tan Kok Wai:** Hah?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Berkaitan dengan MAS kan?

**Tuan Tan Kok Wai:** Bukan MAS. Tidak buat *homework!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat..

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Okey, bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat, tajuk-tajuk yang saya tidak sempat jawab..

**Tuan Tan Kok Wai:** Apa punya sikap ini? Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini yang tidak sempat saya jawab dalam masa yang singkat ini....

**Tuan Tan Kok Wai:** Apalah sikap ini?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Saya ingin memaklumkan bahawa..

**Tuan Tan Kok Wai:** *Point of order!* Tuan Yang di-Pertua, baru sahaja Menteri memberi janji..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat..

**Tuan Tan Kok Wai:** Kerajaan bertanggungjawab, Menteri bertanggungjawab, sikap ini bertanggungjawabkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri hendak memberi laluanakah?

**Tuan Tan Kok Wai:** Ahli Parlimen Tanjong pun tidak pernah dijawab, macam mana?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cheras, Cheras...

**Tuan Tan Kok Wai:** Cheras!

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Okey, saya bagi seminit, bangkitkan soalan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menimbulkan hujah-hujah begitu panjang, banyak sekali. Apa yang harus berlaku sekarang ialah persoalan saya dijawab oleh Menteri. Sekarang Menteri pula sebaliknya minta saya menimbulkan hujah sekarang. Adakah Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya mengulangi ucapan saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlulah. Saya mintalah, saya minta...

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya minta...

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Bagi....

**Tuan Tan Kok Wai:** Adakah Yang Berhormat akan bertanding dalam MCA *elections*? Yang Berhormat boleh layakkah? Atau *busy* dengan MCA *elections*? Apa yang lebih penting?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Bagi soalan-soalan yang lain, yang saya tidak cukup jawab...

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Jangan begitu, jangan bersikap begitu, tidak bertanggungjawab, gaji buta, gaji buta.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Saya, saya....

**Beberapa ahli:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Hey! Saya sudah banyak *polite* tahu, jangan buat macam itu, seminggu satu jam setengah saya tidak masuk itu politik, jangan buat macam itu. *I'll be very polite*, jangan, jangan buat macam itu.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** [*Menyampuk dengan bersuara kuat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Cheras, tidak apa, tidak apa. Yang Berhormat

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Siapa yang harus dipersalahkan, siapa yang harus dipersalahkan? Siapa yang harus dipertanggungjawabkan?

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Saya sudah terangkan kalau saya sudah .....memang saya amat menghargai teguran, komen, cadangan dan juga.....

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Kami paling menyesali!

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** ..... kritikan yang membina yang telah dibuat dan akan mengambil perhatian serta tindakan sewajarnya terhadap cadangan yang dikemukakan, sekian terima kasih.

**Tuan Tan Kok Wai:** *Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mana satu, mana satu peraturan mesyuarat?

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kena membantu saya juga mana satu peraturan mesyuarat?

**Cik Fong Po Kuan :** Ada, ada, ada.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Ada, memang ada. Memang ada. Mengenai cara yang dijawab.

Tuan Yang di-Pertua, menteri tadi telah mendisplaykan satu sikap yang paling tidak bertanggungjawab, tidak buat homework...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, cukuplah, baik, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai :** Dia tidak tahu langsung apakah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukup, cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai :** Hujah-hujah saya telah timbul...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat duduk balik, Yang Berhormat....

**Tuan Tan Kok Wai:** Maka apa guna kami membuat.....[*Masalah teknikal dengan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah. Cukuplah, cukuplah, cukuplah.

**Tuan Tan Kok Wai :** [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Mengapa dia tidak menjawab?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya fikir Yang Berhormat Menteri sudah beri jawapan yang panjang lebar, kepada yang tidak dapat jawab, saya fikirlah Yang Berhormat dan pihak berkenaan akan merujuk kepada hansard dan berikan jawapan nantilah kepada ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Baiklah Yang Berhormat Menteri.

**Cik Fong Po Kuan :** [Bangun dan menyampuk] Mengapa jadi begini? Tidak bolehkah jawab dengan betul?

**Tuan Lim Kit Siang :** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Perkara ini tidak boleh diteruskan. Yang Berhormat Menteri berkata perkara-perkara yang tidak akan dijawab akan ambil perhatian tetapi dia tidak tahu apakah itu perkara-perkara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** *Baiklah, baiklah...*

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau dia tahu, itu hal yang lain, dia langsung tidak tahu. Kita mahu minimum *responsibility* menteri-menteri yang datang ke Dewan ini, bukan main-main sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ipoh Timor, saya telah beritahu.....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Menteri datang tidak guna kalau mereka datang tanpa membuat apa-apa yang boleh mereka buat dan *responsibility* kepada parlimen. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh buat teguran kepada semua Menteri-Menteri supaya lebih bertanggungjawab

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat saya telah menyatakan kepada masalah atau perkara yang tidak dapat dijawab, saya minta pihak yang berkenaan rujuk kepada *Hansard*, rujuk kepada rekod.

**Beberapa ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Hari ini Yang Berhormat Cheras, tentu kelam kabut kepada ahli-ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Menyampuk lagi]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah, baiklah, cukup, baik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sebagaimana ia menerima sikap yang tidak bertanggungjawab ini .....

**Cik Fong Po Kuan:** Lebih baik jangan datanglah, Menteri!

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]* Jawapan-jawapan yang...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya rasa ini tidak patut diteruskan....mestilah dia mahu protes, protes dengan sekeras-kerasnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, baiklah cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang :** Ini semua kena protes, siapa protes?

**Cik Fong Po Kuan :** Yang Berhormat Menteri, baliklah, baliklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Beberapa ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Mana boleh! Sudahlah!

**Cik Fong Po Kuan:** Baliklah, suruh Menteri datang tidak ada guna punya!

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Bismillah hirrahamanir rahim.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, ini perkara serius. Nanti sekejap, nanti sekejap, belum selesai di sini lagi.....



**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Assalamualaikum WBT...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah selesai! Saya jemput Yang Berhormat Lembah sila.

**Tuan Tan Kok Wai:** Belum selesai lagi!

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak rasa yang saya ada di Parlimen tetapi saya rasa macam saya ada di pasar Chowrasta Pulau Pinang!

**Tuan Lim Hock Seng:** Ah! Ini pun tidak payah mari, kami pun tidak payah tanyalah!

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Tuan Fong Kui Lun:** *[Menyampuk]*

**Cik Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]* Sudahlah! *[Dewan menjadi riuh seketika]*

**Seorang ahli:** *[Menyampuk]*

**12.35 tgh**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* Laluan untuk saya Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan titah ucapan Diraja dan menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saranan dan pandangan yang diberikan oleh ahli-ahli Yang Berhormat dari Ampang, Seputeh, Jerai, Kota Melaka, Bukit Gantang, Tanjong dan Kuala Pilah akan diberi perhatian sewajarnya oleh kementerian dalam perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti kementerian pada masa hadapan ke arah peningkatan kesejahteraan masyarakat Malaysia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ampang telah mencadangkan supaya Dasar Sosial Negara perlu penglibatan secara kolektif dan kerjasama dari seluruh lapisan masyarakat. Suka saya menjelaskan bahawa cadangan ini bertepatan dengan salah satu objektif kursus Dasar Sosial Negara iaitu menjana sinergi multisektor. Bagi

merealisasikan objektif ini, beberapa strategi telah digariskan untuk menggalakkan kerjasama di kalangan pelbagai sektor yang melibatkan semua lapisan masyarakat.

Sebagai langkah untuk mencapai hasrat tersebut satu jentera pelaksana DSN telah diwujudkan di pelbagai peringkat termasuk di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan komuniti. Di peringkat komuniti telah diwujudkan pusat rujukan sosial PRS yang berkonsepkan pusat committee setempat yang memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat mendapatkan maklumat berkaitan perkhidmatan sosial dan mengadakan sesi-sesi perbincangan untuk menggerakkan program pembangunan sosial di peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat ahli Yang Berhormat Kuala Pilah, objektif kedua Dasar Sosial Negara memberi penekanan kepada pembangunan insan dan program-program ke arah ini telah disediakan untuk pelaksanaan oleh pihak-pihak tertentu di bawah pelan tindakan sosial negara. Bagi penubuhan unit perancang sosial setakat ini belum ada cadangan untuk tujuan tersebut. Fungsi perancangan sosial sedang dilaksanakan oleh seksyen pembangunan sosial di unit perancang ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Pihak ini telah pun diminta oleh Majlis Sosial Negara untuk menilai impak kepada masyarakat berhubung program-program pembangunan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seputeh menyarankan supaya kementerian menggesa MAS mengubah syarat perjanjian di antara pihaknya dengan kesatuan pekerja MAS mengenai persaraan pramugari MAS pada umur 40 tahun. Dalam hal ini saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sememangnya memandang berat mengenai amalan sektor swasta yang mengenakan syarat-syarat pelantikan kaki tangan yang mendiskriminasikan terhadap wanita termasuklah penetapan had umur persaraan yang berbeza di antara pekerja lelaki dan wanita.

Syarat yang berbeza ini merupakan satu bentuk diskriminasi ke atas wanita dan bertentangan dengan dasar kerajaan. Malah ia juga tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan khususnya perkara 8(2) yang melarang sebarang bentuk diskriminasi ke atas mana-mana warga negara atas dasar agama, bangsa, keturunan, tempat lahir dan juga jantina.

Kementerian telah pun mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Kementerian Pengangkutan dan MAS berhubung dengan perkara ini. Dalam perbincangan tersebut kementerian menegaskan bahawa pihak MAS perlu mengubah dasar sumber manusianya supaya tidak mendiskriminasikan wanita dan dasar ini hendaklah diambil kira dalam perjanjian bersama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jerai mencadangkan agar peruntukan yang lebih diberikan kepada golongan istimewa terutamanya di kalangan kanak-kanak istimewa.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Fong Kui Lun:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana satu?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Mana satu ya, Santubong la

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mana satu?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tiga-tiga saya Hendak pilih susah sangat Yang Berhormat, maka saya tiga-tiga pun tidak bagi laluanlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Astaragfilullahalazim!

**Beberapa ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini diskriminasi wanita ke lelaki, macam mana itu?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tadi baru cerita tentang diskriminasi, so Yang Berhormat sendiri mengatakan tentang diskriminasi, kami ini lelaki, kenapa begitu?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Saya takut Yang Berhormat nanti perkara 8(2) Perlembagaan diguna terhadap saya pula kerana diskriminasi di antara tiga. Jadi saya rasa eloklah...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang mana satu idaman hati?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Kalau saya katakan semua-semua pun dan sekarang ini keempat-empat idaman kalbu saya susah pula nanti Yang Berhormat, jadi saya ingat tidak payahlah Yang Berhormat, okey.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jerai ini baik.

**Datuk Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jerai mencadangkan agar peruntukan yang lebih diberikan kepada golongan istimewa terutamanya di kalangan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jerai mencadangkan agar peruntukan yang lebih diberikan kepada golongan istimewa terutamanya di kalangan kanak-kanak istimewa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah pun memberi perhatian yang berat kepada golongan istimewa atau orang kurang upaya. Dalam Budget 2005 kerajaan telah memperuntukkan lebih kurang RM12 juta untuk tahun 2005 kepada kanak-kanak istimewa terutama mereka yang mengikuti Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang mana sebelum ini tidak pernah diperuntukkan.

Di samping itu, geran tambahan juga diberi kepada badan-badan bukan kerajaan yang menjalankan perkhidmatan untuk OKU. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang mengkaji kadar-kadar bantuan kewangan yang diberikan kepada golongan yang memerlukan termasuklah OKU dan diharapkan pada budget tahun ini Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan sokongan daripada Ahli Yang Berhormat semua peruntukkan yang diberi itu akan dapat dipertambahkan.

Okey, Yang Berhormat Jerailah saya bagi sebab ini bagi jawapan beliau.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Santubong lepas ni lah Santubong.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya tak apa, saya baik. Saya tak pernah diskriminasi wanita, kerana saya tahu tanpa wanita tidak ada saya di dunia pada hari ini. Saya dilahirkan oleh wanita. Ini nak ambil hati. *[Ketawa]*

Soalan saya Yang Berhormat, memang saya setuju kementerian Yang Berhormat tambah duit apa semua, tapi Yang Berhormat dia tak sampai ke bawah,

pasal komuniti saya di Yan itu semua pun dok harap kepada wakil rakyat, dok harap belas kasihan orang. Orang sebelah Yan ni bukan ada korporat, orang susah, jadi hak yang meleleh hingus tu dok meleleh lagilah sampai la-ni.

Jadi ini nak bagi penjelasan, dia sekali dengan soalan, Yang Berhormat bersabarlah ya. *[Ketawa]* Jadi Yang Berhormat, boleh tak kita akan hantarkan senarai-senarai sebagai Wakil Rakyat, kerana kadang-kadang mak tu mai dukung anak *terhele-hele* dekat saya. Saya pun tidak tahu nak buat apa. Jadi, dahlah ibu tunggal, susah pula, anak pula tak sihat. Jadi boleh tak sekarang ni kita sebagai wakil rakyat, kita ambil senarai-senarai nama ini dan kita serahkan kepada kementerian Yang Berhormat melalui Pejabat Kebajikan di bawah dan Yang Berhormat tolong tengok Yang Berhormat. Dan baru-baru ini tiga ibu tunggal mai menangis depan saya, mai menangis Yang Berhormat. Dia kata duit *welfare* bagi bulan Januari, lompat bulan Mac baru dapat, dia tak datang tiap-tiap bulan. Dia kata anak dia nak pergi sekolah harap duit inilah. Jadi mintalah *welfare* ni, ini bulan tiga duit tak masuk mai lagi. Jadi tang mana duit tu sangkut Yang Berhormat? Saya nak tolong wanita, bukan nak diskriminasi wanita. Bapa tunggal tak apa, dia boleh cari sendiri. Yang ibu tunggal yang kita nak tolong, Yang Berhormat. Jadi, tara itu Yang Berhormat nu, Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat, cara Yang Berhormat itu pada kami, "*kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan*". Hantarlah saja kepada saya dan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang hadir pada hari ini senarai nama-nama yang memerlukan bantuan. Cuma saya nak nyatakan kepada Yang Berhormat, saya risau bila saya dengar banyak sangat ibu tunggal yang dok melawat Yang Berhormat. Saya takut nanti beban tanggungjawab terhadap Yang Berhormat tu tak dapat dipikul oleh Yang Berhormat. Jadi kalau terlalu ramai yang hadir Yang Berhormat, eloklah hantar mereka untuk perhatian di Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia macam ni Yang Berhormat, pasal orang kampung dia tak reti. Jadi saya buka klinik saya, pejabat saya seminggu dua kali, hari Ahad dan hari Rabu. Jadi depa mai dekat saya, saya pun dah tak dan nak pikul Yang Berhormat, kita pakat pikul bersamalah Yang Berhormat nu.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ya, okey.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Dan pegawai-pegawai kebajikan pun tolong pikullah, ni pahala, kementerian Yang Berhormat ni pahala besar ni, tolong orang susah. Insya-Allah, saya buat kerjalah.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan itu dan juga kerana menjadi ambassador istimewa untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Seputeh juga membangkitkan mengenai pelantikan pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK). Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pengerusi MPWK di peringkat negeri adalah di lantik daripada kalangan Ahli Yang Berhormat, ahli Exco kerajaan negeri yang bertanggungjawab tentang portfolio wanita dalam negeri berkenaan. Manakala di peringkat kawasan Parlimen ia dipilih dari kalangan pemimpin wanita yang berkemampuan untuk menggerakkan MPWK di kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Ampang mengenai konsep *Home Of Peace*, saya ingin maklumkan bahawa kementerian dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta pihak berkuasa tempatan dan Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses menyediakan garis panduan pelaksanaan *Home Of Peace* yang akan dimuktamadkan Insya-Allah, pada tahun ini. Buku garis panduan pelaksanaan *Home Of Peace* ini akan disebar pada orang ramai yang berminat untuk menceburi bidang *Home Of Peace* terutamanya kepada golongan wanita, orang kurang upaya serta warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat dari Ampang agar lebih banyak kursus keibubapaan diberi kepada kaum lelaki atau bapa adalah sangat baik. Kementerian melalui LPPKN telah menjalankan kursus-kursus keibubapaan dalam usaha untuk memantapkan institusi keluarga. Antara tahun 2000 hingga 2004 sebanyak 760 aktiviti pembangunan keluarga telah dilaksanakan yang merangkumi ceramah-ceramah, bengkel dan kursus yang melibatkan 93,598 orang peserta.

Di samping itu, kursus-kursus kebapaan juga dilaksanakan, malangnya Tuan Yang di-Pertua, respons daripada kaum bapa tidak menggalakkan. Insya-Allah, pada tahun ini kita ada beberapa strategi baru di mana kita akan tangkap mereka di tempat-

tempat kerja dan menentukan bahawa program-program terutamanya program keibubapaan ini dibawa ke tempat-tempat kerja misalnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kota Melaka mencadangkan agar modul *Smart Start* diwajibkan kepada semua pasangan yang akan berkahwin dan topik persediaan perkahwinan dimasukkan di dalam kurikulum sekolah. Buat masa ini pihak kementerian hanya menggalakkan pasangan yang bakal melangsungkan perkahwinan untuk mengikuti kursus *Smart Start* ini. Cadangan mewajibkan kursus ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya dan dibincangkan dengan pihak yang berkaitan seperti Jabatan Pendaftaran Negara. Mengenai cadangan supaya topik persediaan perkahwinan dimasukkan dalam kurikulum sekolah, saya akan merujuk perkara ini kepada Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gantang dan Ampang membangkitkan mengenai kemudahan pusat jagaan kanak-kanak. Pada dasarnya kerajaan menggalakkan sektor kerajaan mahupun swasta untuk menyediakan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak atau taska di tempat-tempat kerja. Bagi sektor kerajaan antara insentif dan kemudahan yang disediakan adalah geran tidak lebih RM50 ribu dan taska yang diwujudkan di bangunan kerajaan diberi pengecualian daripada memohon untuk menukar syarat penggunaan bangunan. Bagi sektor swasta pula, majikan akan diberi pengecualian cukai 10% ke atas kos keseluruhan pembinaan bangunan untuk taska bagi tempoh selama 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang mencadangkan agar kementerian memberi tumpuan khusus kepada penyediaan kemahiran bagi ibu-ibu tunggal. Untuk makluman Yang Berhormat, program latihan kemahiran kepada wanita termasuklah golongan ibu tunggal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ampang bangun.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Biar saya habiskan yang ini dulu ya, saya akan beri laluan kepada Ampang - merupakan salah satu program teras kementerian. Kementerian yakin bahawa program pembangunan kapasiti ini akan dapat membantu wanita terutama ibu-ibu tunggal berdikari serta meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Pada tahun 2004 kementerian telah melaksanakan 55 program pembangunan kapasiti wanita termasuk program-program kemahiran dengan kerjasama 44 NGO. Program ini telah memberi manfaat kepada lebih kurang 12,090 wanita termasuklah ibu-ibu tunggal. Ampang.

**Dr. Rozaidah binti Talip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya nak sentuh tentang pusat jagaan kanak-kanak tadi, kita *reverse* balik. Kita tahu yang pihak kementerian memberi begitu banyak insentif, tetapi bolehkan Yang Berhormat Menteri menyatakan di sini bagaimanakah sambutannya dan berapa banyakkah agensi ataupun pejabat yang telah menyediakan kemudahan ini setakat ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, malangnya sambutan untuk penubuhan taska ini tidak begitu menggalakkan. Mungkin kerana mereka memerlukan rangsangan terutamanya dari segi pakej ekonomi yang lebih memuaskan.

Pada tahun ini Yang Berhormat, pihak kementerian kita sedang menyemak kembali Akta Taska dan Insya-Allah kalau dipersetujui oleh pihak kerajaan, beberapa rangsangan yang baru akan diberi untuk menggalakkan penubuhan lebih banyak lagi pusat jagaan kanak-kanak ini bukan hanya di kementerian-kementerian dan jabatan tetapi juga di pihak swasta, kerana kalau kita serius untuk menentukan wanita, kedua-duanyalah kaum bapa dan wanita, kedua-duanya masuk dalam pasaran pekerjaan maka suka tak suka isu pusat jagaan kanak-kanak ini harus diberi perhatian yang serius.

Jadi, insya-Allah saya harap bahawa pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang kita dapat menangani perkara ini.

**Cik Tan Lian Hoe:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Gantang.

**Cik Tan Lian Hoe:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang saya ucapkan syabas kepada kementerian kerana telah pun menyediakan banyak kemahiran. Tetapi masalahnya di sini kemahiran-kemahiran yang telah dikendalikan oleh kementerian melalui NGO ini sebenarnya memang tidak begitu banyak memberi kesan, sebab NGO cuma mengendalikan dalam sehari dua



sahaja. Dalam sehari dua ini saya dapati kemahiran itu tidak boleh kita dapat dalam jangka masa yang pendek.

Oleh itu saya amat mengharapkan kalau boleh kementerian dapat menubuhkan sebuah pusat kemahiran ibu tunggal sebab ini penting. Bagi saya, saya dapati bahawa banyak daripada ibu-ibu tunggal hari ini memang memerlukan kemahiran dan saya mendapati bahawa kalau kementerian tidak dapat membantu mereka ini, siapa lagi yang dapat membantu mereka. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Memang betul apa Yang Berhormat kata. Masanya sudah tiba untuk kita, kalau dapat persetujuan daripada *Treasury* misal kata untuk kita sendiri di bawah kementerian mewujudkan satu pusat kemahiran. Namun begitu buat sementara waktu kita bekerja dengan rapat sekali dengan kementerian-kementerian yang lain, di mana kalau ada pusat-pusat kemahiran yang lain terutama dengan Kementerian Sumber Manusia kita ada kerjasama dengan kementerian ini. Kalau ada ibu-ibu tunggal yang memerlukan *training* atau latihan kita hantar kepada pusat-pusat latihan yang ada.

Tetapi secara idealnya Yang Berhormat, saya bersetuju bahawa alangkah cantiknya kalau di bawah kementerian ini ada pusat latihan bukan hanya untuk ibu tunggal tetapi kumpulan sasar kementerian yang ada. Ini dalam perancangan dan sekali lagi saya kata kalau dapat sokongan terutama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat saya rasa mungkin pihak *Treasury* akan bekerjasama dalam perkara ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang Berhormat, soalan terakhir untuk kementerian Yang Berhormat ya, daripada Jerai. Saya amat bersetuju dan saya memang hendak mencadangkan macam itu pasal masalah kemiskinan Yang Berhormat, memang banyak di kampung. Cuma Yang Berhormat, saya hendak minta satu Yang Berhormat, banyak kes yang saya jumpa sebagai wakil rakyat, dia kata dia dapat duit *welfare* RM80 sebulan. Tapi dia ada anak dalam lima hingga enam orang.

Kemudian salah seorang daripada anak dia itu kerja. Kerja pun kerja gaji yang tidak menentulah. Kadang-kadang kerja kilang pun gaji tidak berapa cukup duit. Cukup untuk lepas budak itu sahaja. Jadi pihak *welfare* potong, tidak sambung yang RM80 itu.

Jadi boleh tidak saya hendak minta rayuan kepada Menteri yang saya kira cukup baik pasal *welfare* ini. Allah taala sahaja boleh balas budi baik Yang Berhormat ini.

Jadi tidak usah buat macam itu, kasihan. Bukan banyak sangat RM80 sebulan. Hanya dapat beli beras sahaja. Lauk itu mereka cari sendiri. Jadi saya mintalah kalau boleh, pegawai-pegawai pun kadang-kadang mereka datang pada saya, mereka kata takut hendak pergi ke pejabat. Saya kata takut pasal apa, itu pejabat kerajaan. Laa, kami tanya mereka naik angin. Maklumlah manusia. Kadang-kadang dia mai angin tidak baik. Tambah pula orang perempuan. Kena pula hari tidak tentu arah itu, hari tidak boleh sembahyang itu dia bebal sahaja kan.

Jadi dia pergi jerkah orang tua itu, terkejut. Jadi saya harap kempen budi bahasa kita ini dan duit ini mintalah Yang Berhormat. Saya minta ini kepada Yang Berhormat kaji balik. Janganlah kerat. Bagilah RM80, RM150 bela orang-orang tua. Orang yang telah memperjuangkan kemerdekaan untuk kita Yang Berhormat. Sisa-sisa yang hidup ini. terima kasih Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, hendak jawab.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Nanti saya jawab sekali.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang sangat prihatin terhadap kebajikan dan saya percaya sikap Menteri itu. Wanita-wanita yang baru masuk Islam di bawah PERKIM, walaupun dilatih dalam beberapa kemahiran oleh PERKIM dan dibantu oleh kerajaan negeri-negeri dan juga oleh Majlis Agama Islam tapi tidak cukup. Jadi saya sangat kasihan melihat wanita-wanita ini tidak dapat hidup dan kadang-kadang lebih teruk daripada ibu tunggal. Jadi saya hendak tahu apa rancangan kementerian Yang Berhormat untuk membela dalam membuat kemahiran terhadapnya dan kalau ada berapa peruntukannya. Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya jawab daripada Pengkalan Chepa dahulu ya. Jangan marah ya Yang Berhormat Jerai. Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa tadi membangkitkan tentang isu PERKIM. Saya hendak maklumkan daripada pengalaman kita daripada kementerian,

PERKIM adalah di antara NGO yang paling aktif dan berkesan dalam perjuangan mereka. Kita banyak NGO wanita yang memang sekarang ini diberi peruntukan dan diberi nafas baru.

PERKIM adalah di antara yang saya lihat, sebab kita memang bekerjasama dengan mereka. Banyak program mereka kita bagi duit untuk turun ke padang. Macam-macam program pembangunan kapasiti, tetapi setakat ini melalui kementerian kita tidak ada *special* program dengan PERKIM. Tetapi maklum balas Yang Berhormat bagi pada saya, selepas saya balik nanti saya akan tengok dan akan panggil kepimpinan PERKIM terutamanya peringkat nasional dan saya tanya apakah bidang *special* mungkin ada *special need*, dengan izin yang mereka perlukan. Insya-Allah setakat mana yang kementerian boleh kita akan berikan peruntukan yang sewajarnya.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Sama-sama. Kepada Yang Berhormat bagi Jerai. Yang Berhormat tanya tadi mengenai Jabatan Kebajikan Masyarakat. Memang betul Yang Berhormat. Pada hari ini peruntukan yang diberi kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat memang tidak banyak Yang Berhormat. Jadi kita mengagihkannya dengan sebaik mungkin. Pegawai kebajikan yang ada pada hari ini Yang Berhormat pada saya sudah setahun bekerjasama dengan mereka terdiri di antara pegawai yang paling berdedikasi. Kerja mereka Yang Berhormat, siang malam menjaga orang daripada orang putih kata "*from womb to the tomb*". Kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas, ibu tunggal, *you name it, they have to look after them*, dengan izin termasuklah di kawasan Yang Berhormat.

Jadi saya tahu duit yang kita bagi memang tidak cukup, RM80 hari ini apa yang kita boleh buat. Sebab itu pada tahun ini Yang Berhormat saya harap dalam masa-masa sesi Parlimen ini cakap lebih sedikit tentang isu *welfare* ini - kebajikan. Kalau saya dapat sokongan daripada Yang Berhormat bolehlah saya minta lebih daripada *Treasury* hendak naikkan bantuan. Hari ini satu keluarga maksimum yang kita boleh bagi macam mana daif pun RM350. Melainkan kalau ada *very special case*. Tapi itu pun *we have to be very careful*, sebab duit kita tidak banyak.

Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat. Insya-Allah kes Yang Berhormat kata itu lepas ini saya akan hantar pengarah di Kedah sendiri untuk menghadap Yang

Berhormat hendak tanya kes mana Yang Berhormat kata dan saya percaya tidak ada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat yang panas baran. Semuanya manis belaka senyum macam Yang Berhormat. Selepas ini dan insya-Allah kita akan berikan perkhidmatan yang terbaik pada masa-masa yang akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, selepas hantar ke Jerai, bolehkah hantar ke Kulai juga?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Kulai? Boleh Tuan Yang di-Pertua. *No problem.* Hari ini yang hadir bersama-sama saya ke Parlimen begitu ramai sekali wakil daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang diketuai oleh Ketua Pengarah sendiri. Mereka sedang mendengar dengan teliti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Insya-Allah, insya-Allah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bukan saya kata depa ini apa-apa. Depa bagus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah janji soalan yang terakhir sekali. Kenapa bangun lagi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, hendak perbetul balik. Kadang-kadang sahaja. Depa tidak panas baran, bagus. Dengan saya pun baik. Kadang-kadang. Orang-orang tua maklumlah dia terkejut.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Lagi satu Yang Berhormat, saya hendak betulkan juga Yang Berhormat kata wanita ada masa dia naik angin tidak naik angin. Yang itu fesyen lama Yang Berhormat. Wanita hari ini *steady* 30 hari 30 malam Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi ya.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** *No problem.* [Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang saya kata itu yang tidak boleh sembahyang Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** [Ketawa] Termasuk yang tidak boleh sembahyanglah Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** [Bangun]

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sekijang.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** .....akhir sekali.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekijang, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Okey, *last*.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya begitu bersimpati kepada kementerian Yang Berhormat ini kerana tadi dikatakan tidak cukup untuk mengagihkan kepada mereka yang berkelayakan ini. Kebetulan Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pun ada, saya ingat di bawah kementerian ini ada satu FELCRA kalau tidak salah saya. FELCRA ini mengeluarkan dividen tiap-tiap tahun.

Jadi agaknya kalau boleh berbincang dengan kementerian ini kita bagi mereka ini terutama anak-anak istimewa ini, yang pejuang-pejuang seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi yang betul-betul ini kita bagi. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berbincang kita masukkan sama bahawa orang ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, baiklah masa pun sudah cukuplah. Ringkaskan soalan.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Okey, okey. Kalau boleh saya minta dibincangkan dan kita boleh agihkan melalui dividen yang dikeluarkan oleh FELCRA ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, banyak lagi?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Sudah, sudah habis Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, satu atau dua minit boleh selesai.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saranan itu akan saya bincangkan dengan Menteri berkenaan. Nampak gaya dengan senyuman beliau itu okeylah, *no problem*.

Akhir sekali, berhubung dengan kes di Pulau Pinang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong, terima kasih Yang Berhormat kerana memberi maklum

balas kepada kita. Saya akan siasat apa yang berlaku dengan Persatuan Ibu Tunggal dan kutipan wang yang dibuat oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas cadangan dan pandangan yang telah diberikan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan di atas segala sokongan daripada Ahli Yang Berhormat amat dihargai. Sekian, terima kasih, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terima kasih kepada Menteri. Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri akan memulakan ucapan. Silakan Yang Berhormat.

**2.31 ptg.**

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Titah Diraja Usul Menjunjung Kasih di bawah Dewan Rakyat dan telah menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Rasah, Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Belud dan Ahli Yang Berhormat bagi Putatan secara bersekali mengenai isu kebergantungan Malaysia terhadap buruh asing. Ahli-ahli Yang Berhormat telah mencadangkan agar kerajaan dapat mengambil langkah yang lebih efektif untuk meminimumkan kehadiran pendatang tanpa izin di negara ini di samping

mengkaji semula fasa pengambilan buruh asing agar negara tidak terlalu bergantung kepada mereka di masa akan datang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan memang amat serius menangani masalah pendatang tanpa izin di negara ini. Oleh yang demikian, kerajaan telah mengambil tindakan drastik dengan memberikan kuasa kepada pasukan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA). Pada masa yang sama, rukun tetangga diaktifkan untuk bersama-sama menangani isu ini. Dengan penambahan agensi-agensi untuk membantu melaksanakan operasi menangkap pendatang tanpa izin bersama-sama dengan agensi penguat kuasa sedia ada iaitu Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia, kerajaan percaya masalah kehadiran pendatang asing tanpa izin, akan dapat diatasi. Operasi ini dinamakan "Ops Tegas" dan telah dilaksanakan mulai 1 Mac 2005.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan membenarkan pengambilan pekerja asing disebabkan oleh tenaga kerja tempatan yang tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan tenaga kerja yang diperlukan dalam pelbagai sektor pekerjaan akibat pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara ini. Pada masa yang sama, akibat daripada peningkatan taraf hidup, terdapat beberapa jenis pekerjaan tertentu yang tidak menarik minat pekerja tempatan iaitu kerja-kerja yang kotor, sukar dan berbahaya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah membuat kajian mengenai keperluan pekerja asing dan pihak kementerian sedang meneliti akan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dalam kajian tersebut.

Kelulusan pengambilan pekerja asing dibuat berdasarkan kepada keperluan majikan mengikut syarat-syarat tertentu untuk setiap sektor yang dibenarkan. Kerajaan tidak berhasrat untuk mengenakan kuota tertentu bagi setiap sektor pekerjaan yang dibenarkan kerana ia tidak menggambarkan keperluan sebenar majikan. Pihak majikan hendaklah lebih bijak merancang keperluan sebenar guna tenaga yang diperlukan bagi mengelakkan sebarang masalah atau kerugian di pihak mereka. Di samping itu, pihak kerajaan amat menggalakkan semua sektor ekonomi untuk menggunakan automasi bagi menjalankan kerja-kerja menggantikan tenaga manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Belud juga mencadangkan supaya kerajaan mengambil langkah-langkah yang lebih efektif untuk mengurangkan

pergantungan terhadap pekerja asing. Kementerian mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia sebenarnya memainkan peranan yang penting untuk mengkaji sektor-sektor yang boleh diisi oleh tenaga kerja tempatan. Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri hanya bertanggungjawab dalam urusan mengurus dan mengawal kemasukan pekerja asing ke negara ini sahaja.

Ahli Yang Berhormat bagi Jerai ada mencadangkan agar kerajaan mengkaji latar belakang agama, sosiobudaya dan adat resam pekerja-pekerja asing yang hendak dibawa masuk pada masa akan datang agar masalah-masalah sosial dapat diatasi. Isu mengenai kaitan antara budaya pekerja asing dengan masalah sosial adalah perkara yang sukar ditangani kerana perkara tersebut amat subjektif. Walau bagaimanapun, pekerja-pekerja yang akan masuk ke negara ini dikenakan syarat untuk menjalani kursus-kursus induksi yang berkaitan dengan perkara di atas. Hanya baru-baru ini, kerajaan membuat keputusan supaya warga asing yang bekerja di sini dari Indonesia dikecualikan daripada kursus induksi ini memandangkan budaya dan bahasa mereka sudah bersesuaian dengan bahasa dan budaya di negara Malaysia.

Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas pula ada mencadangkan supaya kerajaan mengubah syarat-syarat kemasukan pekerja asing dengan membenarkan pekerja lelaki yang telah berkahwin terutamanya yang beragama Islam untuk membawa isteri mereka bekerja di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak membenarkan pekerja asing membawa keluarga iaitu isteri adan anak-anak bersama-sama mereka kerana ianya akan memberikan pelbagai implikasi kepada negara dari segi ekonomi, kesihatan, pendidikan dan sosial. Pekerja asing yang bekerja di Malaysia adalah untuk tempoh yang singkat sahaja. Dakwaan yang mengatakan masalah jenayah rogol dan bunuh dapat diatasi dengan membenarkan mereka membawa ahli keluarga adalah tidak benar kerana kadar jenayah yang melibatkan pendatang asing adalah kecil berbanding dengan kadar jenayah yang sebenarnya di negara ini.

Pada kebiasaannya, kegiatan jenayah tersebut dilakukan oleh pendatang tanpa izin dan bukannya pekerja asing yang masuk bekerja secara teratur. Penglibatan pendatang asing dalam kes jenayah bagi tahun 2004 menunjukkan terdapat sebanyak 1,718 kes rogol dilaporkan dan dari jumlah tersebut, 84 kes sahaja melibatkan



pendatang asing. Daripada 565 kes bunuh yang dilaporkan, 112 kes adalah melibatkan pendatang asing.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Putatan telah meminta agar kerajaan dapat menguatkuasakan syarat kemasukan pendatang asing dengan tidak membenarkan mereka membawa isteri dan anak masuk ke Malaysia. Dasar kerajaan pada masa ini sememangnya tidak membenarkan pekerja asing membawa keluarga bersama-sama sepanjang tempoh mereka bekerja di negara ini. Mengenai Sabah, dasar tidak membenarkan kemasukan isteri dan anak bersama suami yang bekerja telah bermula pada awal tahun 2004.

Yang Berhormat bagi Cheras telah membangkitkan isu berkenaan pengusiran PATI, yang telah memberikan impak besar kepada ekonomi negara serta Program Pengampunan yang dikatakan tidak realistik. Keputusan kerajaan melaksanakan Program Pengampunan adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan negara.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sila.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan juga tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dalam isu tadi, yang ada menyebut tentang negara masih lagi memerlukan tenaga pekerja asing. Ini tidak dapat kita elakkan, khususnya bagi sektor pertanian dan sektor pembinaan. Satu isu yang saya rasa *is long standing issue*, dengan izin, yang masih belum selesai dan saya faham ini melibatkan masalah birokrasi dan juga masalah-masalah yang melibatkan antara negara kita dan negara yang berkenaan.

laitu isu pelarian Rohingya. Sekarang kita *reliance*, kita menyedari bahawa negara kita menghadapi kekurangan pekerja asing dan kerajaan bercadang untuk mengambil pekerja dari Pakistan, sebagai contoh. Ini mengikut laporan dari Kementerian Sumber Manusia untuk mengatasi masalah ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kementerian Yang Berhormat tidak bercadang supaya masalah Rohingya ini, yang kalau mereka balik ke tanah air mereka, mereka akan dibunuh? Kenapa tidak mereka ini kita beri pekerjaan? Mereka telah beranak-

pinak di sini, mereka telah ada keluarga di sini, mereka diberikan pekerjaan dan setidaknya-tidaknya mereka boleh menyelesaikan masalah kehidupan mereka. Jadi, adakah dasar kerajaan yang ada pada hari ini untuk membantu masalah pendatang tanpa izin, khususnya bagi pelarian Rohingya. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Ini satu soalan yang baik, yang tidak tersebut dalam catatan saya. Sebenarnya ada dua kumpulan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu satu Pakistan. Memang Pakistan dibuka khusus kerana imbalan perniagaan atau perdagangan antara Pakistan dengan Malaysia terlalu banyak memihak kepada Malaysia, maka Kerajaan Pakistan meminta supaya Malaysia membukakan ruang pekerjaan bagi warga mereka. Oleh kerana itu kita meletakkan *sealing*, jumlah total yang sebenarnya yang diletakkan 100,000 orang pekerja dari Pakistan. Tidak semestinya diisi dengan segera, tetapi pada akhirnya habis tinggi *sealing* yang diletakkan ialah 100,000 orang.

Yang kedua soalan mengenai Rohingya - Bukan sahaja warga Rohingya, tetapi yang lain yang dianggapkan sebagai kumpulan, pelarian di Sabah, di Semenanjung. Mereka ini dikatakan pelarian kerana sejarah mereka. Oleh kerana itu, Jawatankuasa Kabinet juga telah membuat keputusan supaya mereka ini diserapkan ke dalam tenaga kerja asing yang akan digubalkan secara teratur. Bukan sahaja mereka yang berumur boleh bekerja, akan didaftarkan untuk memasukkan ke pasaran pekerjaan bahkan, anak-anak mereka juga akan ditimbang untuk memasuki sekolah-sekolah kerana kalau mereka berada di sini, anak-anak memang kian membesar. Selagi mereka berada di sini, kalau tidak ada pendidikan, pelajaran, mereka akan menjadi warga terpinggir dan tidak ada negara asing, negara ketiga yang mampu mengambil mereka kalau mereka tidak ada pelajaran dan kemahiran.

Begitu juga anak-anak yang di luar umur persekolahan, mereka akan dilatih, dipersetujui untuk dilatih dalam bidang-bidang kemahiran tertentu supaya mereka dapat dimasukkan dalam sektor pekerjaan. Jadi, yang wanita juga akan dilatih mengikut keputusan dasar sebab mereka juga dapat diserapkan sebagai pembantu rumah. Ini bukan sahaja soalan Yang Berhormat, sebenarnya ini dasar yang telah diputuskan. Cuma perlaksanaannya akan memakan masa sedikit kerana ia memerlukan perancangan yang lebih rapi. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dasar kerajaan pada masa ini sememangnya tidak membenarkan pekerja asing membawa keluarga bersama mereka, sepanjang tempoh mereka bekerja di negara ini. Mengenai Sabah, dasar tidak membenarkan kemasukan ini telah pun berjalan pada awal 2004 seperti yang telah saya baca.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong:** *[Bangun, sambil mengetuk pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Segambut.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Sila.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini satu masalah yang amat serius ialah levi yang sangat tinggi dan kita difahamkan ramai majikan tidak puas hati, sebab kalau levi sangat tinggi, kos beroperasi naik dan tidak kompetitif lagi. Saya harap Menteri boleh bagi sedikit penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya levi bukan dibayar oleh majikan, levi adalah dikenakan kepada pekerja. Oleh kerana pekerja asing ini menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dalam negara, maka ini merupakan satu jenis cukai yang dikenakan kepada mereka. Cuma cukai-cukai ini berbeza di antara sektor. Sektor pembantu rumah dikenakan RM360, sektor perladangan yang oleh kerana pada suatu ketika dahulu harganya begitu merosot, maka levinya juga RM360. Cuma yang sektor-sektor lain, sektor ekonomi yang pesat dikenakan RM1200. Kerajaan sedang mengkaji penyesuaian semula levi-levi ini tetapi pembayaran levi memang ada rungutan mengatakan tinggi kerana dikatakan dibayar dahulu oleh majikan kemudian dibayar kembali, dipotong gaji daripada pekerja.

Walau bagaimanapun, ini adalah satu perkara yang sedang dalam pertimbangan, cuma hendak disesuaikan supaya tidak ada pekerja yang dibawa dalam sektor yang murah diserapkan kepada sektor yang mahal. Maksudnya, sektor perladangan dibawa dengan levi yang murah, kemudian datang sini dibawa masuk ke sektor industri. Ini merupakan satu penipuan kalau dilihat dari sudut itu. Tetapi dari segi levi, kalau diambil dari segi peratusan pendapatannya adalah rendah berbanding dengan jumlah pendapatan yang mereka perolehi.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Sedikit, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Ledang.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua! Ada kaitan? Ada soalan yang berkaitan?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Ya! Berkaitan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay, Tuan Yang di-Pertua.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Dato' Menteri. Apabila ada *demand*, dia ada *supply*. Saya bimbang majikan sengaja mengambil kesempatan untuk memberikan suatu pernyataan palsu tentang keperluan pekerja asing ini, sebab mereka lebih suka mengambil pekerja asing, lebih cenderung mengambil pekerja asing kerana gajinya murah. Soalan saya ialah, bagaimana kementerian boleh memastikan bahawa majikan ini benar-benar memerlukan pekerja asing bukan kerana hendak mengelak daripada membayar gaji mahal, tetapi lebih kerana membayar gaji murah, sedangkan ramai saya yakin di negara kita yang memerlukan pekerjaan yang sama dengan gaji yang lebih baik. Sebab saya membuat sedikit pertanyaan secara rambang, sebagai contoh. Ini contoh sahajalah, pekerja di restoran mamak. Saya dimaklumkan ramai pekerja dari luar.

Saya *check* dengan beberapa kedai yang lain, ada pekerja dari negara kita. Saya tanya, "Gaji macam mana?" Dia kata, "Gaji lebih kurang RM1,000." Restoran tidak mampu bayar gaji seribu kepada pekerja asing, tetapi dia sanggup bayar RM600. Maksudnya, saya bimbang majikan sengaja mengambil peluang untuk membayar gaji murah. Jadi, bagaimana kementerian memastikan bahawa majikan tidak menipu. Sekian terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan-soalan yang sering dibangkitkan oleh pelbagai pihak. Sebenarnya M10 telah membuat kajian, apakah sebab-sebabnya kekurangan jumlah pekerja tempatan. Jadi, di bidang *construction*, di bidang pembinaan dikatakan, dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *they cited high-labour costs and limited supply as the main problem*. Maksudnya, bekalan pekerja tidak cukup, maka perlu kita import. Itu memang banyak dalam sektor binaan.

Yang kita menjadi masalah ialah dalam sektor binaan kita tidak ada pekerja yang bekerja di suatu syarikat lebih daripada dua atau tiga bulan dalam sesuatu syarikat. Dia kena berpindah-berpindah. Yang menjadi masalah kelemahan kita ialah dalam cara kita melaksanakan, kita tidak mengizinkan pekerja itu bekerja di bawah banyak majikan

dalam tempoh tiga tahun. Ini menjadikan menimbulkan masalah yang mewujudkan pekerja itu sebagai pekerja haram.

Kerajaan telah membuat satu sistem baru di mana mereka tidak perlu menjadi pekerja haram bahkan mendaftarkan diri di suatu badan dikatakan *Construction Labor Exchange Board* dikendalikan oleh Kementerian Kerja Raya yang membolehkan mereka ini mendaftar dan berpindah daripada majikan ke majikan.

Dalam sektor perladangan pula, memang bekalan pekerja juga kurang maka kalau di lihat di Sabah dan Sarawak, banyak pekerja daripada sempadan negara jiran secara bermusim. Apabila ada buah untuk dituai maka datanglah mereka. Itu juga sebagai satu daripada ..... dan bekalan pekerja banyak. Apabila banyak bekalan *supply*, maka harganya juga murah.

Dalam sektor perkilangan, pekerja kita dikatakan *lack of interest in work*. Mereka memilih tempat, kalau ada *aircond*, mereka bekerja. Kalau tidak ada *aircond*, kalau tempat itu panas, mereka kurang berminat. Ini adalah disebabkan oleh *standard* ataupun gaya hidup yang telah meningkat di kalangan masyarakat Malaysia.

Di sektor perkhidmatan pula, mereka tidak suka bekerja oleh kerana restoran mamak, mereka sampai pagi selama 24 jam. Lepas pukul 7.00 malam tidak banyak lagi sanggup bekerja maka banyak yang membawa pekerja asing yang datang dan juga jenis kerja kotor mereka tidak begitu cenderung. Inilah antara sebab-sebab setelah kajian dibuat oleh MTEN

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Cheras telah membangkitkan isu berkenaan pengusiran PATI yang telah memberikan .....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Minta penjelasan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** ..... biar saya habiskan ya. Yang telah memberikan impak besar kepada ekonomi negara serta program pengampunan yang dikatakan tidak *realistic*, katanya tidak *realistic*. Keputusan kerajaan melaksanakan program pengampunan adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan negara. Sekiranya dibiarkan kehadiran pendatang asing tanpa izin, akan memberikan kesan yang lebih buruk kepada keselamatan negara.

Baru-baru ini kita laksanakan sistem yang dikatakan *amnesty* (pengampunan) tetapi pengampunan itu tidak dibuat dalam negara. Tidak dibuat dalam negara kerana

pengalaman kita selama tiga kali apabila pengampunan dibuat dalam negara, didaftarkan yang haram itu sebagai tidak haram, maka banyak tekong-tekong membawa pekerja daripada sempadan melalui laut pada sebelah malam dan sebagainya. Jumlahnya meningkat begitu besar.

Maka kali ini, kita ambil cap jari mereka, mereka pulang dengan sendirinya dan apabila mereka hendak balik semula bekerja di sini, sepatutnya 24 jam mereka boleh pulang tetapi oleh kerana birokrasi di negara yang berkaitan maka menyusahkan mereka pulang. Oleh kerana itu yang pulang semula ke Malaysia amat kecil secara rasmi daripada yang pulang ke negara masing-masing yang jumlahnya hampir 400,000 dan yang balik semula sehingga minggu lalu hanya 11,000 secara rasmi.

Program ini dikatakan tidak realistik tetapi sebenarnya amat realistik dari segi dasar dan caranya dan juga kita membuat sistem ini untuk di samping kita menjaga keselamatan negara kita, kita kena juga memberi perhatian tentang sensitiviti negara jiran. Tidak boleh kita ambil tindakan yang keterlaluan oleh kerana ini mencuit hati negara-negara jiran dan akan menyusahkan kita kembali. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, jemput Batu Gajah.

**Puan Chong Eng [Batu Gajah]:** Sudah jawab.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Sudah jawab, okey. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah pun mengadakan kerjasama dengan negara sumber melalui program *one roof centre*. Kini *one roof centre* diwujudkan di negara jiran Indonesia khasnya oleh kerana jumlah yang terbesar ialah pekerja daripada Indonesia. Bukan kita hendak menghalau mereka tetapi kita hendak bawa mereka balik menjadikan mereka sebagai pekerja yang sah. Kerana yang menjadi masalah ialah pekerja haram.

Sektor-sektor yang menggaji pekerja haram kita hendak menghalalkan, cuma mereka pulang dahulu dan balik. Diwujudkan *one roof centre*, kalau di Indonesia, ada 11 *one roof centre* bagi mempermudah dan mempercepatkan proses membawa pekerja asing untuk bekerja di Malaysia dengan dokumen yang sah dan lebih bersistematik. Selain dari negara Indonesia dan Filipina, majikan juga digalakkan untuk mengambil pekerja asing daripada Pakistan, India, Nepal, Vietnam dan Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Sapi juga ada bertanyakan tentang jumlah pendatang tanpa izin yang masih berada di Sabah selepas program

dilaksanakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bilangan sebenar pendatang asing tanpa izin yang berada di Sabah dan di mana-mana pun tidak diketahui kerana kemasukan mereka adalah secara tidak sah.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kemaman.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa isu pendatang asing tanpa izin khususnya daripada Indonesia telah menjadi salah satu daripada punca apa yang dikatakan ketegangan di antara hubungan dua hala yang berlaku di antara negara kita dengan negara jiran tersebut. Salah satu daripada tanggapan yang dimainkan oleh media massa di negara seberang ialah tentang cara kita memunggah mereka dianggap kita telah berlaku sesuatu yang agak tidak menggambarkan sifat kejiranan dan sebagainya.

Saya sekadar ingin bertanya, adakah cara lain yang mungkin dibuat oleh negara lain apa yang dikatakan proses *normalization*, mereka yang dianggap tidak sah dan disahkan tanpa semestinya perlu memunggah mereka kembali ke negara dan datang semula yang boleh dibuat di sini yang kosnya lebih murah kerana kita tahu yang akhirnya kita masih memerlukan mereka.

Apakah ada cara lain selain daripada cara yang telah kita buat sekarang ini. Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itu yang saya cuba terangkan tadi. Kerajaan ada pilihan sama ada membuat secara yang kita pernah buat tiga kali yang lalu. Tiga kali kita pernah buat dalam sejarah kita dan setiap kali kita buat memutihkannya mereka di dalam tempat kerja mereka. Mereka yang haram disahkan di tempat kerja mereka. Maka apabila kita buat begitu, kita dapati jumlahnya lebih besar kerana banyak yang saya sebutkan tadi yang datang daripada negara sempadan melalui laut dengan perahu-perahu kecil, tekong-tekongnya. Jumlah meningkat begitu ketara.

Oleh kerana pengalaman ini, kita tidak dapat melaksanakan seperti yang dahulu. Sistem yang kita buat, kita menasihati mereka. Yang mereka pulang ialah cara nasihat, mereka membuat secara rela hati dan kerajaan mereka juga meminta khasnya meminta ditanggung operasi, kita tanggung. Selepas Tsunami kita tanggung lagi dan

hubungan tidak pernah dalam sejarah negara kita dengan Indonesia khususnya, kita mempunyai hubungan yang begitu erat di antara menteri dengan menteri, pegawai dengan pegawai. Pegawai Imigresen diletakkan di Indonesia di sebelas tempat dan mereka diberikan perlindungan *diplomatic immunity* bagi membolehkan membantu mereka balik dan kosnya dibiayai oleh mereka sendiri dan tidak perlu dihantar dengan menggunakan wang banyak dari kerajaan, tidak. Mereka pulang dengan rela hati untuk datang kembali ke Malaysia secara halal.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekijang, Yang Berhormat. Sekijang dahulu.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta komen daripada Yang Berhormat Menteri tentang pemeriksaan kesihatan kepada pekerja-pekerja asing. Nampaknya kita tidak boleh dipercayai 100% tentang laporan pemeriksaan perubatan pekerja asing ini daripada negara asal mereka kerana apabila mereka ini dibawa masuk, pemeriksaan kesihatan mereka nampak macam tidak ada apa tetapi setelah diperiksa semula, ada di antara pekerja-pekerja asing ini yang mempunyai penyakit terutamanya penyakit yang berjangkit seperti *hipetitis* dan sebagainya dan ini merupakan suatu penipuan dan juga apabila ini merupakan suatu penipuan, majikan yang mengambil pekerja ini tadi telah berbelanja dengan banyak dan terpaksa pula hendak menghantar balik.

Ini merupakan suatu masalah. Saya hendak minta pendapat atau pun komen daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, ini memang pun sudah diketahui dan diperakukan oleh Kabinet. Maka oleh kerana itu Kabinet telah buat keputusan supaya pemeriksaan kesihatan dilakukan sekali lagi sebelum mereka datang mereka membuat pemeriksaan dan sijil itu diterima. Sebenarnya doktor-doktor yang diizinkan di negara asal telah dilantik oleh Kementerian Kesihatan, tetapi bagaimanapun kita dapati saringan ataupun pemeriksaan dibuat di negara sumber ada banyak kelemahan, maka kerajaan buat keputusan supaya datang sahaja mereka ke Malaysia selepas sebulan mereka diperiksa sekali lagi.

Cara dahulu ialah selepas setahun kita periksa sekali lagi. Cara untuk memeriksa dalam tempoh sebulan memang tepat, cuma yang saya akui ialah kos yang



ditanggung oleh majikan. Walaupun kita buat dalam tempoh sebulan, tetapi kos siapa yang tanggung, inilah antara persoalan yang sedang dikaji oleh kerana merugikan juga kepada majikan dan kepada semua pihak, pekerja juga rugi. Sama ada penipuan atau tidak, itu saya tidak dapat sebutkan di sini, terpulung kepada negara yang mereka datang. Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri memang kita hantar depa balik, terutama sekali orang-orang Indonesia dan masalahnya kemasukan balik.

Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua yang mai sini, orang yang daif. Depa mai negara kita ini hendak tumpang cari makan. Ada sesetengah itu dijual habis lembu dan kambing di kampung, mai ke Malaysia cara halal ataupun cara haram dan hendak mencari hidup bawa anak-anak kadang-kadang dan sebagainya.

Kita suruh depa balik, depa balik, depa balik kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua duit tiada, tiada duit dekat depa. Depa hendak keluar mai balik, hendak kena buat passport, hendak kena itu, hendak kena ini, hendak kena bayar. Apa fiskal, . di Indonesia, kerajaan dia kalau orang hendak keluar negara dia kena bayar duit, padahal depa ini hantar duit balik bila kerja di Malaysia, yang ini keuntungan balik luar negara tetapi ini peraturan negara depa.

Sebab itulah, salah satu daripada yang saya dok dengar cerita ini, yang depa hendak mai balik tidak boleh pasal depa tiada apa hendak mai balik, hendak mai dengan apa? Dahulu kita biasa buat pemutihan di Malaysia dan saya nampak telah berjaya dan hari ini jawablah, mungkin saya tidak ada, saya pergi makan dan saya ada kerja sedikit ,Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Tetapi saya hendak tanya balik. Tidak apalah, pasal dia bersambung dengan ayat tadi itu. La ni depa tidak boleh mai balik dan ini juga menjejaskan sedikit sebanyak ekonomi dan baru ini *interview* pasal ayam naik harga pun kerana tidak ada orang yang hendak cabut bulu ayam, ayam itu sudah naik harga.

Yalah, depa mai pun macam saya ini, kita ini hendak kata lebih kurang pun rumpun bangsa kita Tuan Yang di-Pertua, macam kata ada yang Jawa, ada yang Bugis,

Aceh dan sebagainya. Rumpun bangsalah kan, jadi yang dalam Dewan ini pun ada yang keturunan Aceh, ada keturunan Jawa. Tuk nenek kita mai macam inilah dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah cara, la ni, Tuan Yang di-Pertua hendak bawa mai hak Pakistan mai 100,000? Terutamanya bagi pandangan saya budaya telah berbeza, budaya Pakistan dan budaya kita berbeza, cara Pakistan, cara Malaysia berbeza, Tuan Yang di-Pertua. Adakah ini juga akan mengganggu gugat dan mengusik kita punya kebudayaan dan kita tengok pun ialah yang ini cara melawak di kampunglah, depa kata banyak mai, orang Malaysia kita dok menikah dengan Bangladesh dok menikah dengan... ini mai Pakistan pula mai jenis Shah Rukh Khan anak dara kita di kampung pasal hendak pilih dekat orang kita ini kuranglah.

Boleh tidak boleh Tuan Yang di-Pertua, kita cari satu jalan supaya kos mereka balik mai ke Malaysia ini dengan perundingan dengan Kerajaan Indonesia diperkurangkan ataupun diketepikan kerana kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, depa pun manusia, saya cakap atas dasar kemanusiaan. Depa bekerja ini sampai lima, enam bulan baru hendak boleh tebus balik modal depa keluar. Kita tidak mahulah Tuan Yang di-Pertua, depa ini dijadikan seolah-olah macam hamba untuk ini, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Menteri untuk perkara ini diselesaikan?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ya, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini dapat diselesaikan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih. Saya bangun ini takut panjang sangat.  
[Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sudah.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih, terima kasih. Ini memang komen yang *valid*, sebenarnya antara sebab kekurangan yang pulang itu ialah belanja yang tinggi kerana saya sendiri bergegas ke Jakarta untuk merunding dan Kerajaan Indonesia telah bersetuju untuk mengurangkan kos pembayaran.

Pada asalnya mereka mengenakan hampir 3 juta rupiah dalam lingkungan RM1400 Malaysia, kemudian setelah kita berbincang mereka mengurangkan separuh 50% dan Kerajaan Malaysia juga telah buat keputusan supaya tidak lagi dikenakan

kursus induksi, bukan sahaja bagi pekerja yang pernah bekerja di sini sebagai PATI bahkan pekerja yang baru. Ini untuk mengurangkan segala kos, namun demikian kita juga melihat jumlah permohonan untuk mendapat balik PATI-PATI ini. Walaupun 300,000 lebih yang pulang ke Indonesia khasnya hanya 75,000.

Kita bertanya apakah sebabnya ada jawapan kononnya ramai majikan tidak mahu orang yang bekerja telah lama di sini, mahu orang yang baru sebab macam-macam sebab. Ada juga yang mengatakan banyak yang balik sebagai pendatang tanpa izin ialah mereka yang berniaga, maka mereka tidak balik ke sini kerana takut sebab kerajaan sudah mengenakan syarat-syarat yang ketat dan juga kawalan-kawalan ketat menggunakan segala pasukan sukarelawan dan sebagai.

Oleh kerana itu kita menggalakkan pengambilan pekerja tidak semestinya PATI yang pulang ataupun pendatang tanpa izin yang pulang ke negara mereka, bahkan yang baru diizinkan cepat-cepat masuk ke Malaysia untuk mengisikan kekosongan yang ada dalam negara, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Minta penjelasan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Izinkan saya baca dahulu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar Menteri jawab dahulu.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Biar saya jawab sekejap. Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Maran ada membangkitkan isu yang berkaitan dengan kebajikan anggota Rela. Beliau mencadangkan supaya beberapa bentuk insentif diberikan kepada anggota-anggota Rela dalam melaksanakan tugas sukarelawan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini tiada apa bentuk insentif yang diberikan kepada anggota atau ahli-ahli Rela semasa menjalankan tugas.

Anggota-anggota Rela yang terlibat dengan penugasan dalam sesuatu operasi hanya berbekalkan semangat yang tinggi untuk bertugas secara sukarela bagi membantu agensi-agensi kerajaan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan agensi berkenaan.

Contoh tugas adalah seperti membantu Jabatan Imigresen Malaysia dalam OPS Tegas, membantu Polis Diraja Malaysia dalam mencegah jenayah, membantu jabatan-jabatan lain dalam Operasi Mencegah Maksiat, membantu pihak berkuasa tempatan meroboh setinggan dan sebagainya.

Anggota-anggota Rela hanya akan dibayar elaun semasa berkursus di Pusat-pusat Latihan Rela iaitu sebanyak RM24 seorang sehari. Bagaimanapun, semasa bertugas mereka tidak dibayar dengan apa-apa elaun, pakaian seragam Rela yang sepatutnya dibekalkan secara percuma kepada setiap anggota Rela hanya dapat diagihkan kepada anggota-anggota yang terlibat dengan sesuatu operasi sahaja, memandangkan cara ini lebih ekonomi dan efektif bagi menjaga kepentingan disiplin di kalangan anggota Rela, memandangkan uniform juga boleh disalahgunakan dalam urusan operasi yang sedang berjalan pada hari ini. Kita tidak mahu ada anggota yang menggunakan uniform bagi menjalankan kerja-kerja yang kadang-kadang tidak semestinya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Maran juga mencadangkan supaya anggota Rela dibekalkan dengan skim perlindungan insurans bagi menjamin keselamatan mereka dari bahaya dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat kementerian sedar akan pengorbanan ahli Rela dan amat menghargai sumbangan mereka. Justeru itu, kementerian telah mengemukakan cadangan untuk mendapatkan kelulusan kerajaan supaya setiap anggota Rela diberikan perlindungan insurans oleh kerajaan bagi memastikan kebajikan anggota-anggota Rela yang ditimpa kemalangan atau musibah semasa menjalankan tugas secara sukarela dilindungi oleh skim ini.

Yang Berhormat, yang minta penjelasan tadi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Rela.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kelana Jaya.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya terpaksa balik kepada respons awal Yang Berhormat Menteri tadi. Apa yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adalah berkaitan dengan pendatang asing itu.

Sedarkah atau tidak, bersetuju atau tidak bahawa jumlah pendatang asing tanpa izin yang telah balik ke negara asal mereka secara rasmi dan pulang, walaupun cuma lebih kurang 70,000 yang masuk balik ke Malaysia secara rasmi adalah hanya 70,000.

Sedarkah atau tidak, setuju atau tidak, bahawa lebih ramai lagi telah pun balik ke Malaysia mengikut jalan-jalan lama - tanpa izin. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat .Ini memang kita pun sedar oleh kerana sukar mereka balik secara rasmi disebabkan birokrasi yang saya sebut tadi. Maka didapati ada yang pulang datang ke Malaysia balik dengan menggunakan ..... mereka tidak ada visa yang diperlukan datang untuk datang sebagai pelawat biasa menggunakan *pass* sosial maka dia datang secara sosial. Namun demikian saya beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa oleh kerana kita sudah ada cara anggota yang lebih banyak untuk kita menjaga untuk kita mengawal dikatakan pendatang asing ini. Saya percaya kita akan dapat menangkap lebih banyak mereka yang datang secara haram.

Yang Berhormat Arau mencadangkan supaya pintu-pintu sempadan dapat beroperasi 24 jam bagi menggalakkan....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, soalan saya tadi mengenai Pakistan itu tidak dijawab Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Oh, Pakistan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya hendak tanya Yang Berhormat, dia orang ini , orang Pakistan ini kita hendak hantar kerja sebagai apa?. Yang kita tahu orang-orang Indonesia bekerja di ladang kelapa sawit iaitu di sektor perladangan dan bangunan. Jenis pekerjaan apa yang boleh dibuat oleh orang-orang Pakistan ini? Jadi Yang Berhormat terlupa tentang orang-orang Pakistan ini.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ya, saya memang terlupa tadi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Sebenarnya terserah kepada pihak majikan. Pakistan dibuka kepada semua sektor. Kita mengizinkan dan menggalakkan majikan menentukan. Walaupun kita tetapkan siling ataupun jumlah besarnya dihadkan kepada 100,000 orang. Kita tidak tahu sama ada jumlah ini akan sampai ke tahapnya. Jadi berpandu dan bergantung pula kepada majikan. Mereka juga diizinkan dalam bidang laut dalam kerana didapati orang Pakistan yang tinggal di sebelah selatan, mereka ini

lebih dikatakan lebih cekal untuk memasuki laut dalam. Mereka boleh tinggal dalam laut lebih daripada beberapa hari, memandangkan orang Malaysia sendiri tidak begitu sanggup. Yang lainnya kita serahkan kepada industri....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Adakah termasuk sebagai pembantu rumah?. Kawan saya suruh tanya soalan itu Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Yang diizinkan hanya lelaki.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat boleh tanya sedikit Yang Berhormat. Sedikit. Terima kasih Yang Berhormat. Kita faham tentang tindakan kementerian di atas keperluan untuk membenarkan kemasukan pekerja-pekerja asing ini. Sekarang ini kita telah pun diberitahu bahawa beratus ribu orang akan dibawa masuk dari Pakistan terutamanya dan Bangladesh. Tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang masalah sosial yang akan kita hadapi di masa yang akan datang kerana pernah berlaku apabila kehadiran sebilangan besar pekerja asing atau pendatang asing daripada negara berkenaan telah menimbulkan masalah di kalangan masyarakat tempatan kita. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat apakah kita telah melihat perkara ini dan kemungkinan masalah sosial yang lain akan timbul apabila kebanyakan mereka dalam negara kita ini.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, kita tidak dapat mengatakan masalah ini akan timbul sebelum kita melaluinya tetapi kita juga ketahui bahawa rakyat Pakistan banyak yang keluar bekerja di Timur Tengah dan di negara-negara lain. Mereka didapati bekerja dengan baik. Oleh kerana itu kita tidak dapat mengandaikan begitu sahaja selagi kita tidak pernah melalui pengalaman. Memang kita pernah melalui pengalaman dengan warga sebuah negara tetapi itu pun kita telah mengambil tindakan dan masalah itu hari ini tidak begitu ketara Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya mendengar ucapan dan juga penjelasan yang telah dibangkitkan oleh Menteri bahawa pendatang asing ini, proses pemutihan dan sebagainya telah bermula kerana ramai yang memberikan masalah sosial kepada negara kita. Juga dari segi jangka masa panjang ini menyusahkan dasar-

dasar negara. Penjelasan Yang Berhormat Menteri juga bahawa lebih kurang hanya 11,000 orang yang kembali secara sah.

Saya hendak bertanya sedikit adakah kerjasama di antara kementerian Yang Berhormat dengan Kementerian Sumber Manusia bahawa apakah fokus penggunaan tenaga di negara ini dalam masa 5 tahun dan 10 tahun dan sebagainya dalam bidang-bidang yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri hari itu bahawa fokus kita sekarang ialah sektor perkhidmatan, sektor pembuatan, sektor perladangan dan sektor pembinaan.

Sebab utama kita memerlukan pekerja asing ialah kerana pekerja di dalam negara kita ini tidak suka kepada 3D. Maksud D ini ialah kerja yang *danger, dirty and difficult* dengan izin. Adakah satu rancangan bagaimana kita hendak selesaikan *once and the for all*. Kita projek *let say for an example next five years or ten years* kita hendak *let say* 20,000 atau berapa boleh kita jelaskan kepada *public* dan berbincang dengan majikan-majikan tertentu atau persatuan-persatuan tertentu. Ini memberikan lebih *systematic*. Kalau kerana proses pemutihan kita kekurangan pekerja maka kita import 100,000 orang daripada Pakistan. Saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ini soalan yang baik. Memang MTEN telah pun membuat kajian dan mereka telah memberi unjuran-unjuran. Mereka berkata kalau kita teruskan cara begitu kita terlalu mudah mengambil pekerja asing. Pada tahun 2010 sebanyak 30% daripada tenaga kerja dalam negara kita ini adalah terdiri dari anggota pekerja asing. Ini amat berbahaya dari segi strateginya kepada negara. Maka dicadangkan dicari jalan untuk mengurangkan.

Oleh kerana itu kabinet telah mengarahkan kepada setiap kementerian yang ada kaitan dengan sektor-sektor tertentu perladangan ialah kementerian tertentu. MITI bertanggung jawab untuk sektor perkilangan dan sebagainya. Mengawal dan menggalakkan automasi. Oleh itu saya sendiri mengambil inisiatif dalam bidang restoran India. Bertemu dengan majikan-majikan dan persatuan-persatuan restoran India dan mereka bersetuju pada tahun 2007 mereka akan mula dengan *self service* tetapi yang merungut orang kita juga orang Malaysia. Mereka mengatakan restoran India kita sudah biasa dengan *service* kenapa kita hendak buat *self service*?

Saya menjawab kalau dengan *Mc Donald* dan *Kentucky Fried Chicken* boleh membuat *self service*, di hotel-hotel pun buat *self service* kenapakah tidak. Mereka kata daun pisang tidak boleh buat *self service*, siapa kata?. Semua ini adalah cerita-cerita cuma sememangnya kerajaan tahu bahawa diizinkan terlalu mudah untuk kita membawa pendatang asing walaupun ekonominya pesat tumbuh tetapi akan membahayakan kepada kita. Oleh kerana itu banyak strategi yang sedang dirancang bukan sahaja oleh kementerian berkenaan tiap-tiap bidang sektor digalakkan untuk mencari jalan mengurangkan secara automasi dan sebagainya.

Cadangan Yang Berhormat Arau untuk membuka pintu masuk di sempadan selama 24 jam telah diteliti oleh kerajaan dari pelbagai sudut.

*[Beberapa Ahli Yang Berhormat bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti habiskan Yang Berhormat Arau dulu.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Kerajaan berpendapat waktu yang ada .....

**Seorang Ahli: RELA.**

**Dato' Azmi bin Khalid:** .....adalah memadai. Minta maaf. Sekejap ya? Memadai oleh kerana jika dapati dibuka pintu di Bukit Kayu Hitam sampai pukul 12.00 malam, bisnes mengalir ke sebelah sana sahaja tidak mengalir ke negara kita. Begitu juga di Padang Besar dibuka sampai pukul 10.00 malam bisnes mengalir ke sana tidak ada mengalir ke sini. Jadi kalau dibuka kita menanggung kos dengan imigresen dan sebagainya di sempadan sedangkan bisnes nya tidak mengalir maka didapati pada saat ini belum ada lagi justifikasi untuk kita buka sepanjang 24 jam.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat dari Batu Sapi juga ada mencadangkan supaya pejabat-pejabat di pintu-pintu masuk di Sabah perlu dilengkapi dengan kemudahan sistem komputer agar cap jari dapat diambil untuk mengawal dan mengenal pasti aktiviti keluar masuk pendatang tanpa izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sentiasa untuk mempertingkatkan perkhidmatan yang diberikan melalui Jabatan-jabatan di bawahnya. Berbagai usaha telah dikenal pasti dan sedang dijalankan bagi membanteras kehadiran tanpa izin ke negara ini. Sehubungan dengan itu kementerian mengambil maklum akan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Batu Sapi bagi mempertingkatkan lagi sistem imigresen di Sabah. Sememangnya sistem



menggunakan cap jari akan dipergunakan secara lebih meluas dengan menggunakan apa yang dikatakan pengisian komputer *soft ware* yang diciptakan dalam negara sendiri yang begitu canggih berbanding dengan yang dibawa daripada luar negara.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tadi ada Padang Terap dan Gerik.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya berapa lama lagi Tuan Yang di-Pertua ? Saya hendak.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Secepat mungkin.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okey. Saya minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sama ada hendak bagi atau tidak?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Dua ini sudah. Minta maaf ya. Okeylah tiga - satu, dua, tiga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat Padang Terap.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya patah balik ke RELA tadi. Tahniahlah kepada Menteri dan anggota yang lain yang telah pun akhir-akhir nampak semangat RELA tinggi, imej RELA baik, tetapi kalau harap semangat tinggi peruntukannya kurang, tidak jadi Yang Berhormat. Elaun rendah - RM24., pejabat tidak ada. Saya ada kerap juga dijemput untuk program-program RELA bersyarah kita ini Tuan Yang di-Pertua punya hebat, tengok-tengok semua pakai selipar sahaja anggota RELA kita.

Jadi, saya haraplah sebagai anggota yang penting, adakah kerajaan bercadang supaya elaun mereka itu dinaikkan semasa bertugas dan kursus dan membekalkan pakaian kepada mereka paling tidak kasut pun cukuplah. Dan juga pejabat yang saya tengok, Allah, mereka tumpang Pejabat Daerah satu meja, kerani seorang sahaja. Bagi saya untuk menaikkan imej RELA, semangat RELA perlu juga elaun pakaian dan lain-lain juga dia punya kemudahan. Minta pandangan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, memang banyak rungutan dan teguran dan saya ucapkan terima kasih kepada Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli parlimen kerana mereka melihat RELA sebagai satu *force* ataupun sebagai satu pasukan yang penting dalam negara. Cuma di peringkat atas dan di peringkat umum saya rasa tidak wajar kita berbincang tentang habuan dan apa yang dapat mereka berikan.

Oleh kerana isu ialah *volunteerism*. *Volunteerism* ini adalah satu semangat yang datang daripada jiwa, hati. Kalau kita letakkan ganjaran ataupun hadiah dan habuan, itu sudah tidak lagi menjadi kerelaan, datangnya bukan kerana jiwa tetapi datang kerana yang lain. Walaupun ada, kita tidak perlu menyebutkan, dan saya bersetuju bahawa pejabat-pejabat mereka perlu dipertingkatkan. Ini sedang diusahakan. Tetapi yang penting walaupun dengan pakai selipar, Vietcong menang terhadap Amerika pakai selipar, Vietcong menang terhadap Amerika tidak pakai uniform, ada yang tidak ada baju pun, kerana semangat. Jadi ingat, semangat yang datang.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** [*Bangun*]

**Dato' Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** ...lebih besar ertinya daripada *hardware* yang kita bina di luar, tidak ada pengisian kalau hanya setakat kita isikan, adakan *hardware* tidak ada *software*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Gerik.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Minta maaf.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan The [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, perkaranya sama sahaja, semangat tanpa sedikit sumbangan daripada kerajaan tidak ada sebenarnya. Sebab kita selalu dibebankan oleh permohonan supaya *sponsor* pakaian seragam RM250 seorang kali 10, RM2,500 dan kalau 100 orang RM25,000 daripada peruntukan Parlimen, jadi agak banyak itu. Jadi kenapa kalau kita boleh pertimbangkan sumbangan kerajaan di atas kerelaan mereka itu kita sumbangkan pakaian seragam itu secara percuma, itu permintaan saya. Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat, sememangnya itu sedang dilaksanakan tetapi tidak perlu saya sebut kerana kalau kita sebut kita minta, kalau dapat tidak banyak pun sedikit, paling kurang dapat juga. Tetapi saya tidak mahu menyebut-nyebutkan itu sebagai satu daya pendorong oleh kerana yang penting ialah kita hendak mereka datang dengan sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat Larut.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ya. Yang Berhormat Larut *last* ya. Minta maaf.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasihlah atas semangat Yang Berhormat hadir ke Parlimen pada hari ini, syabas dan tahniah. Saya hendak pergi balik kepada imigresen ini Yang Berhormat,

tentang Sabah ini. Sekarang ini di Sabah dan Sarawak rakyat tempatan dari Semenanjung masih lagi menggunakan pasport untuk ke sana. Jadi apakah pihak kementerian telah pun bersedia supaya kemasukan kita Semenanjung terutamanya ke sana, penggunaan ini akan dihapuskan. Bila hendak dilaksanakan? Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat ini adalah isu terkini. Sebenarnya Kabinet telah bersetuju tetapi memerlukan persetujuan daripada negeri Sabah dan negeri Sarawak. Oleh kerana perjanjian masa kemasukan Sabah, Sarawak dalam Malaysia dahulu...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Dato' Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** ...antaranya ialah mereka mempunyai kuasa dalam bidang imigresen. Jadi oleh kerana itu, apa-apa yang dipersetujui di peringkat pusat

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat kalau boleh saya sambung sedikit. Kalau tidak silap saya, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah telah pun membuat kenyataan bahawa beliau bersetuju, cuma terpulanglah kepada Kerajaan Pusat untuk melaksanakannya. Ya. Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Ya. Okey biar saya terangkan. Sememangnya itu telah pun diputuskan di peringkat Kabinet, tapi kita hendak mencari cara bagaimana hendak melaksanakan.

**Tuan Jimmy Donald:** [*Bangun*]

**Dato' Azmi bin Khalid:** Kita bersetuju untuk menggunakan *MyCard*. Tetapi hanya menggunakan *MyCard*, diperlukan satu lagi oleh kerana masih kita katakan kita masuk negeri Sabah kena ada satu penyata lain, kita hendak satu resit keluar daripada satu alat untuk mengatakan "Oh, si pulan ini masuk ke Sabah, berapa tarikh dan tarikh mana pula dia akan keluar". Ia ada had tempoh, ini adalah syarat-syarat imigresen yang akan dipermudahkan. Tidak perlu kita gunakan pasport. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat izinkan saya teruskan ya.

Yang Berhormat dari Tuaran, Batu Sapi ada menyentuh mengenai pelarian Filipina di Sabah yang memegang dokumen IMM13, ini pun dalam Parlimen yang lalu saya telah menjawab. Pada masa ini, kerajaan telah memberi peluang kepada pelarian Filipina di Sabah dan yang memegang dokumen IMM13 sama ada untuk terus tinggal di

Malaysia atau pulang ke negara asal. Mereka yang telah lama tinggal di Malaysia yang telah pun meng*identify*kan dirinya sebagai orang Malaysia, ada yang telah pun diberikan taraf bermastautin tetap.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sandakan mencadangkan supaya bayaran levi yang dikenakan dapat dikurangkan bagi menggalakkan pihak majikan mengalami kerugian apabila mereka perlu menggaji pekerja yang baru bagi menggantikan pekerja yang lama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan ada pada masa ini tidak berhasrat untuk mengurangkan kadar levi, bahkan kadar levi itu akan dikaji untuk menyesuaikan supaya tidak ada pindahan daripada satu sektor ke satu sektor lain dengan cara yang tidak sah. Jadi kita tidak ada berhasrat untuk mengurangkan levi yang sedia ada kerana ia adalah merupakan ganti kepada cukai pendapatan kepada pekerja asing yang berkenaan.

Tanggungjawab membayar levi adalah terletak kepada pekerja asing itu sendiri dan pihak majikan tidak mengalami apa-apa kerugian. Pembayaran levi ini dikenakan ke atas semua pekerja asing. Oleh kerana semasa mereka berada di negara ini mereka juga menikmati kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan untuk rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Sapi telah mengajukan soalan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagaimana mengatasi masalah kesesakan di kaunter-kaunter Jabatan Pendaftaran Negara terutamanya di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedar dan telah mengenal pasti beberapa langkah untuk mengatasi masalah kesesakan di kaunter-kaunter JPN terutama di Sabah dan di seluruh negara juga kita sedang mengkaji. Antara langkah-langkah yang jangka pendek yang sedang dilaksanakan ialah: -

- (i) memanjangkan waktu berurusan pada hari kerja biasa bagi pejabat JPN di Kota Kinabalu dan cawangan-cawangan yang besar;
- (ii) Pejabat JPN di ibu negeri dan cawangan-cawangan yang besar juga akan dibuka seperti hari bekerja penuh, pada setiap hari Sabtu pekerja bekerja setengah hari dan hari Sabtu minggu pertama dan minggu ketiga yang dikatakan hari kelepasan am.

- (iii) menambah jumlah *workstation* yang sedia ada dengan membuat sedikit *renovation* di cawangan-cawangan JPN seperti di Sandakan.
- (iv) menambah program unit khas yang bergerak. Kita adakan unit khas yang bergerak di Sabah, Sarawak khususnya di kawasan luar bandar.

Bagi langkah jangka panjang pula tindakan yang diambil ialah memindahkan pejabat-pejabat lama yang sempit dan pejabat baru yang lebih luas seperti JPN Karamunsing, Lahad Datu, Kota Belud, Sipitang dan Tawau.

- (v) membuka lima cawangan JPN baru di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi iaitu seperti di Inanam, Tawau, Sandakan, Semporna dan Tungku.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi, pihak kementerian akan memberi perhatian terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**3.31 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kementerian ini amat menghargai di atas minat dan komitmen yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pembangunan dan transformasi sektor pertanian dan sektor industri asas tani yang mana sekarang ini diberi

suntikan oleh kerajaan secara serius dan menyeluruh sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Putatan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sememangnya telah dan sedang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah melalui agensi-agensi pertanian untuk memajukan tanah-tanah milik petani-petani kecil yang terbiar dan tidak dimajukan. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kementerian telah meluluskan sejumlah RM48 juta bagi pelaksanaan program Jabatan Pertanian Sabah di mana daripada jumlah tersebut sejumlah RM3.1 juta telah diperuntukkan untuk tujuan membantu petani-petani kecil.

Sehingga kini seramai 689 orang petani telah menerima bantuan melibatkan kawasan 985 hektar yang ditanam dengan pelbagai jenis tanaman. Jabatan Pertanian Sabah juga bekerjasama dengan Jabatan Agensi Persekutuan yang lain seperti MARDI, FAMA dan LPP dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti sektor pertanian.

Mengenai Pusat Latihan Pertanian, kementerian telah memperkenalkan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan yang merangkumi:

- (i) pembangunan kursus-kursus kemahiran pertanian mengikut Kurikulum Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau NOSS yang diiktiraf oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan atau MLVK dan sehingga kini sejumlah 63 NOSS telah pun dibangunkan bersama-sama pihak industri dan MLVK;
- (ii) pembangunan Kolej Pertanian Malaysia di Kedah; dan
- (iii) menaik taraf Pusat Institut Latihan Pertanian yang sedia ada di bawah jabatan dan agensi kementerian secara berperingkat-peringkat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, buat masa ini kementerian tiada perancangan untuk menaik taraf mana-mana pusat latihan ke tahap universiti. Namun kementerian ini bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk melanjutkan program latihan ini ke Sabah.

Pada masa yang sama, sekiranya Kerajaan Sabah ingin menyerahkan Pusat Integriti Pertanian Putatan kepada Kerajaan Persekutuan sebagaimana disarankan oleh

Yang Berhormat, kementerian ini bersedia untuk menimbangkan bagi membantu dalam menjalankan kursus-kursus kemahiran pertanian yang berorientasikan teknologi, kemahiran *hands-on* serta keusahawanan di Pusat Latihan Pertanian Bersepadu di Putatan.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Putatan juga, tahap empat atau diploma dan tahap lima, diploma lanjutan, akan dijalankan di Kolej Pertanian Malaysia. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui jabatan agensinya seperti Bank Pertanian Malaysia, LKIM dan LPP menawarkan beberapa skim pinjaman dan bantuan bagi membiayai projek pertanian di seluruh Malaysia. Pewujudan skim dan dana tertentu adalah berdasarkan keperluan golongan sasaran mengikut subsektor aktiviti pertanian yang meliputi semua petani di seluruh negara dan bukan berdasarkan negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Arau telah membangkitkan beberapa isu dan cadangan. Di antaranya ialah kepentingan bagi mewujudkan skim insurans khusus bagi petani, penternak dan nelayan dan bagaimana mengurangkan kerenah birokrasi dalam usaha untuk meningkatkan taraf golongan petani. Justeru itu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani masih mengkaji skim insurans pertanian yang paling sesuai dan dapat menepati kehendak petani, penternak dan nelayan serta kerajaan sendiri.

Pada tahun ini tumpuan akan diberi untuk pengumpulan data-data yang perlu bagi penyediaan skim insurans pertanian. Kemudian kajian sepenuhnya oleh juru perunding akan dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kementerian ini dan Bank Negara Malaysia telah bersetuju supaya skim insurans tani dilaksanakan secara perintis bagi tanaman padi di kawasan MADA.

Di antara ciri-ciri utama skim ini ialah:

- (i) kawasan yang dilindungi iaitu kawasan penanaman padi MADA yang merangkumi 95,681 hektar dengan 63,000 orang petani;
- (ii) Jenis perlindungan. Pampasan insurans dibayar bagi hasil tanaman di bawah tahap 80% akibat ancaman yang dilindungi;
- (iii) Jumlah perlindungan. Peruntukan RM100 juta di mana RM50 juta diinsuranskan oleh pihak kerajaan dan RM50 juta akan

diinsuranskan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful;  
dan

- (iv) Kadar premium. Sebanyak 3.95% atau RM35.55 bagi setiap tan;
- (v) jumlah premium yang perlu dibayar sebanyak RM12 juta semusim, di mana RM10.5 juta atau 87.5% ditanggung oleh kerajaan sebagai subsidi di mana jumlah sebenar yang dibayar oleh kerajaan adalah RM4.5 juta semusim memandangkan kerajaan merupakan penanggung insurans bersama, dan RM1.5 juta atau 12.5% ditanggung oleh para petani iaitu RM25 seorang petani berdasarkan saiz ladang purata sebesar 1.5 hektar dan hasil purata 3.8 tan sehektar.

Berkenaan dengan bagaimana kementerian ini dapat mengurangkan birokrasi dalam memberi perkhidmatan yang diperlukan dengan mengambil beberapa langkah iaitu:

- (i) menempatkan para pegawai yang mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi sebagai ejen pengembangan supaya pegawai lebih pakar ini akan terlibat secara langsung dalam membuat keputusan dalam memberi bimbingan kepada petani;
- (ii) menyediakan kemudahan komputer di semua pejabat pertanian bagi membolehkan petani menggunakan komputer bagi mendapatkan maklumat pertanian dari laman web kementerian ini iaitu [www.agrolink.moa.my](http://www.agrolink.moa.my) dan sumber-sumber lain serta membolehkan petani mengumumkan hasil jualan atau produk ladang mereka melalui *agro bazaar* di samping membangunkan sistem maklumat pertanian yang lengkap dan lebih mesra pengguna supaya para petani mendapat maklumat terkini. Dengan ini maklumat terkini akan dapat disampaikan kepada petani dengan lebih cepat;
- (iii) meringkaskan prosedur-prosedur bagi permohonan Sijil Feter Sanitasi Kesihatan Tumbuhan bagi eksport hasil pertanian supaya sijil dapat dikeluarkan dengan cepat. Skim perakuan Persijilan



Fetor Sanitasi Malaysia telah dilaksanakan di ladang-ladang dan *packing house* untuk mempercepatkan pemberian sijil dengan bimbingan Jabatan Pertanian. Ini akan memudahkan pelaksanaan eksport hasil pertanian.

Mengenai asal usul kemasukan input pertanian seperti baja dan racun dari luar negara...

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya pun kesian SUP ini – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ada dua Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Menteri berada di luar negeri, dua Timbalan Menteri ada saya nampak tadi tetapi petang ini dah hilang pula, walhal kita tahu bahawa kalau kita lihat daripada ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang hendakkan sektor pertanian ini melalui satu perubahan transformasi pertanian dan sebagainya, tetapi apa yang dijawab oleh SUP tadi tidak menguntungkan kami orang kampung, yang kebanyakan petani ini adalah orang kampung.

Tujuan kerajaan, lebih-lebih lagi matlamat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah untuk membantu petani-petani di kampung kerana petani-petani di kampung ini biasanya dikaitkan dengan kemiskinan, kemelaratan dan sebagainya tetapi apa yang dijawab tadi – yang hendak dibanci, hendak diadakan insurans, komputer, saya tengok Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hanya membantu *player* yang besar-besar sahaja. Tolong minta pegawai-pegawai pertanian oi! Tolonglah, yang kita hendak bantu ialah petani dan apa sahaja yang kita hendak gerakkan hari ini, hala tujunya ialah untuk membantu nelayan, petani kampung yang miskin dan daif ini. Cubalah buat hala tuju ataupun hala cara pertanian yang mana boleh membangkitkan semula masa depan orang-orang kampung, Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang disebut oleh Setiausaha Parlimen tadi yang sebenarnya hanya membantu kepada petani yang besar-besar, sedangkan petani orang kampung belum nampak lagi. Kita berharap akan datang pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas

Tani akan buat transformasi pertanian yang benar-benar dapat membantu dan mengubah cara hidup orang-orang kampung ini Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, sila Yang Berhormat.

**Datin Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin Terima kasihlah Yang Berhormat yang kesian kepada kita tetapi Yang Berhormat, mengenai isu yang saya sebutkan, satu, ialah untuk menjawab beberapa persoalan yang telah diungkitkan di dalam perbahasan tetapi apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, memang bukan sahaja Yang Berhormat yang terasa di hati tetapi juga terasa sangat-sangat di hati kami yang berada di dalam kementerian ini, dan oleh yang demikian, Yang Berhormat, memang satu daripada tugas utama di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini adalah kalau dapat, untuk menghapuskan kemiskinan yang kadarnya memang begitu tinggi di kalangan petani, peladang dan nelayan. Oleh yang demikian, memang ini adalah satu cabaran yang begitu besar, yang kami rasa kami harus pikul dan kami kena ambil kira dan memastikan bahawa ini tidak terjadi dan apa juga yang kami rancangkan dan kami buat, pertamanya ialah untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan petani, penternak dan nelayan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh juga mengenai permasalahan petani pada hari ini, begitu juga dengan nelayan. Kita masyarakat luar bandar ini, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, hari ini saya melihat kalau di kawasan saya, pertanian padi sampai ke hari ini orang tua-tua sahaja yang menanam padi sedangkan orang-orang muda sudah tidak berminat kerana secara tradisinya penanaman padi tidak berubah – kemudahan-kemudahan tidak ada perubahan, jadi orang muda-muda tidak berminat. Kalau kempen daripada pihak kerajaan untuk melihat penghasilan 10 tan sehektar padi, ini tidak mungkin berlaku.

Oleh sebab itu saya mohon kepada kementerian supaya dapat juga memberi tumpuan kepada generasi muda dari segi peluang-peluang untuk pertanian mereka. Begitu juga nelayan-nelayan, kalau di Setiu, anak-anak muda di Setiu memang tidak akan buat kerja-kerja nelayan selain daripada ternakan ikan sangkar. Yang muda-muda pergi ke Kuantan, ke Mersing dan sebagainya kerana peluang-peluang yang mudah untuk mereka tidak ada di situ, dan mereka terpaksa meninggalkan kampung

halaman. Sebab itu berlaku penghijrahan. Mohon kerjasama juga daripada kementerian dalam hal ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datin Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya pencelahan tadi ada berkaitan, saya sambung semula. Kita tahu memang banyak orang mengatakan bahawa pertanian adalah *sunset industry*. Oleh yang demikian, apa yang diatitkan dan hala tuju baru Yang Berhormat Menteri ..... untuk makluman juga khasnya kepada Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat Menteri pada masa ini sedang membuat lawatan bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Australia. Saya rasa mereka sekarang ini dalam perjalanan ke Sydney hendak mencari peluang, hendak mencari di mana kerjasama ini dapat kita perkukuhkan untuk kita memodenisasikan pertanian seperti hasrat yang disebut-sebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh? Yang Berhormat bagi Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memperbetulkan sedikit sahaja. Saya tidak setuju mengatakan pertanian adalah *sunset industry*. Di negara-negara lain .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, *sunset* itu apa?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Pertanian, saya akan tanya selepas bagi tahu nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, "*sunset*" itu apa maknanya?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *Sunset?* Hari dah turunlah. [Ketawa] *Sunset* itu matahari sudah turun, menjunam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Maknanya, tidak guna lagi, tidak pakai lagi, macam orang dah berumur 90 tahun [Ketawa] yang saya percaya pertanian ini memang adalah lebih muda, jauh lebih muda daripada Tuan Yang di-Pertua dan saya tetapi pengurusannya jangan disuruh *sunset*, penyampaian jangan *sunset*. Khususnya saya sebut, persoalan bank, tanya dengan Bank Pertanian yang sepatutnya membantu petani, mana dia? Kalau hendak pinjam tanya mana *collateral*, mana cagarannya.

Kalau hendak pinjam RM1 juta kena ada RM400,000 dalam bank. Tuan Yang di-Pertua, mana orang kita ada duit sebanyak itu?

Sebenarnya kita melarang orang jangan mengikutkan *sunset industry* ini, kita yang larang sebab mekanisme, pengurusan kita *sunset*, pandangan kita *sunset*. Tetapi pertanian ini adalah satu *vibrating*, yang *vibrant*, yang *very, very lucrative*, dengan izin, *industry* dengan harapan kalau *dimanage* dengan betul. Terima kasih, macam mana pandangan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datin Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih, memang saya kata .... bukan kami yang kata tetapi kebanyakannya mengatakan, kalau pertanian memang dikaitkan dengan kemiskinan, dengan kesusahan dan sebagainya tetapi sekarang ini pendekatan yang diambil oleh kementerian, iaitu pertanian adalah *business*, adalah perniagaan. Oleh yang demikian .... tadi Yang Berhormat bagi Jasin mengatakan, tak guna kita bercakap fasal apa yang saya sebutkan tadi tetapi sebenarnya itu adalah penting untuk kita menggerakkan lagi sektor pertanian ini supaya mendapat bergerak dengan lebih pantas, iaitu dengan peredaran zaman pada masa ini. Sebab itulah, pertama, kita hendak memperkasakan pegawainya, selepas itu kita menggunakan IT yang terkini, selepas itu banyak lagi yang saya hendak sebut, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Petang ini saya hendak bercakap bahasa orang kampung, kawasan Parlimen saya pun kawasan Parlimen suasana kampung dan kampung asal saya pun di Tanjong Piai kampung juga.

Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa hasrat kerajaan kalau boleh janganlah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini dikaitkan dengan kemiskinan, saya hendak bagi contoh tentang masalah yang tidak pernah selesai, tidak pernah diberikan perhatian, yang dirasai oleh orang-orang kampung. Sebagai contoh Yang Berhormat, kelapa, buah nyior, petani di kampung jual buah kelapa ini dengan harga 10 sen, 15 sen tetapi di bandar, di pasar kita beli sampai RM1, RM1.50. Jadi, apa yang salah sebenarnya ini? Yang menderita, yang tidak dapat menikmati hasil mereka

ialah orang-orang kampung dan perkara ini telah berlalu puluhan tahun dan tidak pernah selesai.

Kita ada FAMA, kita ada agensi-agensi kerajaan yang lain, jadi di mana salahnya hinggakan perkara ini pun tidak dapat hendak kita memberikan pembelaan agar harga komoditi orang-orang kampung ini mereka dapat nikmati – kalau di pasar RM1.50, kalau mereka dapat 60 sen atau 70 sen, berbaloi juga; ini tidak, sampai relai bulu roma mereka panjat pokok kelapa tetapi hanya dapat 10 sen, 15 sen. Saya minta Yang Berhormat kalau boleh tolong selesaikan. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi, itulah yang saya katakan tadi, pendekatan-pendekatan yang kita ambil, yang kita tahu sekarang ini yang paling penting adalah *market driven*, pemasaran, iaitu kadang-kadang kita sekarang ini jangan hanya memberi fokus kepada pengeluaran tetapi kita juga melihat kepada *demand* di dalam pasaran. Oleh yang demikian, Yang Berhormat tadi menyebutkan contoh kelapa. Sebab itulah kalau kita melihat, kalau dijual, kelapa hanya memberi pulangan 10 sen ke 15 sen tetapi di bandar RM1.50, jadi bermakna di situ ada *opportunitinya*, ada *demandnya*,

Jadi, oleh yang demikian, memang sekarang ini FAMA dengan baru-baru ini kita telah menggubal sedikit sebanyak Akta FAMA telah membolehkan bahawa FAMA ini mengadakan *collection centers* dan bermacam-macam lagi untuk menjadi penyambung kepada petani membawa kepada pasaran dan insya-Allah mendapat harga kalau tidak RM1.50, seperti kata Yang Berhormat, 60 sen sebab kita kena tolak juga kos pengangkutan dan bermacam-macam lagi.

Tetapi ini, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Santubong, memerlukan pengurusan, memerlukan *coordinated effort*, dengan izin. Jadi, ini yang diuruskan sekarang ini. Tetapi untuk mengadakan semua ini, pertama mesti ada pegawai yang menggerakkan. Yang Berhormat, kadang-kadang dasar yang begitu cantik, begitu baik tetapi kalau tidak cukup *man power on the ground*, dengan yang berkepakaran, saya rasa program kita, dasar kita, tinggal macam itu sahaja. Sebab itulah kami tadi mengatakan, kami hendak mengatasi kerenah-kerenah birokrasi yang saya sebut tadi, satu, dua, tiga, belum habis pun.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Bangun*]

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Hah! Yang Berhormat bagi Santubong, sekejap.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Bagi peluanglah, bagi peluang. Tuan Yang di-Pertua, saya menerima hakikat yang kita masih ada masalah - soal kewangan, soal tenaga manusia yang disebut oleh Setiausaha Parlimen. Jadi, pada pendapat kita bahawa *the trust*, dengan izin, kerajaan sekarang ialah untuk menggunakan pertanian ini sebagai penggerak ekonomi negara kita. Tetapi dari segi bajet Yang Berhormat, cuba lihat semula bajet kita itu, macam mana keadaannya? Cukup atau tidak? Sebut juga yang FAMA ini, kalau tidak salah saya FAMA hanya mendapat RM34 juta sahaja tahun ini. RM34 juta, kalau tidak silap saya. RM34 juta itu dibahagi dengan 14 negeri di Malaysia, tolong beritahu saya berapa jumlah satu-satu negeri dapat? Macam mana hendak tolong? Hendak beli satu lori pun tidak boleh. Macam mana hendak angkat kelapa daripada Tanjung Piai, hendak angkat buah nanas dari Pusat Batang Lupar, hendak angkat pisang daripada Samarahan, hendak angkat limau di Asia Jaya, tidak boleh.

Dengan itu saya berharap pihak kementerian berbincang dengan kerajaan, minta duit sedikit, tambah. Kalau tidak, FAMA kena marah tiap-tiap tahun tidak buat kerja. Masalahnya macam mana FAMA hendak bergerak? Duit tidak ada, tidak cukup. Pinta duit banyak, kalau *trust* kita menggunakan pertanian ini sebagai penggerak ekonomi Malaysia pada masa akan datang, sumbangan kewangan itu mesti menunjukkan bahawa tumpuan kita ke sana. Macam mana kementerian ini bertindak?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Saya setuju Yang Berhormat, memang setuju. Jadi, itulah yang diharapkan dengan rayuan-rayuan itu, sama-samalah kita cuba untuk memohon lebih besar lagi peruntukan. Walaupun tahun ini kami diberi tambahan 34% tetapi bila diagihkan macam Yang Berhormat katakan, itu baru satu agensi. Tetapi kalau kita agih lagi ke seluruh kementerian, memang RM1.3 bilion yang diberikan kepada kita tahun ini memang bila telah diagih-agihkan, memang impaknya tidak memulangkan seperti apa yang kita hasratkan.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** *[Bangun]*

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat bagi Parit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak berbalik kepada soal pegawai di agensi pertanian di peringkat akar umbi ataupun di peringkat daerah. Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebutkan hendak tambah pegawai pengembangan dengan kelayakan. Saya rasa kelayakan sahaja tidak mencukupi. Yang penting ialah bilangan pertambahan pegawai. Okey, saya ambil contoh, berapa agensi pertanian yang di peringkat bawah ini terlalu kecil bilangan pegawainya? Umpamanya, pegawai FAMA, sudah 20 tahun pegawai FAMA di peringkat daerah ini hanya seorang dan ada setengah daerah juga berkongsi pegawai FAMA.

Jadi, apa yang kita harapkan daripada seorang pegawai ini untuk mengawasi, menyelia program di peringkat daerah. Begitu juga perikanan, hanya satu pegawai, haiwan pun ada dua, tiga pegawai, yang banyak jabatan pertanian, itu pun tidaklah banyak sangat. Soalnya di sini ialah adakah Kementerian Pertanian tidak mendapat sokongan daripada agensi pusat yang lain kerana pada pertengahan tahun lepas, seingat saya Yang Berhormat Menteri Pertanian atas kesedaran untuk menjadikan sektor pertanian, sektor utama selaras dengan kehendak kerajaan telah mengumumkan pertambahan tiga ribu pegawai baru. Tetapi saya diberitahu sampai hari ini bukan sahaja pegawai, jawatan pun tidak diluluskan lagi, tidak tahu saya. Jadi, minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat, macam itulah jawapannya Yang Berhormat. Memang seperti saya katakan, betullah Yang Berhormat katakan tadi tetapi bagi kita kelayakan itu bersama dengan jumlah orang, itu yang penting. Memang kementerian telah memohon tiga ribu jawatan tetapi itu khas untuk Jabatan Pertanian, belum masuk lagi Jabatan Haiwan, FAMA, kita baru bermula dengan Jabatan Pertanian tetapi kami masih menunggu jawapan dan Yang Berhormat Menteri saya rasa telah merayu *direct* kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk masuk campur sebab dia kata, tidak gunalah kita menyebut tadi dari segi *third engine of growth* kalau sumber-sumber dalaman ini tidak mampu berlari selari dengan cepatnya seperti yang dikehendaki.

Jadi, terima kasih Yang Berhormat. Di sinilah Yang Berhormat kita memerlukan segala sokongan daripada semua di sini supaya insya-Allah kita akan mendapat peruntukan yang lebih besar lagi untuk menggerakkan sektor pertanian.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Sabak Bernam bangun, di belakang, Sabak Bernam, boleh?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebenarnya kementerian ini telah membuat banyak perubahan yang boleh kita puji tetapi kita tidak hendak mengambil agenda memuji di sini tetapi lebih khusus kepada hala tuju yang saya turut hendak bangkitkan mengenai Kementerian Pertanian. Fokus ataupun tumpuan kita ialah pekebun kecil. Sabak Bernam, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua pun pernah mengajar di Sabak Bernam – kawasan pertanian. Apabila disebut kebun kelapa, saya memang tersentuh jiwa sanubari saya sebab memang benar harga kelapa itu sebenarnya sedemikian.

Tetapi saya hendak kaitkan begini, Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks hala tuju. Saya hendak buat perbandingan antara tiga ekar kebun-kebun ini dengan tanaman tertentu. Sebagai contoh umpamanya, tiga ekar padi, berapa sebenarnya pendapatan kita sebulan? Tiga ekar kelapa sawit, berapa pendapatan kita sebulan? Tiga ekar mangga, berapa pendapatan kita sebulan? Tiga ekar longan berapa pendapatan sebulan? Ini sangat penting Tuan Yang di-Pertua sebab kaitannya ialah di hujung itu kita hendak membantu petani kita, pekebun kecil kita untuk mendapat pendapatan RM1,000 atau RM2,000 ke atas.

Kalau saya tidak silap, kalau tiga ekar padi ini dalam sebulan, pendapatan dia hanya RM1,000 sahaja tetapi yang tanam longan pendapatan dia RM2,500, ini pengalaman di Sabak Bernam. Jadi oleh kerana itu, ini harus diberikan perhatian supaya pekebun-pekebun kecil kita, nelayan kecil kita dapat benar-benar dibantu. Kalau tidak, saya memang takut. Yang kita bantu ini ialah mungkin peladang ataupun yang mempunyai kebun yang besar, ini harus diberikan perhatian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.



**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, lanjutan daripada itu, suka juga saya jelaskan sedikit – satu biji limau manis, Sunkist umpamanya RM1, satu biji kelapa 20 sen ya? Lebih kurang, begitulah. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Macam itulah, memang macam itu. Oleh yang demikian, kita mengambil pendekatan. Sekarang ini saya katakan tadi kita *market driven*, kita menjurus kepada apa yang diperlukan di pasaran dan itulah yang akan kita *recommend* kepada petani supaya yang itulah yang dijual atau yang itu yang diusahakan ditanam sebab sekarang ini kadang-kadang ada menjual sesuatu yang tidak ekonomik, yang tidak memberi pulangan yang secepat seperti tanaman-tanaman yang lain. Sebab itulah sekarang ini, inilah yang kita hendak sumber-sumber manusia ini yang peka terhadap *market demand* dan menjuruskan supaya *merecommend* kepada peladang-peladang sesuatu yang memberi pulangan yang begitu berlipat ganda.

Berbalik kepada cerita padi, padi ini kalau dapat memang kita tidak menggalakkan membuka kawasan baru sebab yang ada sekarang ini kita tokok tambahkan dari segi bantuan, tetapi untuk membuka kawasan atau jelapang yang baru akan menelan belanja yang begitu besar. Memang kita akui dan kita mengetahui dari segi *food security*, tetapi pada masa yang sama kita rasakan ianya tidak memberi pulangan seperti yang kita harap-harapkan. Kalau kita mengeluarkan tanaman-tanaman yang lain berbentuk *short term* tetapi pulangan yang lebih besar.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** [Bangun]

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** [Bangun]

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Ya, daripada Jerlun ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Kita memang memuji Kementerian Pertanian ini telah meletakkan satu imej pertanian. Cuma bercakap mudahlah pertanian ini, mudahnya ialah cuma air dengan tanah sahaja, dengan izin. Menanam pokok dan jirus air - keluar hasil. Bela ikan, ada kolam, ada tanah, dapat hasil. Persoalannya kempen padi

10 tan satu hektar, sekarang ini saya nampak macam tinggal kempen sahajalah, tidak nampak drastik dan tidak nampak macam satu pembelaan. Dan hari ini kita disogokkan pula dengan pertanian, saya ambil perkataan 'Industri Asas Tani'. Sibuk pula kita berbincang mengenai pemasaran *marketing*, adakah ini seolah-olah macam satu pelarian, macam tadi asas air dengan tanah pun tidak selesai lagi kita sudah nak berbincang secara drastik mengenai pemasaran, jadi seolah-olah kita buat kerja macam tidak kena, minta pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat, memang betul apa Yang Berhormat katakan. Pertanian ini tanpa tanah, tanpa air tidak ada apa yang boleh berjalan. Jadi oleh yang demikian, memanglah sebenarnya kami merangkakan perancangan-perancangan, tetapi dengan kerjasama semua pihak termasuk kementerian-kementerian lain dan juga kerajaan-kerajaan negeri.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kuala Kurau! Dari belakang..

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Sebentar tadi Setiausaha Parlimen beritahu bahawa kawasan padi tidak akan ditokok-tambah, cuma yang kita akan pastikan bahawa peruntukan akan ditambah. Kawasan Jerlun, baru-baru ini saya dijemput untuk melawat kawasan Jerlun, kawasan tanaman padi, tetapi saya perhatikan bahawa sawah-sawah padi atau jelapang padi telah banyak digunakan untuk kemudahan komersial dan juga tempat-tempat ataupun dibina rumah-rumah. Adakah Kementerian Pertanian sedar bahawa ini akan mengurangkan lagi kawasan tanaman padi dan hasilnya kekurangan bagi hasil padi dan beras negara. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat seperti saya katakan, satu pendekatan yang diambil oleh kementerian adalah kita mempertingkatkan lagi pengeluaran pada jelapang-jelapang yang sedia ada. Tetapi kita tidak menggalakkan pembukaan jelapang yang baru. Sebab apa, yang ada ini kita akan menggunakan segala teknologi-teknologi terkini, mekanisasi dan bermacam-macam lagi. Seperti dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Jerlun itu sebenarnya masih ada,

bukan kempen sahaja yang 10 tan sehektar itu masih ada lagi. Memang telah mengeluarkan hasil seperti di Sabak Bernam, di Tanjong Karang, di Seberang Hilir Perak dan semuanya itu memang menghasilkan, bahkan lebih daripada 10 tan. Ada di Seberang Perak itu sudah mengeluarkan 14 tan sehektar. Jadi apa yang kita katakan di sini itu sebagai *food security*, alhamdulillah sudah mencukupi dan ditambah lagi kita ada juga mengimport beras-beras daripada luar untuk menampung keperluan negara supaya kita tidak lari dari *food security situation*.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** [Bangun]

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sabak Bernam dengan Padang Terap.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja lagi. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Saya hendak tanya sekarang ini sebenarnya kalau tanam padi ini satu hektar 10 tan, kalau saya buat kajian, tinjauan di Sabak Bernam yang 10 tan ini sebenarnya tidak boleh sepanjang masa 10 tan. Dalam 7 tan mungkin 7 ½ dan sekali dalam 10 tan.

Saya hendak tanya dalam satu hektar pendapatan petani ini, sebenarnya sebulan berapa? Sebab saya hendak bandingkan umpamanya daripada satu tempat juga di Sabak Bernam dia ada tanah satu ekar dia bela ikan keli, pendapatannya RM3,500 sebulan, satu ekar sahaja. Itu sebabnya saya hendak kaitkan tadi, bila kita hendak membantu petani padi ini termasuk jugalah dengan kelapa. Kita harus jelas sebenarnya kepada pekebun-pekebun itu, selepas itu kita tanam ataupun bermaknanya kita masukkan berbagai teknologi, jadi berapakah sebenarnya pendapatan sebulan khususnya daripada padi ini? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat bab-bab *calculation* itu nantilah Yang Berhormat, ini sebab fakta dan saya lagi hendak memikirkan kerana hendak menjawab dan buat *culcalation*. Sebenarnya banyak daripada jawapan ini masih lagi terkandung di dalam ini, tetapi dengan beberapa penjelasan ini sudah termasuk juga, bolehkah saya teruskan dahulu dengan jawapan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila, sila Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Ya, ya terima kasih, saya teruskan sebab ada termasuklah di dalam ini. Jadi saya sambung lagi mengenai dengan asal-usul kemasukan input pertanian seperti baja dan racun daripada luar negara, kementerian ini melalui Jabatan Pertanian telah menguatkuasakan Akta Racun Makhluk Perosak bagi memastikan racun perosak yang diimport dikeluarkan, dijual dan digunakan dalam negara adalah berkualiti dan tidak memudaratkan alam sekitar, manusia dan haiwan. Semua racun perosak yang diimport dikeluarkan dan dijual dalam negara perlu didaftar dan kelulusan pendaftaran hanya akan diberi setelah penilaian risiko serta ujian-ujian makmal dilakukan di makmal dan di ladang .

Bagi baja organik yang mengandungi mikro organisma Akta Kuarantin Tumbuhan dikuatkuasakan bagi menentukan permit import hanya diberi setelah penilaian memastikan bahawa mikro organisma yang terdapat dalam baja tersebut

tidak membawa keburukan kepada alam sekitar, manusia, haiwan atau tumbuhan dalam negara. Selain itu Jabatan Pertanian juga sedang dalam proses penggubalan akta baja bagi mengawal baja-baja yang diimport dan dikeluarkan dalam negara adalah berkualiti dan tidak memudaratkan.

**Dr. Mohd Hayati bin Othman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pendang bangun.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Sila.

**Dr. Mohd Hayati bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Berhubung dengan baja organik ini saya dapati di tempat saya, sekarang ini ada mereka buat baja organik dengan menggunakan tahi lembu, tahi lembu kemudian diperam kemudian dimasukkan cacing yang diimport khas satu kilo lebih kurang RM300. Jadi saya hendak tahu daripada Kementerian Pertanian, apakah ini merupakan satu teknik baru yang dijumpai oleh Kementerian Pertanian. Baja daripada tahi lembu yang diperam menggunakan cacing.

**Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat Pendang, yang ini biarlah saya bertanya juga kepada pegawai. Saya tahulah beberapa tahi yang digunakan termasuk juga tahi lembu, tetapi yang cacing itu, yang cacing itu saya tidak berapa pasti. Tetapi memang tahi kambing, tahi macam-macam yang digunakan dan

dicampur-campurkan menjadi baja organik, tetapi biarlah saya bertanya dari segi cacing itu. Sebab saya pun tidak berapa pasti tetapi mudah-mudahan pegawai saya yang ada bersama ini insya-Allah akan sama-sama membantu dan kalau dapat beri teruslah kepada Yang Berhormat untuk mendapat pakar.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** *[Bangun]*

**Tuan Devamany a/l Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Parit atau Cameron Highlands?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Paritlah.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Berkaitan dengan baja ini Yang Berhormat ada beberapa orang rakan saya di sini menjawab dan menimbulkan soal kualiti baja.

Sedarkah Yang Berhormat atau pihak kementerian bahawa baja-baja subsidi yang dihantar kepada petani-petani ini adalah baja-baja yang sudah rosak kualitinya. Ada yang begnya dah pecah, jadi apabila sampai kepada petani ini sudah dimasuki udara dan sebagainya, tidak boleh digunakan sepenuhnya dan akibatnya petani-petani ini tidak pakai baja ni seterusnya menjualkan baja-baja ini kepada pihak lain.

Adakah dalam pengetahuan pihak kementerian tentang baja-baja subsidi yang tidak berkualiti diberi kepada petani-petani khasnya petani-petani yang menanam padi. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar]:** Terima kasih Yang Berhormat, kita akan siasat dengan lebih lanjutlah untuk memastikan bahawa baja yang diberi ini walaupun nama dia baja subsidi bahawa ia betul-betul memberi manfaat kepada petani. Cameron.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian. Saya minta penjelasan, dalam kita mengukuhkan lagi sumber ekonomi petani-petani di kampung supaya mereka .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, adakah berkaitan dengan baja?

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Ya, baja, baja. Saya belum habis lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]** Saya kena kawal masa juga.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya hendak tanya golongan-golongan petani secara besar-besaran seperti di Cameron Highlands juga menghadapi masalah kos baja yang semakin meningkat. Dalam iklim di mana kita terpaksa bersaing dengan Thailand dan juga Indonesia dari segi sayur-sayuran dan juga bunga, kos ini merupakan menjadi satu bebanan yang besar sehingga ramai di antara mereka tidak mahu menanam sayur dan tengah mencari jalan untuk beralih kepada sumber pertanian yang lain.

Saya minta penjelasan bagaimanakah kementerian dapat membantu petani-petani ini dari segi subsidi baja. Sekarang subsidi diberi hanya kepada golongan-golongan petani miskin tapi kalau golongan ini terlepas mungkin mereka tidak dapat menjadi satu golongan pengusaha pertanian yang berjaya memberi kompetitif kepada negara-negara lain. Apakah cadangan dan rancangan kementerian dalam konteks ini?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat, sebab itu melibatkan dasar jadi berkemungkinan apa yang ditanyakan Yang Berhormat ini akan kita ambil kira dan saya akan bawalah untuk kita meneliti apakah agaknya subsidi baja lain yang kita boleh berikan untuk meningkatkan ya, sebab Cameron Highlands ini adalah satu daripada pengeluar sayur-sayuran tanah tinggi dan juga bunga-bunga dan memang banyak kali Yang Berhormat telah bawakan dan seperti yang saya katakan sekarang ini apa saja cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat, kita memang bawakan ke satu jawatankuasa untuk kita mempertimbangkan.

Tetapi apa-apa yang berkenaan dengan dasar dan sebagainya kita mesti teliti dan dihalusi supaya ia dapat betul-betul memberi manfaat kepada kumpulan sasaran seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Berilah sedikit masa Yang Berhormat dan Insya-Allah kita akan sama-sama meneliti.

Saya sambung, begitu juga dengan Akta benih tanaman yang sedang digubal untuk tujuan yang sama. Pandangan semua pihak berhubung dengan isu-isu tertentu dalam penyediaan Akta ini akan diambil kira termasuk isu halal dan haram.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian, mengenai peruntukan subsidi kepada golongan petani, penternak dan nelayan dalam meningkatkan hasil pengeluaran pertanian di mana kerajaan telah menyediakan skim bantuan bagi petani, penternak dan nelayan untuk meningkatkan hasil pengeluaran masing-masing. Bantuan yang disediakan ini diberi melalui beberapa skim di bawah jabatan dan agensi kementerian merangkumi penyediaan infrastruktur asas seperti jalan ladang, perparitan, sistem perairan utama dan pembersihan kawasan yang bernilai RM3,000 sehingga RM10,000 sehektar.

Skim bantuan juga meliputi projek-projek pemprosesan di mana bantuan berjumlah RM5,000 hingga RM10,000 satu projek diberi bagi pengusaha membeli peralatan seperti *grinder*, *oven binder*, *semi auto sealer* dan mesin pengadun. Selain itu bantuan benih dan baka disediakan untuk pengusaha memulakan projek dan nilai bantuan adalah tertakluk kepada jenis projek yang dilaksanakan.

Mengenai peruntukan yang lebih besar yang disediakan dalam bidang-bidang pertanian dalam Bajet 2005 telah diluluskan peruntukan berjumlah RM1.3 bilion untuk kementerian ini. Ini merupakan peruntukan yang sangat besar yang telah diberi khusus kepada projek-projek pembangunan pertanian dan peruntukan ini tidak termasuk projek-projek tebatan banjir yang telah dipindahkan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Peruntukan RM1.3 bilion ini menunjukkan pertambahan 34% berbanding dengan peruntukan 2004.

Skim-skim bantuan yang disediakan di bawah jabatan dan agensi kementerian adalah Projek Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Program Pembangunan Projek-projek Kelompok, Program Pembangunan Usahawan Pemprosesan Makanan, Program Integrasi Tanaman Jagung dan Lembu *Feet Lot*, bantuan baka jantan, bantuan rawatan, bantuan benih akuakultur.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian mengenai pengeluaran produk-produk pertanian dan penjenamaan. Kementerian telah berusaha menerusi jabatan dan agensinya untuk

melaksanakan beberapa program penjenamaan untuk hasil-hasil pertanian seperti *Malaysia's Best* dan *Olay Mas* seperti berikut.

Bagi *Malaysia's Best*, untuk memastikan sektor pertanian di Malaysia mencapai hasrat kerajaan maka pihak kementerian menerusi FAMA telah mewujudkan jenama *Malaysia's Best* untuk hasil-hasil pertanian segar negara. Program jenama ini adalah berasaskan satu sistem piawaian gred untuk hasil pertanian yang sedang diguna pakai oleh kebanyakan negara maju seperti berdasarkan spesifikasi yang dikendalikan mengikut ketetapan di bawah protokol *euro gaps dan kodaks alimenteries*.

Jenama ini akan memberi jaminan dari segi kualiti dan keselamatan makanan, buat masa ini produk-produk keluaran hasil-hasil pertanian segar yang telah dijenamakan ialah buah-buahan seperti mangga, nanas, belimbing, tembikai dan betik. Usaha untuk memperkenalkan jenama ini di pasaran antarabangsa telah pun dimulakan iaitu di pasaran Hong Kong dengan kerjasama *Welcome Supermarket* Hong Kong, di Jerman sempena dengan pameran *Food Logistica* di Berlin dan Singapura.

Lain-lain pasaran akan diterokai secara berperingkat. Pada masa ini negara kita mampu menjadi pengeksport utama betik, belimbing dan tembikai ke pasaran Singapura, Hong Kong dan betik serta belimbing ke pasaran Eropah. Jenama kedua adalah *Olay Mas*, tujuan program penjenamaan *Olay Mas* ialah untuk membangunkan *niche* produk yang dihasilkan oleh pengusaha IKS terpilih bagi meningkatkan peluang pemasaran yang semakin menjadi *segmented*.

Jenama *Olay Mas* ialah jenama untuk produk IKS yang dibangunkan oleh kementerian iaitu di bawah kategori produk seperti sos dan lepa, produk sejuk beku, snek dan kuih tradisional dan jus serta kordial. Di bawah program penjenamaan ini, agensi jabatan seperti MARDI, FAMA, Jabatan Pertanian dan LPP bekerjasama dalam menjayakannya. Dalam bidang perikanan pula, produk yang telah dieksport iaitu produk ikan, udang, surimi, tuna dan produk perikanan yang ditinkan dan dihantar ke Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, Australia, Jepun, Hong Kong, China, Thailand dan Singapura.

Pada tahun 2003 sejumlah 233,261 tan metrik produk perikanan yang bernilai RM1.52 bilion telah dieksport ke luar negara. Untuk memastikan produk ini berkualiti dan mencapai tahap piawaian antarabangsa sebanyak 48 pengusaha telah pun mendapat sijil *Hazard Analysis* dan *Critical Control Point (HACCP)* yang dikeluarkan



oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Antara produk perikanan yang lain dieksport ke luar negara ialah jenama *Ocean Wave* dan *Captain Shrim* yang mengeluarkan produk undang sejuk beku dari Syarikat Seahorse Corporation Sendirian Berhad.

Jenama *Sea Master* dan *King Fish* bagi produk sotong sejuk beku dari Syarikat Sea Master Trading Company Sdn. Bhd., jenama Sea Pack.....

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pasir Puteh.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Hendak sokong sedikit tadi. Terima kasih Setiausaha Parlimen, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya terpanggil untuk menyebutkan sedikit kalau boleh kita tengoklah industri hiliran kalau dapat kita buat di Tok Bali. Tok Bali ini ada potensi untuk mengadakan satu industri secara *integrated* - ikan, air batu, baja, dan sardin boleh dibuat. Kalau kita hendak tolong bantulah Parlimen Pasir Puteh khususnya rakyat Kelantan. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Tidak apa Yang Berhormat, kita akan mencari segala pendekatan, kalau dapat tiap-tiap kawasan Parlimenlah. Kita minta mungkin mencadangkan beberapa industri asas tani, insya-Allah boleh kita sama-sama fikirkan. Tadi saya sampai kepada jenama Sea Pack yang berasaskan surimi dari Syarikat Sea Pack Food Sdn. Bhd dan jenama TC Boy dan Victoria bagi produk tuna dan udang yang ditinkan dari Syarikat Tropical Canning Cooperation Sdn. Bhd.

Kadang-kadang Yang Berhormat semasa kita menjawab macam ini baru kita sedar banyak barang kita rupanya, alhamdulillah. Tadi Yang Berhormat saya mendapat makluman mengenai cacing. Cacing ini Yang Berhormat bagi Pendang, tidak tahulah nama cacing ini tapi cacing ini digunakan untuk mempercepatkan proses kompos. Nama cacing ini Yang Berhormat hendak tahu nama?

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** [*Menggelengkan kepala*]

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tidak payah ya. Tapi cacing ini agaknya *special* betul ya. Ia boleh menukar bentuk sisa-sisa tanaman seperti daun-daun, dahan, ranting, dan pokok menjadi kompos. Jadi kalau dicampur dengan yang satu lagi agaknya lagi cepat.

Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gerik mengenai pertumbuhan sektor pertanian di dalam Rancangan Malaysia Kelapan tidak memuaskan iaitu hanya 2.8% sahaja. Saya ingin menjelaskan bahawa pertumbuhan sebanyak 2.8% adalah unjuran Unit Perancang Ekonomi bagi sumbangan sektor perladangan iaitu kelapa sawit, getah dan koko dan sektor pengeluaran makanan pertanian iaitu perikanan, buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Dari unjuran ini pertumbuhan sektor pengeluaran makanan pertanian adalah diunjurkan 2.3%, kurang lagi.

Tetapi mengikut perkiraan kementerian berdasarkan prestasi sebenar bagi tahun 2001 hingga 2004 dan unjuran pengeluaran bagi tahun 2005, pengeluaran makanan pertanian dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan dijangka sebanyak 4.9%. Ini menunjukkan satu pencapaian yang sangat menggalakkan dan akan mendorong kementerian ini meneruskan usaha melipatgandakan pengeluaran makanan pertanian dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Masalah kedua yang dibangkitkan adalah mengenai memperkasakan R&D dalam sektor akuakultur berbanding dengan teknologi di negara-negara lain dan mengenai sungai dan tasik yang boleh dimajukan bagi tujuan pembangunan akuakultur seperti Sungai Pahang, Tasik Chini, Tasik Kenyir dan Tasik Chenderoh bagi mengurangkan import dari luar negara. Sebenarnya kementerian ini melalui Jabatan Perikanan ada menjalankan aktiviti R&D bagi pembangunan sektor perikanan termasuk juga dalam bidang akuakultur.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Jabatan Perikanan telah memperuntukkan sejumlah RM7.69 juta bagi menjalankan aktiviti R&D. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Jabatan Perikanan telah memohon peruntukan dalam bidang ini berjumlah RM288.63 juta bagi membolehkan lebih banyak lagi aktiviti R&D dapat dilaksanakan. Kementerian ini bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Gerik adalah wajar sungai dan tasik di negara ini dibangunkan bagi tujuan akuakultur.

R&D dalam sektor ternakan juga turut dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan MARDI dalam usaha mempertingkatkan penghasilan dan kualiti haiwan ternakan. Kajian tentang penyakit haiwan, ubat-ubatan, vaksin dan kaedah rawatan serta ujian penyakit dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Pemiakbakaan

dan pemakanan haiwan telah banyak bertambah baik melalui penyelidikan oleh kedua-dua agensi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kementerian juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Maran mengenai sungai dan tasik boleh dimajukan bagi tujuan akuakultur seperti Sungai Pahang, Tasik Chini, Tasik Kenyir dan Tasik Chenderoh bagi mengurangkan import daripada luar negara. Namun begitu, sebelum membangunkan kawasan tersebut dengan aktiviti akuakultur, kebenaran daripada Kerajaan Negeri yang terbabit perlulah diperolehi terlebih dahulu. Pada masa ini beberapa kawasan seperti Tasik Kenyir, Tasik Banding, Tasik Pergau, Sungai Terengganu, Sungai Pahang dan Terusan di KADA dan MADA telah pun dijalankan dengan aktiviti ternakan ikan air tawar iaitu ikan talapia dan ikan patin dalam sangkar.

Dasar kementerian ini dalam membangunkan kawasan tersebut ialah keluasan kawasan pembangun akuakultur tidak melebihi 10% daripada jumlah kawasan keseluruhan perairan tasik ataupun empangan tersebut untuk mengawal kesan ke atas kualiti air.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya hendak tanya tentang ikan air tawar yang dternak di Sungai MADA ini, biasanya apabila kita ternak ikan, kebiasaannya ikan talapia merah, pasaran terpaksa dijual sendiri oleh petani-petani mungkin di pasar tani ataupun di tempat-tempat di mana ikan itu dipungut. Jadi apakah bantuan yang boleh diberikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dari segi pemasaran ikan talapia di Sungai MADA ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat, mengenai pemasaran ikan itu khasnya di kawasan MADA. Sebenarnya MADA adalah agensi kita di situ. Jadi kalau betul apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu, MADA boleh memberi kerjasama untuk kita memasarkan ikan-ikan yang ada di kawasan tersebut. Itu Yang Berhormat ya.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Ya.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tidak apa Yang Berhormat, nanti ada catatan. Ini tadi mengenai *calculation*. Dalam saya membaca ini kalau datang maklumat seperti tadi Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bertanya dari segi *calculation* iaitu 10 tan padi sehektar semusim, satu tahun kita boleh tanam dua musim, jadi dapat 20 tan. 20 tan itu harganya ialah RM800 setan, jadi dapat RM16,000 setahun. Jadi pendapatan sebulan adalah dalam lingkungan RM1,300 Yang Berhormat. Jikalau hanya lima tan, pendapatan sebulan dalam lingkungan RM650. Itulah saya katakan Yang Berhormat ya. Terima kasih. Yang Berhormat betul-betul ya. Jadi itulah dari segi padi. Tetapi kita bukan dari segi pengeluaran padi tapi kita akan menjanakan banyak lagi aktiviti-aktiviti subsektor lain di dalam kawasan tersebut.

Kementerian melalui Jabatan Perikanan mempunyai perancangan di masa akan datang untuk meningkatkan lagi aktiviti akuakultur di kawasan sungai dan tasik bagi membolehkan pengeluaran ikan negara dipertingkatkan. Satu lagi pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Maran jumlah taman-taman pertanian di negara ini dan juga masalah yang dihadapi oleh Taman Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Shah Alam. Sebenarnya hanya satu sahaja taman pertanian seliaan secara terus di bawah kementerian dan ia adalah Taman Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Shah Alam. Lain-lain taman pertanian adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing.

Kementerian sedar akan kemusnahan flora dan fauna yang berlaku di Taman Pertanian Malaysia akibat daripada pembangunan di sekeliling taman tersebut. Dalam hal ini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang mengambil langkah untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor bagi memelihara ekologi Taman Pertanian Malaysia. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor juga sedang mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang telah memusnahkan alam sekeliling di sekeliling Taman Pertanian Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Segambut telah menyentuh kawasan Taman Pertanian Malaysia yang diganggu oleh pembangunan penempatan manusia oleh pemaju-pemaju perumahan yang mengakibatkan kemusnahan flora dan fauna. Kementerian sedar akan kemusnahan dan insya-Allah sekarang ini kita merancang pula

untuk menamakan ia sebagai Taman Botani Negara iaitu di atas tapak Taman Pertanian Malaysia di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dalam hal ini, kementerian bekerjasama dengan negeri Selangor untuk membangunkan Taman Botani Negara di atas tapak Taman Pertanian Malaysia untuk memelihara sistem ekologi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menjalankan tugas yang betul. Jadi, bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita semua di sini, berapa taman pertanian yang terdapat di negara ini dan berapa akan ditukar menjadi taman botani. Ini memang penting kerana dengan dia bertungkus-lumus, kita berharaplah kita dapat selesaikan seperti Taman Sri Cahaya.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat, seperti saya katakan, hanya satu itulah yang di bawah seliaan kementerian. Mungkin yang lain itu, mungkin ada di bawah sumber kementerian lainlah, Kementerian Sumber Asli dan sebagainya. Mungkin Yang Berhormat pada masa itu boleh, tetapi setakat di bawah Kementerian Pertanian, hanya satu itu Yang Berhormat dan kita tukarkan taman pertanian itu ke nama taman botani dan sekarang ini tengah rancak diusahakan untuk memelihara semula ekosistem yang ada di sana. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong sebab ada minat dalam taman tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Tenom, Pusat Penyelidikan Pertanian Lagut Seberang di Sabah harus dinaiktarafkan seperti Pusat Pertanian Putatan sebagai pusat penyelidikan dalam bidang pertanian dan bio-diversiti, di mana lokasi ini berhampiran dengan Taman Pertanian Sabah. Sebenarnya pusat ini tidak termasuk dalam senarai pusat-pusat latihan untuk dinaiktarafkan oleh *National Agriculture Training Centre*, dan kementerian ini sebenarnya tiada perancangan untuk menaiktarafkan mana-mana pusat latihan ke tahap universiti.

Walau bagaimanapun, kementerian telah memulakan perbincangan awal dengan jabatan, agensi berkaitan bagi memperkenalkan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan yang diiktiraf oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan di Sabah dan Sarawak. Namun, pada masa akan datang, ia akan dinaiktarafkan ke pusat latihan

bertauliah dan kementerian perlu sedikit masa untuk mengkaji dan meneliti terhadap masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada Yang Berhormat bagi Bentong berkenaan dengan penggunaan teknologi tinggi dan bio-teknologi dalam sektor pertanian. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, MARDI telah membuat perancangan untuk menjalankan penyelidikan dalam penggunaan *pesticide* dan yang berkaitan dengannya seperti berikut:

- (i) kajian sisa *pesticide* pada tanaman pertanian;
- (ii) kajian sisa pencemaran dalam sistem eko-pertanian;
- (iii) kesan *pesticide* pada tanaman di bawah sistem perlindungan hujan;
- (iv) penggunaan mikro organisma dalam menurunkan kesan *pesticide*; dan
- (v) pembangunan agen kawalan biologi seperti mikro dan serangga untuk mengawal perosak tanaman.

Sejak 25 tahun yang lalu, MARDI telah menjalankan penyaringan dan pemilihan racun perosak yang berkesan terhadap semua perosak sayur-sayuran di Cameron Highlands termasuk penanaman tomato. Di samping pemilihan dan penyaringan ini, MARDI telah menjalankan juga kajian dari segi penggunaan racun yang lebih selamat dan jenis racun yang mesra alam. MARDI menggalakkan amalan pengurusan perosak bersepadu atau IPM yang didapati mengurangkan penggunaan racun perosak pada tanaman sayur-sayuran di tanah tinggi. Pada masa akan datang, MARDI akan cuba meningkatkan lagi usaha penyelidikan dengan lebih giat lagi.

Yang Berhormat bagi Bentong juga menyatakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sektor pertanian memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Dengan adanya teknologi moden dan bio-teknologi, pertumbuhan ekonomi negara pada kadar 6% hingga 7% disalurkan kepada kementerian, diharapkan dapat memberi anjakan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi untuk merealisasikan pertanian sebagai sektor utama dunia iaitu:

- (i) penjagaan tanah dari tanah runtuh. Kementerian disarankan memberi satu garis panduan kepada petani mengenai

penggunaan dan penjagaan tanah tinggi. Apabila tanah tinggi dipotong, akan mendatangkan risiko dan merosakkan bukit;

- (ii) penggunaan benih yang bermutu; dan
- (iii) ketiadaan akta yang melindungi pemilik benih-benih tanaman menyebabkan kementerian sukar mendapatkan benih bermutu dari luar negara.

Kementerian bekerjasama dengan Jabatan Tanah dan Galian dalam menguatkuasakan Akta Pemuliharaan Tanah bagi menyediakan garis panduan penggunaan dan penjagaan tanah tinggi yang digunakan sekarang. Garis panduan serta teknologi pemuliharaan tanah tinggi seperti di Cameron Highlands melalui perkhidmatan pengembangan oleh Jabatan Pertanian.

Selepas tahun 2002, kerajaan telah menetapkan bahawa ladang yang diusahakan di tanah tinggi hendaklah tidak melebihi 1,000 meter di atas paras laut bagi mengelakkan risiko hakisan dan tanah runtuh. Selain itu, melalui Skim Amalan Ladang Baik (SALAM), Jabatan Pertanian akan memastikan petani-petani mematuhi syarat-syarat tertentu iaitu setiap ladang perlu menjalankan amalan pemuliharaan tanah.

Mengenai penggunaan benih yang bermutu, Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 telah mendapat persetujuan diraja pada 25 Jun 2004 dan telah diterbitkan dalam Warta pada 1 Julai 2004. Akta ini mengadakan peruntukan bagi perlindungan hak pembiak baka bagi varieti baru tumbuhan dan pengiktirafan serta perlindungan ke atas sumbangan yang dibuat oleh petani, masyarakat tempatan dan peribumi terhadap perwujudan varieti baru tumbuhan, menggalakkan pelaburan dan pembangunan varieti baru tumbuhan dalam sektor awam dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Bagan, berhubung dengan bayaran bantuan ihsan...

**Dato' Liow Tiong Lai:** Datuk, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bentong.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana memberi suatu jawapan yang jelas. Tetapi, saya minta penjelasan lagi berhubung dengan hasil kajian MARDI. Tadi, Yang Berhormat berkata bahawa MARDI membuat banyak kajian dan kita hendak tahu hasil-hasil kajian ini bagaimana hendak

sampaikan kepada para petani kerana sekarang petani ini, kebanyakan daripada mereka tidak mendapat maklumat yang terkini berhubung dengan teknologi-teknologi yang terkini. Kita minta Jabatan Pertanian mahupun MARDI, FAMA memainkan peranan yang penting untuk menyampaikan maklumat-maklumat ini.

Yang keduanya, dari segi benih tadi dikatakan ada Akta Perlindungan Varieti Tanaman. Bagaimana pula dengan Akta Benih Tanaman? Adakah kerajaan seperti yang dikatakan akan dalam gubalan? Bilakah akan siap kerana ini juga dapat membantu memastikan lebih banyak varieti tanaman dalam negara kita dalam negara kita dapat dilindungi.

Soalan yang ketiga, berhubung dengan sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara. Yang saya katakan tadi ialah, kita anggarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, lebih kurang 6% atau 7% sumbangan sektor pertanian terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Kalau dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kita hanya mempunyai lebih kurang 3%. Oleh itu, berapa peruntukan yang dianggarkan? Kita tidak tahu berapa banyak tetapi anggaran daripada kementerian, agaknya berapa banyak untuk membolehkan kita ada anjakan itu, mendapat anjakan daripada 3% sampailah ke 7%. Satu anjakan yang besar itu. *One big jump from there.* Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Satu tadi daripada pertanyaan Yang Berhormat iaitu mengenai bagaimana petani hendak tahu. Sebab itulah saya tadi mengatakan kita hendak memperkenalkan *good agriculture practices*. Satu daripadanya kita akan mengadakan *road show* ke seluruh negara.

Yang kedua, kita hendak *mereinforcekan* lagilah pegawai-pegawai pengembangan kita yang ada *on the ground*, sebab itu adalah satu daripada tugas mereka untuk menyampaikan amalan-amalan ini dengan menceritakan akta-akta baru. Yang Berhormat saya..... *otherwise* dia tergantung sedikit.

Mengenai Akta Benih, memang dalam proses untuk dibawa ke Parlimen. Jadi, seperti Yang Berhormat katakan, ini memperkukuhkan lagilah dari segi penggunaan benih yang baik, yang dibawa masuk, khasnya daripada luar negara. Terima kasihlah Yang Berhormat. Memang ini adalah satu cabaran yang begitu besar kepada kementerian ini, di mana diarahkan untuk mempertingkatkan KDNK daripada yang ada



sekarang dalam 3.7% ke 6.8%. Itu adalah *told order* daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada kementerian ini.

Yang Berhormat, kalau kita membuat *calculation* yang sepatutnya memang angka ini menggerunkan, memang memerlukan beratus bilion. RM1.3 bilion yang kita terima dalam tahun 2005 ini boleh dikatakan sudah menjadi sesuatu yang menggerunkan tetapi dengan anjakan yang diberikan kepada kami itu kita akan menggunakan dalam beratus bilion untuk kita membangunkan bagi mendapat anjakan kepada 6.8%

**Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]:** Yang Berhormat, dalam RMK-8 sektor pertanian hanya dapat RM7.9 bilion campur tahun ini RM1.3 bilion lebih kurang *less than* RM10 bilionlah. So kalau RM20 bilion tidak sampai juga?.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Beratus-ratus bilion Yang Berhormat. Memang sesuatu yang kita.... Insyallah kita sama-sama cuba dan kita mencari dengan industri asas tani dan bermacam-macam lagi yang kita rangka untuk kita mendapat anjakan sehingga boleh mengeluarkan KDNK menjurus kepada 6.8%.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Beri sokongannya.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri ...

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan Timbalan Menteri tetapi Setiausaha Parlimen.

**Dato' Sri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** Oh!, Setiausaha Parlimen minta maaf. Cara dia jawab macam Timbalan Menteri. Saya memang sokonglah Setiausaha Parlimen ini. Saya berharap dan berdoa mungkin beliau akan jadi Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan Yang Berhormat soalan, soalan.

**Dato' Sri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** Soalannya ialah Setiausaha Parlimen kata tadi teknologi terkini, jadi kita bolehlah bagi teknologi terkini, benih yang bagus tetapi tidak menjadi apa-apa pun sekiranya pegawai-pegawai pengembangan tidak turun ke ladang, tidak turun ke tanah dan berjumpa dengan

peladang-peladang. Dulu macam saya kata selalu kita nampak pegawai-pegawai ini pergi berjumpa petani-petani dan nelayan-nelayan dan segalanya. Sekarang nampaknya arus objektifnya lain macam hendak jual pula, bukan hendak mengembang. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Terima kasihlah di atas berkat doa dan sebagainya. Kita mengaminkanlah.

Yang Berhormat, eloklah saya memberi satu pendekatan yang kita sama-sama bincangkan dan Insya-Allah inilah yang menjadi hala tuju Kementerian Pertanian pada masa ini dan memang seperti Yang Berhormat katakan tadi, teknologi tinggi, baka benih yang baik dan sebagainya tetapi orangnya tidak ada pun tidak menjadi. Ini adalah pendekatan yang kita ambil, satu tadi kita menyasarkan KDNK 6.8%. Oleh yang demikian kita terpaksa mengambil beberapa pendekatan. Daripada 6.8% KDNK itu diterjemahkan dengan beberapa strategi seperti berikut:

- (i) *Delivery System*. semua Yang Berhormat di sini bercakap mengenai *delivery system*. Duit berbilion-bilion tetapi *delivery system*. Itu yang diberi keutamaan iaitu supaya Jabatan atau agensi yang akan melaksanakan dan di dalam *delivery system* ini termasuklah dengan jawatannya, dengan *trainingnya*, dengan bermacam-macam lagi yang akan diperbincangkan;
- (ii) merombak struktur organisasi. Kalau dirasakan struktur organisasi di akar umbi itu banyak halangan jadi kita terpaksa merombak dan Yang Berhormat Menteri mengatakan kalau kita terpaksa mengadakan beberapa pindaan kepada akta maka kita buat;
- (iii) diisytiharkan sebenarnya mulai tahun ini - tahun 2005 iaitu diisytiharkan "Tahun Turun Ke Padang". Ha, Yang Berhormat katakan tadi. Diisytiharkan "Tahun Turun Ke Padang" atau "Tahun Turun Ke Ladang". Jadi *hands on*, ini telah diisytiharkan dan Yang Berhormat Menteri pun bersama-sama turun juga ke padang, kami semua diarah turun ke padang dan tidak ada lagi pakai baju macam inilah. Kena pakai baju-baju turun ke padang.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Tahniahlah, kata hendak turun ke padang. Kenapa baru *la* hendak turun ke padang dan apakah tujuan sebenarnya, tujuan itu untuk apa?. Untuk menyedarkan petani ataupun yalah kita bercakap bab tadi sudah lama, dok takut lama juga. Pertanian beri mempelam dua pokok, lembu seekor, jiwa kita memang tidak besar Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat jiwa pegawai mesti besar barulah petani di peringkat bawah itu bersemangat membuat kerja. Tahniah kerana turun ke padang, biarlah memberi semangat maknanya memberi peruntukan yang banyak kepada petani dan penternak di peringkat bawah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat bertanya pula. Bukankah sudah kata tahun 2005 turun ke padang, macam-macam yang hendak di tengok Yang Berhormat, di padang ...di ladang itu. Jadi ini pegawai kena turun ke bawah bukan di meja empuk, di dalam *air-con* sahaja. Itu adalah arahan termasuk Menteri, termasuk Timbalan Menteri Timbalan Menteri. Setiausaha Parlimen dan semua pegawai turun. Sebab kita hendak mendekati diri dengan petani-petani atau kumpulan sasaran jadi diisytiharkan pula itu tahun 2005. Sebenarnya Yang Berhormat sepatutnya selama-lama inilah, bukan *la* ini, *la..la..*

- (iv) mengadakan jawatan kuasa penambahan pendapatan di namakan di peringkat kementerian iaitu untuk mencari jalan di mana kita jangan bergantung kepada satu sumber pendapatan - *the* industri asas tanilah termasuk;
- (v) memodenkan beberapa subsektor iaitu subsektor ternakan, subsektor perikanan dan sebagainya.
- (vi) mengaktifkan semula peranan NGO-NGO pertanian iaitu Pertubuhan Peladang dan Persatuan Nelayan untuk mengaktifkan semula;
- (vii) mencari bidang-bidang baru iaitu menggunakan bioteknologi - seperti kata Yang Berhormat bagi Arau; dan
- (viii) mempertingkatkan penyelidikan.

Kesemua ini Yang Berhormat adalah hala tuju yang akan kita pegang untuk memastikan bahawa inilah, Insya-Allah kita cubalah dengan cara ini kita mendapat anjakan seperti yang diharap-harapkan.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju *it is a tall order* untuk meningkatkan KDNK kepada 6.8 dan kita tahu dalam sektor pertanian ini banyak pihak terlibat sekurang-kurangnya dua pihak, satu petani kecil atau sederhana, kedua, syarikat-syarikat besar. Jadi saya rasa peranan mereka penting, setakat ini adakah syarikat-syarikat besar ini termasuk GLC ini sungguh berminat untuk membantu kerajaan dalam menjadikan industri asas tani ini sebagai satu *growth engine* utama kerana saya tidak nampak lagi penglibatan GLC ini dalam sektor pertanian terutamanya dalam aktiviti-aktiviti *downstream*. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat, memang satu daripada pendekatan yang kita ambil ialah untuk kita menggembelngkan pihak-pihak swasta, terutama sekali seperti Yang Berhormat katakan kita hendak membabitkan GLC. Oleh yang demikian memang sebuah panel penasihat pertanian telah diwujudkan, di mana yang menduduki dalam jawatankuasa itu adalah *the big players* dalam sektor pertanian tetapi memang *the big players* ini menjurus lebih kepada kelapa sawit. Tetapi satu lagi pendekatan yang akan kita ambil ialah kita hendak membincangkan apakah insentif yang boleh menarik GLC ini untuk memainkan peranan dengan lebih besar lagi dan bukan kepada sektor-sektor yang biasa perladangan itu tetapi lebih kepada pertanian dan pertanian makanan. Jadi Yang Berhormat memang sudah ada dalam *pipe line*.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, mungkin kita merujuk kepada GLC ini kerana kita tidak cukup tanah yang ada tujuan pertanian, lebih-lebih lagi bila tanah ini di bawah kuasa kerajaan negeri. Tidak ada tanah, tidak ada kawasan, macam mana kita hendak bangunkan pertanian secara besar-besaran.

Yang Berhormat tadi apabila menyebut tentang soal GLC, saya hendak bertanya bahawa dalam ucapan bajet tahun 2005 ada terkandung peruntukan sebanyak RM300 juta sebagai '*seek funding*' dengan izin, bantuan modal untuk syarikat-syarikat ataupun

mana-mana pihak yang hendak melibatkan diri, sama ada baru hendak jadi petani atau hendak membesarkan perniagaan mereka.

Katanya, khabarnya RM300 juta ini akan disalurkan melalui GLC-GLC dalam negara kita. Tadi, rakan saya Yang Berhormat bagi Santubong ada sedikit menyentuh tentang Bank Pertanian. Saya pun pelik, adakah kementerian bersedia untuk memikirkan semula hala tuju dan peranan Bank Pertanian ini. Saya difahamkan bahawa Bank Pertanian ini tangannya terikat hendak membantu, hendak jadi bank yang berjaya punya keuntungan. Tetapi kemampuan *single borrower* hanya RM42 juta. Sebagai contoh Yang Berhormat, ada pihak yang datang ke Bank Pertanian hendak pinjam RM42 juta, hendak bangunkan tanah 10 ribu hektar di Sarawak untuk tanam sawit. Kemudian RM42 juta itu hanya yang dibenarkan untuk Bank Pertanian. Sebaik sahaja sawit ditanam, kilang dibina kemudian dinilai semula tanah itu, ianya menjadi beratus juta ringgit nilainya.

Kemudian si peminjam asal ini balik semula ke Bank Pertanian, membayar hutang mereka yang hanya sekadar dapat balik RM42 juta sebelum Bank Pertanian sempat mendapat keuntungan hasil daripada pinjaman, supaya bila ada keuntungan hasil pinjaman, boleh pinjam kepada pemohon yang lain. Peminjam yang ada potensi membayar ini, tidak lagi berminat untuk meminjam dengan Bank Pertanian, kerana mereka memerlukan modal yang besar. Maka pergilah ke bank-bank komersial yang lain. Akhirnya ada yang beranggapan Bank Pertanian ini macam *Charity* Bank dengan izin. Hanya untuk meminjam kepada pihak-pihak yang bank komersial lain tidak hendak pinjam.

Sebagai contoh Yang Berhormat, saya difahamkan Skim Kredit Mikro, RM500 juta diperuntukkan kepada Bank Pertanian, hanya katanya RM200 juta sahaja dipinjamkan dan bank mengalami kerugian. Seandainya Kementerian Kewangan tidak membenarkan *gapping* ini - pinjaman kerajaan kepada Bank Pertanian *interestnya* lebih tinggi, daripada apa yang Bank Pertanian boleh beri kepada peminjam-peminjam Skim Kredit Mikro. Maka sekali lagi Bank Pertanian terpaksa memikul bebanan kewangan yang berlebihan sehinggakan tidak dapat hendak bergerak. Ini satu keadaan di mana, adakah kementerian akan memikirkan semula Yang Berhormat hala tuju Bank

Pertanian supaya tidak disalah sangka oleh pihak-pihak yang seolah-olah menyangka Bank Pertanian tidak hendak membantu Bank Pertanian. Itu satu.

Yang keduanya Yang Berhormat kenapa kerajaan mengambil keputusan untuk memberi RM 300 juta ini yang hendak dijanji bagi membantu ' *seek funding*' ini. Kenapa hendak dibagi langsung kepada GLC oleh Kementerian Kewangan. Kenapa tidak ini disalurkan kepada Bank Pertanian supaya ianya dapat menambah pendapatan bank dan membantu petani-petani lain.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat semua cadangan itu begitu baik dan bernas dan itu adalah untuk menjadi satu landasan untuk kita memikir, di mana kita boleh memberi satu lagi kekuatan kepada kementerian ini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti di dalam bidang pertanian. Memanglah Bank Pertanian ini dia ada halangan sedikit sebanyak, tetapi di peringkat kementerian memang kita akan mengambil beberapa pendekatan untuk kita menjuruskan supaya Bank Pertanian ini dapat menjalankan tugasnya. Sebab Bank Pertanian yang mana yang lain tidak ada, memang Bank Pertanian inilah sahaja yang tinggal untuk bidang pertanian. Jadi itulah kita akan sama-sama memikirkan dan terima kasihlah Yang Berhormat yang RM 300 juta ini *why not*, dengan izin boleh di *channelkan* kepada Bank Pertanian. Jadi saya berharap itu akan dapat diperbincangkan bersama.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof:** [*Bangun*]

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat bagi Jasin.

**Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof:** Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Menyampuk*]

**Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof:** Jasin kata dia.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jasin?

**Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof:** Kita sudah mendengar dengan begitu panjang Setiausaha Parlimen menerangkan tentang Kementerian Pertanian dan kita berharap kalau benar kerajaan hendak menjadikan pertanian ini sebagai *income* yang ketiga, bukan sahaja transformasi pertanian yang harus kita jalankan, kita berharap Kementerian Pertanian kena transformasi semua agensi, termasuk Bank Pertanian, FAMA dan semua sekali. Kita berharap juga JPA, ini kerana pertanian tidak dapat gerak

kalau tidak ada pegawai dan untuk mendekati orang-orang ini, mesti ada cukup *extension workers*. Kita dapat khabar hari itu 3000 orang akan diambil. Setakat hari ini, belum. Yang saya tengok hari ini, bagi pandangan saya yang sudah bertukar Kementerian Pertanian ini bendera dia sahaja baru.

Orang kampung sudah mula bercakap Tuan Yang di-Pertua, jangan jadi macam cerita P. Ramlee, 'mahu hidup pun susah, mahu mati pun susah' kena pasang bendera. Yang sudah tukarnya sekarang bendera, yang lain belum tukar. Jadi dengan harapan bendera yang begitu semangat, kita berharap orang kampung masing-masing menunggu yang dinamakan durian runtuh kepada luar bandar. Ini GLC ini Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, kerana pada hari ini di kawasan saya di Jasin, 80% daripada keadaan tanah sana estet. GLC-GLC ini Guthrie. Orang kampung pun sudah mengadu dengan kita kerana GLC-GLC lebih-lebih Guthrie dan juga ladang-ladang besar ini, orang kampung punya lembu pada hari ini dia tidak bagi lepas dalam kawasan estet. Ini kampung sudah tidak ada tanah, kita berharap supaya lembu-lembu yang ditenak oleh petani masuk di dalam kawasan kelapa sawit, tetapi hari ini estet-estet pun sudah berlagak macam PBT, Majlis Bandaran. Tangkap lembu orang *fine*. Kalau tidak bayar *fine* dia akan bawa pergi kepada majlis daerah. Jadi janganlah mengharap sangat GLC ini Tuan Yang di-Pertua. Lebih baik kita pandang sedikit orang bawah, orang kampung ini. Orang kampung ini kita bantu habis-habisan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Orang kampung.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih atas segala sokongan itu dan itulah yang kita sama-sama harapkan untuk membantu GLC ke apa ke. Tetapi Yang Berhormat terima kasih begitu *sharp* nampak ada tukar bendera. Itu mungkin langkah pertama dengan bendera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Panjang lagi?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** 10 minit kalau tidak.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah saya akan bantu Yang Berhormat selesai dalam 10 minit.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan pertanyaan dari Yang Berhormat bagi Bagan, berhubung dengan bayaran bantuan ihsan dan bantuan untuk membeli peralatan alat menangkap ikan. Dikatakan sehingga kini bayaran pampasan, iaitu RM2400 kepada setiap penternak ikan dan nelayan di kawasan Tanjong Piandang dan Kuala Kurau masih belum diterima. Sebenarnya Kementerian ini telah pun menerima peruntukan berjumlah RM2.43 juta bagi semua penternak ikan yang terjejas akibat Tsunami di seluruh negara. Dari jumlah tersebut, sejumlah RM85,900 diperuntukkan untuk bayaran ihsan kepada penternak ikan di kawasan Tanjong Piandang yang melibatkan penternak ikan seramai enam orang, dan di Kuala Kurau yang melibatkan penternak ikan seramai 19 orang.

Kementerian ini sedang menyediakan dokumen pembayaran dan dijangka kesemua penternak terlibat akan menerima bantuan ihsan mereka pada pertengahan bulan April ini, bulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Ketereh iaitu dikatakan baja tambahan sebagai alternatif kepada baja organik iaitu, sekarang ini, buat masa ini kerajaan belum lagi bercadang untuk menukar baja yang dibekalkan di bawah Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan kepada baja organik. Walau bagaimanapun, penggunaan baja organik oleh petani sebagai tambahan kepada baja yang dibekalkan menerusi skim SBPKP adalah digalakkan. Kerajaan telah bersetuju di bawah dasar pemberian SBPKP, petani yang mengerjakan sawah tidak melebihi 25 ekar layak dipertimbangkan untuk menerima subsidi 5 kampil baja campuran dan dua kampil baja urea bagi setiap ekar tanah.

Pada masa ini juga kerajaan dalam usahanya untuk meningkatkan kualiti baja yang sedia ada telah bersetuju untuk menggantikan bekalan baja campuran kepada baja kompaun.

Kedua, mengenai penjualan padi oleh petani kepada BERNAS sahaja. Penjualan bukan hanya kepada BERNAS sahaja malah petani boleh menjual padi kepada mana-mana kilang berlesen termasuk BERNAS. Penetapan pemetongan dibuat berdasarkan penentuan mutu padi ke atas empat perkara iaitu:

- (i) peratusan kelembapan;
- (ii) peratusan biji hijau tidak masak;



- (iii) peratusan biji rosak; dan
- (iv) peratusan benda asing atau kotoran.

Bagi penentuan kelembapan, *grain moisture meter* digunakan. Alat tersebut berfungsi untuk mengesan ketepatan alatan dari masa ke semasa oleh pihak kilang. Jumlah potongan mengambil kira kesemua komponen mutu padi yang diamalkan dan ini juga diguna pakai oleh negara-negara jiran dan serantau.

Tawaran harga padi adalah berdasarkan kepada padi yang kering dan bersih. Padi kering adalah dikira pada tahap 14% kandungan kelembapan, manakala padi bersih adalah bebas daripada biji hijau, biji rosak dan benda asing. Namun, jumlah pemotongan adalah dikira daripada jumlah keseluruhan empat komponen tersebut di atas.

Mengenai isu pemutuan padi di Kelantan. Padi yang dijual oleh petani-petani di kilang-kilang di Malaysia adalah dalam bentuk basah dan berisi, hampa, padi muda dan benda asing. Secara ringkasnya padi yang diterima pakai adalah kering dan bernas sahaja. Oleh kerana padi yang dihantar adalah basah dan berisi kekotoran, maka pemutuan dibuat berdasarkan kepada jadual pemutuan. Lazimnya, padi dalam 100 kilo padi yang diterima, purata 25 kilogram adalah kekotoran dan lebihan wap basah. Dalam konteks ini, potongan yang sepatutnya dibuat ialah 25%.

Bagaimanapun, amalan dalam industri ialah membuat potongan dalam lingkungan 18% hingga 20% sahaja dan pengilang menanggung kerugian daripada lebihan wap basah dan kotoran.

Mengenai syer pasaran di Kelantan. Pada tahun 2004, syer pasaran padi di Kelantan ialah BERNAS – 49%, SPB – 19% dan swasta – 32%. Sehingga 3 April 2005, BERNAS membeli sejumlah 13,198 matriks tan iaitu 39%, SPB sejumlah 5,884 matriks tan iaitu 18% dan swasta berjumlah 14,432 matriks tan iaitu 43%. Oleh yang demikian, kenyataan yang mengatakan semua padi mesti dijual kepada kilang BERNAS adalah tidak benar.

Mengenai pemutuan atau *quality standard*. Sehingga 3 April, purata padi yang dihantar ke kilang mengandungi lebihan wap basah, padi muda dan benda asing dalam lingkungan 25.85%. Sewaan jentera pula daripada Lembaga Pertubuhan Peladang kepada petani menggunakan peladang negeri. Mengenai sewaan jentera iaitu traktor

daripada Lembaga Pertubuhan Peladang kepada petani, sebenarnya cajnya adalah lebih rendah kalau dibandingkan dengan yang dikenakan oleh pihak swasta.

Sebagai contoh, pihak swasta mengenakan caj menuai iaitu RM80 sehektar, manakala LPP, RM75 sehektar. Bagi caj membajak pula, swasta mengenakan RM50 sehektar, manakala LPP, RM45 sehektar. Kelebihannya LPP ini, dia memberi perkhidmatan kepada semua kawasan pertanian termasuk yang berada di kawasan-kawasan yang terpencil dan tidak ekonomik untuk didatangi, tetapi pihak swasta, mereka tidak berminat untuk menghantarkan jentera ke tempat-tempat terpencil.

LPP mengenakan caj yang sama, sudah empat tahun yang lepas kadar caj ini tidak berubah,, walhal kos *overhead* telah meningkat iaitu kos penyelenggaraan, pembaikan, upah, harga minyak dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita sentiasa menerima cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengkaji dan menilai semula kadar ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Mas iaitu bagi negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sejumlah RM41 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan bagi membangunkan sektor pertanian, khususnya pekebun kecil. Bagi daerah Limbang, sejumlah RM1.5 juta telah dibelanjakan pada tahun 2004 untuk pembangunan pekebun kecil yang melibatkan seramai 1,141 orang petani.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krau iaitu mengenai IADP Pahang Barat. Pada dasarnya kerajaan tidak menutup operasi IADP Pahang Barat di Temerloh dan sebaliknya telah hanya membubarkan Unit Pengurusan Projek ataupun *Project Management Unit* IADP berkenaan. Pembubaran PMU IADP Pahang Barat serta IADP-IADP bukan jelapang padi di negeri-negeri lain dibuat setelah mengambil kira peranan yang dimainkan oleh PMU IADP berkenaan di satu-satu kawasan telah mencapai matlamatnya apabila projek atau komponen siap dibangunkan.

Walaupun PMU IADP dibubarkan, pembangunan kawasan Pahang Barat di Temerloh ini sebagai kawasan pertanian bagi menyumbang kepada pengeluaran hasil pertanian negara tidak terjejas kerana projek-projek pertanian di kawasan-kawasan berkenaan terus diambil alih oleh jabatan atau agensi yang berkaitan. Oleh yang demikian, kerajaan buat masa ini tidak berhasrat membuka semula pejabat tersebut dan

peruntukan bagi pembangunan projek-projek pertanian di kawasan ini akan terus disalurkan melalui jabatan dan agensi yang berkaitan di bawah kementerian.

Yang Berhormat bagi Sepanggar bertanya mengenai peranan untuk melaksanakan aktiviti pemasaran di peringkat antarabangsa. Jadi, ada beberapa pendekatan yang diambil oleh FAMA.

- (i) pengukuhan pasaran sedia ada dan penembusan pasaran baru;
- (ii) pengenalan produk baru yang berpotensi;
- (iii) pengenalan Skim Akreditasi Ladang;
- (iv) perkongsian strategik dengan pihak swasta;
- (v) meningkatkan industri pemprosesan;
- (vi) menyertai pameran perdagangan, misi perniagaan, misi perdagangan antarabangsa dan *reverse promotion*;
- (vii) penjenamaan;
- (viii) melantik *attaché* pemasaran pertanian di luar negara;
- (ix) perjanjian dua hala; dan
- (x) pusat pemprosesan setempat.

Yang Berhormat juga bertanya mengenai TEMAN di Sabah. Pada dasarnya FAMA merancang untuk membina lapan buah Terminal Makanan Negara atau TEMAN dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan salah satu lokasinya ialah di Sabah. Walau bagaimanapun, kelulusan siling untuk projek ini bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan adalah RM34 juta sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat, kos tanah untuk projek ini yang telah dikenal pasti di Kota Kinabalu Industrial Park adalah terlalu mahal iaitu RM15 sekaki persegi dan kedudukannya adalah terlalu jauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sudah lepas daripada 10 minit.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Okey, Yang Berhormat. Terima kasihlah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian...

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan, soalan pokok saya belum berjawab. Minta dijawab secara bertulis berhubung dengan tanah, TOL. Itu satu

soalan yang penting kerana masalah petani memang selalu tidak ada tanah dan kementerian perlu dapat menyelesaikan masalah ini.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Okey, terima kasih. Secara bertulis, Yang Berhormat, ya! Sebab ini ada melibatkan dengan kerajaan negeri.

Jadi, terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan dari segi menyentuh peranan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan insya-Allah, kita sama-sama akan melipatgandakan usaha supaya apa yang disarankan itu akan tercapai. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang kita sampailah kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

**5.09 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kami di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sangat berbesar hati di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha, program dan strategi kementerian.

Masa depan ekonomi negara banyak bergantung kepada sejauh manakah kita menerapkan input sains, teknologi dan inovasi dalam budaya kerja seterusnya dalam semua sektor ekonomi. Usaha ini memerlukan minat dan gandingan semua. Saya akan menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu penyelidikan dan pembangunan R&D yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam, Bera, Sri Gading, Kuala Terengganu dan Gerik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Ayer Hitam, IPTA dan IPTS, tempatan termasuklah agensi penyelidikan kerajaan (*government research institution*) merupakan institusi yang layak menerima geran-geran IRPA (*Intensification of Research in Priority Areas*) bagi menjalankan R&D yang berkaitan dengan bidang masing-masing.

Sejak IRPA diperkenalkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima, institusi – institusi yang layak untuk mendapat geran R&D melalui skim geran IRPA semakin bertambah dan dalam Rancangan Malaysia Keenam, Ketujuh dan Kelapan, skim geran

ini telah melalui pelbagai perubahan bagi memantapkan dan mempertingkatkan perkembangan R&D negara. Walau bagaimanapun, melalui Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (*MOSTI*) telah memberikan penekanan kepada pengkomersialan hasil-hasil R&D berkenaan.

Oleh itu selain daripada bertujuan meningkatkan bilangan penyelidik, saintis dan jurutera, kerajaan telah memberikan penekanan melalui institusi-institusi penyelidikan ini untuk melaksanakan pengkomersialan hasil-hasil R&D yang diberikan oleh mereka. Institusi dan agensi-agensi juga telah digalakkan mewujudkan kerjasama dengan pihak swasta dan industri untuk tujuan mengkomersialkan hasil-hasil R&D mereka. Dalam hal ini juga, MOSTI telah membuat kajian tentang hasil-hasil R&D yang berjaya dikomersialkan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh, dan mendapati 14.1 peratus mempunyai potensi untuk dikomersialkan manakala 5.1 peratus telah berjaya dikomersialkan.

Bagi memantapkan lagi aktiviti R&D serta melicinkan lagi pengurusan geran R&D, para penyelidik pada pertengahan Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mula melaksanakan kerja-kerja pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti R&D yang sedang dijalankan di institusi penyelidikan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ayer Hitam juga ada menyarankan agar IPTA dan IPTS .....

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bangun.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik tadi bila disebut tentang R&D dan bukan sekadar R&D tetapi RDC ..... saya ingat apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi – *research, development and commercialization (RDC)*. Cuma saya hendak tahu, Yang Berhormat, apakah perkara-perkara atau elemen-elemen RDC yang telah membawa, *breakthrough*, kepada kementerian setakat ini, yang membawa kepada sesuatu *niche* ataupun keistimewaan dalam kita menuju ke hadapan.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada peringkat awal Rancangan

Malaysia Kelima, Keenam dan Ketujuh, R&D kita kebanyakannya adalah bertujuan untuk *capacity building* iaitu memperbanyakkan saintis-saintis untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai penyelidik dan sebagainya. Mulai Rancangan Malaysia Ketujuh dan Kelapan, kita telah mengambil pendekatan bahawa selain daripada R&D, faktor pengkomersialan daripada produk-produk perlu juga diambil kira.

Di dalam kes ini, selain daripada IRPA, kita adakan geran lain yang memang memberikan penekanan kepada pengkomersialan produk iaitu kita ada geran IGS (*Industri Grant Scheme*) yang mana ini adalah merupakan geran penyelidikan yang membantu swasta dan juga institusi tempatan untuk menghasilkan produk yang boleh dikomersialkan. Kita juga ada MGS (*Multimedia Grant Scheme*) yang juga mempunyai tujuan yang sama tetapi ini adalah lebih kepada pembangunan *software multimedia* dan kita juga ada skim DAGS (*Demonstrator Application Grant Scheme*) yang mana ini lebih membangunkan produk yang berasaskan kepada *semi-conductor*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ayer Hitam juga ada menyarankan agar IPTA dan IPTS yang berjaya mengkomersialkan hasil-hasil R&D mereka diberi insentif dan potongan cukai. Kerajaan melalui MOSTI dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan telah dan sedang membuat perancangan yang lebih bermakna, di mana IPTA dan IPTS yang berjaya mengkomersialkan hasil-hasil R&D diberikan insentif-insentif tertentu. Insentif-insentif begini, seperti royalti, telah pun diberikan kepada para penyelidik dan universiti yang berjaya mengkomersialkan hasil-hasil R&D mereka. Melalui hasil-hasil yang dikomersialkan dan insentif-insentif yang diterima, adalah diharapkan kelak ....

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Santubong bangun.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Silakan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam sidang Parlimen pada sesi yang lepas, semasa saya membahaskan kementerian ini, ada banyak persoalan yang saya bangkitkan tetapi malangnya tidak dapat dijawab oleh sebab hari saya berbahas itu ialah hari Yang Berhormat Tun Zahir

(Speaker) meninggal dunia. Jadi jawapan daripada Menteri tidak dapat dibuat di Dewan ini kerana kita berhenti bersidang.

Salah satu daripada soalan yang saya timbulkan ialah, “Ada pihak bijak pandai mengatakan bahawa *research and development* yang dibuat oleh pihak universiti adalah tertumpu kepada *pure science* yang tidak menumpu kepada *commercialization*. Jadi, pihak agensi kerajaan pula mempunyai satu masalah, iaitu *constraint* kewangan walaupun Amerika yang memperuntukkan 5 peratus GDP setiap tahun untuk *research and development*.

Pihak yang sesuai sekali membuat *research and development*, kata banyak para pemikir pentadbiran pengurusan business, mengatakan sepatutnya pihak industri itu sendiri membuat *research*. Di Amerika umpamanya, dia mempunyai tiga pihak, iaitu yang pertama ialah kerajaan, yang kedua, universiti dan ketiga pihak industri itu sendiri membuat *research*. Itulah kenapa *IBM, Microsoft, Intel, Dell* dan sebagainya membuat *research* yang begitu baik dan mendatangkan hasil menjanakan ekonomi tersebut.”

Macam mana pandangan pihak kementerian supaya jangan ditumpukan *research* ini kepada kerajaan, kerajaan, kerajaan sahaja, hendak mendorong kepada pihak syarikat dan industri ini membuat *research* kerana mereka mempunyai banyak sumber kewangan dan kemampuan mencari saintis-saintis berkaliber.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat oleh kerana seperti yang saya nyatakan, pada peringkat awal Rancangan Malaysia Kelima, Keenam dan Ketujuh, R&D banyak tertumpu kepada *capacity building*, iaitu membangunkan penyelidik dan *knowledge*. Hanya mulai Rancangan Malaysia Ketujuh dan Kelapan sahaja kita telah mempunyai rancangan untuk sebahagian daripada produk itu *dicommercializekan*. Jadi seperti yang saya nyatakan, skim *IGS (Industry Grant Scheme)* adalah merupakan skim yang mana pihak universiti dan juga pihak swasta (*private sector*) memohon sebahagian daripada R&D untuk menghasilkan produk yang boleh dikomersialkan.

Sebagai contoh, dalam kes ini jikalau R&D dan komersial untuk produk itu bernilai RM10 juta maka kerajaan melalui skim ini akan memberikan RM5 juta dan syarikat swasta itu akan menyumbangkan RM5 juta untuk membangunkan produk itu. Ini merupakan satu insentif yang kita bawa bersama untuk industri. Kalau kita lihat di

Cyberjaya, MDC, kita dapati banyak syarikat seperti *Motorola Inovation Center* adalah menjalankan R&D mereka; Intel begitu juga beberapa syarikat *multinational*, dan sebagainya. Yang menjadi sedikit halangan adalah kita dapati bahawa tidak banyak syarikat swasta tempatan yang menjalankan R&D. Itu sebabnya kita bangunkan geran IGS.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Satu lagi, saya juga membaca artikel yang ditulis oleh Profesor Jomo daripada Universiti Malaya kalau tidak salah saya menulis satu artikel mengatakan bahawa di South East Asia kata dia, *environment* untuk *research and development* tidak wujud, hanya sedikit wujud di Singapura. Jadi, saya hendak cari apa sebab *environment* ini tidak sesuai yang dia kata itu. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Profesor sama ada, macam mana *environment* yang dicadangkan itu supaya baru kita boleh dikatakan *environment* itu sesuai untuk *research and development*, soal *facility* dan sebagainya. Kalau kita lihat IBM, apabila IBM pindah daripada New York, New Jersey, dia pergi ke Germany buat satu *research center* yang terbesar. Bila dia pindah, dia pindah ke Bangalore di India kerana saintisnya ramai. Saya setuju dengan *capacity building* ini, tetapi di mana kelemahan negara kita, Malaysia daripada soal *environment* dan soal kepakaran?

**Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Sebenarnya di Malaysia ini, kalau kita sebut penyelidikan, sebenarnya ada dua cabaran utama.

Pertama adalah *human resource*, iaitu kita belum ramai lagi pakar-pakar sama ada di dalam bidang *manufacturing* ataupun ICT, bioteknologi dan sebagainya. Itu sebab satu daripadanya yang kita telah buat, yang telah kita rancangkan iaitu program Brain Gain iaitu kita memberi insentif untuk menarik saintis-saintis luar sama ada saintis Malaysia yang berada di luar ataupun saintis luar negeri untuk berkhidmat menyumbangkan idea mereka di Malaysia, dan kita juga telah memulihkan pelbagai kaedah. Contohnya pada masa akan datang, saintis ini tidak perlu datang ke Malaysia selama 12 bulan, satu



tahun, mereka mungkin hanya perlu datang tiga minggu dalam masa enam bulan ataupun sebagainya. Dengan komunikasi yang begitu pantas sekarang, kumpulan mereka masih boleh menjalankan penyelidikan di Malaysia tanpa perlunya profesor-profesor seperti itu berada di Malaysia sepanjang masa.

Begitu juga kita akan memudahkan terutamanya dalam *procurement* iaitu perolehan peralatan untuk penyelidikan.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera.

**Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya ada membangkitkan mengenai perlunya kita mengurangkan pergantungan kepada minyak dan saya ada bertanya tentang tenaga alternatif yang lain dan dahulu kita terbaca bahawa di negara kita, pernah dibuat R&D iaitu menukarkan pelepah sawit menjadi diesel. Perkara ini sudah lama, saya ingat kalau tidak silap saya pada zaman bekas Tun Ghaffar Baba. Kereta dia pun sudah menggunakan diesel daripada pelepah kelapa sawit tadi. Jadi ini merupakan satu alternatif yang baru kepada penggantungan kita secara total kepada minyak mentah dan sebagainya. Jadi setakat mana pencapaian kita dari segi R&D tersebut?

**Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih. Sebenarnya yang berkaitan dengan bio diesel dan sebagainya, jawapannya ada selepas ini, terima kasih. Saya sambung....

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian, Yang Berhormat, soalan di sini lagi.

**Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Dijemput.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Menyentuh tentang inovasi, walaupun mungkin soalan saya kementerian yang berkaitan dengan IT ataupun ada kaitan juga dengan Kementerian Hal Ehwal Pengguna. Tetapi bila menyentuh tentang inovasi ini,

satu sumber daripada *Malaysian Intellectual Property Corporation* yang menyatakan tentang kelewatan ataupun kelembapan *pattern application*, dengan izin, yang berlaku dalam negara kita. Di Malaysia sebagai contohnya, antara tahun 1999 hingga tahun 2004, permohonan tentang *pattern application* ini ialah 1,915 daripada *foreign* (luar negeri) berjumlah 31,529 tetapi proses pendaftarannya terlalu lambat. Ini dikatakan *crawling phase*. Jadi apa masalah sebenarnya yang sudah tentu pada saya dengan angka-angka ini hanya suku daripada itu iaitu pada tahun 2004, pendaftaran hanya 198 di Malaysia dan daripada *foreign* cuma 7,840 daripada 33,444 permohonan. Jadi ini sudah tentu akan menjejaskan bidang IT ini dan saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Sebenarnya masalah kelewatan ini oleh kerana masalah kewangan. Pada masa lepas, Kementerian Sains ada mengendalikan *research* tetapi geran untuk pengkomersialan adalah diletakkan di bawah MITI iaitu MTDC. Jadi, dua agensi untuk dua kementerian yang menyelaraskan perkara yang sama – R&D daripada Kementerian Sains untuk pengkomersialan daripada MITI. Jadi, di situ berlaku kelewatan tetapi kita jangka selepas penyusunan semula Kabinet ini, di mana MTDC sekarang diletakkan di bawah MOSTI. Saya jangka kelewatan untuk memfailkan paten produk-produk kita sepatutnya tidak lagi berlaku sebab kita memang ada peruntukan di bawah MTDC ini untuk membantu penyelidik bagi patenkan produk-produk mereka.

Saya sambung, melalui hasil-hasil yang dikomersialkan dan insentif yang diterima, adalah diharapkan kelak IPTA dan IPTS boleh membiayai R&D sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada kerajaan dan khususnya MOSTI ataupun agensi-agensi lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga ada mencadangkan agar Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) diberi tanggungjawab untuk menyelia dan juga memantau kerja-kerja R&D di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum KPT diwujudkan, program R&D telah pun wujud dan diuruskan oleh Kementerian Pendidikan. Namun begitu, program R&D ini dikhususkan untuk IPTA yang tidak meliputi keseluruhan program R&D negara. Selepas Kementerian Pengajian Tinggi ditubuhkan program R&D ini dipertanggungjawabkan kepada KPT. Secara

amnya, penyelidikan ini adalah merupakan penyelidikan berasaskan asas ataupun fundamental.

Bagi penyelidikan-penyelidikan *applied*, geran ini adalah terletak di bawah MOSTE. Dalam hal ini juga, MOSTE dipertanggungjawabkan untuk mengurus program R&D negara yang meliputi keseluruhan bidang sains, teknologi dan inovasi. Program R&D MOSTE bukan hanya membiayai IPTA, IPTS dan agensi-agensi pendidikan kerajaan, *government of search institution*, dia juga membiayai pihak swasta dan industri-industri tempatan khususnya industri kecil sederhana (SMI) yang menjalankan R&D.

Oleh itu Program R&D MOSTE lebih menjurus ke arah penjanaan ekonomi negara. Dalam hal ini juga, tidak timbul sebarang pertindihan dari segi bentuk geran R&D yang diluluskan. MOSTE dan KPT serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan telah mengenal pasti sempadan program R&D masing-masing. Sebarang pertindihan akan dikenal pasti dan aktiviti pemantauan sentiasa dijalankan dan dibincangkan bersama.

Yang Berhormat juga ada menyentuh tentang intelektual *property* ataupun hak milik. Bagi para penyelidik tempatan, ciptaan-ciptaan yang dihasilkan merupakan hasil milik para pemilik dan institusi berkenaan. Oleh itu haruslah dipatenkan supaya ianya tidak diciplak oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Paten-paten ini perlu didaftarkan di Malaysia dan di mana-mana negara yang difikirkan munasabah. Namun begitu, urusan mendaftar dan menyelenggara paten-paten ini memerlukan sejumlah perbelanjaan dan dalam keadaan sekarang, para penyelidik di IPTA, IPTS dan agensi-agensi berkaitan yang mempunyai geran IPA juga boleh memohonkan mendapatkan peruntukan untuk mempatenkan ciptaan mereka melalui geran IPA yang sama, melalui MTDC.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gerik dan Bera ada juga menyatakan agar projek-projek IPA dapat menghasilkan produk-produk baru seperti penghasilan tenaga alternatif seperti tenaga suria dan bio-diesel.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Santubong bangun.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Jemput Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Datuk. Saya tertarik dengan soalan pendaftar paten dan sebagainya tadi. Semenjak undang-undang diluluskan tahun 2003, adakah Yang Berhormat mempunyai maklumat berapa banyak paten dan sebagainya, penemuan dan pendapat yang telah kita daftarkan oleh kementerian, dan adakah ini dianggap mencukupi dalam keadaan sekarang. Kalau kita bandingkan dengan - jangan banding dengan negara, bandingkan dengan satu institusi macam badan *Microsoft*, macam *Mitsubishi* dan sebagainya, dia mempunyai tiap-tiap tahun - *Mitsubishi* mempunyai tidak kurang daripada 9000 penemuan tahun-tahun dia daftar sebagai paten-paten.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kalau Yang Berhormat bacakan sejarah *Alexander Graham Bell*, sebenarnya menjadi kaya oleh kerana paten-paten yang didaftarnya itu, beribu-ribu. Jadi, dia kaya dengan daftar itu sahaja, dan bukan daripada penjualan hak daripada itu nanti. Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat, kami ada data, tetapi akan disediakan kemudianlah, saya tidak ada di sini. Justeru itu dapat kita mengurangkan.....

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Sabak Bernam bangun.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Di tangan saya ini ada satu projek menternak ikan ketutu. Di dalam satu kawasan yang kecil, 60' x 20', kalau ianya dibuat dalam tempoh sebulan maknanya orangnya boleh berpendapatan RM3,000. Maknanya kalau dua kali ganda, kemungkinan dia akan berpendapatan RM5,000. Yang timbul masalahnya ialah, beliau ini telah mendaftar ini sebagai intelektual *property*. Tetapi dia bertanya apakah jaminan bahawa hak cipta dia itu tidak ditiru ataupun diciplak oleh orang lain. Kerana,

saya telah meninjau melawat tempat dia ini di Subang. Saya tengok hasil ciptaannya itu begitu mudah. Maknanya kalau saya sendirilah, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau saya hendak menirulah, pada dasarnya boleh. Jadi apakah jaminan apabila ia didaftar sebagai intelektual *property* tentang sekuriti keselamatan dia itu? Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Sebenarnya, sebelum kita paten satu produk yang kita sudah hasilkan, kita kena buat *search* dahulu sama ada paten ataupun produk ataupun proses yang kita paten ini telah dipatenkan oleh orang terlebih dahulu atau kita. Hanya selepas dipastikan, dan *search* ini bukan hanya paten di Malaysia, tetapi paten ini istilah *search* di seluruh dunia, di US, UK, Japan dan sebagainya. Jadi apabila, kita dapati bahawa tidak ada paten yang seumpama ini telah difailkan, jadi kita berhak untuk paten. Sepatutnya bagi mereka yang kemudian pun membuat proses yang sama, bahawa mereka tidak boleh ciplak bagi paten-paten yang telah difailkan. Justeru itu, dapat mengurangkan pergantungan kepada minyak petrol dan diesel yang digunakan sekarang dan dengan ini dapat menjana ekonomi negara melalui pewujudan industri-industri baru daripada sumber-sumber tempatan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Minta laluan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pulau.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memandangkan harga bahan bakar minyak sekarang ini begitu tinggi dan akan terus meningkat harganya, maka kita perlu membuat R&D untuk mencari alternatif *sources of energy*lah, dengan izin. Jadi, minyak ini memang satu *depleting resource*, dengan izin dan akan habis dalam tempoh masa-masa 20 tahun ke 30 tahun akan datang. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sama ada kerajaan masih mengadakan *research and development* dalam bidang tenaga nuklear sebagai tenaga alternatif dan sama ada *research* ini masih terus dijalankan bagi negara melatih pakar-pakar dalam bidang tenaga nuklear ini kerana kita takut satu hari nanti apabila minyak kita habis, maka kita

kan perlukan tenaga nuklear dan pada ketika itu kita tidak mempunyai pakar-pakar dalam bidang ini. Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Setahu saya, telah diputuskan oleh pihak kerajaan Malaysia. Sehingga ini, selagi tidak ada keputusan yang baru bahawa kita tidak akan menggunakan tenaga nuklear untuk menjana kuasa. ini sudah diputuskan oleh kerajaan pada masa lampau dan keputusan ini belum lagi dirombak ataupun dibuat satu keputusan yang baru. Jadi, kita akan kekal dengan keputusan yang ada. Jadi, kita belum bersedia untuk *engage* dalam proses penyelidikan menggunakan tenaga nuklear. Dalam hal ini juga, industri-industri ini juga dapat mewujudkan pelbagai pekerjaan dan seterusnya dapat membasmi kemiskinan serta mendapat memperbaiki kualiti hidup rakyatnya.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pendang bangun.

**Datuk Dr. Mohd. Ruddin b Ab. Ghani:** Sila.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Parlimen. Malam tadi kita ada satu perbincangan dengan Dr. Gurmit Singh berhubung dengan isu alam sekitar di Hotel Hilton dan beliau telah membincangkan panjang lebar berhubung dengan pencemaran alam dan salah satu daripada punca adalah disebabkan oleh enjin kenderaan. Dia memberitahu bahawasanya kenderaan yang paling bagus adalah menggunakan tenaga hidrogen H<sub>2</sub> maknanya hidrogen gaslah. Saya hendak mendapat kepastian daripada Kementerian, baru-baru ini UTM telah membuat kajian berhubung dengan kenderaan menggunakan gas hidrogen.

Apakah Kementerian akan memberikan satu insentif yang begitu optimis terhadap kajian ini dan penggunaan hidrogen ini memerlukan tenaga dan dia kata tenaga yang paling sesuai adalah tenaga solar. Bagaimana kita hendak hubung kait dengan mendapatkan tenaga daripada solar dengan perbelanjaan yang murah untuk mendapatkan gas hidrogen, menjalankan kenderaan yang tidak mencemarkan alam sekitar. Sekian, terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini dikenali projek *fuel cell*. Projek ini adalah

merupakan projek mendapat geran penyelidikan daripada Kementerian Sains. Setahu saya projek ini telah pun menghasilkan *prototype* kenderaan ataupun motosikal yang boleh menggunakan *fuel cell*, menggunakan hidrogen dan sebagainya, tetapi tidak mesti menggunakan solar. Solar adalah merupakan *combination* hibrid ataupun *integrated* solar dan *fuel cell* tetapi yang *fuel cell* sahaja juga boleh berdiri untuk sebagai penjana kuasa dan sebagainya. Jadi, memang Kementerian Sains memberikan geran IPA kepada penyelidik-penyelidik kumpulan *fuel cell* ini. Terima kasih. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, program IPA meliputi pelbagai bidang kajian, termasuklah dalam bidang tenaga. Bagi R&D dalam bidang tenaga penekanan telah diberi kepada penggunaan tenaga suria dan kelapa sawit di mana kedua-dua sumber ini diperolehi secara meluas dan banyak di Malaysia.

Secara umumnya Rancangan Malaysia ke-7, sebanyak 23 projek telah diluluskan di bawah program IPA kepada penyelidikan tenaga solar dan 16 melibatkan tenaga elektrik. Manakala dalam Rancangan Malaysia ke-8 hingga 31 Disember 2004 sebanyak 13 projek diluluskan kepada penyelidikan tenaga solar dan 9 projek penyelidikan melibatkan tenaga elektrik. Penyelidikan-penyelidikan ini melibatkan IPTA, IPTS dan juga agensi-agensi penyelidikan kerajaan, *government institutions* termasuklah syarikat-syarikat kerajaan seperti Tenaga Nasional dan Petronas.

Itu satu daripadanya yang projek *solar cell ... fuel set*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Gading memohon agar hasil kajian bio diesel, pam diesel daripada kelapa sawit dapat dihuraikan secara terperinci. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, projek kajian bio diesel daripada kelapa sawit telah diluluskan melalui Program Ihfa kepada Lembaga Minyak Kelapa Sawit (MPOB) pada bulan Mac tahun 2001 dengan peruntukan sebanyak RM1.38 juta. Dalam pada itu sehingga akhir Januari 2005 projek ini telah memperoleh beberapa kemajuan yang baik dan memberangsangkan.

Sehubungan itu, MPOB telah bercadang untuk membangunkan *demonstration plan* bagi biodiesel yang akan dipasarkan ke negara-negara sejuk dan juga *demonstration plan* untuk pengeluaran bio sel bagi pasaran negara-negara tropika. Kita akan menyokong projek-projek seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu ada mengesyorkan agar peratus peruntukan untuk R&D dinaikkan berdasarkan kepada peratusan keluaran dalam negara kasar. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada kajian MOSTI terhadap peruntukan kerajaan kepada program pembangunan dan perikanan negara R&D, kerajaan telah membentuk sebanyak 0.69% daripada KNDK bagi tahun 2002 dan peratus ini meningkat sebanyak 0.5% daripada tahun 2000. Peratusan ini adalah kecil jika dibandingkan dengan USA yang memperuntukkan sebanyak 2.65% tahun 1999 dan Singapura sebanyak 1.89% tahun 2000 untuk tujuan R&D sahaja.

Oleh itu MOSTI bersependapat dengan saranan Yang Berhormat memohon agar kerajaan menambahkan peruntukan ini untuk tujuan R&D agar Malaysia menjadi negara yang lebih kompetitif dari segi R&D di rantau ini. Dalam hal ini juga MOSTI telah mencadangkan peratusan ini ditambah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan melalui perniagaan baru bagi program RND negara dengan memberikan penekanan kepada pengkomersialan hasil-hasil R&D. Justeru itu selain dapat menambah jumlah penyelidik, saintis dan jurutera negara, pendekatan baru program R&D ini akan dapat membantu menjana ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Pontian dan Sri Aman mengenai sistem amaran awal Tsunami. Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia berupaya untuk mengesan kedudukan pusat gempa dan magnitud untuk setiap kejadian gempa bumi yang berlaku melalui 12 stesen pemantauan yang ditempatkan di seluruh negara.

Walau bagaimanapun bukan semua kejadian gempa bumi yang berpusat di dasar laut akan membentuk Tsunami di samping bukan semua gempa bumi dengan bermagnitud yang tertentu akan disusuli dengan kejadian Tsunami. Pemantauan Tsunami hanya boleh dijalankan dengan menggunakan sistem amaran awal Tsunami. Kerajaan sedang dalam proses untuk menyediakan sistem amaran awal Tsunami di Malaysia yang dijangka siap pada penghujung tahun ini.

Sistem ini nanti akan diintegrasikan dengan beberapa sistem sedia ada seperti Specific Tsunami Early Warning Centre dengan izin dan *Regional Indian Ocean Tsunami*



.*Centre* bertujuan untuk melancarkan sistem penyaluran maklumat dan meningkatkan kecekapan sistem amaran yang dikeluarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Larut Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Sila.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya dan beberapa orang rakan pada peristiwa gempa bumi yang berlaku, yang terbaru ini, kami adalah di antara bukan mangsalah, di antara yang terlibatlah Yang Berhormat kerana mungkin kita duduk di bangunan hotel tempat kediaman yang tinggi kerana itulah yang kami jadikan tempat untuk menginap dan rakan-rakan yang lain.

Soalannya, kita biasa selepas berlaku gempa bumi kita sudah lupa peristiwa selepas yang berlaku dan kita menganggapkan bahawa gempa bumi ini berlaku di negara Aceh ataupun wilayah Sumatera dan tidak membimbangkan bahawa akan berlaku bencana di negara kita walaupun jarak negara kita Malaysia dengan Sumatera ini, Kepulauan Sumatera, wilayah Sumatera tidak begitu jauh. Soalnya ialah apakah pihak kementerian mengadakan satu kajian bahawa gempa bumi yang berlaku di Indonesia, di Kepulauan Sumatera ini kemungkinan akan kalau sekarang ini hanya berlaku gempa, kita cuma terasa goyang dan sebagainya tapi kemungkinan lama-kelamaan ia juga boleh menyebabkan bangunan-bangunan di Malaysia ini juga akan roboh.

Apakah pihak kementerian mempunyai satu sistem selain daripada sistem amaran awal kepada peristiwa Tsunami. Kemungkinan juga gempa bumi akan berlaku di sana akhirnya menyebabkan bangunan-bangunan tinggi ataupun rendah di negara kita ini juga akan runtuh. Terima kasih.

**Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat, jadi bagi kesan ataupun impak pada gempa bumi ini, kita perlu buat kajian geologi, kajian tanah, dan juga kekuatan *strength of material* daripada bangunan-bangunan yang sedia ada. Pada masa ini saya rasa Kementerian Sains tidak *engage* mana-mana penyelidik untuk mengendalikan kajian ini. Tapi seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri pada PC dua hari yang lepas akan menubuhkan satu *team* yang terdiri daripada

*geologist* dan sebagainya untuk melihat impak ataupun kesan daripada gempa bumi yang berlaku sebelum dan juga yang mungkin berlaku pada masa akan datang.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, boleh saya tambah sikit? Boleh atau tidak? Ini perkara ni serius Yang Berhormat, kenapa kita hendak tunggu sedangkan kita sudah dapat maklumat bahawa dalam tempoh tak tahulah.... ini kuasa Allah SWT sebulan dua, baru saja berlaku pada 26 Disember yang lalu, tidak sampai tiga bulan ya, sudah berlaku lagi. Kita janganlah tunggu bila sudah roboh semua, sudah ramai yang mati baru kita hendak ambil sesuatu tindakan. Kenapa kita tidak buat sekarang?

Saya ucap tahniahlah kerana pihak kementerian terutama Menterinya walaupun Yang Berhormat Menteri tak hadir pada hari ini kerana berada di luar negara, kita tahu dan telah mendapat pujian daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Janganlah bila kita mendapat pujian daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita sudah mula..... kita lakukan lagi yang terbaik, saya puji apa yang telah dilakukan oleh pihak kementerian tapi kenapa kita hendak tunggu? Kita mesti lakukan sekarang kerana saya lihat perkara ini boleh menyebabkan kita juga nanti satu hari akan menjadi mangsa, ekoran daripada gempa bumi yang berlaku. Jadi saya mintalah supaya kementerian lebih positif.

Kita akan lakukan esok ke lusa ke, tak mengapa tetapi kita sudah mengambil satu tindakan yang lebih positif ke arah ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan tadi dalam ucapan Menteri beliau telah bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa terdiri daripada ahli-ahli pakar gempa bumi, *geologist* dan sebagainya untuk melihat kesan dan impak. Kita perlu *assemble* pakar-pakar yang berkaitan untuk menjalankan kajian. Dalam kajian bukanlah maksudnya bila kita buat kajian boleh terus dilaksanakan. Kita mestilah mendapatkan pakar-pakar yang boleh membantu kita untuk melaksanakan *research* ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Santubong Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup setuju dengan Yang Berhormat bagi Larut. Oleh sebab

dahulu kita tidak pernah pun dengar Tsunami ini mengena tepian pantai Malaysia dan saya pun belum mengalami satu gegaran di kawasan dalam Malaysia ini. Tetapi baru-baru ini selepas Tsunami ada lagi gegaran kepada bangunan.

Jadi kita tidak memandangkan bahawa kita di luar *ring of fire* ni dengan izin di mana banyak berlakunya gempa bumi dan gunung berapi. Tapi kalau kita lihat Yang Berhormat, kita mempunyai teknologi yang tertentu umpamanya getah yang dikeluarkan oleh RRI yang diguna pakai untuk negara di luar yang berdekatan dengan tempat selalu gunung berapi dengan gempa bumi ni sebagai melandaskan bangunan untuk menahan daripada gempa bumi.

Umpamanya di New Zealand, bangunan Parlimen New Zealand dipotong semua di bawah *foundation* nya dan diganti dengan *rubber*, beratus-ratus *rubber* yang dibuat daripada Malaysia ....yang diimport daripada Malaysia.

Jadi adakah kementerian bercadang untuk memberi arahan supaya bangunan-bangunan yang baru nanti mesti menggunakan proses landasan getah yang dikeluarkan oleh negara Malaysia itu sebagai melandaskan ia, supaya kalau berlaku gegaran ia boleh menjadi *bumper* supaya bangunan itu tidak runtuh akibat gempa bumi.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya proses untuk memperkukuhkan bangunan bagi kawasan yang selalu mengalami gempa bumi seperti di Jepun memang telah pun dibuat. Semua struktur baru bangunan di Jepun mengambil kira ketahanan supaya bangunan itu tidak runtuh oleh sebab gegaran gempa bumi.

Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bahawa satu kertas kerja perlu dibawa ke Kabinet untuk melihat bagaimana kita akan melaksanakan satu sistem pencegahan awal supaya bangunan-bangunan tinggi tidak akan menerima kesan daripada gempa bumi.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Saya setuju dengan apa Yang Berhormat cadangkan tadi. Sukacita dimaklumkan bahawa Malaysia.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Menyentuh tentang sistem amaran awal kita hanya *aware* tentang Tsunami atau tentang gempa bumi. Saya rasa ada insiden-insiden lain yang perlu diambil perhatian seperti taufan (*Hurricane*). Jangan kerana Tsunami kita hanya tertumpu kepada gempa bumi sahaja. Saya hendak bertanya di sini, adakah mengikut kajian Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, sistem amaran awal tentang *hurricane* ini contohnya pernah berlaku di *Philippine* iaitu taufan *alice* dan taufan *greg* yang berlaku di Sabah. Jadi adakah sistem kita telah cukup untuk mengesan *hurricane* ini. Minta penjelasan.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia sebenarnya mempunyai 12 lokasi di seluruh negara untuk memantau keadaan cuaca termasuklah hujan, ribut taufan dan sebagainya. Jadi dengan sistem yang ada sekarang ini juga kita boleh melihat ataupun *detect* sekiranya berlaku taufan dan sebagainya. Izinkan saya menyambung.

Sukacita dimaklumkan bahawa Malaysia telah pun membuat permohonan untuk menjadi anggota tetap *International Coordination Group (ICG) of The Pacific Tsunami Warning Center (PTWC)*.

Di samping Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta agensinya iaitu Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia juga telah berjaya dan sedang berusaha untuk mewujudkan beberapa jaringan maklumat dengan pusat-pusat pemantauan Tsunami dunia. Sekiranya sehingga ini sistem penyampaian maklumat Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca telah berjaya mengadakan pertukaran maklumat secara *real-time* dengan *Pacific Tsunami Warning Center* yang berpusat di Hawaii dan *Japan Meteorological Administration* untuk membolehkan semua maklumat berhubung dengan kejadian gempa bumi dan amaran awal Tsunami di Lautan Pasifik dan Lautan Hindi diketahui serta-merta.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Maran bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita telah digemparkan dengan satu peristiwa Tsunami yang besar pada tahun lepas. Baru-baru ini satu gempa bumi yang juga mencemaskan kita. Di samping itu berlaku juga gempa-gempa bumi yang agak kecil di sekitar Kepulauan Indonesia.

Kita dapat maklum bahawa ada salah seorang pakar daripada Perancis kalau tidak silap saya meramalkan, bahawa satu gempa bumi yang lebih besar akan berlaku selepas ini. Kita tidak pasti, semua ini kuasa Allah Subhanahu Wataala. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah pihak kementerian atau kerajaan bercadang untuk mengeluarkan satu arahan ataupun halangan kepada rakyat kita untuk melawat kepulauan khususnya ke Kepulauan Indonesia. Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang seperti yang telah kita ketahui pada 29 Mac telah berlaku gempa bumi sekali lagi, dan begitu juga pada 7 April sebanyak 155 gegaran telah dikesan oleh Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia dengan ukuran skalanya sekali kita dapat catatkan.

Jadi seperti Yang Berhormat katakan iaitu mengikut pandangan daripada seorang pakar daripada Perancis seperti yang kita baca memang kemungkinan akan ada berlaku lagi gegaran gempa bumi yang lebih besar. Tetapi sama ada pihak kerajaan akan memberikan amaran kepada rakyat itu bergantung kepada keadaan dan masa. Tetapi kalau kita dapat *detect* dalam masa 15 minit daripada berlakunya gempa bumi, saya rasa sistem media massa kita boleh pada masa akan datang memberi maklumat terkini sebagai amaran kepada kawasan-kawasan yang mungkin ditimpa bencana itu.

Berkaitan dengan sama ada kerajaan akan menghalang rakyat kita melawat ke Pulau Aceh, itu saya rasa adalah di luar bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Mungkin di bawah Kementerian Luar Negeri dan sebagainya.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** [*Bangun*]

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Johor Bahru, Johor Bahru Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya bertanya sedikit kepada Ahli Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Berhubung dengan soal isyarat berkenaan dengan bencana alam ataupun gempa bumi. Yang Berhormat ada menyatakan bahawa kementerian bercadang untuk menggunakan media massa untuk menyampaikan maklumat ini, dan dalam peristiwa yang terbaru yang digunakan ialah penyiaran TV dengan Menteri membuat pengumuman tentang bencana yang telah berlaku.

Saya berpendapat bahawa penggunaan Menteri dan televisyen tidak boleh dianggapkan sebagai satu isyarat yang efektif kerana saya tidak tahu kalau Menteri itu berada di dalam negeri ketika bencana itu berlaku ataupun semasa bencana itu berlaku TV masih mengadakan siaran awam. Adakah kerajaan memikirkan untuk menggunakan sistem SMS bagi menyampaikan maklumat ini kepada orang ramai, kerana saya nampak bahawa ini satu sistem yang baik dan tidak perlulah Menteri dipertanggungjawabkan untuk membuat pengumuman. Memadai dengan Ketua Pengarah ataupun seorang pegawai yang kita tahu bertanggungjawab dalam perkara ini.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Yang Berhormat, saya setuju. Menggunakan sistem SMS ini adalah merupakan salah satu kaedah yang boleh dan patut digunakan selain daripada media massa, sebab untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini ada tiga iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam Negara, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan juga Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca mempunyai sistem yang boleh detect apabila berlaku sahaja gempa bumi.

Jikalau di situ dinyatakan skalanya besar mereka akan membuat tindakan serta-merta. Tiga iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Timbalan Perdana Menteri, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan juga Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca mempunyai satu sistem seperti SMS dia akan menerima maklumat daripada mana sekalipun, dan inilah yang akan dimaklumkan kepada jika gerakan gempa bumi itu tinggi skalanya jadi tindakan perlu diambil. Kalau mungkin kurang daripada lima dan

sebagainya tidak perlu dimaklumkan kepada rakyat supaya tidak berlaku panik dan sebagainya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya tanya sikit lagi.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Boleh, sila

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Tentang sistem amaran awal ini, saya setuju dengan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Tahniahlah kepada BN BBC kerana kita telah pun melancarkan SMS. Jadi, orang ramai bolehlah menghubungi wakil-wakil rakyat. Saya hendak tambah sikit, selain daripada apa Yang Berhormat menggambarkan tentang sistem ini yang diguna pakai, kita mahukan juga supaya SMS ini segera dimaklumkan kepada orang ramai supaya orang ramai tahu. Kadang-kadang, dia tidak semena-mena dia sudah dapat tahu, dimaklumkan bahawa gempa bumi sudah berlaku di sana, di sini tidak tahu bila. Itulah contohnya. Saya melihat supaya sistem SMS ini begitu berkesan kerana sekarang ini, orang sudah pakai SMS. Dalam dewan ini walaupun ada Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini pun dalam *Chamber* dengan izin, dalam dewan ini pun sudah tidak boleh guna telefon. Kadang-kadang, SMS mustahak pun kita tidak boleh dapat lagi dah.

Jadi, kalau ini boleh diguna pakai, ia lebih baik. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat. Yang Berhormat bersetuju tadi dengan cadangan Yang Berhormat bagi Johor Bahru bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan menggunakan SMS ini. Tetapi bila? Bila hendak dimulakan? Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Seperti yang saya nyatakan, sistem SMS adalah satu daripada proses untuk kita memaklumkan kepada masyarakat. Jadi, saya sudah setuju. Jadi, seperti saya kata tadi, ada tiga orang di Malaysia ini akan mendapat *warning* awal dan apabila mendapat arahan, perlu diberitahu kepada rakyat, akan dimaklumkan sama ada melalui sistem SMS ataupun melalui sistem media TV dan sebagainya dalam radio. Dalam segi komunikasi, tidak ada masalah sekarang.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Muar Yang Berhormat, bangun.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Saya hendak tambah sedikit dari perspektif yang berbeza Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Pemberitahuan kepada masyarakat boleh kita lakukan. Saya hendak tanya satu perkara. Semasa gegaran kecil baru-baru ini, kita hendak tanya apa yang sebenarnya berlaku dan saya dapati, yang kita ada nombor telefon 22627555 Bukit Aman, bahagian kecemasan. Pada saya, nombor ini terlalu sukar untuk diingati. Malahan, di tempat lain nombornya berbeza pula. Apa kata kementerian Yang Berhormat memperkenalkan satu nombor yang kalau ada berlaku bencana kecil-kecil begini, masyarakat dapat telefon. Macam dulu, 7552525 semua orang tahu nombor telefon apa walaupun sekarang sudah ditukar dengan tol bebas.

Tetapi, untuk kecemasan dalam negara kita. Dahulu mungkin ada 999. Sekarang ini, bila terlalu banyak nombor sampai kita tidak lagi tahu mana hendak telefon untuk tanya. Saya sebut ini kerana malam itu ramai yang duduk di luar, tidak berani hendak balik tetapi tidak tahu sehingga kita dapat maklumat dalam CNN sebagai contoh. Jadi, maknanya walaupun kita tidak hendak tengok CNN, tetapi itulah satu-satunya ruang yang *reliable* dengan izin, yang dapat kita tahu bahawa gempa bumi di Sumatera dan kita selamat balik rumah. Jadi soalan saya, adakah kementerian boleh mempromosikan suatu nombor yang mudah untuk rakyat tanya jika berlaku perkara-perkara sebegini. Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Saya setuju dengan cadangan ini iaitu kita mewujudkan satu *hot line, number hot line* untuk rakyat mendapatkan maklumat berkaitan dengan gempa bumi. Saya setuju dengan cadangan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Ya. Bagi saya dalam 20 minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak, habiskan Yang Berhormat.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca pada masa ini sedang berusaha untuk menubuhkan satu pusat amaran awal Tsunami negara. Walau bagaimanapun, sebelum



pemantauan dan pengeluaran amaran dapat dilaksanakan dengan berkesan dan efektif, jabatan perlu mempunyai satu pasukan sumber manusia yang mencukupi dan berpengalaman dalam hal-hal berkaitan dengan gempa bumi dan Tsunami. Bagi tujuan ini, Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia sedang dalam proses untuk mencadangkan penstrukturan semula Bahagian Simislogi sedia ada kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengembangkan dan memperkasakan kerja-kerja pemantauan gempa bumi dan mewujudkan pusat penyelidikan dan pemantauan Tsunami negara.

Dalam perspektif untuk meningkatkan kecekapan pemantauan gempa bumi dan pertukaran data yang lebih tepat, cepat dan berkesan, satu cadangan untuk mewujudkan *Asian Regional Service Graphic Network (ARSN)* telah dikemukakan di Persidangan *China ASEAN Workshop on Earthquake* di Beijing dua bulan yang lalu. Pada persidangan tersebut, Kerajaan Negeri China telah bersedia untuk memberikan bantuan dalam bentuk peralatan, sokongan teknikal, latihan, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan ramalan kejadian gempa bumi. Begitu juga penilaian tahap kemusnahan dan tindakan kecemasan yang diperlukan di bawah koordinasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Di samping itu, di kalangan negara-negara ASEAN pula, terdapat beberapa institusi yang terlibat dengan pemantauan dan pertukaran data-data berhubung dengan kejadian gempa bumi seperti *ASEAN Earthquake Information Center (AEIC)* di Jakarta yang bersedia untuk mengadakan pertukaran data secara *real time* bagi membolehkan pemantauan kejadian gempa bumi dijalankan secara lebih berkesan, tambahan pula *Inter Governmental Oceanographic Commission (IOC)* di bawah program UNESCO sedang mewujudkan *Regional Indian Ocean Tsunami Warning System* yang membolehkan semua data dan maklumat berhubung dengan kejadian gempa bumi dikongsi bersama antara negara-negara yang menjadi ahli.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu ICT dan MSC oleh Yang Berhormat bagi Dungun dan Cameron Highlands. Untuk makluman, projek koridor raya multimedia MSC menjadi asas pembangunan industri Malaysia dalam revolusi ICT. Seperti yang kita tahu, MSC telah berjaya meletakkan asas yang kuat dalam pembangunan fizikal, perundangan, infrastruktur perniagaan dan sistem sokongan yang telah mencapai

sasaran objektif yang ditetapkan dalam membangunkan industri ICT di negara kita. Kejayaan MSC dalam fasa pertama tahun 1996 ke 2004 telah menyaksikan kejayaan Malaysia berada di tempat ketiga di dunia, di belakang India dan China dalam global *location activeness report* iaitu satu pengiktirafan antarabangsa terhadap kejayaan MSC terutamanya sebagai hub perkhidmatan perkongsian dan luar pesisir, syer *servicing and out sourcing hub* dengan menempatkan syarikat-syarikat bertaraf dunia seperti DHL, SHELL, HSBC, IBM, Nokia, Motorola, BMW dan sebagainya .

Fasa satu MSC juga telah membuktikan kejayaan bagi pelaksanaan aplikasi perdana bagi Mykad, e-kerajaan, sekolah bestari, tele-kesihatan, e-perdagangan, pembangunan teknopreneur serta penyelidikan dan pembangunan.

Sehingga bulan Mac 1,183 buah syarikat diberikan status MSC dan sebanyak 839, 70% daripadanya adalah merupakan syarikat tempatan yang diberikan tahap MSC. Secara keseluruhannya, MSC telah berjaya menyediakan sebanyak 19,000 pekerjaan berasaskan ilmu, menjana RM1.2 bilion, eksport produk dan perkhidmatan ICT dan menarik RM419 juta pelaburan dalam perbelanjaan R&D.

Perlu djelaskan di sini, projek MSC tidak sama dengan Bangalore dan Hyderabad mahupun Shanghai. MSC bukan projek pembangunan infrastruktur semata-mata tetapi bertujuan untuk melahirkan lebih banyak aplikasi tempatan dan menggalakkan pembangunan industri ICT tempatan dengan harapan syarikat ICT tempatan akan bertaraf dunia pada masa akan datang.

Aplikasi perdana menjadi pemangkin untuk mempercepatkan proses ini di samping bertujuan untuk merapatkan jurang digital dengan penggunaan aplikasi tersebut seperti MyKad oleh seluruh rakyat Malaysia. MSC pula pada fasa II akan menyaksikan beberapa pertumbuhan bandar cyber dan pusat cyber baru sebagai sebahagian strategi meluaskan MSC ke seluruh negara. Syarikat-syarikat ICT tidak lagi perlu menempatkan operasi mereka di Cyberjaya semata-mata untuk menikmati kemudahan yang disediakan oleh MSC. Ini akan membantu pertumbuhan ekonomi kepada kawasan luar bandar sebagai usaha untuk merapatkan jurang ekonomi, wilayah dan jurang digital dalam negara.

Negeri pertama yang dberi taraf MSC ialah Pulau Pinang dan *Kulim High Tech Park* yang telah diiktiraf sebagai bandar cyber dan pusat cyber baru-baru ini dan

merupakan kawasan pertama dalam projek meluaskan MSC ke seluruh negara yang dirangkaikan dengan hub Cyberjaya untuk memberi lebih kemudahan kepada syarikat bertaraf MSC di negeri tersebut. Yang paling penting, kerajaan negeri mestilah bertindak sebagai tulang belakang untuk memacu pembangunan industri ICT dan memastikan bandar-bandar di negeri mereka bersedia menjadi bandar cyber ataupun pusat cyber yang berkesan dan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu kerajaan, elektronik, *e-government*, dasar ICT dan *disaster recovery plan* dengan izin oleh Yang Berhormat Muar aplikasi perdana kerajaan elektronik ataupun EG adalah salah satu inisiatif MSC yang mempunyai strategi pertama untuk mempercepatkan transformasi Malaysia ke k-ekonomi dalam menuju wawasan 2020.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Dungun bangun Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Sila.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang dibangkitkan sebelum ini yang mana Yang Berhormat atau kementerian ada menyatakan bahawa kaedah menguruskan ataupun melaksanakan ICT ini tidak seperti di Banglore, di Hydrabad ataupun di Shanghai. Kita juga sedang merangka melalui fasa kedua yang mana kita dapat tahu bahawa keterlibatan pusat-pusat ataupun rantau siber yang kita akan laksanakan ini harus ada sedikit pembangunan yang tidak tertumpu kepada satu dua pusat. Yang pentingnya ialah supaya tidak berlaku suatu diskriminasi terhadap pembangunan ICT di luar bandar kerana ada masih walaupun ini bukan dalam bidang kementerian yang sama tetapi sekurang-kurangnya melalui asas-asas telekomunikasi dalam negara kita yang perlu kita bangunkan kawasan-kawasan luar bandar yang kita ucapkan tahniah kepada MSC dan juga di Pulau Pinang dan Kulim.

Tetapi pembangunan di luar bandar yang kita maksudkan ialah mungkin seperti i Kelantan, Terengganu, Pahang atau sebahagian Johor dan mungkin juga di Sabah dan Sarawak walaupun mesti ada komitmen di peringkat kerajaan-kerajaan Negeri.

Soalan saya ialah ataupun minta penjelasan Yang Berhormat ialah dalam fasa kedua ini apakah kita hendak memperluaskan dengan sehebatnya kerana kita kalau kita mengambil daripada asas mengikut rekod kajian sosioekonomi statistik yang ada pada kita, pada tahun 2003 umpamanya pada asas sahaja kerana kelemahan-kelemahan kita dalam mengagihkan keperluan-keperluan kepada rakyat umpamanya bilangan unit komputer yang dipasang hanya 4.2 juta sahaja setakat tahun 2003.

Perkembangan ini sudah sihat kalau kita tengok dari gerakan tahun 1999, 2000 dan sebagainya. Bilangan komputer setiap 1,000 penduduk hanya 166 pada akhir tahun 2003. Hanya merupakan 16.6%. Walaupun ICT *for all* yang kita cadangkan dan yang dimainkan oleh kementerian nampaknya masih ada kekangan ataupun halangan-halangan yang menghimpit rakyat kita. Kita tidak mahu bila kita bangunkan program-program ICT ini kita sentiasa meninggalkan kawasan dalam negara kita ataupun rakyat dalam negara kita yang tidak mempunyai asas-asas yang cukup.

Apakah rancangan kementerian dalam RMK 9 umpamanya supaya kita memperhebatkan dengan memastikan supaya kita memberi jaminan supaya semua rakyat kita dan semua tempat yang sesuai mengikut zon-zon yang tertentu supaya ada pembangunan melalui fasa kedua ini. Bolehkah Yang Berhormat sedikit sebanyak memberi pendekatan ataupun jaminan kepada kita supaya program-program pembangunan ICT ini dapat dinikmati secara keseluruhan kerana kita sudah mengalami begitu lama, banyak perkara-perkara teknologi baru kadang-kadang rakyat di luar bandar tertinggal. Inilah patutnya dimainkan peranan contoh Bangalore dan Hydrabad sepatutnya menjadi contoh.

Ini nasihat dan pandangan saya kerana kalau kita hendak bangunkan India umpamanya sepatutnya kita bangunkan ibu negara seperti Delhi tetapi Bangalore dan Hydrabad adalah merupakan model walaupun dia bukan terbaik dan terbesar tetapi kita kena ingat produk daripada Bangalore dan Hydrabad juga merupakan produk yang menguasai negara-negara seperti di UK dan Amerika. Adakah kita merasakan sudah bangga bahawa kita mungkin diiktiraf di peringkat antarabangsa tetapi kita harus merapatkan *gap* kita di peringkat penciptaannya sesuai dengan gerakan ataupun ledakan ICT di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang kita sedia maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa dalam RMK 9 ini kita akan membestarikan 10,000 buah sekolah. Sekolah-sekolah ini termasuk sekolah-sekolah luar bandar di Pantai Timur dan sebagainya. Ini adalah merupakan satu proses bagaimana kita memberikan ruang atau memberikan kemudahan ICT kepada penduduk bukan sahaja bandar termasuk juga penduduk luar bandar.

Baru-baru ini juga kita telah satu program telah dibuat iaitu *My SEN* yang merupakan rangkaian *Science Education Network* iaitu kita merangkumkan semua universiti-universiti dan pusat-pusat pendidikan dirangkumkan dalam satu *network*. Jadi kita boleh *share* data atau apa sahaja yang ada di antara satu sama lain. Ini adalah merupakan satu proses bagaimana *knowledge* dan juga teknologi ataupun ICT itu dikembangkan kepada masyarakat umum. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Kejayaan EG ataupun *electric government* pada setakat ini kesemua 7 projek perintis telah dilaksanakan mengikut perancangan. Pada masa ini sejajar dengan MSC, NESLEB penggunaan aplikasi sedang diperluaskan kepada lebih banyak agensi bagi manfaat penggunaannya. Berbagai-bagai cara bagi menyelaraskan tujuan penggunaan ini yang meliputi *change management* promosi dan meningkatkan keupayaan aplikasi. Perkhidmatan kepada rakyat dapat diperluaskan melalui aplikasi e-khidmat.

Penambahan perkhidmatan semakin bertambah melalui sistem ini di mana pengambilan lesen memandu dan juga lain-lain lesen seperti Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur sedang dilaksanakan. ELX *electronic labour exchange* pula membantu graduan atau individu yang mencari peluang pekerjaan melalui sistem ini. Sepanjang tahun 2005 sahaja lebih daripada 21,000 pekerjaan dapat dijodohkan ataupun *job machine*.

Projek e-syariah telah berjaya dilaksanakan di semua negeri yang meliputi 110 Mahkamah Syariah. Portal e-syariah juga telah dilancarkan pada tahun 2005 yang

memberi perkhidmatan *free registration* dan mempunyai link kepada agensi PDRM dan Jabatan Imigresen.

Bagi projek e-perolehan sebanyak 92,106 pembekal telah mendaftar. Katalog DP *diary perchess* juga meningkat lebih daripada 30%. Ini dapat memberi kelebihan kepada kerajaan dalam urusan perolehan.

Tuan Yang di-Pertua, melibatkan isu penggunaan dasar ICT. Satu kajian permohonan ICT *road mape* Malaysia telah diluluskan oleh kerajaan untuk dilaksanakan bagi membantu mencapai matlamat kerajaan membangunkan dasar ICT negara. Objektif utama kajian ini ialah membantu kerajaan mengenal pasti bidang fokus dan keutamaan teraju ICT yang perlu dibangunkan dalam tempoh lima tahun dan mengenal pasti mekanisme untuk penyelarasan aktiviti pelaksanaan projek dan inisiatif ICT yang meliputi pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Hasil kajian ini juga akan meliputi mengenal pasti beberapa bidang fokus teknologi berasaskan *global technological training* dengan izin dan kekuatan serta potensi Malaysia dalam bidang ICT. Ini akan menjadi asas untuk merangka penggunaan ICT menyeluruh untuk terus memacu pembangunan negara dalam arena ICT global.

Tuan Yang di-Pertua untuk isu pembangunan *disaster recovery plane* di peringkat nasional kerajaan sedang mengenal pasti agensi-agensi kerajaan yang membentuk infrastruktur maklumat kritikal kebangsaan atau *critical national information* infrastruktur iaitu merupakan aset sistem dan fungsi-fungsi yang amat penting kepada keselamatan negara, pembangunan ekonomi dan keselamatan orang awam. Di bawah kajian rangka kerja keselamatan maklumat yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan, agensi-agensi penting akan dikenal pasti di dalam sektor utama seperti perakaunan, kewangan, pengurusan logistik, sektor tenaga, pengurusan air dan transaksi kewangan akan dikenal pasti dan dikehendaki mematuhi standard dan piawaian keselamatan maklumat ICT yang ditetapkan oleh kerajaan.

Manakala di peringkat organisasi pula setiap organisasi kerajaan dan swasta dikehendaki membangunkan *disaster recovery plan* ataupun rancangan pemulihan bencana IT iaitu satu rancangan yang mengenal pasti kelemahan dan risiko yang terdapat di sesuatu organisasi yang boleh menyebabkan berlakunya krisis ataupun

bencana sekiranya tindakan-tindakan tertentu tidak diambil untuk mengatasi pelan yang menyeluruh di mana pemulihan bencana IT dapat dilakukan dan sistem berupaya beroperasi dengan menggunakan sumber-sumber yang minimum dalam jangka masa yang ditetapkan.

Walaupun bencana tidak mungkin dapat dielakkan sepenuhnya tetapi melalui DRP ia dapat mengurangkan kerugian sekiranya berlaku sesuatu krisis atau bencana seperti kejadian serangan penceroboh laman *web* baru-baru ini atau sekiranya berlaku bencana alam seperti gempa bumi dan *Tsunami*.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat dan Puchong dalam perbahasannya ada membangkitkan isu mengenai usaha Malaysia untuk melahirkan angkasawan pertama negara. Untuk makluman isu ini telah pun dijawab secara lisan pada 5 April yang lepas. Walau bagaimanapun, di sini diberikan maklumat tambahan Program Angkasawan ini adalah melibatkan tiga fasa utama:

- persediaan untuk angkasawan terpilih dan mereka bentuk eksperimen angkasawan;
- menjalankan uji kaji di angkasa lepas; dan
- program publisiti dan saintifik selepas angkasawan tersebut pulang ke Malaysia.

Sebagai persediaan untuk memilih angkasawan, beberapa organisasi seperti Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dan Akademi Sains Malaysia (ASM) sedang mengatur strategi untuk melancar pertandingan pemilihan eksperimen mikro graviti terbaik pada peringkat kebangsaan di kalangan penyelidik dan pelajar sekolah di seluruh negara. Satu program kesedaran awam juga akan dilancarkan.

Semasa fasa ini juga pertukaran *scientist* dan beberapa siri seminar akan diadakan untuk memantapkan lagi program. Suatu seminar mengenai pertandingan ini akan diadakan pada suku ke empat tahun 2005. Selain dari itu, ANKASA dan ASM juga akan mengadakan Bengkel *Space Medicine* dan material sains untuk membincang dan mendedahkan kepada pakar-pakar negara memberi peluang mereka menghantar eksperimen di dalam kedua-dua bidang ini ke Stesen Angkasa Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong dan Kota Belud yang meminta supaya kerajaan melalui MACRES menggunakan teknologi *remote sensing* bagi memantau dan membantu penguatkuasaan aktiviti-aktiviti pembangunan yang melibatkan penarahan bukit-bukau dan penebangan pokok dan aktiviti pembalakan termasuklah pencemaran hutan dan penebangan haram.

Museums of Science, Technology and Industry (MOSTI) amat bersetuju dengan pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat berkenaan yang amat selaras dengan matlamat asal penubuhan MACRES pada tahun 90 dan pembinaan stesen bumi MACRES di Temerloh, Pahang yang sekarang ini telah pun beroperasi menerima data-data satelit *remote sensing* terkini iaitu radar set daripada *Canada*, *Spot* daripada Perancis dan National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) dari Amerika Syarikat secara berterusan untuk memenuhi keperluan operasi negara.

Selain dengan itu, sukacita saya ingin memaklumkan Dewan Yang Mulia ini bahawa MOSTI melalui MACRES sedang bekerjasama dengan agensi-agensi berkenaan, khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan bagi meningkatkan penggunaan teknologi *remote sensing* bersama-sama dengan teknologi Sistem Maklumat Geografi dan *Global Positioning System* (GPS) yang berpotensi besar bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan aktiviti-aktiviti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong dan Kota Belud.

Kerjasama-kerjasama berkenaan sentiasa diperkemaskan dari semasa ke semasa dan akan diperluaskan hingga ke peringkat kerajaan negeri termasuklah Sabah dan Sarawak.

Menyentuh pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Sekijang MACRES akan memperluaskan lagi kerjasama sedia ada dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi menggunakan teknologi *remote sensing* dalam pemantauan pencemaran sungai. Secara langsung imej satelit amat sesuai digunakan untuk memantau pencemaran air di sungai oleh pepejal terampai ataupun *total suspended solid* dan pendedapan kelodak ataupun *sedimentation*. Secara tidak langsung imej-imej satelit akan digunakan bagi memantau aktiviti-aktiviti pembukaan tanah dan



penebangan hutan di kawasan persekitaran yang menyebabkan hakisan tanah dan pencemaran sistem sungai. Kerjasama dengan JPS ini turut merangkumi bidang-bidang pengurusan kawasan tadahan banjir dan hakisan pantai.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu meningkatkan bidang pertanian menerusi bioteknologi oleh Yang Berhormat bagi Baram. Penggunaan bioteknologi untuk membangunkan sektor pertanian akan dapat meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia seiring dengan aspirasi kerajaan. Bagi membangunkan bidang pertanian ini, aplikasi bioteknologi yang amat perlu diserapkan bagi menangani pelbagai isu baru dan cabaran.

Negara telah pun memiliki kepakaran dalam industri pertanian dan perladangan. Transformasi terhadap sektor penanaman akan dapat dipercepatkan dengan input daripada teknologi baru seperti bioteknologi. Bioteknologi yang akan menjadi pemangkin dalam mewujudkan dan mencipta ruang dan peluang-peluang bagi memajukan dan membangunkan industri pertanian negara.

Bioteknologi pertanian khususnya kejuruteraan genetik berupaya meningkatkan produktiviti dengan lebih berkesan di dalam aktiviti pertanian dan marin. Melalui penyelidikan yang dijalankan oleh para *scientist* tempatan, sektor pertanian negara telah menempah nama mencipta kejayaan melalui penemuan-penemuan baru melalui bidang kejuruteraan genetik bagi meningkatkan mutu dan hasil penanaman antaranya padi, getah, koko, teh, kopi, minyak sawit, buah-buahan dan lain-lain.

Malaysia sering mengalami isu-isu yang kritikal dalam bidang pertanian. Dengan adanya bioteknologi kita mampu untuk mengatasi permasalahan kekurangan tenaga buruh yang semakin meruncing, kadar upah yang meningkat berbanding produktiviti pekerja dan sumber tanah dan air yang semakin terhad disebabkan persaingan kegunaannya, oleh sektor perindustrian, perumahan dan perbandaran. Saiz ladang yang berskala kecil dan tidak ekonomik menyebabkan produktiviti dan kos pengeluaran yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krai mengenai MIMOS. Sukacita dimaklumkan bahawa sejak ditubuhkan MIMOS telah pun berjaya melaksanakan fungsinya secara berkesan sebagai sebuah institusi penting dalam penyelidikan dan pembangunan di bidang *microtronic* dan

teknologi maklumat dan komunikasi negara (ICT). Pelbagai teknologi, produk dan perkhidmatan berasaskan mikroelektronik dan ICT telah dihasilkan dan dimanfaatkan di dalam dan luar negara.

Bagi memantapkan lagi MIMOS, usaha sedang dijalankan bagi menyusun semula struktur organisasi, pengurusan dan kegiatan utama R&D MIMOS. Berasaskan prestasi tersebut sukacita kami maklumkan bahawa pengurusan MIMOS adalah mantap dan kompeten untuk terus membantu kerajaan menerajui cita-cita membawa pembangunan negara melalui ICT.

Usaha secara berterusan akan sentiasa dilaksanakan bagi memperkukuh dan memastikan MIMOS dapat mengharungi cabaran dan halangan sosioekonomi dan teknologi masa hadapan. Antara kejayaan-kejayaan MIMOS:

- memperkenalkan *internet* di Malaysia dan menjadi penyedia perkhidmatan *internet* ulung iaitu yang pertama;
- mencipta dan membangunkan komputer peribadi anak watan yang pertama; dan
- membekalkan semua agensi kepada agensi kerajaan;
- mewujudkan pusat semi-konduktor yang dibina dan diuruskan oleh anak watan. Hasil utama adalah reka bentuk cip IC *design*, pembangunan tenaga kemahiran manusia yang setaraf dengan dunia maju dalam bidang microtronic dan semi-konduktor.
- menjalankan fungsi penyelidikan, pengawasan dan pemantauan aktiviti keselamatan *cyber* bagi menjamin keamanan negara; dan
- menubuhkan *National Information Security Emergency Respond (NISER)*.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya MOSTI sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha program dan strategi kementerian ini. Seterusnya, MOSTI berharap dengan kerjasama dan keprihatinan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, ini akan dapat membantu kementerian dalam mencapai matlamat dan visi sebagaimana harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakyat keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

**6.29 petang**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pengangkutan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja yang menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan.

Sesungguhnya Kementerian Pengangkutan menghargai semua pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab teguran oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kalabakan mengenai keselamatan semasa urusan pendaftaran masuk atau *check in* di KLIA.....

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Belum panas lagi Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Johor Bahru sudah bangun.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada perbahasan pada hari Isnin yang lalu, telah juga diambil kira oleh Kementerian Yang Berhormat dan akan diberi jawapan. Pasal saya sudah lihat bahawa dua kementerian sebelum ini tidak langsung mengambil kira pandangan, pendapat yang telah diutarakan pada hari Isnin yang lalu. Jadi sebelum Yang Berhormat melanjutkan ucapan, saya hendak tahu sama ada, ada perubahan tidak dari segi sikap kementerian-kementerian dan adakah kementerian Yang Berhormat telah mengambil kira perbahasan yang telah berlaku pada hari Isnin yang lalu. Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa-apa yang akan dijawab oleh kementerian pada hari ini, saya rasa telah mengambil kira apa yang telah dibahaskan pada hari Isnin dahulu, dan insya-Allah kementerian akan cuba sedaya upaya menjawab apa yang telah dibangkitkan dalam perbahasan pada hari Isnin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Saya sambung.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab teguran Yang Berhormat bagi Kalabakan, mengenai keselamatan semasa urusan pendaftaran masuk atau *check in* di KLIA, isu ini telah dibincangkan secara terperinci oleh pihak-pihak yang berkaitan. Khususnya MAS dan MAHB di dalam mesyuarat koordinasi keselamatan lapangan terbang yang diadakan secara berkala. Salah satu usaha yang telah dibuat sejak Ogos 2004, ialah memasang *queue* ..... untuk ke kaunter pendaftaran masuk. Langkah ini dapat mengemaskan baris atur penumpang serta mengurangkan kesesakan di kaunter pendaftaran masuk.

Kakitangan MAS telah ditempatkan di kawasan berkenaan untuk memastikan hanya penumpang yang mempunyai tiket penerbangan sahaja dibenarkan di kawasan tersebut. Di samping itu juga Malaysia Airport ada menempatkan anggota beruniform untuk menjalankan rondaan dan membuat pemeriksaan secara rawak terhadap orang yang disyaki bagi membanteras kegiatan curi barangan penumpang. Tugas ini dijalankan dengan mendapat bantuan daripada pihak PDRM.

Mengenai sistem litar tertutup ataupun CCTV, pihak pengurusan Malaysian Airport sentiasa membuat pemantauan atau penyelenggaraan terhadap peralatan sistem tersebut dan sistem ini dikendalikan oleh Pusat Operasi Keselamatan, Pusat Operasi Lapangan Terbang KLIA. Sebanyak 1238 buah CCTV kamera dipasang di kawasan-kawasan strategik KLIA. Kajian sedang dijalankan....

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Santubong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Silakan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya salah seorang mangsa kecurian di KLIA, *laptop* saya. Apa yang jadi kesedihan ialah *laptop* itu tidak mahal sangat, RM6000. Kalau orang banyak duit, memang tidak ada masalah. Tetapi pada saya besar juga harga dia. Apa yang jadi satu masalah ialah, *research papers* saya dalam itu, selama lapan bulan punya *research work* itu hilang sama. Masa itu saya tidak ada *handy drive* tidak masuk *diskette back up* dan sebagainya jadi hilang semua sekali itu. Apabila saya buat laporan, saya dapati

bahawa betul-betul CCTV itu ada. Tetapi, dalam CCTV itu, tidak ada *film*. Filem dia tidak ada, tiada *recording*. Jadi masa itu polis tidak pandang, tidak ada orang duduk, operator tidak ada. Jadi, apabila saya tanya ada tidak you punya *recording*? Dia punya *tape* dalam itu ada tidak? Dia kata minta maaf, Yang Berhormat, tidak ada.

Jadi CCTV *action* sahaja, operator tidak pandang, *tape* tidak jalan. Jadi saya punya laptop itu hilang. Tetapi apa yang saya dimaklumkan ialah kata dia, ada *syndicate* daripada *Peruvian Syndicate*, itu saya dimaklumkan. Yang buat operasi di KLIA, jadi persoalan saya, dua. Adakah kita sekarang sedang memasang *tape* dan operator. Yang kedua masih adakah *Peruvian* atau *Mexican* ataupun siapa sahaja beroperasi di situ yang dikenali dan apakah tindakan? Terima kasih..

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat, saya rasa amat peliklah, amat janggal. Saya akan mengambil maklum akan membawa perkara ini kepada pihak MAHB dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, berkaitan dengan statistik kes curi bagasi atau barang-barang ataupun *pilferage* yang berlaku di KLIA ini, izinkan saya memberikan sedikit perangkaan di sini, iaitu berkaitan dengan Airline MAS, pada 2003, ini berkaitan dengan kecurian bagasi dan juga perkara-perkara yang berlaku di KLIA itu. Bagi Airline MAS, pada 2003 - 918 yang telah hilang dan telah menurun kepada 557 pada 2004 dan bagi penerbangan asing iaitu 28 pada 2003 dan pada 2004 turun kepada 18. Tangkapan yang telah dibuat lebih kurang 27 pada tahun 2003 dan 22 pada 2004.

Ini adalah beberapa tindakan yang telah dilakukan, bagi memastikan barangan-barangan oleh penumpang-penumpang ini tidak dicuri. Tetapi berkaitan dengan gambar tadi CCTV ataupun *tape*, insya-Allah akan saya bawa perkara ini kepada MAHB. Sistem...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Puchong bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai KLIA, saya di sini ada dua soalan.

Yang pertama mengenai apakah tindakan yang telah dibuat oleh *Malaysian Airport* mengenai teksi-teksi sapu yang ada semasa keluar dari *International* ataupun *Domestic Arrival*. Masih ada ramai yang tanya 'hendak pergi mana, Kuala Lumpur ke

atau mana, ok?' Ini orang kata teksi sapu bagi saya masih meluas berlaku di KLIA. Apakah tindakan yang telah diambil oleh MAB ataupun Malaysian Airport Berhad ataupun pihak-pihak yang berkenaan, satu.

Yang kedua ialah saya hendak tahu sedikit mengenai apakah dengan izin, kadar *utilization* of the airport. Adakah KLIA ini masih *under utilize* ataupun dalam kadar yang *optimize*. Saya hendak tahu sedikit. Maksud saya ialah, kalau tidak silap saya *design* ataupun reka bentuk Airport KLIA ini untuk menampung 25 juta penumpang satu tahun, ok, *just for one year 25 million*. Apakah *arrival* ataupun kadar *utilization* untuk tahun 2004? Boleh saya tahu apakah kadar *utilization* itu. Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan *touts* ini, memanglah masalah ini masih lagi berlaku walaupun pelbagai usaha yang telah kita ambil oleh pihak MAS, polis dan LPKP dan juga JPJ. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 2002, pihak keselamatan penerbangan MAB telah mengambil tindakan pencegahan dan menangkap *touts* ini, menyerahkan mereka kepada pihak Polis KLIA.

Dan dari segi rekodnya tangkapan *touts* ini yang telah dibuat mengikut rekodnya pada tahun 2002, 178 orang, pada tahun 2003 turun kepada 9 orang, tahun 2004 - 632 orang dan tahun 2005 sehingga 31 Mac adalah 94 orang.

Usaha ini telah kita lakukan Yang Berhormat, dan pihak penguat kuasa menghadapi sedikit masalah untuk membuat pendakwaan terhadap *touts* ini kerana tidak ada peruntukan undang-undang yang khusus mengenai *touts* setakat ini.

Jadi undang-undang mengenai *touts* ini masih lagi di dalam kajian dan kita menunggu tindakan daripada pihak Jabatan Peguam Negara. Berkaitan dengan sama ada KLIA ini telah dapat kita memenuhi dari segi penggunaannya, saya rasa kalau menengok angka pada tahun yang sudah kita telah dapat mempertingkatkan dari segi kegunaan KLIA itu. Kalau hendak di banding dengan lapangan-lapangan terbang dirantau ini kita telah menunjuk satu peningkatan yang begitu baik, lebih daripada 21 juta *passengers* yang kita *handle* di KLIA.

Ini menunjukkan, tidak beberapa lama lagi, Insya-Allah kalau tidak adalah perkara-perkara yang boleh menjejaskan pergerakan pelancong-pelancong di rantau ini

dan juga di negara kita ini saya rasa kemungkinan dalam masa beberapa tahun kita akan sampai pada tahap 25 juta.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Saya rasa memanglah perkembangan itu amat baik bagi pergerakan dari segi penumpang-penumpang di KLIA itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pulai bangun, Yang Berhormat. Pulai.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar [Jerantut]:** Ya, sila.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan mengenai pecahan penumpang yang menggunakan KLIA. Berapa ramaikah *local domestic travellers*, dan dengan izin berapa ramai *international travellers*? Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai maklumat tersebut? Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar :** Minta maaf Yang Berhormat saya rasa dari segi, butirannya (*detail*) saya tidak dapat hendak memberikan pada hari ini tetapi Insya-Allah kalau diperlukan bolehlah saya mengemukakan *detail* dari segi pecahannya sama ada berkaitan dengan *domestic* dan *international* punya apa, *passengers*, ya. Boleh saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar :** Tuan Yang di-Pertua di samping itu MHAB selaku operator terminal dengan kerjasama pihak PDRM dan MAS telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah kecurian bagasi di KLIA antaranya ialah:-

- i. menjalankan kawalan dan pemeriksaan terhadap kakitangan di pintu-pintu masuk. Mereka perlu membuat laporan atau pengisytiharan sekiranya membawa telefon bimbit dan wang tunai;
- ii. menjalankan kawalan dan rondaan di kawasan simpanan bagasi;
- iii. menjalankan rondaan dan pemeriksaan terhadap pekerja dengan kerjasama pihak MAS dan PDRM;

- iv. menambahkan stesen CCTV di kawasan pengendalian bagasi;
- v. mengambil tindakan untuk menangkap dan membuang kerja terhadap pekerja yang terlibat dengan kes curi bagasi; dan
- vi. penguatkuasaan pemakaian *vest* terhadap pekerja dengan tujuan untuk memudahkan pengawasan ke atas pergerakan mereka.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Tuan Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar :** Statistik kes curi bagasi telah menunjukkan penurunan dan kedudukan ini akan menjadi lebih baik apabila kemampuan sistem stesen CCTV di naik taraf. Berhubung dengan dakwaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan mengenai projek.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Larut, bangun Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Tuan Raja Haji Omar :** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Kalau tidak salah saya ada pekerja yang mengurus dan membantu soal bagasi ini adalah terdiri daripada pekerja warga negara asing, tidak payah sebutlah daripada negara manalah. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa di antara langkah yang diambil termasuk memberhentikan mereka bekerja. Bermakna mereka masih berada lagi dalam negara kita ini, kalau kita buang dia bekerja pun. Adakah pihak kementerian melihat ada negara-negara lain, sebagai amaran kepada mereka supaya mereka lebih takut bukan setakat diberhentikan kerja dan dihantar balik ke negara mereka.

Dengan ini boleh memberi satu rasa takut kalau mereka benar-benar hendak mencari rezeki di negara ini mereka mestilah mematuhi pada undang-undang yang ada. Saya bagi contoh seperti di negara-negara Arab, umpamanya di Dubai. Dubai kurang dari segi jenayah adalah kerana tidak ada layanan istimewa kepada mana-mana pekerja asing. Bermakna mereka takut kalau mereka melakukan sebarang jenayah, kalau berlaku pun jenayah di sana mungkin tidak sampai 1%. Kes rogol diberitahu mungkin setahun sekali kalau ada. Mereka ini bukan setakat diberhentikan kerja, dihantar balik ke negara mereka. Apakah kita melihat soal ini sebagai satu langkah yang lebih positif, praktikal untuk kita lakukan? Terima kasih.



**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya merasakan tiada sesuatu cadangan yang begitu baik yang boleh kita ketengahkan untuk memastikan bahawasanya apabila diberhentikan mereka terpaksa meninggalkan negara kita dan mereka tidak diberi peluang untuk melakukan sesuatu jenayah yang lain. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai proses pengendalian bagasi di KLIA, kalau tidak silap saya bulan lepas satu *break down* telah berlaku di KLIA dan telah menyebabkan gangguan dari segi jadual *landing* dan juga *take off*. Saya hendak tanya sedikit Yang Berhormat mengenai tiadakah MAB ataupun KLIA ini satu sistem *back-up system*, di mana kalau sistem utama telah rosak kita boleh *immediately* gunakan *back-up system* dalam *computer system*. Kerana kalau sebagai contoh, kalau tidak silap saya di Hong Kong, Hong Kong Chek Lap Kok *International Airport* yang baru itu, semasa pembukaan rasmi penggunaannya memang ada masalah.

Tetapi sampai sekarang ini saya difahamkan proses pengendalian bagasi di Hong Kong ini telah meningkat keberkesanannya. Tetapi memang saya tahu KLIA telah *improves*, telah bertambah baik sekarang ini tetapi masih berlaku lagi, kadang-kadang masih berlaku ini *breakdown* atau sebagainya. Ini akan menjejaskan imej negara. Adakah MAB ataupun pihak kementerian Yang Berhormat mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif lagi supaya kita ada satu *back-up system* kalau satu sistem utama *down* ini *automatic* akan menaikkan atau *normalizekan* proses pengendalian. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar :** Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah sistem yang ada pada hari ini yang menimbulkan sedikit masalah. Kementerian dan pihak MAB telah membuat satu kajian dan kita telah mendapat beberapa cadangan daripada pihak-pihak atau pakar-pakar dalam *baggage handling system* ini yang mana diguna pakai di negara-negara lain dan memanglah kita memandang serius perkara ini kerana sudah banyak *complaints* yang telah kita terima

berkaitan dengan *breakdown* dari segi *breakdown* kepada *system baggage* yang ada di KLIA pada hari ini.

Ini adalah dalam kajian. Saya minta Yang Berhormat sabar sedikit dan saya rasa perkara ini akan dapat diperbetulkan kerana ini juga akan memakan masa dan juga belanja yang begitu besar untuk membetulkan sistem dari segi *Floor Plan* kepada *Baggage Handling System* yang ada di KLIA pada hari ini. Kemungkinan kita akan mendapatkan satu kajian yang terperinci atau satu *consultant* yang lebih mahir untuk menasihati kita dari segi apakah sistem yang boleh kita guna di masa depan yang boleh maknanya mengurangkan dari segi *baggage system* yang selalunya *breakdown* ini.

Jadi, saya rasa saya minta jasa baik Yang Berhormat untuk bersabar sedikit. Memang pihak kementerian dan MHAB sentiasa mengkaji perkara ini dan telah berbincang dengan beberapa pakar dari segi *airports* di dunia, apakah sistem yang paling terbaik untuk kita guna untuk KLIA ini.

Berhubung dengan dakwaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan mengenai projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang dikatakan tidak dibuat perancangan terperinci, suka saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa semua projek pembangunan lapangan-lapangan terbang termasuklah projek meningkatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu telah dibuat perancangan yang terperinci dengan mengambil kira pelbagai aspek, khususnya dari segi *volume traffic* yang telah dikendalikan faktor keselesaan penumpang, peningkatan *connectivity*, keperluan industri pelancongan dan lain-lain.

Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sedia ada, kini menghadapi kesesakan, khasnya pada waktu sibuk, walaupun lapangan tersebut telah mengalami beberapa fasa pembangunan naik taraf dari masa ke semasa. Kerajaan telah membuat keputusan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan dan akan disambung ke Rancangan Malaysia Kesembilan.

Untuk makluman Dewan, bagi tahun 2004, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu telah mengendalikan pergerakan trafik penumpang seramai 3.91 juta orang berbanding dengan 3.30 juta orang penumpang pada tahun 2003. Ini merupakan pertambahan 18.5%. Projek naik taraf ini dapat memastikan Lapangan Terbang

Antarabangsa Kota Kinabalu dapat mengendalikan 5.5 juta hingga 6.0 juta penumpang setahun tanpa menghadapi masalah kesesakan seperti sekarang ini dan selaras dengan kedudukannya sebagai lapangan terbang kedua yang tersibuk di Malaysia.

Suka juga saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk memindahkan lokasi Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

Yang Berhormat bagi Hulu Langat telah mencadangkan supaya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dinamakan Lapangan Terbang Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebagai tanda penghargaan kerajaan terhadap jasa Almarhum yang sudi berkenan menyerahkan sebidang tanah milik kerajaan negeri bagi pembiayaan KLIA di Sepang. Kerajaan akan memberi perhatian sewajarnya ke atas cadangan ini.

Berhubung dengan permintaan Yang Berhormat bagi Bukit Mas supaya dibina lapangan terbang baru di Lawas, saya ingin memaklumkan bahawa berdasarkan kepada laporan statistik trafik adalah didapati Lapangan Terbang Lawas masih berupaya memenuhi permintaan penumpang dengan pengendalian dua penerbangan setiap satu jam. Tambahan pula jumlah trafik yang dikendalikan di lapangan terbang tersebut adalah berkurangan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini.

Kerajaan sedia memberi pertimbangan untuk membina lapangan terbang baru di Lawas sekiranya ada justifikasi untuk diperbuatkan demikian. Namun begitu, dalam masa terdekat ini adalah dijangkakan permintaan yang meningkat boleh ditampung dengan hanya menambah frekuensi penerbangan.

Berhubung dengan isu-isu berkaitan dengan terma dan syarat perkhidmatan pramugari MAS yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa keseluruhan isu-isu tersebut telah dibincangkan dengan terperinci dengan pihak MAS. MAS telah memberi jaminan kepada kerajaan bahawa pihaknya akan memperbaiki terma dan syarat perkhidmatan pramugari sedia ada.

Walau bagaimanapun, buat masa ini bukanlah sesuai masanya bagi kerajaan mahupun MAS untuk membuat pengumuman, memandangkan rundingan MAS dengan Kumpulan Kesatuan Sekerja masih berjalan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam yang meminta supaya daya saing Pelabuhan Klang dipertingkatkan, seterusnya menjadi *hub* perdagangan utama seperti Pelabuhan Abu Dhabi di United Arab Emirates. Suka saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan telah dan akan terus melaksanakan dasar-dasar dan strategi yang boleh meningkatkan lagi daya saing pelabuhan-pelabuhan Malaysia termasuklah Pelabuhan Klang.

Di antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) Pelabuhan Klang sebagai pusat pemunggahan negara ataupun *national loop center* dan *transshipment hub*;
- (ii) membangunkan tanah seluas 1,000 ekar di Pulau Indah, Pelabuhan Klang sebagai *regional distribution hub*;
- (iii) dasar *supply driven*, dengan izin, iaitu memastikan terdapat kapasiti dan kemudahan prasarana serta peralatan yang mencukupi berbanding dengan permintaan supaya tidak wujud kesesakan dan masa menunggu adalah singkat untuk kapal yang singgah di Pelabuhan Klang;
- (iv) pemberian insentif kepada syarikat perkapalan yang membawa kargo ke Pelabuhan Klang dan PTP daripada pelabuhan-pelabuhan lain di Malaysia dan juga serantau; dan
- (v) memperbaiki dan mempertingkatkan *accessibility* ke pelabuhan melalui pembinaan jalan raya dan kemudahan kereta api.

Melalui dasar dan strategi yang telah diambil setakat ini, Pelabuhan Klang telah berjaya meningkatkan daya saing dan juga prestasinya. Sebagai contoh, kedudukan Pelabuhan Klang melonjak dari tangga 35 pada tahun 1990 kepada tangga 13 pada tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Johor Bahru ada membangkitkan apakah rasionalnya kerajaan melantik ACE sebagai agensi tunggal bagi mengendalikan latihan kepada pemandu vokasional dan mengapa satu syarikat sahaja yang memonopolinya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan kerajaan untuk menubuhkan pusat latihan bagi menjalankan program latihan untuk pemegang lesen vokasional ini telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai keselamatan jalan raya, pada 25 Mei 2004. Selaras dengan keputusan tersebut, kerajaan telah melantik Automotive Center of Excellence Sdn. Bhd. (ACE) untuk mengendalikan latihan bagi pemegang lesen vokasional berdasarkan kemampuan dan kesediaan syarikat tersebut melaksanakan program latihan untuk pemegang lesen vokasional dengan lebih berkesan dalam usaha kerajaan melahirkan pemandu yang berhemah dan berdisiplin ketika di jalan raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pusat-pusat latihan yang dikendalikan oleh ACE memerlukan pembiayaan dan pelaburan yang tinggi, di mana keluasan pusat latihan seperti di Sepang adalah kira-kira 700 ekar, manakala bagi pusat-pusat latihan lain ACE telah menetapkan keluasan tanah adalah sekurang-kurangnya 500 ekar. Ini bagi membolehkan program pengajaran yang lengkap disediakan oleh calon-calon pemandu. Selain daripada itu, ACE telah diberikan pertimbangan untuk beroperasi dengan syarat ianya akan mengendalikan latihan yang bertaraf *world class*, setanding dengan latihan yang dibuat di negara-negara maju. Penubuhan pusat latihan ini diharapkan dapat mengatasi masalah kemalangan jalan raya di negara kita.

Bagi memastikan ACE dapat menyediakan latihan pemanduan di seluruh negara, ACE akan membina enam pusat latihan mengikut zon iaitu Sepang bagi Zon Tengah, Johor Bahru bagi Zon Selatan, Pulau Pinang bagi Zon Utara, Besut bagi Zon Timur serta di Sabah dan di Sarawak. Selain daripada itu...

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Ya, sila.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Boleh saya mendapat penjelasan sedikit...

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Sila.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Pasal syarikat ACE. Sebenarnya saya tidak sebut pun tentang Syarikat ACE tetapi kerana sudah dinyatakan tentang Syarikat ACE ini, adakah dalam keputusan kerajaan untuk menyumbangkan kelulusan kepada Syarikat ACE, tawaran yang sama juga, ianya tawaran yang dibuat secara terbuka atau dipelawa kepada mereka yang sedang melabur dalam dan mengurus di dalam bidang

yang sama. Ataupun, adakah ianya datangnya berhasil kerana tawaran itu dikemukakan oleh syarikat yang berkenaan dan telah ditimbangan berasaskan permohonan syarikat itu?

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Apa yang diketahui oleh saya lebih daripada satu yang telah menawarkan khidmat, kalau tidak silap saya tidak lebih daripada tiga yang telah membuat cadangan tetapi dua daripadanya, mereka yang hanya sanggup mengendalikan perkara ini untuk di sekitar *Klang Valley* sahaja. Hanya ACE sahaja yang telah mengemukakan cadangan bagi seluruh negara untuk melatih pemandu vokasional ini. Jadi, tawaran itu telah dibuat dan telah diterima oleh Jawatankuasa Kabinet.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Sila.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Adakah ia bermakna bahawa selain daripada ACE tidak ada lagi syarikat-syarikat lain yang boleh mengendalikan sekolah-sekolah latihan memandu yang boleh memberi latihan kepada pemandu untuk mengendalikan, membawa kenderaan-kenderaan berat ataupun ia masih lagi boleh dilaksanakan oleh sekolah-sekolah yang sudah pun ditubuhkan.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Yang Berhormat, teknologi ini adalah daripada Australia dan apabila kita lihat apa yang telah dikemukakan oleh ACE ini, nampaknya ACE adalah di antara *company* yang mana *headquartersnya*, dengan izin, adalah di Melbourne, Australia yang mana dalam segi *advance driver training* dan *research* ini adalah sesuatu yang boleh dikatakan ..... bermakna ACE ini ada kelebihan dan bertaraf dunia. Teknologi ini telah dipraktikkan di Australia dan boleh dikatakan agak sulit sedikit dari segi bentuk *trainingnya*. Seperti yang saya katakan tadi, kalau kita bandingkan dengan institut memandu, ia hanya memerlukan satu dua kilometer untuk melatih, tetapi cara ACE melatih pemandu-pemandu ini memerlukan kawasan yang lebih luas dan jaraknya juga tidak kurang dari 25 kilometer dan jalan-jalan yang digunakan mempunyai bentuk yang berbagai-bagai yang boleh memberi satu kemahiran yang benar-benar baik.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada ia merupakan sesuatu yang eksklusif bagi ACE, bermakna bahawa institut memandu yang lain tidak boleh mengajar lagi pemandu-pemandu membawa kenderaan berat. Adakah itu .....

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Ya, okay Yang Berhormat, minta maaf. Setakat ini nampaknya ACElah secara eksklusif akan diberi tawaran untuk melatih pemandu-pemandu vokasional.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Pada pandangan Yang Berhormat, adakah ini bermakna bahawa kerana institut memandu yang lain, saya juga difahamkan, telah juga mengambil *syllabus* atau mata pelajaran dan sistem dari Australia. Sebenarnya institut memandu yang lain yang mengajar memandu juga telah mengambil *syllabus* yang sama, cara yang sama kerana ini yang telah ditentukan oleh pihak yang berkuasa. Dengan kemunculan ACE, dengan kadar fee yang tinggi yang dikenakan kepada pelajar-pelajar yang ingin mengambil pelajaran belajar memandu daripada pusat ACE, bukankah ini akan menimbulkan masalah kepada golongan yang berpendapatan rendah yang hendak belajar menjadi pemandu lori dan kenderaan berat? Adakah golongan berpendapatan rendah ini akan berhadapan dengan masalah untuk belajar di pusat ACE? Kalau saya bertanya, Yang Berhormat boleh duduk dulu. [*Meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang terus berdiri supaya duduk*]

Apakah kesan daripada *fee* yang dikenakan kepada pelajar-pelajar yang ingin belajar daripada syarikat ACE, dan apakah kajian kesan daripada pelaksanaan sistem ini, yang eksklusif kepada ACE kepada institut-institut memandu yang lain. Adakah kementerian telah membuat kajian, adakah kementerian mendengar pandangan dan melihat kepada permintaan umpamanya daripada Persatuan Institut Memandu Malaysia, yang telah menimbulkan masalah apabila ACE ditubuhkan dan juga terhadap sistem eksklusif yang diberikan kepada ACE bagi mengendalikan latihan kepada bakal-bakal pemandu kenderaan-kenderaan berat.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Rasa saya ACE ini tertumpu kepada kenderaan berat, *commercial vehicles* termasuk juga *tractor drivers* dan juga kenderaan yang mana tidak dapat dilakukan oleh institut memandu yang hanya mengajar perkara-perkara yang *basic* sahaja. Memanglah

ACE telah menunjukkan keupayaan dari segi pentadbiran, kewangan dan kemampuan membangunkan *structure* dari segi untuk menjalankan latihan ini.

Ini adalah suatu keputusan yang telah dibuat beberapa bulan dahulu dan apa yang saya ketahui ini adalah satu keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet, yang mana saya hanya mengetahui perkara ini menerusi Menteri saya dan saya tidak boleh .....

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya minta maaf sebab ini bukan soal sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri mendapat tahu daripada pihak Yang Berhormat Menteri, kerana ini merupakan pendirian kementerian dan Yang Berhormat hanya mewakili kementerian. Kalaulah tujuan ACE ialah untuk melatih *driver tractor* dan *driver crane*, apa perlunya sampai litar sepanjang lima kilometer? *Crane* dan *tractor* pun tidak perlu kepada litar yang begitu panjang, maknanya apa kelebihan ACE untuk menyediakan litar sepanjang lima kilometer atau tanah seluas 500 ekar, 700 ekar?

Yang menjadi pokok kepada soalan saya dalam perbahasan yang saya kemukakan pada hari Isnin yang lepas ialah ancaman kewujudan ACE kepada mata pencarian golongan pengusaha-pengusaha kecil yang membuka perniagaan-perniagaan, perusahaan-perusahaan untuk mengajar mereka yang ingin belajar memandu kenderaan berat. Tindakan untuk mengimport sesuatu yang besar dan dikatakan berteknologi tinggi daripada Australia, sebenarnya akan mengetepikan golongan pengusaha-pengusaha kecil tempatan.

Saya sedar bahawa ini mungkin bermakna adanya pelaburan yang besar yang diperlukan dalam bidang ini, tetapi dengan kita mengutamakan pelabur-pelabur besar, yang mana mereka sebenarnya tidak bergantung hidup kepada perusahaan ini, ia merupakan satu keputusan yang boleh menimbulkan banyak tanda tanya terhadap pihak kementerian dan kerajaan dalam usaha untuk menjayakan perusahaan kecil iaitu usahawan kecil dan sederhana, umpamanya, menjadi dasar kerajaan dan juga kementerian ..... kementerian pun patut menyanjung juga dasar kerajaan, dasar kerajaan untuk membantu golongan usahawan kecil dan sederhana.

Bagaimana kementerian, Jawatankuasa Kabinet dan juga Jemaah Menteri boleh membuat satu keputusan yang bertentangan dengan dasar kerajaan sendiri untuk menggalakkan usahawan kecil dan sederhana dengan mengimport satu *business*



*model*, contoh *business* yang besar daripada Australia sedangkan ia bertentangan dengan hasrat kerajaan untuk melihat agar pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dalam bidang pengajaran dan latihan pemandu sebagai satu contoh, boleh terus juga berkembang.

Sepatutnya kementerian Yang Berhormat turut juga memainkan peranan dari segi membangunkan pengusaha-pengusaha kecil dan tidak pula membawa kemudaratan kepada mereka melalui satu strategi yang bertentangan dengan dasar kerajaan itu sendiri. Jadi bolehkah tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri meyakinkan saya bahawa penubuhan ACE ini atau memberi keadaan eksklusif kepada ACE ini walaupun teknologi tinggi datangnya daripada Australia. Saya rasa susah hendak menerimanya sebagai satu kemajuan. Bolehkah tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri meyakinkan kepada saya bahawa ini tidak bertentangan dengan hasrat kerajaan yang diisytiharkan bahawa golongan kecil, golongan sederhana tidak diketepikan oleh golongan yang mempunyai kemampuan untuk melabur berjuta-juta ringgit kerana kerajaan, kita ini semua sedang diperhatikan oleh rakyat sama ada apabila kita buat satu dasar, kita tidak pula melakukan strategi yang bertentangan dengan dasar kita sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang telah saya jawab tadi adalah setakat yang termampu untuk saya menjawabnya pada hari ini. Kalau ia perlu kepada penjelasan yang lebih *detail* dan terperinci, saya minta jasa baik Yang Berhormat kalau dapat saya bawa perkara ini dan mengetengahkan perkara yang telah dipersoalkan oleh Yang Berhormat dan insya-Allah kalau saya dapat diberi peluang untuk menjawab secara bertulis.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berbangkit daripada soalan yang sama, kadang-kadang apabila kita membuat satu keputusan untuk negara Malaysia, biasanya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kita adakan di southern region dan beberapa region di Semenanjung dan satu lagi di Sarawak dan Sabah. Orang kadang-kadang terlupa bahawa dari Johor ke Perlis itu 680 kilometer. Dari Kuching ke Miri itu, 973 kilometer. Di pandang dari segi *practicality*nya yang apa kita cadangkan di sini, mengadakan satu di Sarawak. Adakah tidak logik langsung? Kalau sekolah ini kita adakan di Sarawak,

umpamanya di Kuching, orang di Miri kena terbang satu jam lebih, baru dia sampai ke Kuching dan kena duduk di Kuching. Kalau dia duduk di Kuching maknanya kos di samping membayar kepada pihak pemandu sekolah ini atau akademi, apa sahaja nama dia, dia kena bayar kos penginapan, makanan, jauh daripada keluarga kalau dia ada isteri.

Dalam masa yang sama, pemandu ini bukan satu kelas pekerjaan pada masa sekarang di Malaysia, bukan satu kelas pekerjaan yang tinggi. Ada di kalangan yang dikatakan pekerja yang *blue collar job* walaupun kadang-kadang kita mendengar dia gaji tinggi. Tetapi saya cukup yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya Pengerusi Lembaga Pelesenan. Saya mengetahui driver lori, driver teksi, driver bas, driver van, saya tahu berapa gaji mereka. Masalah yang utama dihadapi oleh semua syarikat pengangkutan ialah pemandu. Tetapi kalau pemandu tidak boleh hendak cari lesen, lepas itu kalau hendak ambil lesen dengan harga yang mahal, siapa lagi hendak jadi pemandu? Okey, bayar gaji tinggi oleh syarikat-syarikat nanti, kalau bayar gaji tinggi, kos pengangkutan pun juga tinggi.

Akhirnya kos ini akan dihantar kepada pengguna dan kalau beras dan gula diangkat dari Miri dan Kuching itu, ini harganya akan ditambah kepada pihak ini. Tidak payah sebut beras atau gula itu dikontrol, saya sebut benda lain – cili, belacan dan sebagainya akan dinaikkan harga juga, akan dipas kepada orang kita. Jadi kalau inilah tidak dikira dahulu, apa sahaja tindakan demikian, saya cukup yakin selain dari apa Yang Berhormat bagi Johor Bahru sebut tadi bahawa ini akan membebaskan syarikat-syarikat kecil-kecilan, memang banyak, memang betul. Dengan sendirinya semua syarikat ini tidak boleh buat kerja kerana *exclusivity* telah diberi kepada syarikat ini. Yang kedua ini, kepada syarikat-syarikat pengangkutan sekarang sudah mengalami satu masalah besar yang tidak mendapat untungnya. Jadi kalau dibebankan dengan kos untuk melantik pemandu dengan harga yang tinggi akan membebankan lagi syarikat-syarikat pengangkutan ini. Jadi macam mana kita hendak mengatasi masalah ini?

Kalau dipandang dari perspektif Sarawak tidak cukup satu tempat sahaja, mesti diadakan dua, tiga umpamanya kerana Sarawak itu begitu panjang sekali. Dari Lawas, Limbang hendak pergi, sampai sekarang pun kita tidak boleh terima bahawa dua, tiga PUSPAKOM di Sarawak boleh hendak test semua kereta sebab orang daripada Miri,

hendak pergi ke Sibu untuk test umpamanya, dia kata sepanjang jalan ditahan polis, ditahan JPJ sebelum ditest. Jadi macam mana pula perkara ini? Banyak *detail* yang tidak dilihat, kita buat keputusan tanpa melihat tetapi berlandaskan *a commercial liability of* yang dicadangkan oleh orang ini memandangkan macam mana berada di Australia – jalan dia elok, semua elok, *cost of living* sudah tinggi, orang boleh bayar. Kita di sini belum lagi sampai ke peringkat yang mana kita boleh menerima perkara ini.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan sedia mengambil maklum atas apa yang telah dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat tadi. Insya-Allah kita akan...

**Dato' Liow Tiong Lai:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bentong bangun.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat telah menyatakan bahawa ACE ini diwujudkan untuk memberi latihan kepada pemandu-pemandu kenderaan berat dan *exclusivity* diberikan kepada mereka. Adakah pemberian ini akan menjejaskan sekolah-sekolah memandu yang sedia ada? Kerana kalau macam itu, kita rasa ini tidak sepatutnya berlaku dan sekolah-sekolah memandu yang sedia ada sekarang mengajar pemandu-pemandu yang ada ini adalah orang kata dari orang yang kurang berada. Oleh itu minta penjelasan sedikit dan bolehkah kalau pemberian ACE ini diberikan kepada satu syarikat, bolehkah penswastaaan diberi kepada lebih banyak kepada lebih daripada satu syarikat? *Don't give exclusivity*, jangan bagi eksklusif.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Macam saya katakan tadi Yang Berhormat, saya rasa ini adalah satu pandangan yang boleh saya ketengahkan dan kita akan mengambil maklum dan kita harap dapat dipertimbangkan balik perkara-perkara seumpama ini – sejauh mana keputusan yang telah dibuat, saya hanya menjawab bagi pihak kementerian pada hari ini dan saya minta jasa baik ketiga-tiga Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini, kalau saya dapat kemukakan balik perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Jerlun ada meminta supaya kegiatan lumba haram dibanteras secara bersepadu oleh agensi penguat kuasa di seluruh negara. Kerajaan amat prihatin berhubung masalah lumba haram yang sering menjadi tajuk berita media cetak dan media elektronik di negara kita. Saya yakin pihak polis bersama-sama agensi penguat kuasa yang lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengambil inisiatif dan tindakan penguatkuasaan bagi membanteras kegiatan lumba haram ini. Bagi membendung kegiatan ini dari berleluasa, kementerian saya telah membuat pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 berkenaan dengan lumba haram supaya hukuman yang lebih berat dikenakan kepada mereka yang terlibat dalam kegiatan ini. Pindaan undang-undang ini dijangka dibentangkan di Dewan ini....

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Pontian bangun.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita dapat menyedari bahawa ada beberapa jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh kementerian memerlukan kerjasama dengan agensi-agensi dan kementerian-kementerian lain.

*Apa pandangan pihak Yang Berhormat Menteri bahawa mungkin sudah sampai masanya kita memiliki nasional transport commission, dengan izin, yang akan dapat duduk sama-sama membincangkan. Kalau kita dengan Menteri Kerja Raya membuat pengesahan bahawa kemalangan yang banyak berlaku apabila disiasat kerana kenderaan tidak mempunyai brek. Yang Berhormat Timbalan Menteri baru sahaja mengatakan bahawa lumba haram yang melibatkan polis dan sebagainya. Pelabuhan-pelabuhan yang ada di negara kita ini Yang Berhormat, berbeza antara satu pelabuhan dengan pelabuhan yang lain dari segi services yang disediakan bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan pelabuhan-pelabuhan sebagai contoh yang ada di negara kita.*

*Mungkin dengan adanya national transport commission ini, dengan izin akan dapat dihimpunkan agensi dan juga kementerian-kementerian yang berkaitan untuk mencari satu jalan penyelesaian supaya sesuatu dasar yang dibuat oleh kerajaan itu, tempoh lakunya tidak akan terlalu pendek. Satu ketika kita tidak membenarkan*

langsung memasang cermin hitam, tidak kira siapa. Kemudian satu ketika kita benarkan pula sesetengah individu boleh dengan mendapatkan kebenaran daripada kementerian.

Jadi mungkin agaknya dengan adanya *national transport commission* ini perkara-perkara seumpama ini akan dapat kita elak dan kita akan terus dapat memberi keyakinan kepada negara-negara luar dalam menentukan keberkesanan kita dari segi sudut *services*, terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Pada ketika ini yang sebenarnya dari segi *ports* di seluruh negara memang kita menuju ke arah untuk mewujudkan satu *national port council* bagi seluruh negara. Saya rasa ini adalah sesuatu yang telah kita perbincangkan, yang kita usahakan dan insya-Allah, kita akan dapat mewujudkan satu *nasional port council*.

Selain daripada itu, berkaitan dengan *national transport commission* ini saya rasa cadangan Yang Berhormat itu juga adalah satu cadangan yang baik dan insya-Allah, akan saya kemukakan kepada kementerian saya dan membincangkan dengan secara terperinci, baik dan buruknya dalam segi mengadakan *national transport commission* ini. Memang kita di pihak kementerian merasakan jalan ini adalah jalan yang terbalik, untuk kita menyatupadukan tenaga bukan sahaja di sekitar *port-port* di seluruh negara, bahkan dari segi *transport* yang berlaku di dalam negara kita hari ini untuk kita menyelaraskan dengan secara seragam. Insya-Allah saya kemukakan cadangan yang baik ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam menyarankan supaya kementerian saya mengadakan *kempen road safety* sebagai kurikulum di sekolah-sekolah dengan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran dan memperkenalkan *road safety audit*, kerana 70% kemalangan bukan berlaku di lebuhraya. Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pelajaran telah pun bekerjasama bagi menyediakan pelajaran keselamatan jalan raya di dalam subjek bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris bagi pelajar sekolah rendah Tahun 1, 2 dan 3. Satu projek perintis sedang dilaksanakan di Pasir Mas dan hasil daripada projek ini akan menjadi panduan untuk dikembangkan ke seluruh negeri di Malaysia mulai awal tahun 2006. Seterusnya program ini akan diperluaskan untuk merangkumi semua kanak-kanak sekolah dari Tahun 1 hingga Tingkatan 4. Murid-murid di Tingkatan 3 dan 5 dikecualikan.

Kementerian Pengangkutan juga menyokong usaha Kementerian Kerja Raya bagi menjalankan road safety audit di Jalan Persekutuan dan berharap supaya program ini dapat dikembangkan ke jalan negeri dan jalan perbandaran untuk mempertingkatkan tahap keselamatan jalan raya di Malaysia. Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan akan mempertingkatkan usaha untuk meningkatkan keberkesanan dan keupayaan program penguatkuasaan dengan mengadakan lebih banyak operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia dan juga dengan melaksanakan inisiatif baru seperti penggunaan alat penguatkuasaan elektronik.

Saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab kementerian yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat di jawab, perkara tersebut telah dicatatkan dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh kementerian saya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** [Bangun]

**Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pulau bangun.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Ya, sila.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sebenarnya hendak menyentuh mengenai perkara yang saya telah timbulkan pada minggu lepas iaitu saya mencadangkan kepada kerajaan bahawa projek landasan berkembar KTM daripada Padang Besar ke Johor Baru dibatalkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya ingin mendapat jawapan keputusan kerajaan mengenai perkara ini sama ada boleh diterima atau tidak?

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Minta sekali lagi Yang Berhormat, Padang Besarkah?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed :** Projek landasan kereta api berkembar yang telah ditangguhkan oleh kerajaan, saya rasa tahun lepas dan sekarang ini masih tertangguh, jadi saya hendak tahu adakah projek ini akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan atau tidak? **Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:**

Untuk pengetahuan Yang Berhormat setakat ini masih lagi tertangguh dan tidak ada sebarang keputusan yang telah dibuat untuk hendak memulihkan projek ini.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Masih tertangguh ya? Tidak ada rancangan untuk dibatal?

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Masih tertangguh apa yang diketahui.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sedikit, sedikit sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Ya, sila.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang ini saya berbalik kepada soalan MAS tadi, yang ini senang sahaja Timbalan Menteri, saya tanya sedikit sahaja tentang soalan dua, tiga perkara hal MAS yang belum habis kita bincangkan iaitu soalan dia punya makanan, menu benda yang kita makan. Macam kita *frequent traveller* berulang-alik naik kenderaan macam rumah kita sendiri. Kalau boleh kadang-kadang bolehlah kita bagi hari ini makan ikan masin, esok makan sambal belacan dan sebagainya, bolehlah kita edar-edarkan. Tetapi dalam MAS itu benda itu enam bulan, tujuh bulan kita berulang-alik itu itulah sahaja yang kita lihat.

*Jadi, saya bukan secara bercakap dalam Dewan Tuan Yang di-Pertua, saya tulis surat, jangan macam pihak-pihak yang lain, hotel dia pun kalau kita tulis surat kompelin, servis dia tidak baik, bukan kita marah, kita beritahu macam mana nak improve, bahkan bagi free consultation, free advice ktia bagi nasihat. Umpamanya makanan dalam MAS itu, dia punya vegetarian menu sudah enam bulan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tukar.*

*Jadi saya beri nasihat, kita di Malaysia ini kita macam pantai timur, pantai barat, Sarawak, Sabah, orang Johor, orang Perlis, Perak dan Kelantan, macam-macam makanan ada, makanan orang India, makanan orang Iban, itu boleh diedar-edarkan. Selepas itu kita senaraikan menu-menu, ini saya beri satu persatu, selepas itu kita rotatekan ruang makanan. Surat saya tidak dibalas, menu tidak bertukar, orang Sarawak nak makan nasi padang, nak makan nasi daripada Kelantan itu nasi dagang, pun tidak pernah pun dibuat. Jadi apa yang susahnyanya dari segi itu, itu satu.*





**Editor: Hadzarah**

Saya dah mencadangkan beberapa kali, menulis beberapa kali, jawapan tiada, ubahan memang tentu tiada, saya bincang dengan *stewardess*, bukan sebab saya hendak bercakap dengan *stewardess* sebab peka perkara itu supaya jangan orang kata kita dulu yang menegur. Tuan Yang di-Pertua, minta tolong komen sikit. Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar [Jerantut]:** Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa perkara ini telah Yang Berhormat Datuk dan saya berbincang di luar Dewan tempoh hari dan saya sebenarnya belum sampai balik ke *office*, pejabat lagi. Memang saya nak mengesan surat yang telah dihantar oleh Yang Berhormat itu Insya-Allah minggu depan saya akan cuba mendapatkan *copy* surat yang telah dihantar kepada kementerian yang tidak berjawab ini. Insya-Allah, saya akan... ya, kepada MAS, minta maaf, kepada MAS. Insya-Allah kita akan cuba melihat apakah cadangan-cadangan yang baik yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat untuk tindakan sewajarnya. Terima kasih, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, sila.

**19.31 malam**

**Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan ketika membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong beberapa hari yang lalu.

Ahli Yang Berhormat bagi Labuan meminta supaya pihak kementerian tidak memotong terlalu banyak cadangan-cadangan daripada perbadanan Labuan dalam mengemukakan Rancangan Malaysia Kesembilan sekali gus meminta pihak Kerajaan Pusat tidak memotong juga. Pihak kementerian pun berhasrat seperti Yang Berhormat juga tetapi menjadi prinsip kepada permintaan setiap apa yang kita minta bukan semuanya dapat. Kalau semua kita minta dapat bermakna kita tidak perlu minta, kita

ambil sajalah. Oleh sebab itu, kita akan jangkakan ada beberapa potongan berlaku. Itulah prinsip .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tanya sikit Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Hendak tanya sikit, sahabat saya daripada Labuan ini sudah dilantik semula atau belum lagi sebagai pengerusi Labuan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini tidak bangkit tadi.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Saya dah lantik dia balik semula. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi akan ada kemungkinan potongan-potongan yang akan dibuat jadi kita tunggulah sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan dibentangkan di Parlimen pada masa yang akan datang.

Mengenai isu bekalan air di Labuan, saya percaya pihak Kementerian Wilayah Persekutuan telah beberapa kali berbincang dengan Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi dan Insya-Allah pihak kementerian yang berkenaan memberikan perhatian yang serius kerana semua pihak mengakui dan saya sendiri telah pergi melihat bersama Yang Berhormat betapa perlu kita mengadakan paip dasar laut yang kedua untuk memastikan bekalan air daripada Beaufort ke Labuan tidak akan terganggu jika berlaku sesuatu kebocoran dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang menyebut mengenai projek-projek yang terbengkalai. Sememangnya di kementerian wujud sebuah jawatankuasa yang saya pengerusikan untuk mengendalikan atau membuat kajian menangani isu-isu projek yang terbengkalai yang sejumlah 38 buah projek yang berlaku sejak daripada kegawatan 1997 yang lalu.

Daripada 38 itu, 6 telah pun siap semuanya, 13 sedang mula kembali dan 19 masih belum bermula. Daripada 13 itu termasuklah Plaza Rakyat, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang timbulkan. Alhamdulillah setakat ini pihak pemaju syarikat usaha sama telah memulakan, telah melantik kontraktor baru bagi memulakan kerja. Kementerian

bersama Bandaraya sedang memerhati bagaimana pergerakan ataupun kemajuan projek Plaza Rakyat ini dan kita lihat .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Bintang.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tentang projek Plaza Rakyat, saya rasa satu projek dan usaha sama dengan pemaju, DBKL dengan pemaju Wembley Industries Holdings satu syarikat yang disenaraikan di bursa saham Kuala Lumpur, papan yang pertama. Akan tetapi kedudukan syarikat ini ialah dalam PN4, ia berhenti beroperasi oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Masalahnya ialah ramai para pembeli unit-unit di Plaza Rakyat ini telah mengorbankan kerana projek ini terbengkalai selama 8 tahun. Para pembeli terpaksa membayar faedah kepada institusi-institusi kewangan, ini satu keadaan yang sangat serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perkara ini saya yakin telah pun dikemukakan semasa Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbincangan.

**Tuan Fong Kui Lun:** Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, apakah jaminan akan diberi oleh DBKL, sebab DBKL adalah salah satu pemilik tanah ini kerana para pembeli mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap DBKL. Adakah Yang Berhormat memberi satu jaminan kepada para pembeli bahawa mereka akan dapat balik unit-unit yang mereka beli. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, apabila projek ini siap nanti, itulah semua pembeli akan dapat. Selagi projek ini tidak siap, dia tidak dapatlah. Jadi benda ini mudah saja, tidak ada isu yang timbul.

**Tuan Fong Kui Lun:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, adakah DBKL akan memberi ganti rugi bagi tempoh selama 8 tahun itu kepada para pembeli ini? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini DBKL tidak berhasrat untuk memberi ganti rugi dan DBKL sedang memantau kemajuan program projek ini dan kita lihat sehingga 30 Mei yang akan datang ini, dua bulan daripada sekarang, sama ada pemaju dapat atau tidak mengadakan wang yang

diperlukan bagi meneruskan projek ini kerana fasa pertama dia memerlukan hampir RM430 juta dan pihak syarikat memberi jaminan dia akan cuba untuk mendapatkan RM100 juta pinjaman daripada Bank Muamalat. Bandaraya melihat sehingga 30 Mei, selepas itu barulah Bandaraya boleh mengambil langkah-langkah yang seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga menimbulkan soal pemindahan setingan. Sebenarnya kita memang mempunyai dasar yang jelas, mana-mana setingan yang kita pindahkan seboleh-bolehnya dipindahkan di kawasan yang berhampiran dengan kawasan asal mereka. Tetapi ada juga kadang-kadang waktu-waktu tertentu kawasan-kawasan tertentu kita tidak dapat memenuhi hasrat atau dasar ini kerana ada beberapa kawasan itu menjadi kawasan yang cukup popular umpamanya Jalan Cochrane. Ini di antara kawasan yang paling diminati oleh setingan kerana kita tahu di Jalan Cochrane itu mempunyai pelbagai kemudahan. Sekolah sahaja hampir berbelas buah dari semua jenis sekolah, dan ini menyebabkan ramai yang hendak.

Oleh sebab itu kerajaan pun....Bandaraya melihat supaya kita seimbangkan ada komposisi kaum supaya penyertaan semua kaum dapat kita beri secara yang seimbang iaitu kawasan itu akan menjadi kawasan yang lebih baik daripada satu kawasan yang terlalu ramai majoriti dari satu kaum.

Ini juga merupakan dasar, oleh sebab itu saya percaya dasar ini akan kita teruskan seperti Yang Berhormat timbulkan dalam perbahasan, Insya-Allah beberapa penduduk kawasan Yang Berhormat itu kita akan pertimbangkan jika ada kekosongan dan jika tidak setingan itu mesti pindah juga ke tempat lain.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Setingan Kampung Brunei ini memang dekat dengan PPR Cochrane, yang anehnya ialah satu notis perpindahan dikeluarkan oleh DBKL bahawa seramai 200 keluarga ini akan dipindahkan ke Kampung Rimba, Puchong. Jaraknya ialah 25km dari tempat asal mereka menginap. Masalah yang timbul ialah, ramai penduduk ini yang anak-anak mereka belajar di sekolah berdekatan yang dikatakan oleh Yang Berhormat, ada 12 sekolah, 4 sekolah SRJK(C) dan 4 sekolah SJK dan juga 4 sekolah menengah.

Inilah yang mengakibatkan satu kebimbangan dan kesusahan kepada para penduduk ini. Mereka adalah peneroka bandar Kuala Lumpur yang telah tinggal di

tempat itu selama 50 tahun selama dua generasi. Ini akan mengakibatkan ramai murid-murid yang akan mengambil peperiksaan UPSR atau SPM atau STPM yang akan datang pada tahun ini. Jika mereka dipindahkan ke tempat yang sangat jauh, akan menimbulkan masalah yang sangat serius. Ini berkemungkinan mereka akan berhenti sekolah dan juga para penduduk di sini yang mencari rezeki di tempat yang berdekatan.

Intan

Saya berharap para penduduk seramai 200 keluarga ini boleh menetap di tempat yang dekat, hanya setengah kilometer dari tempat yang asal mereka duduk ialah Cochrane. Ada 800 unit akan disiapkan dalam bulan ini, akan dapat sijil CF. Saya berharap ini boleh dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa mereka kesemuanya boleh dipindahkan kepada tempat yang dekat ini. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebut tadi, pihak kementerian, khususnya bandar raya cuba seramai mungkin tetapi dasar kita untuk mewujudkan komposisi kaum yang lebih sihat, itu juga yang mesti ditunaikan oleh pihak DBKL, kerana itu kalau tidak di tempatkan di Puchong, mungkin ada tempat lain yang hampir sikit daripada Puchong. Tetapi, hendak letakkan semua ke Cochrane, menidakkan peluang pihak lain, itu tidak dapat kita tunaikan.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Fong Kui Lun:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Ada lagikah?

**Tuan Fong Kui Lun:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, tentang kuota kaum, saya rasa ini tidak patut ditimbulkan kerana negara kita sudah merdeka selama 80 tahun ini. Baru-baru ini Kampung Delima yang di belakang Istana, 95% penduduk ialah kaum Melayu yang baru-baru ini sudah pindah pergi PPR Samyok. Tidak ada masalah. Jika Kampung Brunei ada komposisi kaum, orang India, orang Melayu dan juga orang Cina, apa salahnya jika satu kampung boleh pindah pergi PPR Cochrane, tidak ada masalah. Saya rasa tidak ada masalah sebab di Kuam Kota Kamis tidak patut diambil kira sekiranya mereka ialah warganegara rakyat Malaysia.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, itu pandangan Yang Berhormatlah. Ini pandangan saya. Jadi, pandangan kementerian, seperti Yang Berhormat tadi, Kampung Delima masuk ke Jalan Lapangan Terbang Lama, sama dengan Kampung Samyok, itu antara komposisi kaum yang baiklah. Samyok itu majoritinya Tionghua, Kampung Delima itu majoritinya Melayu, pergi ke Jalan Lapangan Terbang Lama, bukankah elok? Itu komposisilah maksudnya itu.

Bukankah elok kalau Cochrane itu kurang Melayu, ditambahkan sikit orang Melayu supaya Cina, Melayu dan India. Kalau kurang India, tambah sikit India. Itulah yang kita kata komposisi kaum supaya masyarakat itu boleh hidup berbilang kaum dan perasaan perkaumannya boleh menurun dan alhamdulillah, insya-Allah mereka menjadi satu masyarakat yang cukup bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga menyebut soal percantuman perumahan awam satu bilik atau dua bilik untuk dijadikan tiga bilik. Ini merupakan dasar kementerian kerana kita ingin melihat supaya penduduk di rumah satu bilik dan dua bilik sudah tidak sesuai. Antara faktor atau masalah sosial berlaku, antara faktor yang disebabkan ialah kerana rumah satu bilik, anak-anak tidak mahu balik kerana mereka sudah tidak begitu selesa. Ibu bapa pun tidak selesa, tetapi, oleh kerana satu bilik, mereka dewasa mereka telah pandai untuk menyelesaikan diri mereka.

Oleh sebab itu, kementerian bercadang supaya jadikan tiga bilik dan program ini berjalan dan saya kira, antara peringkat awal ini lebih kurang 9 kawasan perumahan yang difikirkan sesuai untuk kita jadikan tiga bilik daripada satu bilik atau dua bilik. Ini agak begitu banyak bilangannya. Jumlah satu bilik yang kita ada ialah 3,547 unit dan dua bilik 2,912 unit, menjadikan jumlahnya 6,459 dan kos untuk mengubahsuai untuk menjadikan tiga bilik antara RM15,000 ke RM20,000. Insya-Allah, pihak bandar raya dan kementerian akan cuba melaksanakan program ini di samping menggalakkan pihak swasta untuk menyertai bagi membantu menyegerakan pelaksanaan rumah yang telah begitu puluhan tahun, yang tidak begitu sesuai bagi masyarakat kita.

Yang Berhormat juga menimbulkan perkara mengenai.....

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cheras bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rancangan pihak kerajaan untuk mengubahkan rumah-rumah pangsa generasi lama itu yang mempunyai satu bilik tidur, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, apa pula yang terjadi kepada perancangan yang lebih awal yang dimulakan lebih satu dekad lalu, bahawa kawasan perumahan yang sungguh lama iaitu di Jalan Pekeliling dan juga Jalan Loke Yew itu

dibangunkan semula. Apa yang telah terjadi? Adakah dibatalkan ataupun ditangguhkan?

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Projek itu, apa yang terjadi ialah akan terjadi rumah-rumah kediaman kerana projek yang itu, pihak pemaju sedang menyiapkan hampir 1,920 unit untuk menempatkan sebahagian daripada penghuni-penghuni di Jalan Flat Pekeliling dan *roundabout* Pahang itu, Jalan Pahang supaya mereka dapat dipindahkan dahulu, kemudian dibangunkan kawasan itu kembali. Projek ini tidak tertangguh dan terus berjalanlah. Insya-Allah, dalam minggu ini pihak pegawai-pegawai akan mengadakan perbincangan terakhir dengan penghuni-penghuni termasuk mereka yang membeli flat yang berkenaan supaya mereka dapat pindah di kawasan Setapak, di kawasan yang disediakan oleh pihak pemaju.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga mencadangkan supaya sebahagian daripada tanah di Dataran Perdana untuk dibuat rumah tetapi pihak kementerian dan bandar raya memutuskan kita tidak bercadang untuk membuat rumah tetapi meneruskan, menjadikan kawasan itu sebagai satu kawasan rekreasi dengan pelbagai kemudahan bagi penduduk kerana kita tahu di bandar Kuala Lumpur, sering disebut kekurangan tempat rekreasi. Oleh kerana itu, kawasan yang seluas hampir 34 ekar itu akan kita bangunkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Fong Kui Lun:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mana satu? Kepong atau Bukit Bintang? Kepong dululah.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, beri penjelasan. Saya pun gembira juga Yang Berhormat, ada berikhtiar hendak wujudkan kawasan rekreasi dan sebagainya. Itu memang satu gejala yang baik.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bagilah Yang Berhormat peluang sedikit. Kita hendak menyatakan yang dia buat itu ke arah yang betul. Itu pun tidak boleh? *[Disampuk]* Bukan, penjelasan. Hendak jelaskan itu.

**Seorang Ahli:** Larut tidak ada apa pun.



**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat, kawasan lapang di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kita ini ada 690.79 ekar yang melibatkan 73 tapak. Daripada 73 tapak ini, hanya 26 kawasan yang telah diwartakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Soalan, soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut, hendak cakap, boleh bangunlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Larut, itulah masalah berlarutan itu. *[Ketawa]* Hanya 26 daripada 73 kawasan diwartakan. Apakah tindakan yang diambil oleh Yang Berhormat dan kawasan-kawasan seperti Taman Tasik Perdana, Taman Lembah Kiara dan sebagainya, saya nampak walaupun ada usaha.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sudah lama cakap, soalan belum keluar.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu ada. Sudah keluar, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah keluar, boleh duduklah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Betul ada. Kita bersama-sama untuk memperbaiki keadaan di Wilayah Persekutuan. Ada soalan. Dua, tiga soalan tadi itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, bolehlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat pun sudah mengambil perhatian. Saya hendak tambah lagilah itu, hendak mengelokkan keadaan. Taman Tasik Perdana, Taman Lembah Kiara, taman yang baru itu, yang dekat dengan Kiara itu, yang akan diadakan. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan bilakah taman yang baru itu, yang akan dibuat oleh pihak Wilayah Persekutuan itu? Ini baik, hendak tambahkan satu taman lagi. Tetapi, saya nampak..... *[Disampuk]* Tidak payah gulunglah. Hendak tambah sahaja itu.

Usaha untuk menyelenggarakan taman-taman pun saya nampak tidak begitu teratur. Misalnya apabila pihak DBKL adakan air terjun buatan manusia dari masa ke semasa kita nampak tidak beroperasi lagi.. Sedang pokok-pokok pun kadang kala tidak diselenggarakan dengan baik. Apakah tindakan yang akan dibuat? Saya hendak menekankan bahawa apa yang dibuat oleh DBKL lebih baik daripada MPPJ, memang lebih baik tetapi tidak cekap. Puak-puak Pontian pun tidak pergi ke taman itu memang

masalah. Kita hendak pelawa dia, dia perlu taman kita. Hendak memperindah taman kita. Jangan bising kita hendak sama-sama memperbaiki keadaan, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kepong.

**Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad]:** Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Kepong. Sebenarnya DBKL sudah buat banyak bukan sahaja baik kepada MPPJ, baik pada London juga. London tidak buat apa-apa pun.

**Tuan Fong Kui Lun:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua

.....

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tentang kawasan lapang memang saya mengalu-alukan kerana DBKL mencantikkan tempat kosong untuk kawasan hijau. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri berapa ekar? Sejumlah 105 saya difahamkan kuota kakitangan kerajaan di Jalan Imbi memang ada sebahagian untuk kawasan hijau akan tetapi ada beberapa ekar telah disewakan kepada kroni-kroni Barisan Nasional. Saya ingin tahu sebab ini mengakibatkan tempat yang disewa kepada orang-orang ini digunakan menjadi restoran atau gerai-gerai makanan. Ini hanya boleh memanfaatkan kepada segelintir orang sahaja.

Jika sebahagian ini untuk membangunkan BPR atau rumah sederhana saya rasa ramai rakyat Kuala Lumpur dinikmati manfaat ini. Adakah ini satu cara DBKL melakukan untuk ramai rakyat khususnya di Kuala Lumpur boleh mendapat manfaat keuntungan dalam pembangunan ini.

Boleh Yang Berhormat Menteri menjelaskan berapa jumlah ekar telah diagihkan untuk kawasan hijau dan berapa ekar akan dimajukan. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kepong tadi menyebut soalewartakan seperti saya katakan tadi bahawa yang kementerian bersetuju dan seperti yang disebutkan tadi kita ada sehingga 31 Disember 2004 tanah yang telah dianugerahkan oleh kerajaan kepada DBKL untuk kawasan hijau ialah 690.799 ekar. Yang telah diwartakan ialah 120.29 ekar bermakna bakinya masih belum diwartakan. Insya-Allah langkah yang dibuat oleh DBKL ialah

mewartakan. Apabila kita telah wartakan agak sukar untuk kita gunakan untuk yang lain.

Di samping seperti Yang Berhormat daripada Bukit Bintang timbulkan di Jalan Davis itu di Dataran Perdana kita saya sebut tidak kawasan yang kita jadikan rekreasi fasa pertama ialah lebih kurang 17 ekar dan fasa yang kedua dalam 19 ke 20 ekar. Jadi hampir 36 atau 37 ekar untuk fasa satu yang mengandungi 2 padang bola yang saya kira sudah pun siap dan lain-lain kemudahan fasa yang menelan belanja hampir RM8 juta. Fasa kedua termasuk sebuah kolam renang dan lain-lain kemudahan rekreasi dengan tempat letak kereta dan sebagainya hampir menelan belanja RM23 juta. Itu hanya 30 ekar lebih yang lain itu pihak DBKL akan menentukan pembangunan pada masa-masa yang akan datang kerana dalam menguruskan kehidupan di bandar raya ini pokok pun kita jaga untuk kepentingan manusia, manusia yang hidup pun kita perlukan kerana mereka juga perlukan perumahan seperti Yang Berhormat dari Bukit Bintang sebut.

Biar pihak kita ada kalau ada baki tanah itu biar kita selesaikan dulu dan tanah disewakan yang didakwakan kroni pada Barisan Nasional saya pun tidak tahu sama ada kroni kerana Barisan Nasional ini punya penyokong terlampau ramai. Kita tahu kroni atau tidak kerana majoriti rakyat menyokong Barisan Nasional. Yang Berhormat pun sebut bahawa tanah itu disewa bila disewa maknanya sementara. Yang kita khuatir diberi bila diberi jadi hak milik jadi bila sewa contoh sewa atau prinsip orang menyewa bila kita tidak benarkan sewa kena pindah ke tempat lainlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Menteri begitu panjang kerana dia begitu fasihlah tu. Tadi saya tanya daripada 73 kawasan tanah lapang itu hanya 26 kawasan sudah diwartakan. Bilakah yang baki itu akan diwartakan dan ada pula pencerobohan ke atas tanah-tanah ini termasuklah misalnya dekat dengan Jalan Kuching tu, ibu pejabat UMNO Bahagian Kepong di situ *[Disampuk]*. Ada soalan dah tadi. Kita hendak membezakan di antara soalan dengan retoriky. Apakah tindakan yang akan diambil oleh si penceroboh. Ini bukan main-main. Daripada 690 ekar ini ada banyak penceroboh termasuklah ibu pejabat UMNO di kawasan Kepong itu. Bilakah pagar akan dipasang di semua kawasan ini dan juga pokok-pokok itu pun saya nampak tidak elok juga. Ada satu kawasan di Jalan Jambu Jerteh di Jinjang Selatan yang

dicerobohi oleh pihak bukan UMNO tetapi mungkin ada pertalian. Yang Berhormat Menteri bercakap dengan panjang lebar maka saya pun ikut jejak dia.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, jangan buat ceramah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan, bukan, saya ikut *style* Yang Berhormat sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi bila boleh sama dia?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat, dia memang pandai bercakap saya ikut dia sahajalah. Adakah tindakan yang akan diambil kepada satu kawasan lapang kawasan hijau ada pokok-pokok yang ditanam oleh DBKL ditebang dan juga dipagarkan oleh pihak tertentu, bilakah tindakan akan diambil untuk membersihkan semua dan menanam semula pokok-pokok.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut tadi kepada Yang Berhormat Kepong semasa Yang Berhormat bercakap dengan Yang Berhormat Tumpat. Yang Berhormat tidak dengar apa yang telah saya cakapkan. Daripada 690 ekar itu betullah, 120.3 ekar telah pun diwartakan jadi bakinya akan diwartakan kemudian secara berperingkat. Apabila kita hendak wartakan kita kena buat *survey*, lepas kita *survey* baru hantar ke pewartaan, ini mengambil masa sedikit. Kadang-kadang pewartaan seperti ini mungkin tidak dapat keutamaan kerana bila ada Sidang Dewan tentu pewartaan kerajaan untuk Dewan lebih mustahak. Tetapi proses itu akan berjalan.

Di kawasan-kawasan yang dicerobohi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kepong, memang banyak inilah Kuala Lumpur tidak boleh ada tanah kosong. Bila ada tanah kosong orang hendak dan ada hendak ceroboh dan itulah Kuala Lumpur sebab semua orang hendak tinggal di Kuala Lumpur. Tetapi apa yang kerajaan buat ialah kawasan-kawasan yang kita fikirkan kita perlu ambil tindakan maka kita akan ambil tindakan supaya mereka boleh, kadang-kadang kita beri tempoh juga untuk mereka berpindah dan sebagainya kerana ini memberi peluang kepada mereka.

Tetapi kalau kawasan itu memang telah ditebang pokok terlampau banyak, ini memang tidak ada tolak ansurlah dan saya percaya ada sebahagian bangunan ini tidaklah menebang pokok sebegitu banyak. Namun demikian saya percaya pihak

Bandaraya menyedari akan perkara-perkara ini, insya-Allah tindakan dari semasa ke semasa akan diambil oleh pihak DBKL.

Yang Berhormat juga menyentuh beberapa perkara mengenai Industri Kecil dan Sederhana.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai:** Penjelasan, kawasan hijau. Ya, saya ingin menyoalkan keseriusan kerajaan dalam membentuk lebih banyak kawasan-kawasan hijau di Kuala Lumpur kerana dalam soal ini saya ingin merujukkan satu taman baru yang dirancang untuk diadakan di kawasan Parlimen Cheras iaitu di antara Jalan Pudu Hulu dan Jalan Taman Shamelin Perkasa.

Taman itu bernama Taman Pudu *Town Park* yang telah dirancang lebih 10 tahun yang lalu. Tetapi untuk makluman, mungkin Yang Berhormat Menteri tahu, sehingga kini walaupun Datuk Bandar sudah bertukar tiga hingga empat orang, kerja-kerja persiapan cuma sampai ke tahap mungkin 3% sahaja.

Apakah benar jika satu abad lagi diperlukan untuk merealisasikan taman itu. Mengapakah ini berlaku? Dan taman ini memang telah diwartakan. Kalau masalah begitu boleh berlaku kebimbangan orang ramai bahawa ia diwarta itu dibatalkan dan mungkin dijadikan satu tanah komersial atau untuk keuntungan perniagaan boleh jadi juga. Apakah penjelasan Yang Berhormat Menteri?

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Memang Tuan Yang di-Pertua mengenai Pudu Hulu itu saya percaya insya-Allah Bandaraya akan meneruskan projek yang tersebut sama ada memerlukan satu abad atau dua abad itu terserah pada Bandarayalah tetapi projek itu akan diteruskan. Yang Berhormat tunggu ajelah. Sampai Yang Berhormat tidak menjadi Ahli Yang Berhormat lagi agaknya.  
*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua saya percaya apa yang saya sebut ini .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .....Kepong, Kepong.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** .....sesuatu memang kerajaan begitu serius dalam menentukan kawasan hijau kerana ini sesuatu yang amat perlu bagi penduduk bukan sahaja di bandar besar, bandar sederhana malah di seluruh tempat pun. Tetapi dalam masa yang sama kita perlu juga menjaga kepentingan manusia kerana antara kawasan hijau dengan kehidupan manusia sama penting kerana manusia pun hendak tempat dan manusia juga hendak kehijauan.

Oleh sebab itu dalam keadaan inilah Bandaraya akan menggunakan budi bicara yang sebaik mungkin dan saya percaya pihak kerajaan khusus kabinet juga telah membuat keputusan supaya pewartaan kawasan-kawasan lapang, kawasan-kawasan hijau disegerakan dan insya-Allah Bandaraya akan meneruskan keputusan kabinet inilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Satu soalan sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya macam mempengerusikan mesyuarat DBKL sekarang. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang DBKL Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]*, penjelasan. Memang DBKL sekarang ini *[Ketawa]*. Ketuanya Yang Berhormat memang DBKL Yang Berhormat, ya.

Yang Berhormat, tadi saya tanya mengenai itu Taman *Oboritain* itu yang baru dan akan diadakan dekat dengan Kiara itu. Bilakah kita akan dapat taman itu? Saya pun berminat hendak dengar dengan taman itu. Saya berharap semua yang hadir ke Kuala Lumpur dapat mengunjungi taman-taman ini dan ada jogging dan sebagainya. Taman *Oboritain*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri banyak lagikah?

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Saya ada sedikit sahaja, kalau Yang Berhormat semua tidak kacau saya habislah 5 minit, 10 minit lagi. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya fikir cukuplah, tidak payah layanlah teruskan ucapan.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Tidak payah layan ya, dengar itu, atas perintah Tuan Yang di-Pertua saya patuh.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang macam mesyuarat DBKL. *[Ketawa]*

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd Isa bin Abdul Samad:** ...saya tidak akan layan pada sesiapa pun. *[Ketawa]*

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengenai Pudu Hulu tadi saya katakan kerajaan serius dan kita terus. Saya percaya dalam dua, tiga hari ini pihak Lembaga Tender atau Jawatankuasa Perolehan akan memutuskan mana syarikat untuk dipilih untuk melaksanakan projek ini. Tidak perlu kita tunggu sampai beberapa abadlah.

Mengenai Taman di Kiara ini pihak bandar raya akan meneruskan. Tetapi kita perlu membuat perancangan yang lebih terperinci lagi, terutama dari segi luas kawasan dan sebagainya. Insya-Allah seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong untuk melihat kawasan itu menjadi suatu kawasan yang baik, pihak bandar raya dan kementerian juga ingin melihat kawasan itu sebagai tempat yang baik di samping untuk keperluan penduduk-penduduk jugalah.

Yang Berhormat juga menyebut beberapa perkara mengenai Industri Kecil dan Sederhana. Sebenarnya pihak dalam pelan struktur Kuala Lumpur kita telah pun mengenal pasti tujuh kawasan yang seluas hampir 80 ekar yang ada potensi untuk dimajukan sebagai Industri Kecil dan Sederhana bagi di Kuala Lumpur. Tetapi seperti Yang Berhormat maklum hampir kesemua kawasan itu mempunyai setinggian dan ini memerlukan sedikit masa kerana hendak memindahkan setinggian hendak memulakan projek IKS itu tetapi taman IKS ini adalah amat penting bagi kita semua kerana di Kuala Lumpur kita memerlukan projek-projek ini, bagi memberikan perkhidmatan kepada masyarakat, kerana IKS, Industri Kecil dan Sederhana ini juga memainkan peranan yang penting dalam kehidupan kita.

Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh meminta supaya pihak kementerian memantapkan lagi pentadbiran. Memang menjadi hasrat bukan sahaja kementerian, malah arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya semua agensi barisan hadapan yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat dipertingkatkan kerana itu

jawatankuasa pihak kementerian telah mewujudkan jawatankuasa bagi memantapkan pentadbiran di samping mengurangkan karenah birokrasi dan kita melihat setiap bantahan, kompelin yang diberi oleh pihak orang ramai dan kita akan siasat dan kita perbaiki supaya sistem *delivery* kita akan jadi lebih baik seperti yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh juga ada menyebut kemudahan material *granite curve* atau yang kita panggil berbandul *granite*. Kenapa menggunakan wang terlalu mahal kerana kita tahu di hujung-hujung jalan kadang-kadang apabila kenderaan berat membelok ke kiri atau kanan tayar yang belakang, dia terpaksa melanggar beberapa tembok di situ. Dan daripada yang kita buat secara konkrit banyak pecah dan itu kita dapat satu pandangan supaya menggunakan berbandul *granite* tetapi harganya betul, 20 kali lebih mahal daripada yang konkrit punya kerana kalau kita guna konkrit terlalu kerap pecah bukan sahaja pecah bendul itu tetapi jalan atas itu pun hancur semua.

Oleh kerana barang itu baik maka tentulah mahal, ini bukanlah satu perkara baik kerana tidak ada barang baik dia murah, kalau ada barang baik murah itu bukan barang baik itu, barang kurang baik kerana itu harganya mahal kerana kita tahu berbandul *granite* ini kosnya tinggi disebabkan memotongnya memakan masa yang panjang kemudian di samping itu hendak membentuknya juga memakan masa yang panjang. Kita gunakan itu dan tidak ada penyelewengan seperti Yang Berhormat bagi Seputeh dakwa sehingga kita tidak ambil tindakan.

Begitu juga penggunaan yang kita panggil *fiber reinforce plastic*. Dahulu kita guna besi tetapi besi ini dia selalu berkarat dan akhir-akhir ini besi ini kerap dicuri oleh orang kerana harga besi begitu baik. Sebab itu kita tukar ini dengan menggunakan plastik dan mungkin ini boleh mengurangkan kos penyelenggaraannya tidaklah begitu mahal.

Ahli Yang Berhormat juga menyebut mengenai kesesakan lalu lintas, pernah saya sebut beberapa kali di Dewan. Pihak kerajaan khususnya Kerajaan Pusat memberi perhatian yang begitu serius dan pihak kementerian juga memberi perhatian yang serius dan saya percaya insya-Allah, jika diberi peluang lagi apabila kita dapat menyediakan semua rangkaian pengangkutan awam meliputi seluruh Kuala Lumpur



seperti yang dicadangkan oleh pihak *consultant* bukan sahaja Kuala Lumpur malah Lembah Klang sehingga ke Shah Alam, Subang, Petaling Jaya dan sebagainya, saya percaya sistem pengangkutan kita akan lebih tersusun tetapi buat masa .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini masalah Seputeh, Cheras hendak tanya ini.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, ya. Ini masalah Bandar Raya Kuala Lumpur. Saya tanya Yang Berhormat mengenai peningkatan pengangkutan awam kerana Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang bercita-cita menjadi bandar raya *world class*, kelas dunia tetapi masalah pengangkutan awam di Kuala Lumpur ini satu aspeknya ialah kekurangan *connectivity* khasnya LRT. Dua persoalan di sini ialah:

Pertama, sejak beberapa tahun yang lalu tidak langsung ada LRT *line* yang dibina dan mengapakah LRT di kawasan Cheras daripada Taman Maluri ke Taman Segar yang telah pun disebut lama dahulu tidak dapat dilaksanakan.

Yang kedua saya hendak tanya sama ada LRT Putra itu dapat menyambung ke Sentral *Station*. Adakah rancangan untuk menyambungkan?.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa b Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebut sebentar tadi, kita beri peluang supaya kerajaan dapat menyediakan rangkaian pengangkutan awam yang lebih meluas tidak kiralah sama ada Cheras, Kepong, Titiwangsa, tetapi rangkaian yang lebih meluas sudah pun kerajaan mulakan kini. Jadi kita beri peluang nanti supaya pihak-pihak lain, pihak kerajaan khususnya dapat memberi rangkaian yang lebih baik. Termasuklah penyambungan jalan dan sebagainya. Setakat ini, begitulah keadaannya. Tetapi saya yakin Rancangan Malaysia Kesembilan, tentu ada pihak kementerian yang berhubungan akan membuat perancangan bagi meluaskan rangkaian pengangkutan awam di Kuala Lumpur supaya menjadi lebih baik. Seperti Yang Berhormat sebut, memang kita hendak jadikan Kuala Lumpur sebagai *world class*. Berbagai-bagai ciri, bukan hanyalah mengenai pengangkutan awam, ada yang lain juga.

Yang Berhormat, saya yakin dan percaya pihak bandar raya sedang menyiapkan *Integrated Transport Information System*, di mana ini juga akan membantu kita menyelesaikan masalah kesesakan dan apabila siap nanti juga boleh membantu sedikit

sebanyak menyelesaikan permasalahan di samping kemudahan-kemudahan yang saya sebut tadi.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Yang Berhormat saya ingat cukuplah ya, ramai Yang Berhormat Menteri yang tunggu ini.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Ada sedikit.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Sudah hendak Maghrib ini, sudah hendak habis. Jadi Tuan Yang di-Pertua, cukuplah Yang Berhormat. Duduklah.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Ahli Yang Berhormat bagi Cheras menyebut soal adanya diskriminasi. Penjualan unit-unit rumah kos rendah RM60,000 sebenarnya dakwaan itu tidak betul. Memang betul dalam iklan yang dikeluarkan oleh pihak banda raya untuk bumiputera tetapi ini adalah kuota bumiputera bagi projek 'di megaligasi ' di mana peruntukan bumiputera itu masih belum dipenuhi. Kerana itu, iklan itu keluar untuk bumiputera. Yang bukan bumiputera telah pun selesai dibeli oleh rakan-rakan dari bukan bumiputera. Tetapi dakwaan diskriminasi semua tidak benar. Cuma Yang Berhormat hendak menyedapkan cakap supaya dapat keluar surat khabar, itu sahajalah. Tetapi *[Ketawa]* bukan sesuatu yang betul, keluar pula surat khabar Cina, lagi dia seronok. Keluar surat khabar Melayu, Melayu tidak peduli.

Jadi oleh sebab itu, saya percaya dakwaan-dakwaan itu tidak tepat. Saya tahu Yang Berhormat bagi Cheras tahu yang ini memang kuota bumiputera. Tetapi hendak menyedapkan supaya ada *mileage* sedikit, sebut ada diskriminasi, sebab DAP guna diskriminasi ayat macam beri '*good morning*' sahajalah. Jadi kita pun sudah tidak boleh pakai.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Ia, macam beri salam sahaja. Kalau diskriminasi kaum ini semua macam beri assalamualaikum, jadi macam tidak ada apa benda. Itu sebab dia punya diskriminasi macam...jumpa sahaja sedikit,

diskriminasi. Kalau diskriminasi Yang Berhormat pun tidak menjadi wakil rakyat di Malaysia ini saya ingat. Tetapi kita Barisan Nasional, Perikatan ini cukup bagus.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya percaya.....

**Tuan Tan Kok Wai:** Penjelasan, saya kira ini. Oklah, tadi sudah bagi satu kepada Yang Berhormat - cukuplah. Ini sudah Maghrib ini, sudah hendak habis Maghrib.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, kerana Yang Berhormat Seputeh tidak ada, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangunlah. Yang Berhormat bagi Seputeh suka bertanya, tetapi masa menjawab dia tidak ada, itu *style* dia. Tetapi Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dari awal hingga akhir dia ada. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri saya dengar akhir-akhir ini cukup positiflah hendak jadi *world class* Bandaraya Kuala Lumpur ini. Jadi adakah bercadang untuk menyerbu habis-habisan sekali di Kuala Lumpur ini, kerana saya pernah masa menjadi Pengarah JAWI dahulu, tetapi tidak habis hendak serbu bandar raya.

Kalau dapat jasa baik Menteri yang berpengalaman, serbu habis-habisan, terutama Lorong Haji Taib. Kita nak supaya sejuk kubur dialah. Itu maklumlah, terima kasih. Ada tidak bercadang hendak serbu habis-habisan, jadikan *world class* bersih daripada mungkar dan maksiat. Kaedahnya satu zarai', dalam kaedah Islam Hadhari ialah satu zarai' bagaimana hendak mencegah kemungkaran dengan gunakan kebijaksanaan. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** Betul kenyataan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh itu, akhir-akhir ini katanya, Menteri positif. Saya daripada awal positif. Bukan pada akhir-akhir ini, saya daripada awal positif. Saya jarang negatif ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, balik daripada Yang Berhormat bagi Cheras ini saya percaya seperti saya sebut, itu bukan diskriminasi dan kita patut beri peluang kepada bumiputera untuk memiliki kuota yang belum dipenuhi oleh mereka. Yang Berhormat

bagi Pasir Puteh menyebut pasal mencegah kemungkaran. Ini memang tanggungjawab kita semualah, bukan Menteri. Asalkan kita tidak membohong, itu pun mencegah kemungkaran. Macam saya, semua cakap benda benar. Itu maknanya saya tidak melakukan kemungkaran. Sesiapa yang bohong dalam Dewan lain, luar Dewan lain, itu mungkar.

Jadi saya luar Dewan serupa, dalam pun serupa, tiada beza. Sebenarnya usaha-usaha kita buat secara tidak begitu besar, dari segi Lorong Haji Taib itu, memang keputusan kementerian khusus Jawatankuasa Keselamatan Wilayah Persekutuan yang saya pengerusikan untuk kita bersihkan kawasan itu. Setakat ini alhamdulillah, Lorong Haji Taib, Bukit Bintang sudah ada 40 rumah tumpangan itu kita tutup. Kerana pada khidmat kementerian, kita tidak perlu lagi ada rumah tumpangan kerana kita banyak hotel yang baik. Jadi rumah tumpangan itu orang sudah tidak menumpang. Dia menumpang yang lain pula. Jadi kita....dia menumpang yang lain. Setakat ini insya-Allah, tetapi masih ada usaha juga. Dalam pada kita ambil tindakan angkat katil, angkat tilam semua, potong api, air dia masih juga ada. Entah macam mana pula dia menyambung api sama air itu. Maknanya dia pun ada *committee*. Macam mana hendak mengatasi *committee* saya ini? Oleh sebab itu, kita kena buat tindakan susulan yang lebih baik lagi supaya kawasan-kawasan ini boleh kita bersihkan seperti mencegah, tetapi dibuat secara berhemahlah.

Itu sebab saya tidak pernah buat kenyataan, tetapi oleh kerana Yang Berhormat sudah tanya, saya jawablah. Saya pun tidak minat mengeluarkan kenyataan-kenyataan ini. Tetapi oleh kerana Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sebut, jadi saya beri penjelasan sedikit dan usaha ini akan kita terus. Makna di Bukit Bintang kerana sebahagian daripada kawasan rumah tumpangan ini bukan sahaja melakukan pelacuran, lebih dahsyat daripada itu ada unsur-unsur penagihan dan pengedaran dadah. Kerana itu, pihak polis memberi perhatian dan bandar raya beri kerja sama. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu sahaja perkara .....

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya,....

**Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad:** ....yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian atas pandangan dan teguran dan insya-Allah kita

jumpa Dewan akan datang. Tanyalah lepas Dewan akan datang, kerana saya hendak Maghrib. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri Pelancongan.

### **8.17 mlm.**

**Menteri Pelancongan [Datuk Dr. Leo Micheal Toyad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin bagi pihak Kementerian Pelancongan Malaysia mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah bersama-sama membahaskan dan memberi pandangan-pandangan dan cadangan yang amat berguna untuk kementerian dan kerajaan.

Kita tidak nafikan kebelakangan ini industri pelancongan telah menghadapi kesan sampingan yang negatif secara langsung atau tidak secara langsung akibat peristiwa seperti Tsunami, denggi dan masalah jerebu di Lembah Klang. Namun begitu saya bersyukur kerana jumlah kedatangan pelancong bagi tempoh Januari hingga Februari kali ini, tahun ini telah meningkat jika dibandingkan dengan tempoh yang sama. Peningkatan 1.3% iaitu lebih dari 2.7 juta pelancong pada Januari hingga Februari yang ada pada tahun 2004. Ini menunjukkan bahawa usaha kita bersama melalui Kementerian Penerangan, Kementerian Luar Negeri, kerajaan-kerajaan negeri serta Persatuan-persatuan Industri Pelancongan untuk memberi maklumat jelas kepada pasaran pelancong kita mengenai keadaan sebenar industri tempatan semasa peristiwa ini telah berhasil.

Namun begitu, kita akan terus berusaha untuk pertingkatkan lagi promosi serta penyebaran maklumat yang tepat kepada pasaran-pasaran ini bagi menyakinkan pelancong bahawa mereka adalah dialu-alukan datang ke Malaysia, iaitu ke destinasi pelancongan yang selamat, mesra, menarik dan bercitra warna dari segi kepelbagaian alam semula jadi penduduk, budaya dan lain-lain tarikan. Dengan kata lain kita mempromosikan Malaysia sebagai '*Malaysia welcomes the world*'.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut telah meminta penjelasan sama ada program promosi di negara-negara Teluk adalah berkesan dan

mencadangkan juga supaya dirangka kempen-kempen baru untuk menarik pelancong-pelancong yang suka mengatur sendiri percutian-percutian mereka iaitu *independent travelers*. Beliau juga meminta kementerian mengkaji perkara-perkara yang boleh menarik pelancong-pelancong Eropah mengunjungi destinasi-destinasi pelancongan terkemuka di negara Islam seperti Dubai, Turkey dan Maghribi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengambil maklum cadangan Yang Berhormat kerana sebelumnya kita telah menganalisa dan melihat laporan *Tourist Analyst 2005* yang diterbitkan oleh badan Pelancongan di Hamburg 2005. Kita terus mengambil langkah seperti mengadakan lawatan suai kenal iaitu *Mega Fame* untuk memberi publisiti kepada destinasi pelancongan, acara pelancongan, temasya dan pesta menerusi kita membawakan pengusaha pelancong dan juga wakil media dari luar negara ke negara kita ini.

Kita juga membantu menggalakkan juga menaja penggambaran dan dokumentari pelancongan di dalam media elektronik dan cetak dari luar negeri ke destinasi-destinasi seluruh negara untuk ditayangkan di negara-negara mereka. Langkah yang ketiga iaitu, kita memasarkan destinasi pelancongan di Malaysia di pameran-pameran pelancong dunia yang disertai oleh *Tourism Malaysia* serta kerajaan-kerajaan negeri, pengusaha-pengusaha pelancongan dan hotel-hotel dari seluruh negara iaitu Malaysia ke pameran-pameran pelancong berkenaan seperti *The International Tourism Bourse* di Berlin, (ITB), *World Travel Market* di London dan *Arab Travel Market* di Dubai.

Langkah juga diambil untuk memasarkan destinasi-destinasi pelancongan di Malaysia melalui misi jualan, road shows, penganjuran sesi seminar di luar negara yang juga turut disertai oleh pihak swasta dan juga kerajaan-kerajaan negeri. Kita juga melaksanakan usaha-usaha promosi tactical bersama syarikat penerbangan dan juga pengusaha pelancongan untuk menarik pelancong-pelancong asing ke Malaysia. Kita juga menggiatkan publisiti mengenai produk-produk pelancong menerusi agensi-agensi public relation atau perhubungan awam yang telah dilantik di pasaran terpilih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad [Mukah]:** Tuan Yang di-Pertua itulah saya yang saya dapat jawabkan untuk.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh minta penjelasan sedikit? Tahniah Yang Berhormat di atas usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian dan saya sendiri pun secara peribadi dan amat bangga kerana ketika saya berada di negara asing nama Malaysia begitu dipuji. Cuma, selain kita cuba menarik, menjaga hati masyarakat luar pelancong asing dengan keindahan yang ada di negara kita ini saya melihat masih ada agensi-agensi pelancongan tempatan yang langsung tidak menghiraukan pelancong-pelancong tempatan ketika berada di luar negara, mereka mengambil mudah. Ini pengalaman saya sendiri, untuk dapat direkodkan.

Pada akhir tahun yang lalu, saya telah keluar negara melalui sebuah agensi pelancongan, *IBC Travel*. Dan saya secara rela membayar tambang salah seorang operator agensi berkenaan. Tetapi agak malang sikap kurang sopan operator berkenaan hingga berlagak sombong ketika ditegur, ketika saya bersama dengan keluarga melancong keluar. Yang mendukacitakan, sehingga ke hari ini saya menuntut resit pembayaran yang masih belum diperjelaskan. Bahkan, saya telah membuat aduan kepada Timbalan Ketua Pengarah TDC, kebetulan yang saya kenali Mirza Taib. Yang berjanji untuk mengatasi masalah ini, sebaliknya beliau juga telah mengeluarkan ingatan kepada saya supaya saya jangan keterlaluan jika tidak saya akan merasa malu.

Saya tidak faham apa maksudnya, tetapi saya masih simpan lagi SMS ataupun pesanan ringkas yang dihantar kepada saya kerana dia terlalu sibuk ketika berada di Langkawi. Ini yang saya cuba hendak dedahkan supaya dapat diperbetulkan. Bahkan masalah ini juga telah saya bangkitkan pada sahabat saya daripada Bagan Datuk, Timbalan Menteri Pelancongan. Oleh itu, saya berharap supaya pihak Yang Berhormat dapat melihat kembali syarat-syarat lesen yang telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat ini. Kalaulah orang seperti saya, saya contohkan saya, mereka memandang ringan bagaimana sikap agensi pelancongan yang kita harap, yang kita cuba membantu untuk menghidupkan lagi industri ini berkelakuan sedemikian.

Saya terpaksa membawa perkara ini ke dalam Parlimen kerana sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi telah pun saya buat aduan secara rasmi kepada mereka yang berkenaan. Oleh itu, saya mohon supaya pihak kementerian dapat melihat supaya

perkara yang sama, kes yang sama, tidak akan berlaku kepada mereka yang lain.  
Terima Kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih Yang Berhormat dari Larut. Berdasarkan kepada Akta Industri Pelancongan 1992, iaitu Pesuruhanjaya Pelancongan kita boleh mengambil tindakan selepas kita meneliti keadaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat kerana kalau sesuatu syarikat pelancongan yang tidak mengikut cara menjalankan perniagaan mengikut cara yang tidak baik, yang akan memudaratkan kepentingan awam dan juga industri pelancongan khususnya kerana ini juga melibatkan pembangunan industri-industri pelancongan yang juga menjadi penyumbang kepada ekonomi negara kita.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [*Bangun*]

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Dalam kes di atas, sekiranya syarikat tersebut didapati enggan mengeluarkan resit seperti yang diperkatakan, kita akan mengambil tindakan dan juga meneliti semula pengeluaran-pengeluaran lesen mereka kerana ini adalah satu perkara yang boleh memberikan gambaran yang tidak baik tambahan di kalangan syarikat-syarikat pelancongan di negara kita ini. Saya berharap kita akan menyelesaikan masalah ini dan saya akan meneliti perkara ini, Yang Berhormat. Selain dari itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Puchong.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad :** Ya.

**Tuan Lau Yeng Peng :** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian yang baru-baru ini telah memberikan data-data yang begitu menggalakkan mengenai pelancongan iaitu kita telah mencapai lebih kurang 2.7 bilion. Di mana *target* kita ialah 30 bilion dan juga pelancong yang masuk lebih daripada 15 juta.

Yang Berhormat Menteri, saya ingat kalau saya tidak silap dua atau tiga bulan yang lalu selepas bencana Tsunami berlaku, Yang Berhormat Menteri ada satu rancangan secara langsung *live* dengan *Phoenix Station* kalau tidak silap saya iaitu satu stesen di mana kebanyakan penontonnya ialah daripada Asia Timur iaitu di Negara China, Hong Kong, Jepun dan Korea Selatan dan juga di Asia Tenggara di mana Yang Berhormat Menteri telah meyakinkan kepada dunia tempat-tempat menarik di Malaysia,



apakah keyakinan bagaimana pelancong boleh dapat menikmati tempat-tempat menarik di Malaysia.

Persoalannya ialah, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan-tindakan susulan selepas sesuatu *live event* itu untuk mempromosikannya lebih hebat lagi terutama di negara-negara seperti negara Korea Selatan, China, Hong Kong, Taiwan, Jepun dan juga kawasan-kawasan di Asia Tenggara. Sekian, Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih Yang Berhormat atas ucapan tahniah kepada kementerian di mana saya percaya ini lebih dari usaha-usaha pegawai-pegawai dan juga kakitangan kita yang bertungkus lumus meningkatkan imej negara kita sebagai satu destinasi pelancongan di luar negara. Walau bagaimanapun, untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, bahawa langkah-langkah susulan kepada isu Tsunami ini dan juga pelbagai sikap dalam industri kita selama ini, kita akan membuat program-program lain seperti membuat *regional promotion* dan juga *road shows* di kawasan-kawasan mulai selepas *ASEAN Tourism Forum* itu, di mana kita telah mengundang 155 media dari seluruh dunia untuk menemu ramah dan juga melihatkan *Post Conference tour* diseluruh negara supaya mereka dapat melihat bagaimana yang sebenarnya keadaan selepas Tsunami dan kesan-kesannya, tidak bergantung pada apa yang kita katakan dan mereka ini terus membawa berita ini balik ke negara masing-masing dan syukurlah kita nampak ada kesannya. Kita akan meneruskan galakan-galakan program kita ke negeri China, Jepun dan juga Korea mulai bulan empat (April) ini termasuk bulan lima (Mei) dalam musim-musim mengikut perancangan mereka untuk pelancongan.

Jadi, dengan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya untuk hari ini dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian dan juga mana-mana teguran yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dalam ucapan Titah Diraja, kita akan mengambil perhatian dan mengambil langkah untuk meningkatkan lagi prestasi Kementerian Pelancongan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

**8.31 mlm.****Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi**

**[Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sekijang, Puchong, Jasin dan Johor Bahru yang turut serta dalam perbahasan dan menyentuh beberapa perkara di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, khususnya mengenai biodiesel.

Yang Berhormat bagi Johor Bahru telah menyatakan bahawa projek biodiesel tidak mungkin dilaksanakan memandangkan harga diesel yang rendah oleh kerana pemberian subsidi oleh kerajaan. Dalam hubungan ini, suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa pengeluaran atau pembangunan biodiesel dari minyak sawit boleh dilaksanakan melalui dua strategi iaitu:

- (a) memproses minyak sawit mentah untuk dijadikan diesel atau dicampurkan dengan diesel sebagai bahan bakar. Meta ester sawit berpotensi untuk dieksport dan dimajukan sebagai sumber pendapatan baru negara; dan
- (b) menggunakan minyak sawit yang diproses sama ada meta ester atau minyak sawit olin untuk dicampurkan dengan diesel untuk kegunaan tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya akan mengemukakan dalam masa terdekat dalam satu atau dua bulan kepada kerajaan satu mekanisme yang terperinci untuk menentukan projek biodiesel boleh dilaksanakan.

Yang Berhormat bagi Sekijang membangkitkan soalan berhubung loji perintis atau *pilot plant*, dengan izin, kos untuk mengeluarkan seliter biodiesel dengan menggunakan minyak sawit, beliau juga bertanya bilakah Malaysia akan mula menggunakan biodiesel secara komersial.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysian Palm Oil Board (MPOB), memang dalam proses membina loji yang dianggarkan kos RM40 juta untuk mengeluarkan meta ester sawit atau lebih dikenali sebagai biodiesel sawit. Ini merupakan loji demonstrasi di mana kapasitinya cukup besar untuk dikendalikan secara

komersial. Saiznya adalah lebih besar daripada *pilot plant*. Sebenarnya loji perintis atau *pilot plant* pertama biodiesel yang berkapasiti 3,000 tan setahun telah dibina oleh MPOB, dahulunya dipanggil Palm Oil Research Institute of Malaysia (PORIM) pada tahun 80-an dan ujian-ujian telah pun dijalankan dengan berjaya. Sekarang dengan loji baru yang dicadangkan ini, kapasiti dianggarkan melebihi 10 kali ganda kapasiti loji perintis ini.

Mengenai kos pengeluaran seliter biodiesel, ini bergantung kos minyak sawit yang menjadi kos utama dalam pengeluaran biodiesel. Berdasarkan kos RM1.40 seliter untuk minyak sawit, kos seliter biodiesel sawit dianggarkan RM1.74.

Mengenai tarikh bila Malaysia akan mula menggunakan biodiesel secara komersial, ini belum lagi ditetapkan secara rasmi. Ini kerana terdapat masalah seperti kekurangan kilang biodiesel bagi mengeluarkan biodiesel dan harga diesel di negara yang rendah kerana diberikan subsidi. Walau bagaimanapun usaha sedang dirancang untuk mengadunkan minyak sawit olin dengan diesel dalam peratusan 2% atau 5%. Melalui cara ini minyak sawit digunakan terus dan tidak perlu dijadikan meta ester yang memerlukan pembinaan kilang biodiesel. Rancangan ini akan dikaji oleh kerajaan dan jika diterima, pelaksanaan mungkin boleh berlaku menjelang 2007.

Yang Berhormat juga mencadangkan kepada MPOB agar memastikan biodiesel yang dihasilkan adalah sesuai digunakan pada enjin kenderaan tempatan. Suka saya memaklumkan bahawa biodiesel yang dihasilkan dari minyak sawit telah diuji prestasi dan keberkesanannya terhadap enjin kenderaan. Ujian menyeluruh yang dijalankan oleh MPOB mendapati prestasi amat memuaskan dan setanding dengan diesel petroleum.

Ujian menggunakan biodiesel sawit telah dijalankan dengan bas komersial. Sebanyak 30 bas yang menggunakan enjin *Mercedes* telah menjejaki 300,000 kilometer setiap satu bas tanpa menghadapi masalah. Hasil kajian ini adalah selaras dengan hasil penggunaan meta ester daripada *rapeseed* yang telah dilakukan secara komersial di Eropah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa kacau pula? Ini penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa kacau Yang Berhormat? Tidak ada orang kacau.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada, ada yang kacau itu. *[Ketawa]* Dia tidak menghormati kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tidak dengarlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak dengar? Baiklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau dengar, saya panggil dia keluar.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baik, baik, baik. Panggil keluar itu, sila keluar. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bilakah biodiesel ini dapat bersaing dengan diesel fosil sekarang? Yang kedua, adakah kajian telah ataupun akan dibuat untuk mengetahui masalah pencemaran? Kadangkala kita hendak adakan biodiesel, kita hendak kurangkan pencemaran. Itu tahap pencemaran mengenai biodiesel di Malaysia ini.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Berkenaan dengan *competitiveness* diesel fosil dan biodiesel, ini bergantung kepada harga petroleum juga. Tadi saya sebut pada masa sekarang seliter biodiesel sawit dianggarkan RM1.74 dan kalau kita tengok pada masa ini diesel petroleum yang tidak mempunyai subsidi lebih kurang RM1.54. Tetapi kita menyaksikan bahawa petroleum sedang naik harganya.

Kita juga ada cara lain kalau kita mengadunkan RBD palm oil olin dengan diesel petroleum yang ada sekarang. Kalau kita adunkan dengan olin, tidak berapa berbeza harganya.

Berkenaan dengan pencemaran. Kalau kita menggunakan biodiesel, kita mengurangkan *carbon monoxide*, *carbon dioxide* dan lain-lain tetapi mungkin *nitrogen dioxide* akan naik sedikit, tetapi masih dalam limit ini.

**Tuan Lau Yeng Peng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak bertanya sedikit mengenai adakah kementerian ingin mencadangkan untuk membuat satu undang-undang ataupun *law* seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat mengenai *palm olein*, kalau di negara-negara Eropah seperti Germany, Italy atau Perancis, mereka telah mengadakan satu undang-undang di mana penggunaan diesel terutamanya dalam sektor *transportation* ataupun pengangkutan, mereka menetapkan satu had ataupun satu *percentage* yang tertentu dalam penggunaan diesel.

Sebagai contoh, mereka telah menetapkan di antara 0.75 peratus hingga 5.75 peratus pada tahun 2010 kerana kita tahu perbandingan kos di antara diesel dengan *palm olein* ini memang tidak ada apa-apa beza tetapi faktor-faktor manfaatnya kepada industri *palm-oil* ini memang penting kerana kalau kita boleh gunakan lima peratus, ini bermakna kita boleh menghadkan penggunaannya di Malaysia kepada 50,000 tan setahun. Jumlah diesel yang digunakan di Malaysia adalah lebih kurang 4.5 bilion liter, kalau tidak silap saya, kalau *diconvert into liter*, atau kalau mengikut tan, bermakna lebih kurang 10 juta tan. Kalau lima *percent* ini bermakna 500,000 tan untuk penggunaan di negara kita dan yang penting sekali ialah kalau kita adakan satu undang-undang yang memastikan bahawa semua pihak menggunakan *palm-olein*, ini bermakna harga minyak harga minyak kita akan menjadi lebih stabil. Maka dari segi kebajikan dan harga untuk pekebun-pekebun kecil luar bandar ataupun FELDA ia akan dapat menjamin harga yang lebih stabil.

Adakah kementerian bercadang untuk membuat satu undang-undang dalam masa yang terdekat ini untuk memastikan bahawa penggunaan, percampuran ataupun *branding* kepada penggunaan diesel khususnya untuk kepentingan ekonomi negara kita. Minta penjelasan.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Nampaknya Yang Berhormat ada maklumat lebih banyak dari saya. Sebenarnya Yang Berhormat telah *jump the gun*, saya ada jawapan tetapi belum sampai lagi. Bagi

penggunaan minyak *olein* terus diadunkan dengan diesel dalam bentuk B2 atau Blend2 – dua peratus *olein* dan 98 peratus diesel petroleum dan B5 – ini bermakna lima peratus *olein* dan 95 peratus diesel petroleum. Ujian lapangan telah juga dijalankan oleh MPOB untuk 16 kenderaan tanpa menghadapi masalah. Usaha sedang dibuat untuk menetapkan piawaian bagi B2 dan B5 kerana piawaian belum ada bagi adunan-adunan tersebut.

Usaha juga sedang dibuat untuk mendapatkan pembuat enjin diesel untuk memanjangkan warranty enjin bagi enjin diesel yang menggunakan B2 dan B5. Tindakan-tindakan yang diambil ini akan memastikan bahawa *biodiesel* dan *biofill* yang dihasilkan adalah sesuai untuk kenderaan tempatan. Baru-baru ini *Volkswagen* pun telah bersetuju mengeluarkan kenderaan berenjin diesel di Amerika yang boleh menggunakan *biofill*.

Saya sekarang sudah sampai untuk jawapan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu jawapan panjangkah Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak, dua muka surat sahaja.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Ahli Yang Berhormat bagi Puchong bertanya tadi tentang undang-undang.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sekijang hendak tambah.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Silakan.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit, kenapa kita mengambil masa yang terlalu lama untuk membuat satu kilang sedangkan saya ingat kita sudah dengar cerita ini sudah dekat 15 tahun dulu bila mana kita warwarkan yang kita boleh mengeluarkan minyak sawit ini. Contohnya negara Brazil, yang saya rasa terkemudian daripada kita dalam hal ini tetapi sudah mengeluarkan minyak diesel daripada sawit ini secara *extensive* – daripada *biodiesel* ini. Saya hendak tanya kenapakah kita mengambil masa terlalu lama mengkaji teknologi ini. Terima kasih.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebabnya, kalau kita tengok harga minyak petroleum baru satu atau dua tahun ini sahaja naik. Dulu harga petroleum bagi satu tong hanya lebih kurang USD20 sahaja dan kalau dengan harga itu kita tidak boleh bersaing dengan petroleum. Tetapi sekarang harga petroleum sudah meningkat hingga lebih kurang USD60 setong dan nampaknya kita akan dapat satu tahap yang kita boleh menjalankan projek ini.

Tadi, Yang Berhormat bagi Puchong tanya tentang undang-undang, kalau tiada beliau meminta kementerian berkenaan berusaha mewujudkan perundangan yang sesuai supaya Malaysia tidak ketinggalan dalam pengeluaran *biodiesel*. Beliau juga mencadangkan pengeluaran *biodiesel* secara komersial akan membolehkan harga minyak sawit distabilkan. Untuk makluman Yang Berhormat, belum lagi terdapat undang-undang bagi penggunaan *biodiesel*. Seperti mana yang saya katakan tadi, kementerian saya akan mengemukakan mekanisme terperinci untuk menggunakan minyak sawit sebagai bahan bakar sama ada dalam bentuk *meter ether* iaitu *biodiesel* ataupun dalam bentuk minyak sawit *olein* sedang dipertimbangkan oleh kerajaan.

Dalam cadangan tersebut nanti, aspek perundangan juga akan diberi perhatian. Saya bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Puchong bahawa pengeluaran *biodiesel* secara komersial akan membolehkan harga minyak sawit distabilkan. Misalnya, jika diesel diadunkan dengan lima *percent* sawit, sebanyak setengah juta tan minyak sawit diperlukan dan ini akan mengurangkan stok minyak sawit dan menaikkan harga sawit seterusnya.

Di samping itu kementerian saya juga sedang mengadakan rundingan dengan Indonesia untuk menggalakkan negara tersebut juga melaksanakan penggunaan minyak sawit sebagai *biofill*. Dengan penglibatan Indonesia, penstabilan harga minyak sawit pada paras yang lebih tinggi akan dapat diperolehi. Ini adalah kerana Malaysia dan Indonesia menyumbangkan lebih kurang 80 peratus dari jumlah pengeluaran dunia.

Ahli Yang Berhormat bagi Jasin bertanyakan sama ada Laporan Tahunan MPOB yang diedarkan ada maklumat berkaitan R&D dalam *biodiesel*, jawapannya ya. Maklumat berkaitan R&D dalam *biodiesel* terdapat di dalam Laporan Tahunan MPOB 2003 muka surat 119 – 121 dan laporan tersebut antara lain mengandungi perkara-perkara berikut:

- (i) projek penghasilan diesel minyak sawit bertakat tuang rendah (low-pall point minus 30 degrees centigrade hingga 0 degree centigrade);
- (ii) penilaian campuran olein sawit RBD dan petroleum diesel B2, B5, B10 sebagai biodiesel, dan
- (iii) operasi loji rintis diesel sawit untuk menghasilkan biodiesel yang dapat memenuhi piawaian biodiesel antarabangsa seperti DIN dan EN (European Standard).

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian ke atas perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jasin bangun.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Sila.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Yang kita bangkitkan tentang bio-diesel ini, ini cerita lama bagi kita, kita pun tahu. Dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghaffar Baba ketika itu pun sudah pakai bio-diesel, dekat rumah dia bertong-tong tetapi senyap. Hari ini bio-diesel ini sudah menjadi benda yang *common* di Eropah, begitu juga di Latin Amerika. Yang kita ini, bila hendak mula? Kalau hendak berpakat, buat apa pakat dengan Indonesia? Kalau hendak jual kita punya bio-diesel kita kena berpakat dengan Thailand sebab penggunaan diesel Thailand, kenderaan dia *on the road* kebanyakannya diesel.

Di Indonesia, dia pengeluar minyak yang banyak. Jadi, dia tidak mahu berapa hendak pandang Diesel, di Thailand kurang minyak dan kenderaan banyak. Mengapa tidak kita berpakat dengan Thailand supaya kita boleh mengadakan bio-diesel untuk negara kita, kegunaan dalam negara kita dan kita eksport ke Thailand. Sepatutnya, ini strategi yang kita kena buat dan kita berharap supaya oleh kerana harga minyak dunia makin lama makin naik, potensi untuk kita itu ada, *we got to do now, now, now* bukan hendak tunggu lagi. Kalau hendak tunggu lagi, besok kita kalah. Bila kita kalah, barulah



kita teruk. Jadi sekarang, potensi itu ada mengapa tidak kita buat sekarang? Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Yang Berhormat, sebenarnya *biofuel* ada tiga jenis. Satu kita boleh gunakan CGO terus dan satu kita boleh adunkan RBB Oline dengan diesel petroleum dan apa yang kita kata kita perlukan satu kilang, ini untuk *conversion* kepada meter ester dan kalau kita pakai RBD oline, sekarang kita boleh buat dan mengapa kita berbincang dengan Indonesia. Ini sebab, Indonesia adalah negara yang mengeluarkan minyak sawit yang kedua. Kalau kita bersama dengan Indonesia - pengeluaran Malaysia dan Indonesia, lebih dari 80% pasaran dunia. Oleh sebab itu, kita berbincang dengan Indonesia. Saya bersetujulah dengan Yang Berhormat, berkenaan dengan eksport ke Eropah sebab kalau kita tengok *forecast*, kalau Eropah buat *conversion*, semua *rapeseed oil* kepada meter ester pun tidak cukup.

**Tuan Lau Yeng Peng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habiskah Yang Berhormat?

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Okey, sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kata sudah habis.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya menyokong apa yang dicadangkan oleh Jasin. Sebenarnya pemilik-pemilik plantation di Indonesia ini kebanyakannya tauke-tauke Malaysia juga. Sebagai contoh, Kumpulan Guthrie, Kumpulan Golden Hope, IOI, KLK – semua ini ialah orang kata pemilik-pemilik dari Malaysia. Kalau kita hendak pinjam dengan Indonesia, itulah orang Malaysia pemilik Malaysia dan ini salah satu saya ingat proses yang senang. Apa yang saya cadangkan, saya menyokong Jasin bahawa kalau kita hendak *proses*, ada tiga proses, kita gunalah palm oline sahaja terus di mana langkah-langkah pemrosesannya lebih mudah dan juga kita boleh meningkatkan penggunaan palm oil di negara kita. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Terima kasih Yang Berhormat. Tidak ada masalah kalau sesiapa yang berminat mengadunkan sekarang dengan palm oline tetapi untuk palm oline ada satu limit, terhad sampai B10 sahaja tetapi meter ester kita boleh menaikkan had, limit itu....

**Tuan Lau Yeng Peng:** Mulakan dengan B5 cukup!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** So, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini khususnya mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa kementerian saya. Kementerian saya akan memberi perhatian sewajarnya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan itu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada usul ya.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**8.56 malam.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Usul Penangguhan Dewan pada pagi ini, sekarang sudah jam 8.56 malam, masih lagi ada sembilan kementerian yang belum menjawab. Oleh yang demikian, tidak mungkin Dewan ini boleh menyelesaikan jawapan-jawapan Menteri pada malam ini juga. Oleh itu, saya mengemukakan Usul iaitu:

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) dengan tidak menghiraukan pada Usul yang terawal iaitu bagi kementerian menjawab, maka saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang dan Mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin 11 April, 2005.”

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hah, ada orang sokong, baiklah. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis

untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 10 pagi, hari Isnin minggu depan.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 8.57 malam.***

21 Mac 2005

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP.** (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.J.N., P.I.S. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

14. “ Menteri Pelajaran, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin **Haji** Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN

21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

#### SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO

2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ **Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO**
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN



22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRIS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP

- 
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
  31. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
  32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
  33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
  34. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
  35. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
  36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
  37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
  38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
  39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
  40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
  41. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
  42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
  43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
  44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
  45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
  46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
  47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
  48. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
  49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
  50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
  51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
  52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
  53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
  54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
  55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
  56. “ Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
  57. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
  58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
  59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
  60. “ Dato' Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
  61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
  62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
  63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
  64. “ **Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA**

- 
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
- 88.** “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
- 90.** “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP

- 
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**

**Dato' Abdullah bin Abdul Wahab**

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**Pegawai Undang-Undang**

Muzalni bin Soid

**Penolong Setiausaha**

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Saadiah binti Jamaludin  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Hairan bin Mohtar  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Mohd. Izhar bin Hashim

**JURUBAHASA SERENTAK**

Mazidah binti Mohamed  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Cik Lee Jing Jing

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Hindun binti Wahari  
Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN KOMPUTER**

Zunaini bt. Mohd Salleh  
Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Siti Rohaini bt. Roslan  
Mohamad Faizal bin Harun  
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh  
Zaini Azlina bt. Zawawi

**PETUGAS-PETUGAS  
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor